

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 54**

**Isnin**

**23 November 2015**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2016

**Jawatankuasa:-**

**Jadual:-**

Maksud B.24 (Halaman 26)

Maksud B.25 (Halaman 61)

Maksud B.27 (Halaman 110)

**USUL-USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada  
Peraturan Mesyuarat

(Halaman 25)

Anggaran Pembangunan 2016

**Jawatankuasa:-**

Maksud P.24 (Halaman 26)

Maksud P.25 (Halaman 61)

Maksud P.27 (Halaman 110)



**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KETIGA**  
**MESYUARAT KETIGA**  
**Isnin, 23 November 2015**  
**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua ([Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Rozman bin Isli [Labuan]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, adakah Malaysia sudah mempunyai inisiatif untuk mengumpul nama-nama tempat dalam tulisan atau dialek yang digunakan oleh rakyat Malaysia, berserta maklumat latar belakang dan lokasi dalam bentuk peta digital dalam usaha pemeliharaan dan konservasi warisan negara.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Labuan. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) melalui Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) telah mengambil langkah inisiatif untuk mengumpul nama-nama tempat dalam tulisan atau dialek yang digunakan oleh rakyat Malaysia melalui Jawatankuasa Nama Geografi (JKNG) yang ditubuhkan pada 11 September 2002 dan dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia. Di bawah penyelarasan tersebut, Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MyGDI), NRE telah membangunkan sebuah pangkalan data bagi nama-nama geografi yang dikenali sebagai Pangkalan Data Nama Geografi dan Gazetir Kebangsaan.

PDNG yang diwujudkan ini menyimpan maklumat berkenaan nama tempat, lokasi dan latar belakang sejarah yang telah disahkan di peringkat kerajaan negeri untuk kegunaan pihak kerajaan dan juga pihak awam. Kementerian melalui Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MyGDI) juga telah membangunkan aplikasi atau laman sesawang mygeoname yang merupakan produk NRE bagi memaparkan hasil aktiviti yang dijalankan oleh jawatankuasa tersebut. Mengandungi senarai nama-nama geografi atau tempat yang juga dilengkapi dengan modul audio rasmi, audio dialek serta modul penulisan jawi dan maklumat tersebut boleh diakses di laman web yang berkenaan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Labuan.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang padat dan tepat. Adakah maklumat warta yang mencukupi bagi nama geografi terdapat dalam pangkalan

data nama geografi ataupun PDNG dan bagaimana produk ini boleh membantu industri pelancongan di seluruh negara termasuk kawasan saya Labuan. Terima kasih.

**Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih Yang Berhormat Labuan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan maklumat warta, pewartaan nama geografi buat masa ini tidak terdapat dalam Pangkalan Data Nama Geografi atau PDNG dan pada masa sekarang sedang diberi perhatian dalam peringkat peluasan skop pembangunan pangkalan data pada masa akan datang dan kaedah pewartaan nama geografi di negara kita tertakluk kepada bidang kuasa tertentu bergantung kepada kedudukan atau lokasi tertentu sesuatu kawasan nama, geografi berada di atas bumi dan memerlukan kerjasama sepenuhnya daripada semua kerajaan negeri.

Yang Berhormat Labuan membangkitkan tentang pewartaan dan kaitannya dengan, maklumat warta dan kaitannya dengan pelancongan. Kepada saya buat masa sekarang, tidak semestinya diwartakan untuk tujuan memasarkan produk pelancongan. Akan tetapi kalau diwartakan lebih baik dan saya mengambil maklum cadangan ataupun dengan *alert* daripada Yang Berhormat Labuan tadi bermakna pada masa akan datang semua maklumat yang berkaitan dengan nama tempat, nama lokasi termasuk audio visual, termasuk gambar-gambar, termasuk video klip yang ada dalam kita memasarkan tempat lokasi yang merupakan produk pelancongan, boleh dipaparkan dalam peta yang berkaitan khusus seperti Peta 1Malaysia ataupun *mygeoname* tadi.

Umpamanya, tambahan sedikit, umpamanya Labuan terkenal dengan sebuah pulau yang juga memasarkan produk pelancongan mereka. Kalau Pulau Kuraman bukan saja gambarnya atau video klip boleh dipaparkan di peta berkenaan tetapi juga dialeknnya. Umpamanya Kuraman, saya diberitahu bahawa Kuraman kalau kita boleh akses di web tersebut berbunyi Kuaman. Itu daripada segi dialeknnya. Maknanya ini perkara-perkara yang sepatutnya kita maklumkan atau kita paparkan di dalam peta berkenaan untuk mudah bagi pelancong-pelancong luar negara yang ingin akses maklumat tersebut sebelum mereka sampai di situ untuk mereka membuat persiapan belajar dialek dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat Bagan Serai amat berminat soalan-soalan yang berkaitan dengan pemuliharaan dan juga konservasi. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, sejauh mana data Peta 1Malaysia ini salah satu daripada produk perkongsian maklumat lokasi geografi atau geospatial ini selamat dan tidak digunakan oleh pengganas-pengganas atau penjenayah seperti IS yang boleh mengancam negara kita. Terima kasih.

■1010

**Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan daripada Yang Berhormat Bagan Serai tadi. Dalam dunia yang tanpa sempadan ini dan di mana peta-peta negara, peta-peta dunia telah pun lama dibangunkan, saya fikir kita lebih kepada satu hakikat bahawa pengganas-pengganas boleh akses di mana-mana peta yang dipaparkan di dunia termasuklah *Google* dan

sebagainya. Jadi pada saya, Peta 1Malaysia yang dibangunkan oleh kerajaan di bawah NRE sebenarnya lebih baik kita gunakan untuk dikongsi oleh PDRM, oleh Polis Diraja Malaysia bagi membina benteng keselamatan sebab saya fikir dan saya yakin perkongsian peta tersebut boleh dibuat secara bersama dengan PDRM.

Ini bagi membangunkan benteng keselamatan dalam bentuk peta dengan menggunakan teknologi yang canggih, yang terkini. Di mana kita boleh lebih kreatif dan lebih berinovasi. Cuma sekarang perlunya satu peningkatan taraf dah segi Peta 1Malaysia itu supaya sebuah dasar, satu misal kata suruhanjaya ditubuhkan bagi tujuan tersebut. ini merupakan satu pendekatan yang paling hadapan dan saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Bagan Serai nampak masalah di hadapan. Sekian, terima kasih.

**2. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, adakah Forum Ekonomi Islam Sedunia (*World Islamic Economic Forum – WIEF*) yang disertai Malaysia mempunyai cadangan untuk mewujudkan Inisiatif Kawasan Perdagangan Bebas (*Free Trade Area*) di negara-negara OIC seperti mana yang telah pun dilakukan ASEAN melalui kewujudan *ASEAN Free Trade Area (AFTA)*.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Telok Kemang.

Pertubuhan Forum Ekonomi Islam Sedunia atau, dengan izin, *World Islamic Economic Forum (WIEF)* merupakan inisiatif Malaysia yang bermatlamat untuk meningkatkan taraf ekonomi masyarakat Islam dari seluruh pelosok dunia melalui peningkatan peluang perniagaan dan perdagangan. Ia juga bermatlamat untuk meningkatkan profil masyarakat Islam sebagai destinasi pelaburan dan perniagaan di persada dunia. Di samping itu, ia bertujuan untuk menggalakkan dialog dan mewujudkan kerjasama di kalangan ahli-ahli perniagaan orang Islam dan bukan Islam ke arah kemakmuran dan kesejahteraan sejagat.

Tuan Yang di-Pertua, forum WIEF yang kesebelas telah diadakan di Kuala Lumpur pada 3 hingga 5 November 2015 yang lalu. Forum ini turut berjaya menganjurkan 14 buah program sampingan serta mengatur sembilan mesyuarat dua hala yang melibatkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta Menteri Kabinet sepanjang tempoh tiga hari ia berlangsung. Secara keseluruhan, seramai 4,113 orang peserta dari 102 buah negara merangkumi tokoh-tokoh korporat, pegawai-pegawai kerajaan, ahli akademik, wakil media serta ahli-ahli perniagaan orang Islam dan bukan Islam terlibat dan hadir untuk forum WIEF yang kesebelas.

Dengan jumlah kehadiran peserta yang semakin meningkat berbanding kali kesembilan dan kesepuluh yang telah dianjurkan di London dan Dubai, ia menunjukkan bahawa forum WIEF semakin mendapat sambutan dan menjadi salah sebuah platform terbaik dalam usaha untuk meningkatkan hubungan ekonomi di kalangan negara Islam dan bukan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, penganjuran forum WIEF telah memberi pelbagai faedah ke Malaysia. Faedah-faedah yang diperolehi adalah seperti berikut:

- (i) membuktikan komitmen Malaysia dalam menjayakan agenda ekonomi OIC terutamanya bagi menggiatkan aliran pelaburan dan perdagangan;
- (ii) mengukuhkan kepimpinan Malaysia dalam bidang ekonomi di peringkat antarabangsa di mana isu-isu ekonomi terkini telah dibincangkan;
- (iii) mempromosikan Malaysia sebagai sebuah negara yang menyediakan peluang perdagangan serta sebagai destinasi terkemuka bagi pelaburan asing melalui liputan meluas oleh media tempatan dan antarabangsa;
- (iv) menggiatkan aktiviti ekonomi negara melalui usaha sama yang boleh dipelopori oleh syarikat-syarikat Malaysia;
- (v) mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai hab kewangan Islam antarabangsa melalui pemaparan pencapaian-pencapaian Malaysia dalam bidang ini;
- (vi) menyediakan landasan bagi Malaysia untuk memaparkan visi negara sebagai sebuah negara yang berdaya saing; dan
- (vii) mempunyai asas ekonomi yang kukuh dan memberi peluang kepada Perdana Menteri untuk berbincang dengan rakan-rakan sejawatan beliau bagi bertukar-tukar pendapat dan pandangan mengenai isu-isu hubungan dua hala dan perkembangan semasa.

WIEF mempunyai fungsi dan matlamat sebagai forum pemikir ekonomi Islam. Seterusnya bagi meningkatkan lagi jumlah perdagangan dan pelaburan, negara-negara anggota Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) yang terdiri daripada 57 buah negara termasuk Malaysia telah bersetuju untuk mewujudkan sistem perdagangan berkeutamaan dengan izin *Trade Preferential System* (TPS-OIC). Melalui TPS-OIC, negara-negara anggota OIC yang terlibat akan menawarkan penurunan duti import bagi keluaran terpilih. Malaysia telah menandatangani perjanjian rangka kerja TPS-OIC pada 30 Jun 2004. Malaysia juga terlibat secara aktif dalam pelaksanaan sistem perdagangan berkeutamaan TPS-OIC ini.

Walau bagaimanapun buat masa ini sistem perdagangan berkeutamaan TPS-OIC ini masih lagi belum dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana negara-negara anggota sedang mengemas kini senarai produk untuk pengurangan tarif di bawah Skim Keutamaan Tarif. Inisiatif ini jika dilaksanakan kelak dijangka boleh memberi manfaat dalam sektor perdagangan kepada negara-negara anggota yang terlibat. Terima kasih.

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dengan jangkakan aset kewangan Islam global yang dalam masa lima tahun akan datang, kemungkinan mencecah RM15 trilion. Adakah langkah-langkah negara yang diambil dengan segera untuk mengambil kesempatan dan memanfaatkan dalam perkembangan ekonomi Islam? Cara mana sebagai objektif WIEF yang utama iaitu menggalakkan keuntungan yang akan disalurkan kepada mereka yang terbiar atau tersisih atau dengan izin, *neglected people*. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih Yang Berhormat Telok Kemang. Apabila kita bercerita tentang aset kewangan Islam global yang disebut itu dan langkah-langkah negara yang berkaitan dengannya, kita negara yang aktif dalam OIC. Daripada 57 buah negara OIC, kita adalah antara yang teraktif. Bagi kita menggalakkan lebih lagi perdagangan sebagai contoh, kita telah menandatangani Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dengan empat buah negara OIC. Contoh Malaysia-Pakistan 2007; Malaysia-Turki baru lagi pada bulan Ogos 2015. Kita juga telah ada menandatangani AFTA sebelum ini lagi pada tahun 1992 dengan Indonesia dan juga Brunei, *ASEAN Free Trade Area* yang melibatkan perjanjian perdagangan sebagai langkah-langkah usaha kita untuk menambahkan perdagangan dengan OIC.

Seterusnya mengenai mereka yang terbiar dan tersisih. WIEF ada yayasan iaitu Yayasan WIEF yang diterajui oleh Tun Musa Hitam dan yayasan ini mempunyai pelbagai aktiviti CSRnya untuk membantu mereka yang terbiar dan tersisih terutama negara-negara yang masih lagi sedang membangun dalam 57 buah negara OIC yang berkaitan. Terima kasih.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Forum Ekonomi Islam ini telah berkembang sebagai sebuah platform untuk memupuk perkongsian di kalangan negara-negara Islam yang lebih kukuh lagi terutamanya dalam bidang perdagangan, *investment* dan juga perniagaan Islam. Jadi setakat mana kejayaan Malaysia pada ketika ini dalam memastikan supaya kita boleh menjadikan negara kita sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa yang bersepadu dan dalam masa yang sama kita dapat mempromosikan produk-produk halal di mana saiz pasarannya begitu besar sekali iaitu pada tahun 2014 sebanyak USD1.37 trilion. Jadi seharusnya kedua-dua perkara ini dapat kita rebut semasa kita menjadi tuan rumah dan beribu pejabat di Malaysia. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Memang WIEF ini sekretariatnya di Malaysia dan kita membawa WIEF ini ke pelbagai destinasi di dunia. Yang pertama Kuala Lumpur, kedua Islamabad, ketiga Kuala Lumpur, keempat di Kuwait, kelima Jakarta, keenam Kuala Lumpur, ketujuh ke Kazakhstan, kelapan Johor Bahru, sembilan London, sepuluh Dubai, kesebelas baru ini di Kuala Lumpur dan kedua belas kemungkinan pada minggu ketiga atau keempat bulan Mei 2016 akan berada di Jakarta.

#### ■1020

Seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Jasin tadi platform kita sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa dan juga pusat kepada produk-produk halal adalah antara perkara yang kita utamakan. Kita berusaha untuk membina ketahanan untuk pembangunan saksama, itu sebab tema dengan izin, pada 2015, *"Building Resilience for Equitable Growth"* untuk mewujudkan kerjasama inovatif di kalangan negara-negara yang hadir. Sebagai contoh perjanjian MoU di Dubai melibatkan RM2.7 bilion, di London sebanyak RM2.3 bilion dan untuk di Kuala Lumpur kita ada selain daripada yang disebut pusat kewangan produk halal kita juga mempromosikan SME perusahaan kecil dan sederhana supaya ada pertumbuhan di kalangan negara-negara yang menyertai WIEF.

Dalam 102 buah negara itu yang hadir pemimpin-pemimpin utama pelbagai negara yang hadir. Sebagai contoh daripada Presiden Republik Ghana, kemudian Perdana Menteri Morocco, Timbalan Perdana Menteri Azerbaijan, *Presiden Islamic Development Bank* dan ada lagi ramai senarai pemimpin-pemimpin utama daripada negara yang menyertai WIEF dan tentunya kita akan terus mengutamakan sebagai pusat kewangan Islam dan produk-produk halal. Terima kasih.

**3. Datuk Hajah Norah binti Abd. Rahman [Tanjong Manis]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, adakah pihak kementerian bercadang untuk mengurangkan import sayur-sayuran, bawang dan cili dan menggalakkan tanaman tersebut di dalam negara memandangkan terdapat banyak tanah pertanian yang terbiar dan boleh dibangunkan sebagai pusat tanaman sehati sayur-sayuran.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Tanjong Manis. Sebagai menjawab soalan daripada Yang Berhormat ingin saya maklumkan bahawa walaupun kita mengimport sayur-sayuran dan juga buah-buahan, kedudukan kita pada tahap 89.9% sara hidup atau *self-sufficiency level* kita. *So, it is a very, dengan izin very safe, very secured.* Tidak timbul soal kekurangan daripada segi bekalan sayur-sayuran, buah-buahan dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, kita juga mengimport untuk sayur-sayuran seperti bawang, cili dan sebagainya oleh sebab tanaman-tanaman tersebut tidak boleh ditanam di dalam negara kita atas faktor kesesuaian tanah dan juga iklim seperti bawang dan cili. Cili kering banyak diimport dari India, bawang daripada China dan juga sawi banyak diimport daripada Sumatera, begitu keadaannya.

Untuk pengetahuan Dewan, kita mengimport sayur-sayuran sebanyak RM884 juta nilai import kita, besar ya dan nilai import sayur-sayuran tropika maksud saya. Sayur-sayuran *temperate* iaitu cuaca sejuk jenis sayur-sayurannya kita mengimport sebanyak RM2.3 bilion, RM2,300 juta. Total import sayur-sayuran tropika dan juga *temperate* sebanyak RM3.2 bilion. Kita menambah pengeluaran sayur-sayuran dan buah-buahan di mana yang sesuai, Yang Berhormat bertanyakan apakah langkah-langkahnya.

Pertama sekali, kita mewujudkan taman kekal pertanian, pembangunan sayur-sayuran, buah-buahan dan lain tanaman di Taman Kekal Pengeluaran Makanan Negara. Kita juga menggalakkan rakyat khususnya di luar bandar untuk mengikut kempen kita iaitu 'Jom Bertani' dengan maksudnya supaya rakyat di luar bandar khususnya kalau ada kawasan, tanah dan sebagainya untuk bertani secara kecil-kecilan bagi keperluan makanan sendiri dan selebihnya boleh dijual.

Kita teringat masa kecil-kecil dahulu kebanyakan daripada kita di kampung keperluan sayur-sayuran, buah-buahan, cili yang boleh ditanam, kita menanam sendiri. Begitu juga dengan makanan yang lain. Kita tidak ada wang untuk pergi ke pasar kita tanam sendiri dan selebihnya kita jual. Saya semasa kecil ada pengalaman ini, sangat banyak pengalaman ini kerana sebagai seorang anak kampung yang miskin berbanding dengan Yang Berhormat Kuala Langat ini anak orang kaya. Dia tidak ada pengalaman itu *[Ketawa]*



Yang Berhormat bertanya tentang pembangunan tanah terbiar. Kita sudah buat kajian atau *survey* ada 120 ribu hektar tanah terbiar di seluruh negara. Tanah *state* dan individu dan sekarang dalam proses untuk mengenal pasti pemilik tanah yang bukan *state* terutamanya dan mendapatkan kalau boleh persetujuan daripada pemilik tanah untuk tanah mereka itu dibangunkan dengan projek-projek pertanian. Sekianlah, terima kasih.

**Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri atas jawapan. Tahniah kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani atas usaha-usaha yang sungguh baik dan murni dan telah mencapai tahap yang amat tinggi tetapi bagaimanapun memandangkan kekurangan golongan petani muda ataupun belia dalam aktiviti menjadi petani moden.

Di kawasan Tanjong Manis pula kita mempunyai hab halal Tanjong Manis yang telah digazet kan sebanyak 77,000 hektar tanah, saya hendak bertanya kepada Menteri sama ada adakah satu rancangan untuk memulakan pertanian berskala besar untuk menyediakan pemakanan organik dan sistem fertigasi untuk belia-belia muda. Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Terima kasih, Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita sebagaimana yang kita sebutkan selalunya di dalam Dewan ini, sebelum ini kita sangat-sangat mahukan golongan muda menceburi bidang pertanian kerana generasi yang ada pada hari ini yang bergiat dalam pertanian sudah maghrib, banyak yang sudah maghrib. Maksudnya *it is an old age people you know. So*, apa yang kita boleh harapkan kepada orang-orang yang sudah umur macam saya ini untuk bertani. Nafsu ada tetapi tenaga kurang [*Ketawa*]

Jadi kita hendakkan orang muda dengan sebab itu kita mewujudkan Program Agropreneur Muda, menggalakkan pemuda-pemudi untuk bergiat dalam sektor pertanian. Setakat ini kita telah ada sebanyak 1,200 Agropreneur Muda yang terlibat dalam program ini. Mereka dilatih, mereka diberi pinjaman secara automatik, khidmat nasihat yang berterusan ini kita buat daripada segi Agropreneur Muda.

Bagi menjawab Yang Berhormat Tanjong Manis, kawasan Tanjong Manis 70,000 hektar. *I want to be honest with you, this is new to me.* Jadi kalau betul ada 70,000 hektar *it is fantastic.* Kita boleh buat satu projek pertanian yang begitu hebat di sana. Jadi saya akan mungkin buat kajian, turun padang bawa pegawai tengok apa yang sesuai kita lakukan di sana *but I want to tell you* Yang Berhormat, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *you have one LKIM Complex* itu, iaitu kompleks yang dipanggil sebagai tempat pendaratan ikan.

*We have spend so much money there, three hundred millions* Tuan Yang di-Pertua. Kita hendak *support* kawasan Tanjong Manis. So kita masih lagi menunggu sambutan, respons daripada nelayan-nelayan Tanjong Manis khususnya dan juga Sarawak amnya. *All the MP's from Sarawak I hope will look into this.* Daripada segi MOA, kompleks yang canggih, yang lengkap, *everything is there. I already being there* dengan izin... [*Disampuk*] Pembangkang jangan bising ya, ini urusan kita [*Ketawa*] You jangan kompelin *this is white elephant* kah, apa kah..

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Balik cakap di rumahlah.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Jangan tuduh ada *white elephant*lah, gajah putihlah apa, jangan ya. *I warning you* dulu sebab daripada segi kita..

**Seorang Ahli:** Merapu itu, merapu.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *No, no, no, let me say this*, daripada segi kerajaan Tuan Yang di-Pertua, daripada segi kerajaan *we have done our part*. Kita sudah sediakan kemudahan. Kalau tidak ada sambutan, *that is not our problem. That is your problem [Ketawa]* You selalu kacau. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya hendak berlaku adil, minggu lalu saya bagi Kuala Langat. Pagi Isnin ini, saya bagi Bukit Katil *[Ketawa]*

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dengar jawapan Yang Berhormat Menteri tadi. Cuma saya yakin soalan Tanjung Manis ini ada kaitan dengan penyusutan nilai ringgit terhadap import barang makanan. Sekarang ini kalau maklumat yang saya terima, harga borong bawang besar misalnya naik mendadak, begitu juga dengan cili kering. Itu baru harga borong, belum lagi harga runcit.

Saya dengar penjelasan Yang Berhormat Menteri tadi bagi program-program masa depan ini ada dua program dinyatakan. Taman Kekal Pertanian dan Jom Bertani, adakah program-program ini boleh membantu menyelesaikan masalah yang sedang kita hadapi sekarang ini iaitu masalah kenaikan harga barang bagi sayur-sayuran yang disebutkan dalam soalan tadi sebab hari Khamis yang lalu, Yang Berhormat Menteri ada menjawab soalan saya menyatakan bahawa kementerian menyatakan impak penyusutan nilai ringgit terhadap import barang makanan ini akan mula menampakkan kesan pada tahun hadapan khususnya cili, bawang dan sebagainya.

Jadi soalan saya, apa tindakan segera dan spesifik kerajaan bagi menangani permasalahan ini sebab saya fikir, cadangan-cadangan ataupun perancangan kerajaan tadi tidak mampu menyelesaikan masalah dalam waktu yang terdekat. Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Bukit Katil, ada bukitkah atas katil? *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bukit Katil, kalau kita bertani, jom bertani, setiap orang bertani untuk keperluan dia, dia tak beli. So tidak timbul soal *exchange rate*, penyusutan wang, nilai wang kita. Kita tak beli. So, ini satu langkah yang sangat berkesan. Cumanya *every body*, semua orang berusaha ke arah untuk menanam keperluan dia, sayur-sayuran, cili, apa lagi, dan juga macam-macam lagilah, kalau hendak disebut timun, dan sebagainya. Terung, banyak jenis terung.

So ini tidak menimbulkan soal *exchange rate* atau pertukaran wang asing antara wang kita dengan wang asing. *We are not mind them*. Lagi satu, ini selalu pembangkang main ini Tuan Yang di-Pertua. Selalu dia kata, kejatuhan, merosotnya Ringgit Malaysia disebabkan oleh kerajaan. *Hey, come on*, Tuan Yang di-Pertua. *This is nothing to do with us*. Ini soalnya, soal ekonomi luar negara yang menyebabkan kejatuhan wang ringgit, bukan sahaja Ringgit Malaysia tetapi negeri-negeri yang lain. So,

*this is beyond our control.* Janganlah letakkan *blame* itu kepada kerajaan. *This is not right, not fair. Will not* dengan izin.

Jadi itulah jawapan saya, saya ingat Jom Bertani dan kita wujudkan Tuan Yang di-Pertua, program ini bukan sahaja untuk orang kampung. *This is chance, we thing that* kita perkenalkan pertanian bandar. Pertanian bandar, dekat balkoni rumah, belakang rumah, depan rumah daripada tanam-tanam pokok bunga yang tak berkenaan itu buat apa? Tanamlah sayur-sayuran. Dekat balkoni, dekat bilik tidur pun boleh. Terima kasih.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Selamat sejahtera, *vanakkam* dan salam reformasi. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan kehadiran staf-staf pimpinan Yang Berhormat Ganabazirao, Exco Kerajaan Negeri Selangor dalam Dewan pada hari ini. Soalan anak muda Kapar soalan nombor 4.

4. **Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan:

- (a) berapa jumlah peruntukan dan penerima Skim Bantuan Segera Kawasan Parlimen (BSKP) mengikut kategori untuk tahun 2010, 2011, 2012, 2013, 2014 dan hingga separuh penggal pertama 2015; dan
- (b) berapakah jumlah peruntukan dan penerima Tabung Bantuan Segera (TBS) mengikut kategori untuk tahun 2010, 2011, 2012, 2013, 2014 dan hingga separuh penggal pertama 2015.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Kapar.

Tuan Yang di-Pertua, Bantuan Segera Kawasan Parlimen (BSKP) merupakan peruntukan khas bagi maksud pemberian bantuan segera kepada golongan yang memerlukan. BSKP disalurkan untuk memenuhi keperluan bantuan bagi kes pesakit terlantar, keluarga miskin, mangsa bencana, kematian, terdampar dan membaiki rumah akibat bencana alam.

Jumlah peruntukan BSKP bagi tahun 2010 adalah sebanyak RM11.1 juta, tahun 2011 sebanyak RM11.1 juta, sama juga, tahun 2012 sebanyak RM11.1 juta, bagi tahun 2013 sebanyak RM6.7 juta dan tahun 2014 sebanyak RM6.7 juta.

Mulai dari tahun 2015, peruntukan tersebut telah disatukan di bawah Tabung Bantuan Segera (TBS) yang dikendalikan oleh pejabat kebajikan masyarakat daerah, jajahan ataupun bahagian.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan TBS bagi membolehkan bayaran dibuat secara serta-merta tetapi masih lagi tertakluk kepada kawalan bagi tujuan pemantauan.

Melalui TBS bantuan dapat disalurkan serta-merta kepada pemohon yang memenuhi kriteria yang ditetapkan sama ada bantuan serta-merta, bantuan segera melalui aktiviti Unit Khidmat Penyayang

(UKP), bayaran pertama bantuan bulanan, bayaran balik bantuan- *refund*, dengan izin, bantuan untuk mangsa bencana kecil ataupun yang terpencil, kes terdampar dan bantuan sekali gus bagi kes yang memerlukan.

Jumlah peruntuk TBS bagi tahun 2010 adalah sebanyak RM120,493, tahun 2011 sebanyak RM336,260, tahun 2012 sebanyak RM567,521, tahun 2013 sebanyak RM628,545, tahun 2014 sebanyak RM674,111 dan bagi tahun 2015 sehingga bulan Jun RM351,309. Terima kasih.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mendapati bahawa terdapat banyak rintihan daripada warga miskin yang memohon Skim Bantuan Segera Kawasan Parlimen (BSKP) dan Tabung Bantuan Segera (TBS) menghadapi kesukaran dan wujudnya elemen-elemen birokrasi. Apa langkah-langkah kerajaan untuk memudahkan dan tidak menyusahkan pemohon-pemohon yang miskin untuk menerima bantuan-bantuan ini dan juga bagaimana kami Ahli-ahli Parlimen daripada pembangkang boleh membantu menyelaraskan permohonan ini khususnya kepada warga-warga miskin di kawasan setempat kami. Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Terima kasih Yang Berhormat Kapar. Sebenarnya bantuan segera ini adalah bertujuan untuk memudahkan kita memberikan bantuan kepada mereka yang memerlukan khususnya kumpulan sasaran kita yang berpendapatan di bawah garis kemiskinan mengikut keadaan semasa. Mereka ini biasanya akan datang sama ada terus singgah ke pejabat kebajikan kita yang ada di daerah-daerah dan apabila didapati mereka ini memang layak dan amat memerlukan, dia disegerakan pada masa itu juga.

Itu sebabnya ia dinamakan bantuan segera, pada masa itu dan ketika itu juga terus diberikan bantuan. Ada kalanya pula Unit Penyayang kita akan turun kelapangan dan mereka mengenal pasti mereka yang memerlukan dan memberikan bantuan secara segera juga. Satu lagi ialah apabila kita telah mengenal pasti pemohon-pemohon yang layak untuk menerima bantuan-bantuan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat dan mereka ini amat memerlukan tetapi proses untuk pembayaran kewangan itu masih lagi belum sempat kita buat, masih agak lambat sikit maka kita gunakan bantuan segera ini untuk memberikan bantuan awal ini, *advance* kepada mereka.

#### ■1040

Ada juga kalanya mereka yang sudah menerima bantuan daripada JKM ini mungkin sakit dan sebagainya maka tidak dapat hadir untuk menerima bantuan mereka. Akan tetapi kemudian sebulan selepas itu mereka datang, maka kita bagi *refund* kepada mereka menggunakan bantuan segera ini.

Di kawasan Parlimen Yang Berhormat, Parlimen Kapar kita sudah tengok memang sudah ada bantuan yang diberikan dan untuk tahun 2015 ini kita sediakan dalam 12,000 kalau saya tidak salah tetapi setakat ini yang terpakai baru 4,170 dengan 21 kes. Jadi Yang Berhormat juga dan siapa-siapa boleh datang ke pejabat PKMD kita untuk melaporkan dan untuk mendapatkan bantuan. *No, problem.*

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada kementerian atas

bantuan-bantuan yang telah diberikan kepada rakyat tanpa mengira sama ada daripada pihak kerajaan atau pihak pembangkang. Rakyat semua dilayan secara sama. Jadi, sehubungan dengan itu soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Menteri adalah apakah kerajaan bercadang untuk memberi peruntukan tambahan kepada kawasan-kawasan yang biasanya terlibat dengan isu-isu kalau banjir, banjir kilat. Kalau masalah itu dia datang secara tiba-tiba dan bila kita pergi kadang-kadang Jabatan Kebajikan Masyarakat akan mengatakan bajet sudah habis. Jadi, mahu penjelasan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd Dun:** Terima kasih Yang Berhormat sahabat saya dari Pasir Gudang. Kementerian kita ini memanglah kementerian yang sentiasa menghulurkan bantuan kepada rakyat tidak kira di mana mereka berada asalkan mereka rakyat dalam negara kita Malaysia.

Memang bantuan kebajikan itu kita tidak kurangkan. Kalau daripada peruntukan bajet kita untuk tahun hadapan pun kita tengok bahawa majoriti atau pun bilangan yang terbesar itu adalah untuk bantuan kebajikan. Kurang lebih RM1.5 bilion itu adalah untuk bantuan kebajikan. Bantuan segera ini Yang Berhormat boleh digunakan. Seperti mana yang saya telah beritahu kepada Dewan ini sebentar tadi dan kepada Yang Berhormat Kapar bantuan segera ini boleh kita gunakan untuk masa-masa bencana seperti itulah iaitu banjir yang tiba-tiba berlaku, maka di sinilah Ahli-ahli Yang Berhormat atau sesiapa sahaja boleh datang ke pejabat kebajikan kita untuk memohon bantuan segera ini.

Akan tetapi *inshaaAllah* kalau dengan sokongan Ahli Yang Berhormat Parlimen semua minta supaya tambahan bajet untuk kementerian kami maka banyak lagi lah kami boleh bantu. Jadi, Yang Berhormat semua kena bantulah supaya kami dapat membantu lebih ramai rakyat. *InshaaAllah*. Termasuk Yang Berhormat Kapar lah, kena bantu. Terima kasih.

**5. Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar]** minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan, jumlah jurnal dan buku rujukan Bahasa Melayu yang diterbitkan oleh setiap universiti tempatan di negara ini.

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:** Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar atas soalan yang berkaitan dengan penerbitan jurnal dan buku rujukan dalam bahasa Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat jumlah *output* penyelidik tempatan yang telah di indeks di dalam pangkalan data antarabangsa *Web of Science* dengan izin atau (WOS) dan *Scopus* ialah masing-masing sebanyak 78,420 dan 177,556. Sebanyak 9% daripada jumlah *output* penyelidikan ini telah dihasilkan oleh penyelidik daripada universiti tempatan.

Daripada jumlah ini sebanyak 266 buah dokumen di dalam pangkalan data WOS, dengan izin, dan 726 buah dokumen di dalam pangkalan data *Scopus*, dengan izin, ditulis dalam Bahasa Melayu oleh penyelidik tempatan di mana Universiti Kebangsaan Malaysia mendominasi jumlah artikel berbahasa Melayu dalam kedua-dua pangkalan data ini. Mengikut pangkalan data dari Pusat Sitasi Malaysia jumlah

artikel dalam Bahasa Melayu sebanyak 6,170 iaitu 15.5% daripada jumlah artikel keseluruhan sehingga 20 November 2015. Sekian, terima kasih.

**Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Memang kita menyedari masih banyak fakulti dan universiti tempatan lebih gemar menerbitkan buku rujukan dan jurnal dalam bahasa Inggeris berbanding Bahasa Kebangsaan. Ini sesuatu yang mendukacitakan kerana siapa lagi yang perlu mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan sejajar dengan apa yang termaktub dalam Perlembagaan.

Universiti adalah antara mereka yang bertanggungjawab dalam hal itu dan jangan pula salahkan Universiti Kebangsaan Malaysia yang ditubuhkan sememangnya asal awal bagi menerbit, bagi memartabatkan bahasa Melayu itu sendiri dalam kalangan cendekiawan. Soalan tambahan saya, saya ingin tahu setakat mana Universiti Kebangsaan Malaysia berperanan sebagai tonggak utama dalam menerbitkan buku rujukan dan jurnal dalam bahasa Melayu kerana tertubuhnya universiti ini adalah atas dasar bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Adakah universiti mengalami *shortage*, dengan izin, daripada aspek kepakaran menterjemahkan bahasa Inggeris ke Bahasa Melayu atau terlalu ramai pensyarah universiti yang tidak mahir menulis dan menguasai Bahasa Melayu atau terlalu ramai pensyarah asing dalam sesebuah universiti terbabit. Pohon Menteri jelaskan kerana Menteri lebih pakar dalam hal ini. Terima kasih.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar atas dua soalan. Yang pertama ada berkaitan peranan yang dimainkan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia dan memang Universiti Kebangsaan Malaysia memainkan satu peranan sebagai *the lead university*, dengan izin, atau universiti contoh dalam penerbitan jurnal dan buku rujukan dalam Bahasa Melayu dan universiti ini memainkan satu peranan di mana universiti ini membantu universiti-universiti yang memerlukan bantuan. Lawatan seperti penanda aras atau *benchmark visit*, dengan izin, dapat dijalankan oleh universiti-universiti tempatan yang lain di mana aktiviti seperti forum atau bengkel untuk penulisan dan penerbitan dalam jurnal dan buku rujukan dijalankan.

Perkara yang kedua ada berkaitan dengan kekurangan daripada segi penerbitan jurnal dan buku rujukan. Memang Kementerian Pendidikan Malaysia mengadakan pelan tindakan dan ini sudah dicatat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia untuk pendidikan tinggi yang sudah dilancarkan pada tahun 2015 hingga 2025. Sekiranya kita rujuk kepada ketiga lonjakan iaitu lonjakan yang kedua yang berkaitan dengan kecemerlangan bakat, lonjakan yang ketujuh berkaitan dengan ekosistem inovasi dan lonjakan kelapan yang berkaitan dengan keunggulan global memang banyak inisiatif dijalankan untuk *address* atau untuk menyelesaikan kekurangan yang disebut oleh Yang Berhormat Paya Besar tadi.

#### ■1050

Saya memberi beberapa contoh apa tindakan yang sudah diambil, iaitu di mana universiti menubuhkan Unit Terjemahan di bawah Pusat Penerbitan di setiap IPTA dan menubuhkan sebuah pusat kecemerlangan atau *Higher Institution Center of Excellence* Bahasa Melayu dan di peringkat pentadbiran ini mewajibkan penerbitan buku dan bahan-bahan akademik dalam Bahasa Melayu sebagai kriteria

perjawatan pengesahan dalam jawatan pensyarah, kriteria kenaikan pangkat Profesor Madya dan Profesor. Ini sudah menunjukkan bahawa memang Kementerian Pendidikan Tinggi sudah memainkan satu peranan untuk menyelesaikan kekurangan yang disebut oleh Yang Berhormat Paya Besar.

Sekian, terima kasih.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mengalu-alukan DAPSY Sabah dari *State of Sabah, from your constituency*, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Seputeh punya jemputan.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam memperkasakan Bahasa Melayu, adakah kita punya dasar sudah menjadi sehingga kita menganaktirikan bahasa Inggeris? Ini kerana apabila menterjemahkan daripada Bahasa Melayu ke bahasa Inggeris, ia menjadi satu masalah nampaknya pada kebelakangan ini. Contoh seperti dua hari dahulu apabila Presiden Obama datang, *let me translate the bahasa one to English*, “Welcome to the President of the Barack Obama”.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, *Google Translate* itu.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *Google Translate. Excellent.* Ini Malaysia boleh punya. *This is the standard we have.* Apa yang dibuat oleh Kementerian supaya perkara-perkara ini jangan membawa sangat malu kepada kita sehingga tidak ada standard langsung. Apa *guarantee* yang boleh diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya perkara-perkara ini bukan juga tidak jadi, tetapi juga majalah-majalah yang diterjemahkan ada standard dan mengikut *international standard*? Terima kasih.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan berkaitan dengan status bahasa Inggeris. Semasa kita melihat bahawa ada kelemahan dalam bahasa Inggeris, kita juga boleh melihat *success story*. Baru-baru ini, Universiti UiTM dan Universiti Islam Antarabangsa sudah menang dalam *debate* yang diadakan di Cambridge. Jadi ini satu kejayaan di mana kita sepatutnya menghargai.

Berkaitan dengan komen Yang Berhormat bahawa bahasa Inggeris dianaktirikan, saya rasa ini pandangan atau satu persepsi Yang Berhormat dan ini tidak bermakna bahawa persepsi Yang Berhormat adalah betul. Ini kerana semua universiti ada dia punya program bahasa Inggeris akademik dan selain daripada itu, program dalam kokurikulum adalah di mana pelajar-pelajar juga digalakkan untuk menggunakan bahasa Inggeris.

Saya sebagai seorang bekas guru, saya rasa adalah sangat penting bahawa pelajar-pelajar sendiri ambil tanggungjawab peribadi untuk pelajar bahasa Inggeris atau Bahasa Melayu kerana pelajar tidak boleh hanya *depend*, dengan izin, bergantung kepada beberapa tutorial yang dikenakan atau dikendalikan oleh universiti masing-masing, tetapi pelajar-pelajar sendiri mesti ambil satu tanggungjawab untuk *to go the extra miles to learn the* bahasa Inggeris, dengan izin. Jadi saya rasa sebenarnya tidak

adil sekiranya dikatakan bahawa bahasa Inggeris dianaktirikan kerana ini memang sudah masuk dalam kurikulum universiti. Sekian, terima kasih.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tidak jawab soalan saya. Lari daripada soalan asal.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ipoh Barat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Orang Sabah ada di sini Yang Berhormat Timbalan Menteri, jawab dengan ikhlas cakap benar. Mengaku satu kesalahan yang telah dibuat. *You must admit and shame the devil.*

**6. Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan, status projek RazakSat-2, termasuk kos terkini dan jumlah yang telah dibelanjakan setakat ini serta tarikh siap

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam 1Malaysia.*

Tuan Yang di-Pertua, Program Pembangunan Satelit RazakSat-2 ini adalah dalam proses untuk memilih rakan teknologi dan memuktamadkan *Industrial Collaboration Program* atau ICP kerana ini akan melibatkan kerjasama kita dengan pihak luar. Program ICP ini merupakan satu keperluan mandatori bagi kerajaan untuk melibatkan perolehan strategik negara bertujuan untuk membangun dan memperkasakan industri tempatan bagi mencapai status negara maju.

Kajian kebolehlaksanaan RazakSat-2 telah pun disiapkan merangkumi *Due Diligence Study on RazakSat Technical and Program 'Implementation'*, serta kajian model *atmospheric* dan *Mission Analysis and Need of 'Identification'* telah pun kita selesaikan.

Jadi, skop pembangunan fizikal yang melibatkan perolehan sistem antena baru dan projek pembangunan *station* bumi ataupun *ground station* ANGKASA di Tuaran, Sabah termasuk pembangunan modal insan ataupun HCD sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada tahun 2017.

Pembangunan Satelit RazakSat-2 ini mengambil masa tiga ke-tiga setengah tahun, manakala tarikh pelancaran tertakluk kepada pembekal yang kita pilih nanti dan bergantung kepada tarikh pelancarannya. Jumlah kos keseluruhan, seperti yang ditanya, untuk Projek Satelit RazakSat-2 adalah sebanyak RM271.9 juta dan sehingga September 2015, jumlah perbelanjaan sebanyak RM14 juta. Itu adalah untuk *ground station* di Tuaran, Sabah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya rasa isu ini amat penting tetapi malangnya, jarang mendapat pendedahan ataupun *exposure* dalam ruang awam. Jadi saya amat berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menjawab soalan ini. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kerana projek RazakSat ini masih diteruskan dan saya rasa ia baik untuk pembangunan industri aeroangkasa negara. Akan tetapi, daripada pengalaman kita dengan RazakSat-1 dan kini RazakSat-2, saya amat khuatir kerana urus tadbir



yang tidak baik dan tidak cekap akan menyebabkan RazakSat-2 ini gagal seperti RazakSat-1. Saya hendak bagi contoh satelit *remote sensing*...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, soalan terulah ya.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Saya rasa perkara ini penting. Saya mohon sedikit masa ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Semua soalan penting, Yang Berhormat.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Satelit *remote sensing* Singapura iaitu TeLEOS-1 yang diumumkan pada tahun 2013 akan dilancarkan pada tahun ini bulan depan, Disember. Akan tetapi RazakSat-2 yang telah diumumkan pada tahun 2011, sehingga kini masih belum atau gagal mendapatkan satu tarikh pelancaran. Saya hendak petik kenyataan media ataupun laporan media akhbar *The Sun Daily* pada 7 Mac tahun ini....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, DAPSY Pemuda di atas menengok Yang Berhormat tapi tak perlu panjang-panjang.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Saya kena memberikan latar belakang, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, jawapan Menteri pada September tahun lepas kepada saya mengatakan bahawa ATSB ataupun Aerospace Technological Sdn Bhd hanya berfungsi sebagai kontraktor awam, manakala kerja-kerja reka bentuk, pengeluaran, *testing*, pelancaran dan operasi RazakSat-2 akan dilaksanakan oleh rakan kongsi teknologi.

Saya hendak tanya di sini, siapakah sebenarnya rakan kongsi teknologi tersebut? Sila senaraikan. Juga, laporan media tadi yang saya petik 7 Mac itu menyatakan bahawa kos RazakSat-2 mungkin akan melambung sehingga RM1 bilion walaupun harga siling sebenarnya RM271 juta. Jadi saya hendak mohon penjelasan dan jawapan daripada pihak Menteri. Terima kasih.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Saya ingat Yang Berhormat Bukit Mertajam ini dia tidak mendengar apa yang saya jawab tadi, saya ingat dia betul-betul dia tidak dengar. Kalau dia mendengar, dia tidak tanya soalan itu. Itu fasal. Saya rasa dia tidak faham Bahasa Malaysia.

#### ■1100

Saya, awal tadi saya kata, awal tadi saya kata, awal tadi, awal lagi saya kata, saya jawab, saya ulang sekali lagi kerana dia tidak faham. Pembangunan satelit RazakSat-2 dalam proses memilih rakan teknologi. Ditanya, pilih siapa rakan teknologi?

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Hendak pilih sampai bila?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak boleh macam ini Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Itu saya kata, Yang Berhormat Bukit Mertajam tidak dengar apa saya cakap. Saya sudah kata tadi saya ulang sekali lagi - pembangunan satelit RazakSat-2 dalam proses memilih rakan teknologi, memilih rakan teknologi dan memuktamadkan *Industrial Collaboration Program*. Ini dia tanya kita pula, siapa rakan teknologi. Kita jawab, ini dia memilih rakan teknologi. Ditanya lagi, pembangunan satelit RazakSat-2 mengambil masa tiga hingga ke-tiga tahun setengah.

Jadi manakala tarikh pelancaran bergantung kepada pembekal dan perkhidmatan yang akan kita pilih nanti. Itu jawapan saya. Ini berkali-kali saya sudah jawab. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak berapa reti.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, jangan tanya yang sudah jawab Yang Berhormat.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Ya, ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bukan saya hendak ulang balik soalan yang ditanya.

Saya hendak minta kerajaan jelaskan kepada rakyat seluruhnya, RazakSat-2 ini apa ia dan apa kebaikannya kepada rakyat di Malaysia setelah kita dapat lancarkan nanti kerana rakyat di bawah ini saya rasa mereka tidak berapa tahu bab-bab ini. Terima kasih.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Oleh sebab kalau pembangkang tanya saya kata rujuk kepada jawapan saya sebelum ini. Kalau pembangkang lah, tetapi oleh sebab Yang Berhormat Gerik tanya, dia cikgu saya, saya kena jawablah. Pasal sebelum ini sudah banyak kali beliau tanya RazakSat-2 tetapi kalau pembangkang tanya saya akan kata sila rujuk, tidak dengar kah? Oleh sebab Yang Berhormat Gerik yang cakap, saya akan jawablah dengan detail.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Apa ini, profesional kah ini? Menteri ini macam mana?

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** ...Ini menandakan lambang persahabatan kita, saya beritahu. Sebenarnya apabila ada Yang Berhormat Kota Melaka, lain kali tanya soalan ini saya akan jawab, tidak ada masalah.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya RazakSat-2 satelit perhubungan kita yang akan meliputi semua aspek teknologi negara, termasuklah untuk kerja-kerja penyelidikan, untuk kerja-kerja perhubungan, *military* atau ketenteraan, dan juga untuk ramalan kaji cuaca, dan semua aspek ini akan kita kawal sendiri.

Buat masa sekarang ini kita hanya menggunakan kemudahan satelit daripada orang lain yang kita bayar. Jadi semua aspek negara daripada segi perhubungan, *military* atau ketenteraan, semuanya termasuk penyelidikan, guna tanah akan dikawal menggunakan satelit kita sendiri. Jadi itu sebabnya kita buat *ground station* di Tuaran tadi, adalah untuk monitor pergerakan kita kerana sekarang kita menggunakan satelit lain. Jadi oleh sebab itu, ini adalah tidak bagus untuk sebuah negara yang menuju ke negara maju. Itu pasalnya perlu kepada RazakSat-2 kepada negara kita. Terima kasih.

**7. Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]** minta Menteri Tenaga, Teknologi, Hijau dan Air menyatakan, apa perancangan dan langkah-langkah bagi menggalakkan penggunaan kenderaan elektrik

atau *energy efficient vehicles* iaitu EEV, yang boleh mengurangkan kebergantungan terhadap penggunaan bahan api fosil dan memelihara alam sekitar.

**Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Alor Gajah.

Agensi Teknologi Antarabangsa iaitu IEA, dengan izin, dalam laporan khasnya bertajuk *World Energy Outlook 2015*, telah melaporkan bahawa sektor pengangkutan di Malaysia merupakan sektor yang paling tinggi menggunakan tenaga iaitu sebanyak 16 *million ton energy* atau MTOE atau 33% daripada jumlah penggunaan tenaga keseluruhan dalam tahun 2013.

Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KETHA) sedang memberi tumpuan khusus terhadap penggunaan kenderaan cekap tenaga atau, dengan izin, *energy efficient vehicles*, termasuk kenderaan elektrik yang dijangka mampu untuk mengurangkan kebergantungan penggunaan bahan api fosil dan pemuliharaan alam sekitar. Pada ketika ini kementerian sedang membangunkan Pelan Tindakan Mobiliti Elektrik Negara or *Electric Mobility Blueprint*, dengan izin, bagi merencanakan penggunaan kenderaan elektrik melalui tiga strategi, iaitu:

- (i) menggalakkan penggunaan kenderaan elektrik sebagai pengangkutan awam dan kenderaan persendirian;
- (ii) mengukuhkan ekosistem dan infrastruktur pencajian mobiliti elektrik di seluruh negara; dan
- (iii) memangkinkan pertumbuhan ekonomi negara dalam bidang komponen mobiliti elektrik.

KETHA juga melalui *Malaysia Green Technology Corporation* (MGTC) telah melaksanakan program kesedaran awam dan penyebaran maklumat tentang pelbagai manfaat menggunakan kenderaan elektrik. Program-program yang dijalankan oleh MGTC telah menarik minat pihak swasta untuk sama-sama terlibat dalam mempromosikan kenderaan elektrik ini.

Salah satu inisiatif ialah program perkongsian kenderaan elektrik kohesif ataupun *cohesive mobility solution* (COMOS), dengan izin, dan selain itu juga sebanyak 11 buah stesen pengecas dan tempat letak kenderaan khas bagi kereta elektrik telah dibangunkan di sekitar Lembah Klang.

Bagi industri motosikal elektrik pula, sebuah syarikat tempatan iaitu Eclimo Sdn. Bhd. telah memperkenalkan program pajakan bagi motosikal elektrik. Di bawah program ini, beberapa pihak telah mengambil manfaat daripadanya seperti pihak KFC Holdings yang telah menggunakan lebih 300 buah motosikal elektrik untuk perkhidmatan penghantaran; Majlis Perbandaran Pulau Pinang telah menggunakan 10 buah motosikal elektrik; dan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) pula telah menggunakan 33 buah motosikal elektrik untuk aktiviti rondaan dan penguatkuasaan.

Selain itu, bagi industri bas elektrik pula, pihak Prasarana Malaysia Berhad telah menggunakan 15 buah bas elektrik bagi Sunway Bas Rapid Transit.

Bagi perkembangan industri kereta elektrik di Malaysia pula, sedang dipelopori oleh syarikat kereta nasional- Proton, di mana kereta elektrik berteknologi tinggi dengan platform *Proton IRIZ* sedang dibangunkan, dan dijangka dapat ditawarkan kepada pengguna menjelang tahun 2018. Terima kasih.

**Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan tadi yang begitu jelas dan tepat sekali.

Soalan tambahan saya ialah, adalah diperakui bahawa Sarawak merupakan negeri yang benar-benar serius dalam aplikasi *renewable energy*, dengan izin, adakah kerajaan bercadang untuk menjadikan Sarawak sebagai model asas bagi aplikasi di kawasan Semenanjung Malaysia? Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Sarawak ya yang disentuh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *Renewable energy* Sarawak. Maklumat.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Ya begitu jauh sekali. Namun *renewable energy* kalau di Sarawak khususnya dalam bidang hidro lah. Setakat ini prinsip-prinsip menggunakan tenaga hidro itu sekadar untuk generasi *energy* atau pun janakuasa dan daripada segi penggunaan tenaga, daripada segi *electric mobility* ini, sememangnya lebih berasaskan kepada penggunaan bateri dan sedikit daripada segi tenaga solar. Terima kasih.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam jawapan Menteri Perdagangan, Antarabangsa dan Industri sebelum ini, menyatakan masalah besar untuk pengeluaran kereta elektrik ini ialah masalah bateri *lithium-ion* yang mahal. Jadi bagaimana kedudukan sekarang, kerana saya difahamkan kereta elektrik ini akan dikeluarkan tahun depan, tahun 2016? Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Sememangnya seperti mana yang disentuh oleh Yang Berhormat tadi, kerana kuasa yang digunakan untuk memandu kenderaan elektrik ini sememangnya daripada bateri. Pada saat ini, kos-kosnya walaupun menurun di seluruh dunia, daripada penyelidikan-penyelidikan, 70% daripada komponen kos adalah mesti berasaskan kepada kos bateri, dan juga berat kereta itu berasaskan kepada berat bateri.

#### ▪ 1110

Akan tetapi daripada segi statistik yang ada, untuk makluman Dewan yang mulia ini, setakat ini jumlah keseluruhan sebenarnya daripada segi pendaftaran kereta-kereta hibrid misalnya, semenjak 2010 ini sampailah kepada 2014 adalah seperti berikut.

TAHUN	JUMLAH PENDAFTARAN
2010	138
2011	4,702
2012	8,772
2013	13,506

2014	7,691
2015	6,637

Daripada segi sambutannya, sememangnya minat itu begitu tinggi sekali dan kita percaya dengan kemajuan teknologi dan R&D, kos-kos ini akan terus lebih rendah pada tahun akan-akan datang.

Seperti mana saya sentuh tadi, pihak kementerian sedang menyediakan satu *blueprint* iaitu yang kita sebut Pelan Tindakan Mobiliti Elektrik, *Mobiliti Blueprint* yang sememangnya dalam proses perbincangan dengan MITI dan dengan adanya insentif-insentif yang kita akan cadangkan bahawa peningkatan penggunaan kenderaan elektrik ini mahupun hibrid atau *full electric* akan dapat meningkat dan sekali gus memberi sumbangan kepada pengurangan Co2 seperti mana saya pernah sentuh.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pihak NRE telah membuat kajian dan melaporkan bahawa sektor pengangkutan merupakan sektor kedua terbesar yang berpotensi menyumbang kepada pengurangan pelepasan karbon pada tahun 2020 dan 2023 dan dijangka boleh mengurangkan pelepasan karbon sebanyak 18.2 juta pada tahun 2020 dan 44.8 tan pada tahun 2030. Dengan adanya *blueprint* ini dan barangkali insentif yang sesuai yang sedang kita cadangkan bahawa ini boleh tercapai. Terima kasih.

**8. Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]** minta Perdana Menteri menyatakan, bagaimana Perdana Menteri merealisasikan Bangsa Malaysia dengan memperkenalkan semua borang kerajaan tidak menyediakan ruang "Bangsa" memadai dengan ruang 'Warganegara'. Sebagai contoh Borang UPU dan Borang SPA.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Joseph Entulu anak Belaun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat dari Lumut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha bagi merealisasikan bangsa Malaysia melalui borang-borang rasmi kerajaan telah bermula pada tahun 2009. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 29 Julai 2009 telah bersetuju bahawa borang-borang yang digunakan oleh kerajaan selain daripada *MyKad* dan dokumen penting tertentu dikaji semula oleh agensi-agensi kerajaan untuk menggugurkan maklumat identiti kaum yang tidak diperlukan.

Berdasarkan keputusan tersebut, agensi-agensi kerajaan telah mengambil tindakan bagi mengkaji keperluan penggunaan identiti kaum dalam borang-borang rasmi kerajaan di peringkat masing-masing. Tinjauan MAMPU pada tahun 2011 ke atas 346 jenis borang rasmi kerajaan mendapati hanya 198 jenis borang dikekalkan ruangan maklumat identiti kaum disebabkan keperluan-keperluan di bawah Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan.

Perundangan-perundangan lain tertentu memenuhi kehendak *stakeholders* dan bagi tujuan penyelidikan dan perancangan. Penggunaan identiti kaum atau bangsa dalam borang-borang rasmi kerajaan masih diperlukan bagi keperluan dan tujuan tertentu sebagaimana yang dinyatakan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri, saya ingin melaporkan bahawa di dalam borang permohonan masuk universiti- UPU, masih terdapat ruang-ruang “Kaum”, khususnya- kaum Melayu diletakkan ada tujuh jenis suku iaitu, Bugis, Bayan, Banjar, Jawa, Jawi, Pekan dan juga Minangkabau. Kemudian di ruang bangsa India, diletakkannya sembilan kaum. Malayani, Punjabi, Sik, Tamil, Telegu, Malabar, India Muslim dan Erisa. Begitu juga dengan bangsa Cina diletaknya 12 suku kaum Cina iaitu Kantonis, Teochew, Hainanese, Honghwa, Hokkien dan macam-macam lain. Begitu juga dengan Orang Asli. Terdapat lapan suku iaitu Jakun, Negrito, Sakai, Semai dan lain-lain. Begitu juga dengan kaum di Sabah dan Sarawak. Di Sabah ada 36 dan di Sarawak ada 57 suku. Bila ruang-ruang ini ditarik balik ataupun dipiawaikan supaya sesuai dengan hasrat kerajaan untuk mewujudkan bangsa Malaysia. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Joseph Entulu anak Belaun:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, ini terpulanglah kepada pandangan ataupun persepsi masing-masing sama ada menghuraikan secara terperinci kaum-kaum ataupun suku kaum ataupun etnik-etnik dalam borang-borang untuk permohonan ke universiti ataupun untuk memohon biasiswa. Dianggap sebagai memecahbelahkan bangsa kita ataupun usaha untuk menyatukan bangsa Malaysia. Kalau dihuraikan secara terperinci macam ini dan kesannya ialah keadilan dicapai kerana kita tahu setiap suku kaum itu memang dimasukkan dalam senarai yang berjaya memohon. Saya rasa itu dianggap sebagai satu langkah yang baik untuk mencapai matlamat ke arah bangsa Malaysia.

Saya akan beritahu kementerian yang berkenaan sama ada perlu digugurkan ataupun tidak perpecahan suku kaum ini nanti. Sekian, terima kasih.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Adakah dengan menghapuskan ruangan bangsa di dalam borang rasmi kerajaan dapat mewujudkan semangat bangsa Malaysia sedangkan dalam masa yang sama sistem pendidikan negara masih lagi mengamalkan dan membenarkan sistem sekolah yang membudayakan nilai bangsa iaitu vernakular. Terima kasih.

**Datuk Joseph Entulu anak Belaun:** Tuan Yang di-Pertua, besar kemungkinan tidak. *The best is* cuma membantu entah berapa *degree*. *Thank you*.

**9. Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, sejauh mana kementerian telah mempromosi penggunaan baja organik untuk digunakan dalam pertanian terutamanya bagi tanaman kelapa sawit dan tanaman-tanaman utama lain di Malaysia.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar. *Alhamdulillah* sempat juga nombor sembilan. Ingatkan sudah tidak sempat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, selalu lapan sahaja, Yang Berhormat.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini kena baca tekslah kerana *very technical*. Silap jawab nanti, yang sebelah sana itu menunggu sahaja [*Ketawa*] Jadi jangan bagi *chance* kepada mereka untuk lutu kita. Elok baca.

Tuan Yang di-Pertua, baja organik baja semula jadi yang dihasilkan melalui perebutan sisa tanaman dan sisa haiwan serta bahan buangan kilang berasaskan pertanian. Penggunaan baja organik dapat memperbaiki tekstur dan struktur tanah di mana ia dapat membantu perkembangan akar, meningkatkan kesuburan, memulihara kitaran biologi dan memberikan keadaan terbaik untuk tanaman menyerap nutrien. Betul ya, nutrien. Ini Yang Berhormat Kuala Langat, faham kah?

■1120

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** ...Kadar nisbah nutrien nitrogen- dengan ini baik-baik Yang Berhormat Kuala Langat. Nitrogen, fosforus dan kalium (NPK) dalam baja organik lazimnya adalah rendah dan tidak melebihi N8, P8 dan K8. Berbanding dengan baja kimia yang nisbah NPK nya boleh diolah mengikut keserasian, kesesuaian tanaman seperti N15, P15, dan K15.

Tuan Yang di-Pertua, baja organik banyak digunakan di kawasan penanaman sayur-sayuran berbanding tanaman kekal seperti buah-buahan dan kelapa sawit. Antara kawasan tanaman sayur-sayuran yang banyak menggunakan baja organik adalah di kawasan sayur-sayuran utama seperti di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Ulu Yam Selangor, TKPM Ulu Tiram Johor, kawasan utama pengeluaran sayur-sayuran seperti Tangkak, Johor dan Tanah Tinggi Cameron Highlands, Pahang.

Untuk mendapatkan pertumbuhan hasil yang optimum, kita tidak boleh bergantung kepada baja organik semata-mata disebabkan oleh kadar nutrien NPK yang rendah. Oleh itu, baja organik perlu digunakan secara bersama dengan baja kimia. Promosi bagi gabungan penggunaan baja organik- Yang Berhormat tanya promosinya, setakat mana kita mempromosikannya. Promosi bagi gabungan penggunaan baja organik dan baja kimia di dalam meningkatkan kualiti dan kuantiti hasil terus giat dijalankan oleh MoA. Antara promosi baja organik yang dijalankan oleh jabatan pertanian melalui media elektronik seperti Agrojurnal, laman sesawang Jabatan Pertanian, media cetak seperti majalah, *pamphlet*, surat khabar *Kosmo* dan sebagainya.

Baja organik juga telah digunakan di sektor perladangan kelapa sawit seperti ladang Tabung Haji, FELCRA, FELDA dan RISDA. Formulasi baja berasaskan bahan organik yang bermutu tinggi daripada sisa kilang sawit seperti *palm oil mill effluent* (POME) dan abu tandan sawit telah dikomersialkan di seluruh negara bagi memasarkan baja tersebut kepada semua penanaman sawit. Satu *paragraph* sahaja lagi ya.

Penggunaan baja organik yang meluas bersama penggunaan baja kimia turut digunakan di sektor tanaman padi. MoA turut membekalkan baja organik kepada setiap pesawah yang layak sebanyak

100 kilogram untuk satu hektar bagi kawasan tanaman padi yang kurang subur menerusi pelaksanaan Skim Insentif Pengeluaran Padi sejak tahun 2007, pesawah diberikan baja organik untuk memperbaiki struktur dan mengekalkan kesuburan tanah sawah. Ada banyak masa lagi, boleh tanya ini. Ingatkan sudah habis.

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]:** Cepat-cepatlah Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Kangsar.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan tadi. Penggunaan baja organik dan baja campuran bukan sahaja digunakan untuk tanaman tetapi digunakan untuk pemulihan tanah. Isu yang saya ingin tambah di sini ialah isu harga baja. Ini kerana harga baja ataupun kos pembajaan itu merupakan 35% hingga 40% daripada kos keseluruhan untuk membuat aktiviti pertanian. Jadi ini satu kadar yang cukup tinggi.

Jadi, apa langkah-langkah pihak kerajaan untuk melihat semula ataupun melihat kepada mekanisme-mekanisme yang membolehkan harga baja yang berkualiti, murah dan baik dapat disalurkan kepada petani-petani khususnya dalam pembangunan Rancangan Malaysia Kesebelas ini dan juga isu baja *chemical* yang boleh membahayakan kesihatan. Jadi saya rasa harga baja itu cukup penting terutamanya kepada petani-petani yang tidak mendapat bantuan kerajaan ataupun bantuan subsidi. Mereka memerlukan baja yang murah untuk menambahkan produktiviti tanaman mereka. Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak jawab pun susah sebab yang bertanya ini Pengerusi MPOB. Dia jaga ladang kelapa sawit, lebih tahu daripada saya berkenaan dengan baja-baja ini. Jadi macam mana pun saya cuba untuk menjawab.

Pertama sekali tentang membiayai kos baja. Yang Berhormat pun tahu, semuanya di sini pun tahu bahawa kita beri baja percuma kepada petani-petani sawah padi. Kita beri subsidi melalui NAFAS yang kita lantik untuk menjadi pembekal. Kalau tidak silap saya hampir RM500 juta setahun pembelian baja untuk memberi sokongan, sumbangan kepada petani termasuk petani-petani di tempat-tempat rakan-rakan kita di sebelah sana. Sokong, sokong, kita yang bagi baja, RM500 juta.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Jadi, itu jawapanlah. Tidak payah beli, dapat percuma, *free*. Itu sebahagian daripada jawapan. Selain daripada itu, banyak daripada input, di bawah materialnya kita terpaksa import dari luar. Semalam ada seorang Yang Berhormat di sini bertanya, kenapakah tidak buat baja dalam negara kita? Boleh buat tetapi *to certain extend* sebab *certain input we still have to import*, umpamanya dahulu seperti di Belarus. Belarus *is a source of* baja Tuan Yang di-Pertua.

Dia ada bukit, gunung dia yang mempunyai tanah-tanah yang sesuai untuk baja. Kita tidak ada bukit itu, kita tidak ada benda-benda itu dalam negara kita, *we cannot do it*. So, baja-baja kompos, baja-baja organik yang tadi disebut daripada bahan-bahan sisa binatang dan sebagainya, *then that's why we*



*can do*. Akan tetapi berapa banyak yang kita boleh buat, dalam pada itu kita tidak boleh mengatasi keperluan kepada baja kimia. Sekian, terima kasih.

**10. Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan, jumlah bekas-bekas penanam tembakau di Bachok yang telah berjaya mengusahakan tanaman alternatif. Nyatakan pecahan mengikut projek yang diusahakan. Berapa jumlah purata pendapatan mereka terkini.

**Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Dato' Noriah binti Kasnon]:**

*Bismillahir Rahmanir Rahim*. Terima kasih Yang Berhormat Bachok, khas untuk rakyat Bachok. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat selepas tanaman tembakau tidak lagi berdaya saing, kerajaan melalui Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) telah membantu bekas penanam-penanam tembakau termasuk di Bachok bagi mengusahakan tanaman alternatif seperti kenaf sebagai pilihan dan juga tanaman integrasi seperti tembikai, cili dan sayur-sayuran.

Pada tahun 2015, terdapat seramai 179 orang bekas penanam tembakau yang mengusahakan tanaman integrasi termasuk yang diusahakan secara kaedah fertigasi di Bachok. Manakala bekas penanam tembakau yang menanam kenaf adalah seramai 34 orang sahaja dengan keluasan sekarang sebanyak 92 hektar.

Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan yang kedua berkenaan dengan pendapatan. Purata pendapatan petani yang menanam kenaf di kawasan Bachok bagi tahun 2015 adalah sekitar RM5,000 ke RM7,000 sehektar semusim. Manakala bagi yang memilih pendapatan petani mengusahakan tanaman integrasi adalah sebanyak RM10,956 semusim. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1130

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]:** Terima kasih Menteri atas jawapan. Saya rasa jawapan yang diberikan dahulu agak berbeza dengan- barangkali ini yang terkini atau pun sudah diubah angkanya. Soalan tambahan saya, setelah saya meneliti projek penanaman kenaf di kawasan saya ini, saya dapati banyak longgokan kenaf yang ada di pusat pengumpulan tadi yang akhirnya dimusnahkan begitu sahaja.

Begitu juga saya ingin tahu berapakah kos kerajaan yang telah habiskan untuk perbelanjaan mengurus infrastruktur penanaman kenaf ini yang akhirnya tidak boleh menjadi tanaman ganti kepada tembakau yang dahulunya membawa hasil yang besar. Kita bersetuju dengan kerajaan yang menghapuskan tanaman tembakau akan tetapi alternatif kepada tanaman itu mestilah boleh memberi impak yang besar kepada petani kerana di Bachok ini ada 3,000 orang bekas penanam tembakau daripada 4,000 orang, keseluruhan negeri Kelantan. Minta jawapan dan penjelasan Menteri.

**Dato' Noriah binti Kasnon:** Terima kasih Yang Berhormat Bachok yang saya yakin sangat prihatin kerana setiap penggal daripada Yang Berhormat Bachok adalah berkisar kepada pekebun kecil yang memilih kenaf khususnya. Mana mungkin kita dapat membezakan, dulu penanam tembakau memang dengan pendapatan yang sangat tinggi dan kepada yang memilih kenaf, satu bentuk tanaman komoditi

yang baru dengan harga jaminan belian pun oleh pihak Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara. Maka itu, pihak kerajaan memberikan begitu banyak subsidi kepada setiap pekebun kecil yang memilih kenaf.

Akan tetapi, itu pun bukan paksaan Yang Berhormat, ia pilihan kepada pekebun kecil yang hendak memilih kenaf. Jumlahnya memang berbeza Yang Berhormat Bachok kerana ramai yang memilih kepada tanaman lain yang seperti saya sebutkan pendapatan tadi, memilih tanaman integrasi pertanian seperti cili, jagung dan tembikai yang lebih tinggi pendapatannya. Tentang maklumat Yang Berhormat Bachok tadi kata banyak penghapusan, longgokan-longgokan. Kita menghapuskan longgokan kenaf, batang kenaf kering misalnya di pusat pengumpulan di Pasir Puteh mungkin Yang Berhormat rujuk. Ia adalah pada peringkat awal dahulu, Yang Berhormat. Pengumpulan daripada batang kenaf usahawan 2005, itu yang kita hapuskan bila semakin reput dan kita tidak pasarkan. Akan tetapi dengan adanya pelan induk industri kenaf sekarang dan juga promosi-promosi yang kita buat, sehingga kita dapat mengeksport sekarang ini ke China. Yang Berhormat, *insya-Allah* ia tidak akan berlaku lagi.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat.]***

## **USUL**

### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**11.33 pagi.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan dalam peringkat Jawatankuasa bagi Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan serta

Kementerian Kerja Raya bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2016 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2016 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa 24 November 2015.”

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin]:**Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2016**

**DAN**

**USUL**

#### **ANGGARAN PEMBANGUNAN 2016**

**Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2016 dan Usul Anggaran Pembangunan 2016 dalam Jawatankuasa sebuah buah Majlis.” **[Hari Keempat]**

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

**Maksud B.24 [Jadual] -**

**Maksud P.24 [Anggaran Pembangunan 2016] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Giliran Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Kepala Bekalan B.24 dan Kepala Pembangunan P.24 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Bintulu.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ini sudah runding, sudah runding.

**11.35 pg.**

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Mana ada runding.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tak jumpa lagi Yang Berhormat Bintulu pagi ini.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Memang sangkaan jahat. Terima kasih Tuan Pengerusi. Belum nanti belanjalah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kepala berapa Yang Berhormat?... [Dewan riuh]

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** [Ketawa] Bukan kepala, butiran. Butiran 010000 – Pengurusan. Saya mahu berbahas dalam pengurusan ini beberapa perkara. Saya difahamkan kementerian ini begitu mustahak untuk negara kita. Akan tetapi saya cukup sedih apabila saya melawat Jepun, Korea dan juga Taiwan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Sama ada MATRADE, MITI atau bermacam-macam agensi yang ada, peruntukan tidak ada. Memang kongkalikung. Bagaimanakah mereka hendak menjalankan tugas? Bagaimanakah mereka hendak *promote* negara kita? Bajet tiada dan peruntukan juga tiada. Begitu kecil. Ini satu masalah.

Masalah kedua, bila kita hendak sebutkan berapa banyak negara yang melabur dengan kita, anggaran itu kongkalikung juga. Seperti hari itu di Jepun, saya minta taklimat bersama-sama pengerusi koridor yang sekarang sudah menjadi Timbalan Menteri. Apabila saya bertanya tentang anggaran itu, cukup pening kepala. Dia kata Jepun paling tinggi, tahun ini masih ingin melabur di negara kita. Saya tanya, sektor yang mana, siapakah? Bila dia beritahu dengan saya, pelabur itu Tokoyama. Ini satu maklumat yang tidak betul. Tokoyama sudah lama melabur, sudah habis pun. Kilang dia juga sudah jalan. Bagaimanakah boleh mengatakan mereka melabur lagi pada tahun ini? Ini memang saya tidak setuju. Saya berharap kementerian ini, apabila membuat laporan, buat dengan betul. Jangan *mislead the country*. Buatlah kerja dengan betul-betul. Janganlah kita buat setengah-setengah.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi, saya cukup sedih. Saya difahamkan KSU kementerian ini sangat hebat. Tuan Pengerusi, saya ingin meminta dengan izin, saya mahu baca sebahagian daripada tulisan di *Facebook* ini. Ada orang tulis, saya tidak mengetahui sama ada perkara ini betul atau tidak. Saya mahu meminta siasatan bagi maklumat terang di Parlimen yang mulia ini. Boleh Tuan Pengerusi? Boleh saya baca dengan izin, dalam bahasa Inggeris.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *“Tan Sri Rebecca... couple of months back we were invited by The Grace to a sit down dinner. Guests consist of two ambassador posted to Malaysia from different countries, a local CEO and executives. Tan Sri Rebecca condemned our government, PM Najib and Trade Ministers like some incapable worthless cows. She continued by saying government should shut down and MITI does not even care because they can run by itself without those useless ministers.*

*Can you believe that? Never in my life I feel so uncomfortable and so shameful over the dinner. Watching her criticizing and cursing in front of outsider especially overseas ambassadors. The grace are on the table. I wonder how she get her Tan Sri-ship?"*

■1140

Tuan Pengerusi, kenapa ini KSU kepala begitu besar. Saya hendak minta Menteri? Timbalan Menteri? Jawab ini perkara ini baik. Memang kalau ini perkara betul kita minta disingkirkan. Ini pegawai bukan tolong kerajaan, bukan hendak tambah majukan negara kita. Dia mahu kasih hancurkan negara, serupa dengan pembangkang apa dia buat. Pembangkang selalu buat ini macam punya kerja. Kenapa KSU kerja buat ini macam. Mana dia punya 'kepala' belajar dari mana-mana. Kenapa buat macam itu...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Seputeh bangun.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:**.... Kenapa Yang Berhormat Seputeh punya panas, dia selalu buat ini kerja. Dia bangun untuk apa? Kenapakah dia mahu bising ? Saya bahas saya punya *floor* lah! kenapa dia tidak boleh dengar. Telinga panas.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Minta penjelasan. Bukan telinga panas.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, kita ada peraturan. Kalau Yang Berhormat benarkan saya boleh panggil Yang Berhormat Seputeh.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tidak payah. Dia pun kongkalikung.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila duduk Yang Berhormat Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Saya juga selalu dituduh pelbagai macam dalam *Facebook*. Akan tetapi , tanya...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, kita ada peraturan yang Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Kita di *embassy-embassy* dia ada peruntukan jalan tugas. Kenapa ini KSU tidak tahu? Setahun RM10,000, RM20,000 apa kerja mahu buat untuk negara kita.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Bintulu, pandang Tuan Pengerusi Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Pasal saya mahu pandang itu Timbalan Menteri harap dia jangan lupa. Inilah Tuan Pengerusi, ini perkara serius kita nampak pelabur semakin kurang di negara kita. Bila pelabur makin kurang, pembangkang sudah tuduh sama kita macam-macam. Padahal kementerian, Menteri memang saya difahamkan Menteri selalu sampai ke luar negeri rajin dia kerja. Akan tetapi, *follow up* daripada pegawai kemungkinan ada kurang. Inilah jadi satu masalah. Tuan Pengerusi, ini cuma dua perkara saya mahu soal pada pagi ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Minta penjelasan, minta penjelasan. Dari tadi minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Bintulu sudah habis berucap. Saya bagi belakang sekali.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Bukan, mahu angkat beg [Ketawa]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey, Yang Berhormat Sungai Siput.

**11.42 pg.**

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Okey, saya hendak bincang TPPA di bawah Butiran 020100 – Rundingan Strategik. Ini berkenaan dengan impak TPPA ini terhadap harga ubat. Di mana MITI telah berkata tidak ada kesan. Akan tetapi Presiden Amerika Syarikat juga mengatakan, Obama cakap ada kesan. Saya mahu tanya MITI, Menteri, adakah mereka sedar Artikel 18.52, akan melanjutkan monopoli terhadap ubat-ubat baru lapan tahun lagi.

Sekarang di bawah sistem yang kita ada, kita ada paten yang boleh bawa, beri monopoli pada *original originator company* selama 20 tahun. Dengan 18.52 ini paten boleh dipanjangkan lagi lapan tahun lagi. Bukan paten, monopoli. Di bawah Dasar *Data Exclusivity*, lapan tahun lagi. So, dia akan jadikan dua puluh lapan tahun lagi.

Adakah kementerian MITI, adakah mereka faham ini akan berlaku. So, monopoli daripada dua puluh tahun akan dipanjangkan, dilanjutkan kedua puluh lapan tahun.

Satu lagi impak Artikel 18.37(2), di mana ia katakan dalam bahasa Inggeris *each party confirms, party* ertinya negaralah, dua belas buah negara ini. *Each party confirms that patents are available for new uses of a known product.* Jika kita katakan ubat itu dipakai untuk penyakit 'A'. Kita dapat paten dua puluh tahun.

Pada tahun ke-19, kita mengatakan ubat ini, ubat sama boleh dipakai untuk merawat penyakit 'B' boleh pohon dan mesti diberi paten lagi dua puluh tahun. *So that 40 years of monopoly.* Ini dia punya *meaning* dia. Ini dipanggil *evergreening*. Ini dijadikan undang dalam TPPA. Sekarang bila satu jenis ubat dibawa ke *market*, mungkin dikatakan dia boleh rawat 'A', 'B', 'C', 'D' penyakit. Akan tetapi, jika ada ini, dia hanya katakan 'A', 'B' sahaja 'C', 'D' disimpan dulu. Selepas lapan belas tahun, sembilan belas tahun dibawa, ini juga boleh rawat 'C' dan 'D'. Dipakai klausa 18.37(2) untuk mengatakan *new use of a known product*. Dia dapat monopoli lagi dua puluh tahun. Adakah MITI nampak ini? Kita biarkan ini macam ini. So, bila kita katakan, nanti saya kata, bila NGO di luar kata harga ubat akan naik, bukan dikatakan serta-merta. Bila kita *sign* TPPA, hari esok dia naik. Tidak!

Akan tetapi, dalam sepuluh tahun selepas dua puluh tahun. Bila ubat-ubat baru macam *biologics* tidak diturunkan, tidak boleh bawa dia punya *generic, biosimilar* masuk. Oleh sebab, tempoh paten itu dipanjangkan lapan tahun oleh 18.52, dipanjangkan dua puluh tahun oleh 18.37. Mungkin kita akan ada ubat-ubat yang monopoli dalam *company* itu selama empat puluh lapan tahun pun boleh. Jika dibuat macam itu.

*Biosimilar* ini, *generic* ubat itu. Harga dia hanya 1/10 daripada harga yang dibawa oleh *company innovator*. Ya, saya harap MITI boleh jawablah baik-baik. Adakah *you* sedarkah tidak? Inilah kesan dia.

Kedua, saya hendak bawa di bawah Butiran 020100 isu perolehan kerajaan *government procurement*. Kami difahamkan bahawa ada persetujuan dalam TPPA. Jadi untuk projek-projek *engineering*, projek-projek sivil dia punya *threshold* di mana di atas *threshold* itu kita kena buka untuk semua *investor*, untuk semua *company*. Itu adalah untuk sivil *engineering works* RM25,000,000 ke atas. Akan tetapi kita juga difahamkan bahawa Malaysia dapat satu dipanggil pengecualian satu *carve out* di mana itu Malaysia RM300,000,000 ke atas baru kita terpaksa buka. Untuk-untuk negara lain RM25,000,000, untuk Malaysia RM300,000,000. Okey, itu *carve out* Malaysia.

Saya hendak tanya ini, ini bukan satu satu *carve out* yang *in perpetuity* bukan selama-lamanya. Ini hanya tempoh dua puluh tahun, lepas dua puluh tahun dia akan turun balik ke RM50,000,000.

So, saya mahu tanya MITI. Ini RM 300,000,000 pengecualian ini, *threshold* yang tinggi ini untuk berapa lama? Lima tahunkah, tiga tahunkah dan selepas itu diturunkan ke mana? Berapa peringkat kita ada? Dalam dua puluh tahun beberapa peringkat kita sudah setuju? RM300,000,000 ke mana, sampai ke RM50,000,000 ini. Tolong bagi tahu. Ini kerana penting *how long does carve out?*

Ketiga dan *last* saya hendak bawa ialah Butiran 010200 - Perancangan Strategik. Kita, MITI telah *commission* dua CBA, *cost benefit analysis* dan sampai sekarang kita tidak terima itu. Teks sudah keluar, kita akan bincang isu ini begitu penting tahun depan Januari. Akan tetapi, CBA tidak keluar. *So, how I suppose to evaluasi you know*, faham, baca *you know* tengok ini. Saya mahu tanya MITI bila, bila CBA ini akan keluar, akan ini diberikan kepada Ahli Parlimen. Adakah CBA ini dalam Bahasa Inggeris atau dalam Bahasa Malaysia ataupun dua-dua. Tolong beritahu itu.

Saya baru pagi ini saya baca dalam *The Star*, *SME based*. Ada satu artikel oleh Presiden *SME Association* Malaysia Encik Michael Kang Hua Keong. Dia katakan daripada *SME Association* ini, 30% daripada RM 650,000 *SME* di Malaysia akan gulung tikar dalam dua tahun selepas TPPA diamalkan. 30% *you know* gulung tikar. Dia kena *close up*.

Adakah CBA, orang yang buat CBA ini *discuss* dengan *SME Association* Malaysian atau masukkan dalam dia punya ini. Saya mahu tanya, masalah yang kita akan hadapi bila kita punya *SME* gulung tikar dan diambil alih oleh syarikat-syarikat antarabangsa itu yang *chain* itu, masalahnya ialah untung yang didapati *SME* biasanya ditanam balik di tempatan juga, jika ada syarikat kecil di Ipoh kah atau Sungai Siput untung dia akan pergi ke *porch* dia, yang duduk di situ, dia akan belanja di situ dan dia bagi peluang untuk peniaga lain di situ.

#### ■1150

Bila dia diambil alih oleh syarikat antarabangsa *chain system* dia punya untung akan keluar ke Kuala Lumpur atau keluar negeri. Ini akan mencetekkan pasaran domestik di negara kita dan peniaga lain, orang-orang di pasar malam, orang-orang di pasar basah semua tidak akan dapat pasaran yang begitu besar untuk mereka. *So*, ini kesan yang besar. *If wanted 30%* daripada *SME* kita gulung tikar, *that*

*income* daripada mereka, *profit* mereka tidak akan berkitar di pasaran domestik, ia akan pergi keluar. Ini beg besar ini, akan diambil atau tidak diambil?

So, saya rasa saya boleh terima apa yang dikatakan oleh MITI bahawa jika kita *sign* ini mungkin kita boleh bersaing dengan Vietnam dapatkan FDI lebih. Jika kita tidak *sign* kurang kita punya persaingan untuk FDI, memang betul. Akan tetapi bila perancangan strategik ini, adakah lebih baik kita meningkatkan GDP kita di kadar enam persen, tetapi ada sebuah masyarakat yang di mana pengagihan kekayaan, di mana market domestik disekat, di mana harga ubat naik, harga *copyright* untuk buku-buku naik, adakah itu baik ataupun satu situasi di mana kita tidak tumbuhkan, kita tidak mengembangkan GDP kita di kadar begitu besar.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Sungai Siput.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** *Last point.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Hanya empat persen kita katakan GDP kita, tetapi masalah kita adalah lebih inklusif, ekonomi kita ada lebih inklusif. Ekonomi kita ada lebih peluang untuk peniaga-peniaga kecil. *So, I think we got to evaluate.* Bukan kita tidak boleh gantungkan hanya pada kadar tumbuhan GDP sahaja, *we got to see what society we are creating.* Saya harap semua ini akan dijawab oleh Menteri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ramai yang minat. Dua, empat, lima. Ya, sila Yang Berhormat Lenggong.

**11.52 pg.**

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi beri peluang kepada saya untuk berbahas di peringkat Jawatankuasa bagi anggaran perbelanjaan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Saya ingin menyentuh Butiran 030000 – Perdagangan Antarabangsa, Butiran 030100 – Dasar dan Rundingan Pelbagai Hala, Butiran 030400 – Integrasi Semua Ekonomi ASEAN dan Butiran 08000 – Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana.

Tuan Pengerusi, *ASEAN Economic Community* merupakan program-program liberalisasi ekonomi untuk meningkatkan sifat kompetitif rantau ASEAN dan menjadikan ASEAN sebagai destinasi pelaburan yang menarik. Maknanya AEC ini diwujudkan berdasarkan pendekatan yang pragmatik, aktif plus dan mengambil kira sifat-sifat pasaran tunggal. Kita baru sahaja selesai persidangan yang melibatkan pelbagai negara ASEAN baru-baru ini. Sehingga kini AEC difahamkan telah menyumbangkan ke arah sifat kompetitif ASEAN di peringkat global. Peningkatan perdagangan di dalam dan luar ASEAN itu sendiri. Kemudian mewujudkan peluang pekerjaan, merapatkan jurang pembangunan di kalangan negara ASEAN dan AEC juga telah menyumbangkan ke arah meningkatkan pendapatan per kapita bagi rantau ini.



Kalau kita lihat AEC membayangkan ciri-ciri utama antaranya saya difahamkan ialah pasaran dan pengeluaran asas tunggal. Antara ciri lain ialah rantau ekonomi yang sangat berdaya saing. Kemudian mewujudkan rantau pembangunan ekonomi yang saksama selain daripada menyediakan sebuah kawasan yang bersepadu sempena dengan permohonan ekonomi bersifat global. Daripada segi faedah yang saya difahamkan juga, kita akan dapat melihat kepada keluaran pasaran yang difahamkan boleh meningkat sebanyak 20 kali daripada segi peluang-peluang ekonomi yang lebih luas dan peningkatan juga dalam pelaburan asing secara langsung yang juga mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat khususnya dalam negara kita. Peluang-peluang pekerjaan di bidang kemahiran tinggi serta profesional contohnya juga dalam bidang-bidang kritikal misalnya arkitek, akauntan, pengamal perubatan, perkhidmatan, kejuruteraan dan sebagainya.

Selain daripada itu, adakah kementerian sedar ataupun juga tentu kementerian sedar tentang cabaran-cabaran yang akan dihadapi oleh *ASEAN Economic Community* ini iaitu antaranya bagi- kita pastikan supaya kerjasama yang lebih baik, terus relevan pada tahun-tahun akan datang dengan cabaran yang semakin melebar dan membesar dengan pelbagai negara yang juga cabaran-cabaran yang berbeza.

Kemudian juga kita lihat perkembangan ekonomi kepada negara China dan India juga memberi kesan kepadanya. Selain daripada itu gambaran dan impak besar kepada negara yang turut serta, serta terlibat dalam *Trans-Pacific Partnership Agreement* (TPPA) ini.

Tuan Pengerusi, saya lihat beberapa perkara dan isu-isu yang perlu diberikan penekanan misalnya bagi menyediakan ruang yang lebih baik daripada segi ekonomi di rantau berkenaan. Saya juga ingin mendapat pandangan daripada kementerian, apakah perkhidmatan daripada segi ruang udara yang ada? Haruskah dinaikkan setaraf dengan kepesatan dan juga cabaran yang akan dihadapi oleh AEC ini yang kita difahamkan akan bermula tidak lama lagi?

Sejauh mana persoalan yang ingin saya sebut secara ringkas sahaja- sejauh manakah persediaan bagi pengusaha-pengusaha IKS yang telah dilakukan oleh pihak kementerian bagi menghadapi AEC ini, yang kita harap semua tindakan ini tidak menjejaskan terutama kepada pengusaha-pengusaha bumiputera.

Kemudian, bagaimana pula dengan sektor-sektor lain yang terlibat seperti pendidikan, kesihatan dan sebagainya? Dan yang lainnya, apabila integrasi ekonomi ini berlangsung, penawaran kepada tenaga kerja luar terhadap sektor tersebut juga saya difahamkan agak memberi kesan dan apakah ia akan mampu mengurangkan tenaga kerja tempatan? Maksudnya, adakah ia akan menjejaskan tenaga kerja tempatan dan sebagainya. Jadi saya hanya ingin menyentuh itu sahaja dan mengharap dapat penjelasan daripada pihak kementerian. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 020500 – Pejabat MITI Luar Negeri yang mana kita lihat peningkatan peruntukan sebanyak RM2 juta lebih. Butiran 020600 – Pejabat Wilayah MITI, kita juga lihat peningkatan sebanyak RM3 juta lebih untuk di bawah Pejabat Wilayah MITI. Akan tetapi saya rasa kesal saya lihat peruntukan untuk MIDA di bawah Butiran 050000 ia menunjukkan penurunan yang lebih kurang RM15 juta dan MATRADE pula yang penurunannya di bawah Butiran 070100 bagi MATRADE peruntukannya turun daripada RM166 juta untuk tahun ini kepada RM93 juta untuk tahun depan.

Bagi saya, kedua-dua agensi ini adalah sangat penting bagi negara kita untuk menarik kemasukan pelaburan. MIDA adalah lebih pada *industrial investment* dan MATRADE adalah lebih daripada – lebih menuju kepada perdagangan. Kita memang perlu tambahan peruntukan untuk kedua-dua agensi ini supaya dalam waktu kemelesetan ekonomi ini, pegawai di kedua-dua agensi ini mempunyai dana yang cukup untuk memainkan peranan mereka, melancarkan projek mereka untuk menarik lebih pelaburan untuk masuk ke Malaysia. Jadi saya hendak tanya dengan pengurangan yang begitu banyak kepada MATRADE dan juga MIDA, macam manakah kedua-dua agensi ini memainkan peranan mereka dan apakah fokus bagi MATRADE dan juga MIDA dengan penurunan peruntukan ini untuk memainkan peranan mereka?

■1200

Tadi kita telah dengar Yang Berhormat Bintulu. Wah! cakap banyak sangat tidak cukup duit dan sebagainya. Kita tahu dia perwakilan Malaysia *envoy* Malaysia ke *East Asia*, Asia Timur ke Korea, Taiwan dan juga Jepun. Jadi saya hendak tahu *envoy* seperti Bintulu ini dia bertanggungjawab kepada siapa? Apakah peranan dia? Adakah dia di bawah MITI, di bawah kementerian ini? Ataupun dia melaporkan kepada siapa?

Kita tahu ini semua *political appointee*. Akan tetapi kalau dia cakap banyak dan kita baca dalam surat khabar, dia seolah-olah memainkan peranan untuk menarik masuk pelaburan untuk Malaysia. Jadi kita hendak tahu apa yang dia telah buat. Adakah peruntukan di bawah pejabat MITI, MIDA dan sebagainya masuk untuk perbelanjaan pejabat beliau ke *East Asia*, Asia Timur? Jadi saya rasa, tiba juga bagi kerajaan beritahu kita apakah peranan *envoy* seperti ini yang mana dulu tidak ada jawatan ini sekarang tiba-tiba muncul jawatan seperti ini.

Tuan Pengerusi, saya juga hendak rujuk kepada Butiran 080000 – Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp). Kita sudah lihat bahawa peruntukan untuk tahun ini RM63.98 juta. Akan tetapi untuk tahun depan telah pun jatuh kepada RM55.2 juta. Satu juga pengurangan lebih kurang RM5 juta.

Bagi saya kita berada di dalam satu keadaan yang mana ekonomi kita sudah turun, kita lihat pelaburan tidak masuk dengan giatnya. Pada waktu seperti sekarang ini adalah paling penting bagi kerajaan untuk membantu SME ataupun Perusahaan Kecil dan Sederhana IKS kita ini. Ini kerana kebanyakan IKS ini mereka tidak mempunyai modal yang banyak tetapi mereka menggunakan orang tempatan. Oleh sebab mereka menggunakan orang tempatan dan mereka semua ini berniaga tidak

begitu, bukannya kaya raya, kita lebih perlu bantu memupuk pertumbuhan IKS yang ada di negara kita ini sebagai salah satu cara untuk membangunkan ekonomi kecil dan sederhana di Malaysia.

Kita lihat di Taiwan, salah satu kunci pertumbuhan ekonomi Taiwan adalah kerana IKS. Kerajaan memang cuba sedaya upaya untuk membantu pertumbuhan IKS di Taiwan. Itu sebab Taiwan mencapai kecemerlangan ekonomi seperti hari ini.

Tuan Pengerusi, saya juga hendak tanya pihak kementerian apakah strategi untuk pelaburan bagi Malaysia? Kita tahu di negara kita ini tidak mempunyai pekerja yang cukup. Itu sebab kita terpaksa mengimport pekerja asing. Kalau kita terus menarik masuk pelaburan yang *labor intensive* ataupun jenis pelaburan perindustrian yang mana kita rasa walaupun mereka tubuhkan kilang dekat sini, tetapi kita mungkin tidak begitu membantu orang tempatan. Adakah kita terus dengan dasar ini? Ataupun yang saya tahu kementerian memang juga cuba menarik masuk lebih *high technology*, pelaburan jenis teknologi tinggi untuk masuk ke Malaysia.

Akan tetapi kita juga hadapi masalah ialah yang pelajar graduan universiti tempatan, universiti dan kolej tempatan ini yang kepakaran mereka tidak dapat memenuhi standard yang syarikat-syarikat yang berteknologi tinggi itu kerana apa keperluan industri dan juga yang *academic teaching* di universiti dan kolej kita ini dua-dua tidak *match*. Jadi saya hendak tanya apakah yang akan dilakukan oleh kementerian supaya kita juga boleh mencari peluang pekerjaan untuk graduan universiti tempatan kita supaya apa yang mereka belajar di universiti dan kolej tempatan mereka boleh dapat masuk pasaran industri yang berteknologi tinggi.

Saya hendak tanya juga apa yang kita baca dalam surat khabar ialah tahun ini ada banyak kilang besar dari negara asing. Mereka tutup kilang dan pindah kilang mereka keluar dari Malaysia. Apakah ini benar? Berapa buah kilang besar ini, syarikat-syarikat besar ini pindah ke luar Malaysia? Adakah kementerian menjalankan kajian terhadap syarikat-syarikat ini? Tanya bos-bos mereka kenapakah mereka tidak mahu berada di Malaysia lagi? Memandangkan penurunan kejatuhan nilai mata wang ringgit ini sebenarnya mereka bagi pelabur asing, mereka akan rasa kalau mereka terus berada di Malaysia lebih untung bagi *investment* pelaburan mereka. Kenapakah mereka hendak pindah ke luar?

Kita juga menghadapi persaingan dari Myanmar, Thailand, Vietnam dan sebagainya yang mana negara-negara ini mempunyai pekerja lebih murah berbanding dengan Malaysia. Jadi sekarang kita menghadapi situasi macam ini, apa strategi kita supaya kita boleh terus menarik pelaburan asing masuk ke Malaysia.

Satu lagi saya hendak tanya selama ini MIDA khususnya tiap-tiap penggal, setiap tiga bulan akan keluar statistik. Semua negeri berapakah pelaburan masuk? Akan tetapi semua ini pelaburan perindustrian. Jadi kalau kita tidak tekankan pelaburan perindustrian, tetapi kita juga memandang pada *services industry* dan sebagainya, apakah kita ada satu data yang mana setiap penggal pihak kementerian boleh keluarkan data itu untuk memberitahu rakyat berapakah pelaburan dalam bentuk mungkin *property*, kewangan dan sebagainya masuk ke setiap negeri? Saya rasa sampai sekarang kita tidak ada data macam ini. Kita hanya masih bergantung kepada pelaburan daripada segi perindustrian.

Tuan Pengerusi, saya juga hendak tanya AP. Ini soalan daripada Yang Berhormat Bukit Bintang. Dia kata import melalui kereta, melalui AP jadi sekarang kementerian kena ambil RM10,000 untuk setiap AP. Jadi, kami hendak tahu selama ini sejak dasar ini dilaksanakan, berapa kutipan AP, wang daripada AP ini dikutip oleh kementerian? Kementerian gunakan wang ini untuk buat apa? Ia di bawah jabatan mana?

Akhir sekali saya hendak tanya tadi kita bangkit tentang isu kereta elektrik. Ini memang satu projek yang saya rasa agak menarik. *This is a trend global*. Ini kerana kalau kita kata hendak jimatkan elektrik, jimatkan minyak untuk alam sekitar. Jadi saya hendak tahu apakah insentif yang kita bagi pelabur yang melabur dalam kenderaan elektrik ini. Juga tadi saya baru dengar tentang *charging station* dan sebagainya oleh pihak Menteri tadi. Saya hendak tahu adakah kementerian MITI ini bekerjasama dengan kementerian Yang Berhormat Kota Marudu supaya kedua-dua pihak ini mereka mencapai satu-boleh bekerjasama untuk menarik masuk lebih pelaburan dan mengembangkan kenderaan elektrik ini untuk menggantikan kenderaan menggunakan petrol. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bagan Serai.

**12.08 tgh.**

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *Bismillah*. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada B.24 Butiran 030400 – Delegasi Kerjasama Ekonomi ASEAN (AEC). Butiran 070100 – Perbadanan Pembangunan Luar Malaysia (MATRADE) dan juga Butiran 050100 – Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaan Malaysia kerana berjaya menganjurkan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-27 pada 18 hingga 22 hari bulan hari itu [*Tepuk*] Dalam satu kenyataan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan ASEAN kini kian dilihat bukan sahaja sebagai amat penting kepada ekonomi dan struktur keselamatan global tetapi juga sebagai rantau yang menawarkan banyak peluang. Ini patut buka mata semua orang. Dan juga penyatuan 10 buah negara ASEAN ini akan merancakkan pertumbuhan ekonomi negara masing-masing dan meningkatkan promosi terhadap pelbagai sektor. Perkara kedua yang perlu diberi perhatian. Saya ingin bertanya kepada pada tahap ini, apakah perkembangan terkini mengenai status kad perjalanan perniagaan ASEAN? Apakah keistimewaan yang serupa dengan kad perjalanan perniagaan APEC?

Tuan pengerusi, kerajaan ataupun Malaysia ingin mahu mengubah mentransformasikan ekonominya. Oleh sebab itulah kerajaan telah mewujudkan Dasar Transformasi Negara yang telah berjalan dari tahun 2010 dan sekarang ini merupakan baton tahun terakhir untuk Malaysia menuju ke negara maju dengan kerjasama daripada rakyat dan juga swasta.

■1210

Perkara penting dalam dasar ini adalah tentang keterbukaan ekonomi negara. Perkara ini sudah lama sebenarnya. Bila cakap tentang keterbukaan ekonomi negara, *openness*, ini sudah lama sebenarnya. Daripada Kerajaan Melaka lagi negara kita negara yang sentiasa terbuka kepada perniagaan, kepada negara perdagangan. Kita negara kecil yang terbuka, dan bukan satu kejutan kalau kita sebut tentang AEC malah akan datang ini TPPA, ini bukan hendak buat terkejut benda tak pernah dengar. Ini kemajuan sebenarnya.

Kenapakah mesti ada ekonomi yang terbuka? Ini kerana, pertamanya, meluaskan pasaran, Tuan Pengerusi. Keduanya, menarik pelabur-pelabur. Sudah pasti kita kena *caution* kerana apabila negara ini terbuka kepada perdagangan, kita akan terkesan oleh cabaran-cabaran baru dan juga negara akan terkesan oleh tahap persaingan yang baru. Jadi benda-benda ini bukan kita kata benda yang negatif tetapi benda-benda yang harus ditangani. Kerajaan mesti tangani ini demi kita hendak pergi kepada keutamaan kejayaan kita dalam dunia perdagangan ini.

Seperti kita naik keretalah, kita naik kereta- saya bagi contoh kalau naik kereta dari sini pergi ke Bagan Serai. Dalam perjalanan, bahayanya kita mungkin kena kemalangan. Tetapi bukan maknanya sebab naik kereta kena kemalangan, kita tak mahu naik kereta. Kita tangani masalah itu. Kita naik kereta sebab kita hendak sampai cepat, kita hendak berjaya cepat. Begitu contohnya.

Tuan Pengerusi, saya ada data rajah menunjukkan bahawa Malaysia adalah antara negara yang jauh terbuka daripada negara lain. Malah, pada tahun 2004, dalam rajah ini menunjukkan daripada 58 buah negara ekonomi dan 30 buah negara ekonomi maju, Malaysia adalah tertinggi hanya di belakang Hong Kong dan *Singapore*. Maknanya keterbukaan ini sudah lama. Itu perkara penting yang kita hendak tengok.

Tuan Pengerusi, umumnya apabila kita menyebut keterbukaan, kita berfikir tentang manfaat dengan dua cara sahaja. Pertamanya ialah *we go out*, dengan izin. Kita pergi, kita keluar untuk mencari. Kalau negara tertutup, kita hanya ada 29 juta tetapi apabila Malaysia terbuka, ASEAN umpamanya, kita ada 700 juta pasaran. Cuba bayang, kalau dunia hari ini, umpamanya China ada 1.3 bilion, kalau India satu bilion, maka pasaran yang terbuka, memanfaatkan perkara kita keluar ini *about us going out* menjual produk kita.

*We think the needs of the people*. Maknanya keperluan-keperluan negara di sekeliling kita dan pada konteks ASEAN ini, kita melihat inilah promosi perdagangan dan inilah apa yang MATRADE buat sebenarnya. Yang MATRADE buat ini mempromosi perdagangan. Cumanya, pada ketika ini, kita melihat-saya ada satu data daripada *ASEAN Secretariat* menunjukkan *intra ASEAN trade*, *averagenya* hanya 26 peratus. Bermaknanya, ada banyak lagi peluang-peluang yang boleh kita terokai. Bermaknanya, ada banyak lagi benda yang boleh dibuat. Maka MATRADE kena fikir ini, bagaimana hendak buat, apa hendak buat sebab kita hanya ada 26 peratus *intra ASEAN market*, *intra ASEAN trading*. Bermakna, *percentage* yang sudah tentu banyak boleh diperbaiki, Tuan Pengerusi.

Perkara kedua ialah kita dapat sumber iaitu *outside in*, dari luar ke dalam. Maknanya pelabur datang Malaysia dan melihat terdapat banyak *facilities* yang terbaik untuk buat *business*. Ini yang

dikatakan kerja MIDA, kerana MIDA menarik pelaburan. Jadi satu caranya kita keluar dan satu lagi kita tarik masuk ke dalam. Yang pertamanya MATRADE dan keduanya MIDA.

Tetapi di sini saya hendak tunjuk bahawa satu statistik menunjukkan *intra ASEAN investment* hanya pada tahap 24 peratus. Bermakna, peluang yang saya sebut daripada awal dalam perbahasan tadi ini, peluangnya adalah sangat besar dan peluangnya jauh lagi. Maka MIDA kena fikir bagaimana hendak buat, macam mana hendak bagi jadi lebih elok, macam mana dengan AEC ini negara kita dapat pergi ke negara maju berpendapatan tinggi. Dua perkara utama yang kita hendak.

Tuan Pengerusi, saya bertanyalah, kita hendak faham betul-betul ini, bagaimanakah tindakan-tindakan strategik MATRADE dan MIDA dalam memastikan dua-dua arah yang saya sebutkan tadi memberi manfaat kepada keterbukaan ekonomi dapat dioptimumkan, bagaimanakah ia dapat dioptimumkan? Keduanya, bagaimanakah tindakan-tindakan ini boleh jadi sesuatu yang seiring dan dapat mempercepatkan proses transformasi ekonomi negara?

Maksudnya, apabila kita cakap tentang pelaburan, kita tak boleh tarik pelaburan bawa masuk lagi ke tenaga buruh. Kita buka kilang patung umpamanya. Sebab apa? Kita tidak boleh bawa *labor intensive industry*. Pelaburan yang kita hendak pelaburan yang sepatutnya datang yang sesuai dengan matlamat ekonomi negara iaitu pelaburan hendak jadi ekonomi yang canggih, sofistikated, berteknologi tinggi. Pelaburan yang ada ciri-ciri atau sifat-sifat begini.

Tuan Pengerusi, sama juga dengan MATRADE. Biasanya, umumnya orang akan bercerita tentang jumlah eksport biasanya jadi tumpuan. Akan tetapi saya ingin bertanya, bagaimanakah dengan *content* eksport kita? Adakah kita ini masih banyak lagi kepada bahan mentah? Apa dia kecanggihhan eksport kita, *the so called the sophistication of our export*, dengan izin? Berapa peratus daripada eksport kita adalah eksport daripada produk-produk yang dikatakan bernilai tinggi, berteknologi tinggi? Kita tak boleh main dengan susu getah sekarang ini. Saya tak boleh main dengan minyak kelapa sawit, *that is too long*. Itu sudah lama tetapi hari ini bagaimana?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bagan Serai, ada dua minit lagi.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tak rasa dah, lima minit kah 10 minit ini?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sepuluh minit.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ya terima kasih Tuan Pengerusi. Jadi saya hendak merujuk balik akhir sekali pada AEC ini. MATRADE dengan MIDA patut melihat kalau melihat AEC ini, apakah kita akan buat dengan AEC ini? Apakah kita hendak buat dengan Bangkok? Apakah kita hendak buat dengan Jakarta? Apakah kita hendak buat dengan Myanmar? Kita lihat ini sebab keterbukaan ekonomi negara satu isu besar yang boleh bawa kita kepada tahap negara maju berpendapatan tinggi. Jadi peluang ini kita kena ambil kerana apa yang saya sebut tadi, perkara yang jadi kenyataan sekarang ini adalah *intra ASEAN trade* dan juga *intra ASEAN investment* pada tahap hanya 20 peratus lebih.

Bermakna Tuan Pengerusi, ada banyak lagi perkara-perkara yang boleh dilakukan. Bermakna, negara ada banyak lagi peluang-peluang yang terbuka apatah lagi dengan wujudnya AEC ini, dengan wujudnya integrasi ASEAN ini, maka kita dapat lihat keluar bagaimana negara dapat jadi maju, bagaimana negara dapat mencapai tahap negara maju berpendapatan tinggi. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kelana Jaya.

**12.17 tgh.**

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada B.24 Butiran 100000 – Dasar Baru di mana butiran terperinci adalah Butiran 100200 – Sewaan Bangunan Baru berjumlah RM48 juta.

Tuan Pengerusi, saya hendak tanya apakah sebenarnya bangunan ini, dan berapa tingkat dia, di mana dia, berapakah *square footage*? Ini kerana Tuan Pengerusi, kalau kita gunakan RM48 juta dan pada kos pembinaan RM150 satu *square feet*, kita boleh dapat dalam setahun sebuah bangunan seluas 300,000 *square feet*. Yang paling hairan Tuan Pengerusi, bilangan pekerja MITI nampaknya tidak meningkat. Kita boleh tahu sebabnya kita tengok daripada segi pembayaran emolumen tahun 2015 RM70 juta, bagi tahun 2016, anggarannya sama iaitu RM70 juta juga. Maknanya nampaknya tidak ada apa-apa peningkatan *employees* pekerja baru.

Jadi saya hendak tanya, apakah bangunan baru ini sebenarnya? Lebih penting, sewa berapa lama? Sebab, anggaran ini untuk sewa sahaja. Bukan beli bangunan, sewa bangunan. Adakah kontrak ini lima tahun sewa atau 10 tahun sewa? Adakah ini satu-satunya konsep konsesi projek? Ini sangat penting. Kita perlu tahu dan saya minta kalau boleh Menteri memberikan penjelasan penuh.

Saya merujuk kepada Butiran 110000 – “One-Off” secara terperinci Butiran 110300 – *Seismic Building*- Bangunan Baru. Bangunan juga isu dia. Isunya sama, emolumen tidak naik, pekerja nampaknya sama. Apakah *seismic building* ini? Adakah ini nama bangunan *seismic building* ataupun itu untuk buat kajian atau pun pembinaan bangunan yang boleh *withstand earthquake* dengan izin? Kalau boleh itu, beri jawapan yang patut dan cukup benar. Saya hendak tahu juga. Isunya bukan sewaan, ini belian bangunan sebab dia di bawah *quote object*- 2000 iaitu perkhidmatan dan juga bekalan.

■1220

Tuan Pengerusi, *point* saya yang terakhir untuk Pembangunan, P.24. Secara am saya terkejut melihat jumlah dana pembangunan MITI meningkat daripada RM716 juta, tahun 2015. Untuk tahun ini RM1.4 bilion dengan izin, *almost double*.

Apabila kita buat analisis mendalam mengenai isu pemberian dan bayaran, kalau kita fokus kepada pemberian dan pembayaran, ia meningkat daripada RM409 juta, naik ke RM1.2 bilion. Peningkatan tiga kali ganda- dari RM409 juta tahun 2015, naik ke tahun 2016 sebanyak RM1.2 bilion.

Tuan Pengerusi, kita sudah lihat kebanyakan kementerian-kementerian pada bajet ini telah dipotong tetapi pemberian MITI melonjak tiga kali. Jadi secara am saya minta Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan kenapakah pemberian ini meningkat secara mendadak. Adakah ia disebabkan oleh dua perkara. Bagi saya, saya rasa ini disebabkan dua perkara. Yang perkara pertama adakah ini kerana MITI mengakui bahawa ekonomi negara sekarang sangat susah dan pemberian ataupun *government grants* ini sebagai satu percubaan untuk menolong syarikat-syarikat domestik meningkat. Kalau betul, baiklah MITI mengakui bahawa ekonomi kita, dengan izin, *is in financial trouble*.

Perkara kedua pertanyaan saya, adakah kemungkinan kenaikan geran ini adalah satu-satunya penyediaan kepada TPPA? Bahawa pemberian ini dilakukan untuk menyediakan syarikat-syarikat domestik untuk persaingan dengan syarikat-syarikat gergasi Amerika Syarikat apabila TPPA *diratifykan* di dalam jangka masa dua tahun. Kalau benar, bukannya pemberian ini juga satu pengakuan bahawa syarikat-syarikat kita, domestik kita memang tidak sedia lagi bersaing dalam era TPPA. Minta Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan penuh kepada perkara yang ditimbulkan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya nampak Yang Berhormat Jerantut, sudah tidak minat sudah ya. Silakan Yang Berhormat Jerantut.

**12.22 tgh.**

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya. Sedikit saja saya hendak bawa ialah di bawah butiran, pertamanya ialah Butiran 0400 iaitu Suruhanjaya Koperasi.

Seperti mana kita tahu Tuan Pengerusi, koperasi merupakan...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini MITI.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Ya MITI, Butiran 040600. Pembangunan perniagaan khususnya usahawan kita, saya hendak bertanya kepada kementerian, sejauh manakah usahawan-usahawan yang kita bina ini mampu meletakkan barangan mereka di *hypermarket* yang ada di negara kita? Misalnya kalau kita tengok, katakan MITI ingin menambah bilangan usahawan bumiputera khususnya dalam mengeluarkan barangan di negara kita, jadi banyak *hypermarket* yang ada di negara kita ini, kalau kita pergi melihat, barangan yang diusahakan oleh bumiputera ini, kalau adapun ditempatkan di *hypermarket* ini, ia tempatkan di kawasan-kawasan yang tidak strategik, tidak menjadi pilihan kepada pengguna yang datang. Sedangkan produk yang dibangunkan oleh pengusaha bumiputera ini sangat baik daripada segi kualiti, daripada segi pelabelannya, setanding dengan produk-produk yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat bukan bumiputera. Akan tetapi apabila sampai di peringkat premis-premis perniagaan, daripada segi susun aturnya menjadikan barangan yang dikeluarkan oleh pengusaha bumiputera ini tidak menjadi pilihan kerana daripada segi strategik tempat yang saya kata tadi.

Jadi, apa usaha-usaha yang dibuat oleh pihak kementerian agar membimbing ataupun memaklumkan kepada pusat-pusat perniagaan ini agar barangan yang dikeluarkan oleh bumiputera ini



janganlah dilonggok ataupun ditempatkan di tempat-tempat yang tidak strategik, yang tidak boleh membantu kepada usahawan ini untuk berkembang dengan lebih pesat lagi.

Saya juga ingin menarik perhatian kepada Suruhanjaya Koperasi sebagaimana saya katakan sebelum tadi, iaitu dengan pemotongan peruntukan sebanyak hampir, lebih daripada RM22 juta. Sedangkan kita tahu, koperasi adalah salah satu daripada agen pembangunan ekonomi negara. Jadi dengan pemotongan ini kita bimbang ia memberikan kesan yang besar khususnya kepada program-program yang ingin dibuat oleh Koperasi bagi membangunkan generasi baru ataupun generasi belia supaya mereka juga turut aktif dalam bidang ekonomi.

Seperti contohnya, dengan adanya peruntukan ini mungkin lebih banyak latihan, pendedahan, keusahawanan yang boleh dibuat oleh pihak koperasi terutamanya untuk generasi baru. Misalnya di sekolah-sekolah, pelbagai sektor yang boleh....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya kurang pasti sama ada SKM di bawah MITI atau di bawah....

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Minta maaf Tuan Pengerusi. Saya tersilap.

Jadi di bawah itu juga saya juga ingin bertanya di bawah Butiran 040600 ini iaitu Tabung Usahawan Belia yang satu ketika dulu, pada tahun sebelum ini, ada dicadangkan oleh pihak MITI untuk menggalakkan usahawan-usahawan belia ini bergerak, mengambil peranan dalam bidang keusahawanan negara kita. Jadi, adakah tabung ini masih lagi berjalan ataupun dia terhenti begitu saja dan kalau ada, adakah langkah-langkah yang dibuat oleh pihak kementerian, MITI khususnya agar bilangan para belia kita ini dapat ditambah daripada segi, bukan saja daripada segi bilangan belia yang mendapat faedahnya, tapi daripada segi hasil yang dikeluarkan oleh para belia itu sepatutnya dapat kita ketengahkan dan ini sekali gus merancakkan lagi usaha kerajaan dalam membangunkan ekonomi dan juga memberikan peluang kepada pihak belia untuk menjadi *enterprenuer* dan sebagainya. Dengan kaedah ini ia boleh menarik minat para belia kita untuk turut sama dalam membangunkan ekonomi negara kita.

Saya rasa itu sahaja dulu Tuan Pengerusi. Saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Temerloh, lepas Yang Berhormat Temerloh, Yang Berhormat Labuan, Yang Berhormat Kuala Krai. Yang Berhormat Menteri boleh bersedia. Sila Yang Berhormat Temerloh.

**12.27 tgh.**

**Tuan Nasarudin bin Hassan [Temerloh]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Maksud Bekalan B, Butiran 030000. Saya ingin merujuk kepada beberapa perkara yang berkenaan dengan hubungan perdagangan dan juga ekonomi antarabangsa. Saya tidak mahulah untuk memperincikan ataupun bahas mengenai Perjanjian Kerjasama Trans-Pasifik (TPPA) kerana pihak kementerian telah pun berjanji untuk memberikan ruang seluasnya kepada Ahli Parlimen dan juga

dikemukakan di Dewan Rakyat ini untuk dibahaskan pada awal tahun hadapan. Namun apa yang saya hendak bangkitkan di sini ialah supaya tidak berlaku sebarang promosi secara langsung ataupun tidak oleh pihak Perdana Menteri dan juga pihak Kerajaan Malaysia yang menggambarkan seolah-olah perjanjian ini telah pun dipersetujui ataupun perjanjian ini telah pun ditandatangani, sedangkan ia masih lagi belum dibahas dan juga dibentang di Parlimen ini.

Ini kerana bagi kami, ingin mengulangi pendekatan ataupun pendirian PAS juga bersama dengan NGO-NGO yang bergabung dalam satu gabungan NGO Kongres Rakyat, yang mana setakat ini konsisten kita untuk menolak TPPA ini adalah kerana kita menganggap ini adalah satu imperialisme baru yang mungkin bertujuan untuk memeras rakyat juga negara kita. Kerajaan seharusnya juga memahami bahawa pemodenan dan juga kemajuan yang diperjuangkan oleh barat ini boleh menghakis pegangan agama dan juga tradisi rakyat dalam negara kita.

Tuan Pengerusi, selain itu saya juga ingin mendapatkan penjelasan secara khusus berkait dengan perkembangan semasa perjanjian yang disebut sebagai *agreement on Trade Preferential System of OIC* (TPS-OIC).

■ 1230

Sejauh mana ia telah membantu negara-negara Islam setakat ini terutamanya negara-negara Islam yang kurang membangun. Mengapa hubungan dagang Malaysia dan juga negara-negara OIC telah merosot sehingga 20% pada tahun ini iaitu daripada RM83.3 bilion awal tahun lepas kepada RM69.9 bilion pada awal tahun ini. Jadi kenapa kedudukan itu boleh berlaku, kemerosotan ini berlaku. Apa perjanjian ini tidak memberi kesan apa-apa kepada hubungan dagang Malaysia dengan negara-negara OIC. Kerjasama ekonomi dan juga perdagangan bilateral dan juga multilateral antara negara-negara OIC juga masih lemah dan tidak ada anjakan yang ketara yang mana ini satu perkara yang perlu dilihat secara serius kerana setakat ini Malaysia hanya mempunyai ...

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Pasir Mas bangun.

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]:** Sedikit Yang Berhormat Temerloh, terima kasih. Bolehkah Yang Berhormat Temerloh bersetuju bahawa sekarang ini kita dilihat hubungan dua hala terutama perdagangan dengan negara-negara OIC ini kelihatan agak merudum disebabkan oleh kesungguhan kerajaan untuk mengadakan perjanjian-perjanjian dengan negara-negara yang lebih besar, mengetepikan hubungan dua hala terutama dalam perdagangan dengan negara-negara Islam.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Ya Tuan Pengerusi, ini juga antara kebimbangan kita kerana apabila hubungan ataupun perjanjian yang dimeterai antara kuasa-kuasa besar ekonomi khususnya Amerika, ia sedikit sebanyak akan memberi satu tekanan dan juga kekangan kepada negara-negara membangun dan juga negara-negara Islam. Ini antara kebimbangan yang telah kita suarakan sekian lama dan saya bersetuju dengan apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pasir Mas

sebentar tadi. Untuk diberikan perhatian oleh pihak kerajaan supaya langkah-langkah itu dapat diambil tindakan secara berkesan.

Setakat ini, saya sambung balik apa yang saya kemukakan sebentar tadi. Setakat ini Malaysia Tuan Pengerusi, hanya mempunyai hubungan dengan Pakistan dan Turki sahaja. Jadi bagaimana hubungan dagang dengan negara-negara umat Islam yang lain khususnya di Timur Tengah. Ini untuk menambahkan lagi hubungan dagang antara Malaysia dengan negara-negara OIC yang lain. Keadaan ini akan menyebabkan negara Malaysia dan juga negara umat Islam secara umumnya akan terus bergantung pada negara barat jika Malaysia tidak mempunyai hubungan yang erat dengan negara-negara OIC sendiri, negara-negara umat Islam yang lain untuk meningkatkan usaha dagang yang kita bincangkan tadi.

Tuan Pengerusi, yang kedua, saya ingin merujuk kepada Butiran 080100 – Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia. Pertama saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana memberi perhatian secara spesifik kepada perusahaan kecil dan sederhana dalam peruntukan Bajet 2016 yang lalu di mana kebanyakannya menerima tempas daripada kelembapan ekonomi dan juga kenaikan kos input produktiviti ini. Jadi dengan perhatian yang diberikan ini, sedikit sebanyak akan memberi kekuatan kepada PKS ini. Saya juga difahamkan ramai PKS yang terjejas dan juga sukar untuk mendapatkan dana pemulihan daripada *SME Corporation* akibat daripada pengaliran wang perniagaan yang kurang baik. Jadi saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan.

Keduanya, siapa pihak yang sebenarnya menawarkan skim dana pembiayaan PKS yang patuh syariat yang diumumkan dalam Bajet 2016 yang lalu. Berapakah kadar peratus keuntungan yang telah ditetapkan ke atas pembiayaan tersebut? Saya harap supaya kadar peratus keuntungan dalam apa jua dana pembiayaan patuh syariat itu tidak membebankan pemohon pembiayaan terutamanya yang kita tahu sekarang ini dalam ekonomi yang tidak memberangsangkan.

Ketiga, saya juga meminta supaya pihak kementerian dan juga *SME Corporation* ini supaya dapat menyediakan pelan yang bersepadu untuk meningkatkan kapasiti PKS bersaing di peringkat antarabangsa. Terutamanya daripada aspek inovasi produk dan juga perkhidmatan serta pencapaian kualiti sebab ramai pihak bimbang dengan wujudnya AEC ataupun *Asean Economic Community* dengan izin. Kemungkinan juga dengan TPPA ini, maka ia akan terus menyisih PKS dalam persaingan global. Jadi perkara ini perlu diberikan perhatian oleh pihak kerajaan.

Akhirnya Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 100200. Hampir sama dan serupa dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kelana Jaya sebentar tadi berkait dengan sewaan bangunan baru di bawah Butiran 100000 yang mana saya difahamkan ibu pejabat MITI ini dipindahkan ke Menara MITI, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah di Kompleks Pejabat Kerajaan, Jalan Tuanku Abdul Rahman. Apa yang saya ingin dapatkan penjelasan ialah apa maksud dan tujuan sebenar bangunan baru ini. Kalau itulah bangunannya, kenapa pihak MITI menyewa bangunan tersebut kerana setakat yang saya maklum, MITI adalah satu-satunya kementerian yang tidak beroperasi di Putrajaya. Kenapa begitu

sedangkan kita telah memusatkan pentadbiran dan segala kementerian di Putrajaya. Jadi mohon penjelasan daripada pihak kementerian. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Labuan.

**12.36 tgh.**

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Sedikit sahaja. Saya ingin merujuk kepada Butiran 0300000 – Pusat Perdagangan Antarabangsa.

Labuan selalu dikatakan adalah sebuah Wilayah Persekutuan yang ingin dijadikan sebagai pusat perdagangan antarabangsa. Kita selalu terbaca dalam artikel-artikel termasuk di dalam Akta Perbadanan Labuan itu sendiri. Yang saya ingin tanya di sini, adakah perancangan yang lengkap, yang bersungguh-sungguh, yang strategik untuk menjadikan Labuan itu sebagai pusat perdagangan antarabangsa ataupun memang Labuan itu cuma diusahakan selama ini untuk pusat kewangan sahaja ataupun untuk perdagangan *counter trading*.

Itu pun boleh dikatakan masih dalam kategori pusat kewangan. Akan tetapi kita nampak juga usaha seperti mengadakan halal hub di Labuan. Cuma yang saya lihat usaha ini tidak menyeluruh, tidak dilihat secara mikro, macam mana dengan serius kita boleh menjadikan Labuan itu sebagai pusat perdagangan. Kalau ia betul untuk dijadikan sebagai pusat perdagangan antarabangsa, saya rasa kita kena lihat kawasan-kawasan di persekitarannya yang boleh menyediakan tanah yang lebih murah seperti di seberang di sebelah Kuala Penyu-Menumbok untuk dijadikan kawasan perindustrian.

Kita patut membantu Labuan dalam kedudukannya sebagai pusat logistik. Sekarang ini memang kita lihat Labuan mempunyai daya maju sebagai pusat logistik terutamanya dalam bidang minyak dan gas. Akan tetapi macam mana pun kita masih melihat tidak ada usaha yang cukup serius untuk betul-betul menjadikan ia sebagai pusat logistik antarabangsa. Pelabuhanya *congested* dan masih belum dipindahkan ke kawasan yang sudah kita rancang dan juga hal-hal lain seperti yang berkaitan dengan menghubungkan Labuan dengan Menumbok supaya ia boleh berfungsi sebagai pusat logistik untuk menjadikan ia sebagai pusat perdagangan antarabangsa.

■1240

Sekiranya semua ini mempunyai cabaran dan susah untuk dilaksanakan masa terdekat, adakah kementerian setuju sekurang-kurangnya kita jadikan Labuan ini sebagai pusat untuk mengadakan pembangunan, perdagangan dan kerjasama serantau diadakan di Labuan termasuklah mungkin mengadakan Pejabat MATRADE di Labuan dan seterusnya menjadikan Labuan itu kalau tidak secara fizikalnya sebagai pusat perdagangan antarabangsa tetapi ianya menjadi pusat informasi dan ia boleh membantu terutamanya Sabah dan Sarawak dan kawasan di ASEAN di Nusantara Timur ataupun selalu dikatakan BIMP-EAGA sebagai pusat yang berjaya apabila ia telah diserahkan kepada Wilayah Persekutuan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Krai. Selepas Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Menteri menjawab.

**12.40 tgh.**

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh sedikit mengenai B.24 Perdagangan Antarabangsa 030000. Ini mengenai dasar dan rundingan pelbagai hala. Rujukan khusus kepada proses rundingan untuk TPPA yang dikatakan telah pun selesai. Ada yang mengatakan sudah pun ditandatangani, ada yang mengatakan belum tetapi kerajaan menjanjikan untuk membawa isu ini ke Dewan ini. Soalan pertama saya adakah kita telah menetapkan tarikh untuk sidang ini kerana hendak rancang projek sedikit, program sedikit supaya kita tidak ketinggalan tarikhnya. Katanya Januari jadi kalau boleh diberikan tarikh yang spesifik.

Keduanya mengenai perkara yang sama apakah pasukan perunding kita boleh kita anggap berjaya untuk menangani segala isu yang timbul dalam rundingan TPPA ini kerana ekoran daripada pendedahan dokumen ini secara rasminya untuk pengetahuan umum, kita dapati bahawa perkara yang kita khuatiri dahulu benar-benar berlaku. Kita telah bahaskan dalam Dewan ini mengenai *biologics* iaitu ubat-ubatan yang berkaitan dengan rawatan-rawatan kanser dan sebagainya.

Mungkin tidak dapat dikurangkan kerana beberapa proses *intellectual property* dan juga kawalan pendaftarannya masih lagi berlegar-legar dan tidak putus dan beberapa cadangan yang diberikan akan memanjangkan tempoh paten ubat-ubat ini dan mungkin akan menyebabkan harganya tidak turun dan ubat-ubat yang serupa, *biosimilar* tidak dapat dipasarkan kerana beberapa peruntukan yang tidak membantu proses ini.

Walaupun ada dakwaan ataupun jawapan daripada pihak berkuasa bahawa harga ubat akan turun, apa yang disebut oleh tetamu negara kita Presiden Barack Obama dua hari lepas bahawa sememangnya harga ubat akan kekal tinggi tetapi beliau meminta supaya kita mempunyai sedikit *understanding* mengenai proses pengeluaran ubat yang berteknologi tinggi dan kos dan sebagainya. Jadi ini bererti sebenarnya kita tidak berjaya untuk memujuk dalam rundingan ini supaya perkara-perkara yang melibatkan harga ubat dapat membantu industri penjagaan kesihatan di negara ini. Jadi soalan saya sama ada perunding-perunding kita sebenarnya sudah meneliti keseluruhan dan berjaya mempengaruhi perundingan.

Begitu juga dalam perundingan ini kita dapati dalam isu-isu internet penggunaan data, penyimpanan data juga kita akan bawakan ke pengetahuan bahawa di sana ada peraturan-peraturan yang boleh menghalang inovasi pengguna-pengguna internet, menghalang penggunaan secara umum, idea-idea baru yang hendak dikemukakan oleh *netizen* kerana beberapa peraturan ini yang membolehkan *Internet Service Provider* (ISP) untuk mengawal dan boleh menarik keluar maklumat-maklumat ini tanpa apa-apa sebab yang khusus. Jadi ini boleh merencatkan daya inovasi pengguna-pengguna Internet, itu yang pertama.

Keduanya saya ingin menyentuh dalam bab P.24 – Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri iaitu Skim Pinjaman Mudah Automasi dan Pemodenan - 00202. Saya inginkan *detail* untuk apakah pinjaman ini sama ada ia untuk mempertahankan industri yang sudah mula tercabar kerana beberapa buah dasar baru keterbukaan yang kita laksanakan dalam negara kita ini.

Ketiganya iaitu mengenai *Halal Industry Development Corporation* yang mendapat peruntukan-peruntukan dan geran-geran. Saya ingin maklumkan bahawa di dalam salah satu siri kunjungan ataupun persidangan yang dihadiri oleh Ahli-ahli Parlimen iaitu *Asia Pacific Parliamentary Forum* pada awal tahun ini, rombongan Malaysia, delegasi Malaysia telah membawa satu usul mengenai industri halal ini di persidangan tersebut dan mendapat sambutan yang baik. Walau bagaimanapun ada dua aspek yang ditekankan.

Pertamanya bila kita bercakap mengenai *financing* di dalam industri halal ini *Islamic finance* kelihatannya mengikat cadangan kita itu dengan terminologi *Islamic finance* rupanya telah menyebabkan kurang berminat peserta-peserta APPF pada ketika itu. Jadi saya hendak mencadangkan supaya dalam urusan ini yang lebih pentingnya ialah *substancenya*, apa yang kita hendak *introduce* dalam *Islamic finance* itu supaya ia dapat diterima dan kesannya itu dapat dinikmati oleh semua negara dan pengguna *Islamic finance* itu. Kalau halangannya adalah oleh kerananya ada contohnya *Islamophobia*, maka sebarang kaitan itu nampaknya telah menutup ruang untuk kita memperkenalkan satu konsep kewangan yang cukup baik. Jadi hendak minta pertimbangan daripada kerajaan dalam usaha ini.

Keduanya bila dibawa usulnya industri halal ini kepada APPF itu, sambutan baik malah negeri China, wakil-wakil dari negeri China meminta untuk persidangan-persidangan yang seterusnya iaitu tahun hadapan memperincikan lagi. Jadi kalau delegasi dari negeri China ini berminat, ertinya kita sudah berjaya membuka minat kepada suatu pasaran yang besar iaitu negeri China. Jadi apa yang hendak saya tekankan di sini ialah supaya MITI dalam urusan memperkenalkan apa juga bidang industri kepada luar tidak hanya bercakap dalam konteks hubungan *team* perdagangan dengan perdagangan, G2G tetapi juga mengambil kira beberapa siri perhimpunan ataupun perbincangan yang melibatkan pihak Ahli-ahli Parlimen kita. Jadi, Tuan Pengerusi, itu sahaja. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih. Yang Berhormat Kuala Langat, satu minit.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Dua soalan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Dua soalan. Ringkas ya. Sebab saya sudah menjemput Yang Berhormat Menteri ini.

**12.48 tgh.**

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Ini yang saya sayang Tuan Pengerusi. Saya terus kepada butiran 070000 – Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia. Daripada anggaran 2015 berjumlah RM166,134,500 kepada RM93 juta pada anggaran 2016. Penurunan ini memberikan satu maksud iaitu apakah dengan penurunan ini kementerian boleh memastikan bahawa

usaha dagang dari luar negara itu dapat *disubstainkan*, dapat dikawal selia supaya apabila perladangan ini tidak akan terkejut ataupun tidak akan menjadi permasalahan ia dikurangkan. Dalam keadaan sekarang yang kita bersaing dalam keadaan mata wang ringgit kita kian merudum kita memerlukan komitmen daripada Kerajaan Persekutuan untuk memastikan pembangunan perladangan luar Malaysia ini dapat kita kawal selia dan dapat bersaing dengan negara-negara yang membangun dan negara-negara yang sudah pun maju.

Saya terus ingin menyinggung Butiran 080000 – Perdagangan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME). Tuan Pengerusi, anggaran pada tahun 2015 ia berjumlah RM63,989,700 turun kepada anggaran 2016 sebanyak RM55,207,800.

#### ■1250

Penurunan ini memberi kita beberapa persoalan. Yang pertama, apabila ia diturunkan, apakah ia boleh mengawal selia pengusaha-pengusaha kecil yang memberikan kesan kepada mereka kalau mereka tidak disokong? Dalam keadaan bulan Januari ini, saya diberitahu Januari 2016, akan dibentangkan di dalam Dewan ini satu perjanjian cadangan draf yang akan dibawa oleh Yang Berhormat Menteri dalam persoalan untuk Perjanjian TPPA.

Dalam kesan ini, saya kenampakan bahawa saya tidak tahu jangka panjang TPPA ini akan memberi kesan baik atau tidak kepada pengusaha kecil dan sederhana ini. Namun persoalan saya ialah apabila ia ke depan, apakah ia boleh *confirmkan*? Boleh kita katakan ia untuk memastikan pengusaha kecil dan sederhana ini dapat diberikan perlindungan atau mereka tidak terjejas dengan perjanjian TPPA ini yang membolehkan kita melihat jangka panjang itu, hala tujunya di mana.

Apakah ia menguntungkan terutama pengusaha-pengusaha bumiputera ataupun hanya sekadar untuk menyenangkan pihak-pihak tertentu terutama daripada Amerika untuk mereka berdagang dalam negara ini dan menjadi pesaing yang tidak mampu ditanggung oleh pengusaha kecil dan sederhana Malaysia buat waktu itu? Maka yang demikian, saya ingin memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah dengan penurunan ini boleh meyakinkan pengusaha kecil dan sederhana ini dibantu dan mereka boleh bersaing dengan pedagang-pedagang di luar sana yang besar skalanya yang saya takut ini akan memudaratkan pengusaha kecil dan sederhana? Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

12.52 tgh.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** *Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan yang terlibat dalam peringkat Jawatankuasa bagi membahaskan peruntukan Bajet 2016 untuk Kementerian Perdagangan, Antarabangsa dan Industri (MITI). Antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang terlibat tadi;

- (i) Yang Berhormat Bintulu;
- (ii) Yang Berhormat Sungai Siput;

- (iii) Yang Berhormat Lenggong;
- (iv) Yang Berhormat Seputeh;
- (v) Yang Berhormat Bagan Serai;
- (vi) Yang Berhormat Kelana Jaya;
- (vii) Yang Berhormat Jerantut;
- (viii) Yang Berhormat Temerloh;
- (ix) Yang Berhormat Labuan;
- (x) Yang Berhormat Kuala Krai; dan
- (xi) Yang Berhormat Kuala Langat.

Saya ingin menjawab tentang ASEAN yang baru sahaja berakhir sidang kemuncak ASEAN. Bermula pada 20 November hingga 22 November. ASEAN ini saya terlibat secara langsung dan saya juga menghadiri segala mesyuarat, kebanyakan mesyuarat utama yang berlangsung selama pada hari Jumaat, Sabtu dan Ahad itu.

Apa yang menariknya, kita telah mengumumkan pada hari semalam bahawa kewujudan apa yang dipanggil sebagai *ASEAN Community*. *ASEAN Community* ini mempunyai tiga buah tonggak. Tonggak pertama ialah tonggak yang berhubung kait dengan politik dan juga keselamatan, yang itu diuruskan oleh Wisma Putra. Tonggak kedua ialah tonggak sosiobudaya yang diuruskan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Tonggak ketiga ialah tonggak mengenai ekonomi ataupun yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Lenggong dan Yang Berhormat Bagan Serai sebentar tadi mengenai *ASEAN Economic Community* ataupun Komuniti Ekonomi ASEAN. Ini yang saya ingin memberikan maklumat-maklumat kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Sebenarnya daripada 10 buah negara itu, hampir 99% pergerakan antara barang daripada segi import dan eksport ke dalam 10 buah negara ASEAN itu hampir 99% sudah tidak ada lagi duti import dikenakan. Jika kita membeli barangan dan jika kita menjual barangan di dalam kawasan negara ASEAN yang 10 itu, kita dan mereka tidak mengenakan apa-apa duti import. Bererti, secara umumnya, segala barangan itu boleh masuk ke mana-mana 10 buah negara ASEAN dengan begitu mudah tanpa melalui sekatan-sekatan halangan tarif ataupun bukan tarif.

Antara konteks liberalisasi ini dianggap sebagai penghapusan duti import, penghapusan halangan pemilikan ekuiti bagi sektor perkhidmatan dan pelaburan, penghapusan halangan lain seperti mengehadakan bilangan pembekal perkhidmatan, prosedur dan peraturan yang rumit dipermudahkan dan satu lagi ialah pergerakan tenaga mahir dan profesional. Bererti dengan lain perkataan, doktor, peguam, arkitek, akauntan dari Malaysia boleh kita berkhidmat di mana-mana sembilan buah negara ASEAN yang lain dan mereka juga boleh berkhidmat di negara kita. Untuk konteks makro ataupun daripada segi integrasi ekonomi, negara ASEAN ini mempunyai 625 juta orang penduduk. Kita cuma ada 30 juta. Daripada segi bilangan penduduk, kumpulan negara ASEAN yang 10 ini negara yang ketiga terbesar dalam dunia. China ada 1.3 bilion, India ada 1.2 bilion lebih kurang dan kita 625 juta di kalangan 10 buah



negara ASEAN. Kemudian, seperkara lagi daripada segi kekuatan ekonomi kita nombor tujuh terbesar dalam dunia.

Pertama, Amerika syarikat, kedua China, yang ketiga Jepun, keempat ialah United Kingdom, kelima Jerman, keenam Itali dan yang ketujuh ASEAN dan kemungkinan ASEAN akan menjadi negara yang keempat terbesar daripada segi ekonomi dalam sedikit masa. Mungkin lima hingga sepuluh tahun daripada sekarang. Jadi, apa yang disebut oleh Yang Berhormat Bagan Serai misalnya, adakah kita bersedia untuk melakukan perkara-perkara yang berhubung kait tentang liberalisasi perdagangan ini dalam konteks negara ASEAN? Saya ingin memaklumkan bahawa terdapat kira-kira 1,300 buah syarikat Malaysia sudah pun mempunyai cawangan-cawangan di ASEAN.

Saya ingin memaklumkan antara contoh PKS Malaysia yang beroperasi di ASEAN milik Malaysia yang berada di negara-negara ASEAN, contohnya, Hup Seng, Julie's, Hai-O, Success Transformer Corporation Bhd., Mastech, SafeGuards, Mamee, Marrybrown, Hot and Roll, Ramly Burger, NTPM Holdings Bhd., ini contoh PKS, syarikat *small and medium enterprises* yang ada di negara ASEAN. Kemudian syarikat Malaysia yang agak besar yang berada di negara-negara ASEAN, apakah contoh-contohnya? Maybank, Petronas, UEM, SapuraCrest, Ingress, ini syarikat besar. Sime Darby, YTL, UMW, Khazanah Nasional, CIMB, ZICOLaw, Air Asia, Bina Puri, Axiata, DiGi, Malaysia Airports dan Pathlab.

Pada ketika yang sama, kita juga menerima syarikat-syarikat ASEAN berada di negara Malaysia. Sebagai contoh, Bangkok Bank, CPF, San Miguel Corporation dari Filipina, RGM Indonesia, Sam Corp., Wilmar, Temasek Holdings dari Singapura, OCBC Bank, DBS dan FPT. Itu adalah di antara syarikat-syarikat ASEAN di negara kita. Selain daripada itu, multinasional asing pun sudah ada dalam kawasan-kawasan ASEAN, *TESCO, Rolls-Royce, Siemens, Intel, Total, PNG, Honda, Nissan, IBM, Alliance* dan *Nestle*. Itu semua syarikat luar yang berada di negara ASEAN.

Hubungan ini kita rapatkan dan kalau ditanya tadi oleh Yang Berhormat Lenggong dan Yang Berhormat Bagan Serai, kita bersetuju ataupun tidak, kita mempunyai banyak *business council*. Misalnya, *Malaysia-Myanmar Business Council, Malaysia-Thai Chamber of Commerce, Malaysia-Singapore Business Council, Malaysia-Indonesia Business Council, Malaysia Business Council of Cambodia, Malaysia Business Chamber Vietnam* dan *Malaysia Philippine Business Council*.

Jadi melalui usaha-usaha *business council* ini, maka kita saling rapatkan usaha-usaha kita dalam rapatkan lagi hubungan dagang antara 10 buah negara ASEAN. Pada ketika yang sama, negara ASEAN sebagai satu jenama ASEAN itu berusaha untuk mewujudkan satu pasaran tunggal dan pasaran tunggal itu menjadikan kita sebagai hab pengeluaran. Hab pengeluaran untuk kita bawa barangan kita ke seluruh dunia. ASEAN berdagang dengan Amerika Utara, Asean berdagang dengan *European Union* dan kita juga telah menandatangani beberapa *Free Trade Agreements (FTA)*. Misalnya ASEAN dengan India, ASEAN dengan China, ASEAN dengan Jepun, ASEAN dengan Korea, ASEAN dan New Zealand dan juga Australia. Ini semua kita telah tandatangani.

Dengan lain perkataan, hubungan dagang kita akan bertambah akrab dan kita juga semalam telah menandatangani satu perjanjian ASEAN dan China, ditandatangani oleh Yang Berhormat Menteri

MITI, disaksikan oleh pemimpin-pemimpin ASEAN supaya ASEAN dan dagangan dengan China akan bertambah rapat lagi. Integrasi ekonomi ASEAN ini dia tidak berlaku selesai tahun 2015. Kita telah melancarkan sebuah pelan sehingga tahun 2025 Tuan Pengerusi dan mudah-mudahan dengan itu kita akan menambahkan lagi usaha-usaha kita di peringkat ASEAN.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, baiklah Yang Berhormat Menteri. Kita sambung pukul 2.30 petang.

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula.]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baiklah Yang Berhormat, kita tangguhkan persidangan kita sehingga jam 2.30 petang.

*[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.]*

*[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

**Tuan Pengerusi:** Sila Yang Berhormat Menteri sambung.

**2.32 ptg.**

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia Tuan Pengerusi. *Alhamdulillah*, saya ingin meneruskan jawapan tadi tentang ASEAN. Saya telah memulakan perkara spesifik tentang ASEAN.

MATRADE sememangnya mengenal pasti ASEAN sebagai pasaran eksport utama dan usaha kita sedang meningkatkan untuk menambah eksport ke negara-negara ASEAN. SME dan MATRADE akan menganjur dan telah pun menganjurkan aktiviti promosi eksport seperti pameran, misi pemasaran, kolaborasi antara syarikat-syarikat Malaysia dan ASEAN.

Kita juga akan mempelbagaikan produk eksport dengan ciri penekanan kepada produk bernilai tinggi seperti elektronik, automatif, aeroangkasa, minyak dan juga gas. Kita juga berusaha untuk membawa pembeli dari ASEAN ke Malaysia semasa pameran di Malaysia seperti MIHAS, Halal Show dan juga *INTRADE*. AEC akan menggalakkan perdagangan yang lebih luas dan MATRADE akan mengambil peluang meningkatkan aktiviti promosi.

Mengenai eksport bernilai tinggi yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Bagan Serai. Eksport produk bernilai tinggi adalah jauh lebih daripada eksport yang lain. Angka Januari hingga September

2015, perkilangan RM454.9 bilion atau 80.1%, pertanian cuma 8.7% iaitu RM49.7 bilion dan perlombongan RM60.2 bilion atau 0.6%.

Yang Berhormat Lenggong bertanyakan tentang persediaan pengusaha PKS dalam menghadapi AEC- *ASEAN Economic Community*. Bagi tahun 2015, jumlah 193 Program Pembangunan PKS disediakan dengan komitmen kewangan RM11.34 bilion. Program-program ini meliputi pembangunan PKS dari segi akses kepada pembiayaan, pembangunan modal insan, penerapan inovasi dan teknologi, akses pada pasaran dan kemudahan infrastruktur. Penggubalan Pelan Strategik PKS ASEAN bagi mengimbangi tahap pembangunan PKS di semua negara ASEAN telah dilancarkan pada hari Jumaat yang lalu oleh Menteri MITI.

Pelan ini merupakan usaha untuk meningkatkan daya saing dan daya tahan PKS ASEAN termasuk PKS Malaysia agar lebih kompetitif. Ini seterusnya menggalakkan mereka untuk mudah diintegrasikan dalam arus rantaian nilai serantau.

Yang Berhormat Bintulu dan Seputeh. Peruntukan MATRADE tidak mencukupi. Peruntukan MATRADE mengurus RM153 juta, pembangunan RM101.8 juta. Ada kemerosotan daripada segi peruntukan berbanding 2015 dan 2016. Oleh sebab itu kita akan menggunakan *reserve* dan *reserve* ini ialah baki peruntukan tahun-tahun sebelumnya dan pendapatan yang dijana daripada pameran pada tahun 2015. Jumlah baki itu ialah RM31.4 juta dan dengan jumlah RM31.4 juta itu dengan dicampurkan peruntukan yang ada, ia tidaklah menjejaskan sangat tetapi kita akan membuat *adjustment* seperti penekanan pada aktiviti utama bagi produk bernilai tinggi minyak, gas, aeroangkasa.

Fokus juga pasaran utama ASEAN, China, Timur Tengah, Eropah dan Amerika Utara. Kita akan melaksanakan program-program pembangunan pengeksportan yang berimpak tinggi selain daripada kita mengamalkan penjimatan daripada segi pembelian aset, ubah suai pejabat, perjalanan ke luar negara, pertukaran pegawai dan lain-lain.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya, Yang Berhormat Jasin.

**Tuan Pengerusi:** Sila Yang Berhormat Jasin.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri ada menyebut tentang peruntukan MATRADE tadi. Akan tetapi kalau kita lihat daripada Kementerian MITI, yang banyak sekarang ini mendapat peruntukan MATRADE dan satu daripada peruntukan yang besar ini adalah untuk dana projek berimpak tinggi.

Jadi, apa saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri apakah sebenarnya kriteria yang diletakkan oleh pihak kementerian untuk klasifikasikan sesebuah syarikat pelaburan tersebut adalah berimpak tinggi. Adakah geran atau pun *matching grant* yang akan diberi oleh kerajaan daripada dana berimpak tinggi ini meliputi pelabur-pelabur dari luar negara atau pun termasuk dalam negara sekali. Ini sangat penting kerana apa yang terjadi pada ketika ini banyak pelabur kita banyak merungut, seolah-olah kerajaan hanya memberikan perhatian kepada pelabur-pelabur asing sahaja. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Dana yang kita berikan itu kalau kita sebut *matching grant* itu ialah dana DISF iaitu *Domestic Investment Strategic Fund* atau pun Dana Strategik Pelaburan Domestik. Ini kita berikan RM1 bilion pada Rancangan Malaysia Kesepuluh dan dalam Bajet 2016, baru-baru ini, Perdana Menteri mengumumkan tambahan lagi RM1 bilion dan dana ini adalah untuk syarikat domestik sahaja. Ia adalah *matching grant*.

Di antaranya ialah jika syarikat yang berkaitan itu mengadakan R&D dengan jumlah yang tertentu *research and development* dan juga *training* atau pun latihan kepada pekerja-pekerja mereka. Katalah jika latihan itu RM5 juta, maka kerajaan akan memberikan *matching grant* yang sama tetapi mereka kena buat dahulu RM5 juta untuk *training* kepada *staff* barulah kita akan bagi RM5 juta sebagai *matching grant* di bawah DISF ini. Jadi, tidaklah betul jika kita katakan bahawa banyak hanya untuk syarikat-syarikat pelabur asing datang ke Malaysia dengan segala insentif yang diberikan. Kita juga berikan *matching grant* kepada syarikat-syarikat domestik. Maksud projek berimpak tinggi ini ialah contohnya *oil and gas*, minyak dan gas, aeroangkasa. Itu antara contoh-contoh yang kita tumpukan.

Yang Berhormat Bintulu membacakan satu *Facebook posting* daripada seseorang di luar sana membuat tuduhan terhadap KSU MITI, Tan Sri Dr. Rebecca Fatima Sta Maria. Kita akan buat penyiasatan terhadap apa yang disebut oleh Yang Berhormat Bintulu itu dan perkara yang berkaitan belum dipastikan kesahihannya. Yang Berhormat Bintulu juga menyebut tentang syarikat Tokoyama. Syarikat Tokoyama ini memang berada di Bintulu di Samalaju Industrial Park di Sarawak.

Antara perkara utama yang dikeluarkan di situ mengeluarkan silikon yang tertentu untuk solar *power*, kuasa cahaya matahari. Pada 30 Jun 2009, tarikh diluluskan untuk Syarikat Tokoyama dari Jepun ini ialah RM5.4 bilion daripada segi pelaburan, diluluskan pada 25 Februari 2014, tambahan untuk pembesaran kilang Tokoyama itu sejumlah RM5.11 bilion lagi. Jadi, angka yang diberikan itu angka yang... [Disampuk] Ya Yang Berhormat Bintulu pun ada. Saya sudah maklumkan bahawa kita akan buat siasatan tentang *posting* FB yang berkaitan.

#### ■1440

Tentang angka MATRADE dan MIDA yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Bintulu, data pelaburan dan projek-projek yang diluluskan berdasarkan komitmen atau cadangan pelaburan dalam sektor perkilangan dan sektor perkhidmatan terpilih. Kita dapat statistik itu dari Bank Negara dan Jabatan Perangkaan Malaysia untuk jumlah perdagangan.

Pada ketika yang sama MATRADE dan MIDA juga mendapat sumber-sumber rasmi tempatan dan antarabangsa. Antaranya Laporan Kementerian Kewangan, Unit Perancang Ekonomi ...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tuan Pengerusi ...

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya ...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi beritahu jawapan di Dewan yang mulia ini beritahu Tokuyama 2014 ada lagi kelulusan daripada kementerian ada tambahan RM15 bilion. Jadi di kawasan saya, saya tidak nampak buat *extension* atau apa-apa. Saya difahamkan daripada Tokuyama *he is not going to do the*

*further extension* dengan izin. Maklumat mana yang betul? Perkara ini berlaku di kawasan saya. So saya mahu minta maklumat yang tepat. Jangan kongkalikung punya jawapan syok sendiri. Faham? Ini isu satu.

Isu kedua, tadi soal isu serius ini. Kementerian MITI ini, KSU ada buat tuduhan atau pun *condemn* kerajaan ada atau tidak? Saya minta satu siasatan. Belum lagi jawapan.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** [*Menyampuk*]

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Ini Yang Berhormat Seputeh tahu apa? Tadi di luar sana saya dengar dia menghentam sama saya, dia kata saya mahu guna itu wang peruntukan. Pergi *check* kementerian, berapa sen saya guna wang kementerian untuk saya jalankan tugas? Jangan orang mahu tarik pelabur minta peruntukan lebih untuk pegawai menjalankan tugas, dia pun kongkalikung temberang dalam Dewan ini. Dia fikir semua boleh buat kempen. Orang cerita betul dia cerita bukan-bukan. Apa punya MP ini. *I'm serious*. Ini kalau KSU betul-betul ada, saya rasa kita MP semua di sini setuju KSU ini kena disingkirkan. Mana boleh. *I don't want to see this type of government officer in the system* dengan izin. Saya minta penjelasan.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** MIDA telah memberi saya angka mengenai Tokuyama dan MIDA saya minta untuk *double check* adakah angka itu betul. Pertama tarikh diluluskan 30 Jun 2009. Projek baru pada ketika itu dan Tokuyama memberitahu kita jumlah pelaburan yang mereka keluarkan ialah RM5.48 bilion. Kemudian MIDA meluluskan lagi pembesaran sama ada Tokuyama telah lakukan ataupun tidak, itu satu perkara yang berbeza tetapi yang telah dinyatakan oleh Tokuyama kepada pihak MIDA yang kita juga telah luluskan pada 25 Februari 2014 kelulusan pembesaran sebanyak RM5.11 bilion lagi. Sama ada mereka sudah melaksanakannya ataupun tidak, itu satu perkara yang berbeza tetapi kelulusan telah diberikan.

Kemudian mengenai tuduhan terhadap KSU. Saya menelefon menteri tadi dan menteri kata siasatan akan dibuat tentang *posting* FB berkaitan. Kita anggap ini sebagai satu tuduhan yang serius dan kita akan buat siasatan. Itu tentang Yang Berhormat Bintulu.

Yang Berhormat Kelana Jaya. Dana projek berimpak tinggi menjadi pelengkap dan insentif cukai agar negara dapat menawarkan pakej galakan yang lebih menarik dan kompetitif berbanding negara pesaing dan penyumbang kepada pembangunan ekonomi maju bernilai tambah dan kita juga ingin mengukuhkan rantai industri pembangunan vendor tempatan, penggunaan bahan tempatan, peningkatan R&D tempatan dan peningkatan tahap kemahiran.

Saya ingin menjelaskan lagi tentang dana DISF iaitu *Domestic Investment Strategic Fund* yang juga ditanyakan oleh Yang Berhormat Kelana Jaya yang juga ditanyakan oleh pihak Yang Berhormat Jasin.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Menteri ...

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Sekejap. Sebanyak RM356.3 juta telah kita berikan untuk pemodenan dan menaiktarafkan kemudahan serta peralatan untuk menjalankan aktiviti perkilangan. Ini

skop geran yang kita berikan sehingga 30 September 2015. R&D RM274.8 juta, latihan RM63.4 juta, pelesenan RM43.7 juta, piawaian dan sijil antarabangsa RM18.2 juta.

Ini dana RM1 bilion yang telah diberikan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Itu di antara beberapa perkara yang kita gunakan daripada segi *matching grant* R&D latihan, pelesenan dan RM1 bilion lagi ialah kepada Rancangan Malaysia Kesebelas belum lagi dibelanjakan. Ya.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebenarnya itu bukan soalan saya menteri. Soalan saya ialah tentang bangunan-bangunan yang baru itu dua perkara dan juga tentang kenapakah dana pembangunan jauh lebih besar tahun ini? Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Dana pembangunan itu saya baru jawab dan tentang bangunan saya akan jawab sebentar lagi. Yang Berhormat Kelana Jaya dan Yang Berhormat Temerloh bertanyakan tentang bangunan ibu pejabat MITI kenapa tidak pindah Putrajaya kata Yang Berhormat Temerloh.

MITI mengambil keputusan untuk mengekalkan pejabat MITI di Jalan Duta sekarang untuk memudahkan urusan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan-pelanggan yang kebanyakannya berada di sekitar Kuala Lumpur dan Lembah Klang. Tambahan pula agensi-agensi di bawah MITI juga berada di sekitar Kuala Lumpur.

Anak syarikat PJ Holding yang terlibat dalam syarikat konsesi bagi menara MITI, ia dilakukan secara PFI jenis penswastaaan secara PFI. Kos pembinaan RM342 juta. Tarikh kuat kuasa kontrak ....

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Menteri, boleh? Saya soal yang bangunan tadi yang disebut, soal Yang Berhormat Temerloh tadi.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ini soal pembangunan bangunan. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya melihat bahawa kementerian MITI ini dilihat oleh rakyat negeri Sabah seolah-olah tidak mempedulikan peranan-peranan negeri Sabah dan Sarawak itu yang tidak kelihatan apa-apa bangunan, apa pun tidak ada di negeri Sabah yang dipunyai oleh Kementerian MITI. Bahkan MATRADE pun sepatutnya ada untuk menggalakkan pelaburan di kedua-dua negeri ini. Apa penjelasan Menteri dalam soal ini?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Kita ada pejabat MITI, MATRADE dan SME di Sabah dan juga di Sarawak Yang Berhormat. Kita ada di Kota Kinabalu dan kita ada di Kuching.

Saya teruskan tentang bangunan. PFI RM342 juta. Ia anak syarikat PJ Holding dan PJ Holding pula anak syarikat Petronas. Ini syarikat konsesi untuk menara MITI. Tarikh siap kontrak 1 Januari 2016 tetapi sudah disiapkan pun lebih awal daripada jadual dan pada 27 November hingga 30 November ini kami akan berpindah ke bangunan baru itu. Hanya lebih kurang 5 minit dari bangunan kami sedia ada sekarang. Bangunan ini berjumlah keluasan lantai kasar tidak termasuk tempat letak kereta 574,888 kaki persegi.

Sesuai dengan harganya RM342 juta. Keluasan lantai kalau termasuk tempat letak kereta 911,156 kaki persegi. Jumlah tingkat 31 tingkat, ada podium 3 tingkat, *lower ground* dua tingkat dan kos *seismic*

yang sebut juga oleh Yang Berhormat Kelana Jaya itu adalah struktur yang dibuat di bangunan itu bagi mengelakkan kesan gempa bumi. Ini berjumlah RM15.5 juta. Jadi itu sahaja tentang bangunan.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Penjelasan menteri, boleh tak?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Menteri, jawapan yang baik sekali memberi semua data tetapi saya hendak minta satu lagi cuma terma kontrak itu berapa lama sebab *start* 1 Januari 2016. Adakah untuk 10 tahun, 20 tahun? Kalau Menteri boleh jawab. Terima kasih.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Saya sambung sedikit Menteri tentang tajuk yang sama, tentang bangunan baru ini. Kalau kita tengok kajian daripada *one off* ini 110300 *seismic bearing* bangunan baru iaitu untuk, dengan izin, *earthquake resistant structure* Sama ada saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah *seismic bearing* ini telah dipasang ataupun baru hendak pasang.

#### ■1450

Ini kerana selama ini Lembaga Getah Malaysia telah mengeluarkan satu *seismic bearing* yang diperbuat daripada getah asli yang telah dibuat pada ketika ini di negara kita pada pertama sekali untuk Jambatan Pulau Pinang dan telah diperkenalkan di seluruh dunia dan banyak negara telah menggunakan. Saya hendak tahu daripada pihak kerajaan, sama ada *seismic bearing* yang diperbuat daripada getah asli boleh digunakan ataupun sebaliknya? Kenapakah kita memberi keutamaan kepada pembuatan-pembuatan *seismic bearing* dari luar negara dan tidak dari dalam negara? Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Soalan yang baik. Saya baru melawat sekali bangunan itu dan saya difahamkan segala-galanya sudah sempurna termasuklah *seismic* yang disebut oleh Yang Berhormat Jasin. Dan struktur bangunan itu untuk mengelak kesan gempa bumi, kita pun telah bayar secara *one-off* ke Putrajaya Management Sdn Bhd yang juga anak syarikat Putrajaya Holding. Jumlah tempoh konsesi pengurusan ialah 25 tahun. Itu untuk menjawab Yang Berhormat Kelana Jaya.

Ahli Parlimen Seputeh, tidak ada? Ada. Yang Berhormat bertanya apakah kerjasama antara MITI dan kementerian lain bagi menarik pelaburan dalam pembinaan infrastruktur kereta elektrik. MITI bekerjasama dengan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) dalam pembinaan infrastruktur bagi kereta elektrik seperti *charging station* dengan izin. Selain itu, MITI juga bekerjasama dengan Kementerian Pengangkutan (MoT) dan Jabatan Pengangkutan Jalan dalam penetapan standard bagi keselamatan.

Daripada segi insentif bagi pelabur kereta elektrik, ada insentif bawah NAP atau *National Automotive Policy 2014* iaitu di bawah tajuk dengan izin, *customize incentive* yang memberikan pengecualian cukai ataupun *tax exemption* kepada pelabur-pelabur yang mengeluarkan kenderaan cekap efisien atau EEV termasuk kenderaan elektrik ini. Insentif dalam bentuk *customize* ini bergantung kepada keperluan syarikat dan pertimbangan kelulusan kerajaan adalah berdasarkan kepada sektor automotif dan ekonomi negara secara keseluruhan.

Yang Berhormat Seputeh dan Yang Berhormat Kuala Langat bertanyakan tentang SME Corp peruntukannya turun. Kerajaan sentiasa memberikan perhatian kepada pembangunan PKS kerana PKS merupakan tulang belakang kepada pembangunan ekonomi negara. Buat masa ini, PKS menyumbang sebanyak 35.9 peratus kepada KDNK negara dan kerajaan menyasarkan sumbangan tersebut meningkat kepada 41 peratus. Dari 35.9 peratus hendak naikan kepada 41 peratus pada tahun 2020. Bagi tahun 2016, jumlah RM170.25 juta telah diperuntukkan di bawah belanja pembangunan untuk pelaksanaan inisiatif di bawah Pelan Induk PKS. Dengan pelaksanaan Pelan Induk PKS ini, PKS akan terus dibantu untuk meningkatkan keupayaan dan sumbangan dalam mencapai sasaran seperti yang ditetapkan.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Menteri, Kuala Kangsar boleh?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Sila.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak melihat kepada istilah PKS ini. Maksud PKS atau SME ini, mengikut tafsiran MITI mungkin PKS itu tinggi, kalau kita merujuk kepada usahawan bumiputera. Bermakna, apakah kategori dan juga tingkat-tingkat PKS atau SME yang telah kerajaan ataupun MATRADE dan juga *SME Corp* ini memberi peruntukan ataupun bantuan kepada SME yang dikatakan small medium industries? Saya rasa perkara ini jauh daripada apa yang dimaksudkan oleh industri kecil di peringkat bumiputera ataupun usahawan bumiputera khususnya. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Setakat ini maksud PKS adalah jika turnover jualan setahun RM50 juta atau mempunyai 200 orang pekerja dan ke bawah, itu kalau untuk perkilangan. Bagi perkhidmatan pula, kita turunkan kadarnya pada RM20 juta turnover atau 75 orang pekerja dan ke bawah. Itu pada sektor perkhidmatan.

Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kuala Kangsar terutamanya PKS bumiputera ini, itu kebanyakannya berada dalam kumpulan apa yang dipanggil sebagai mikro. PKS mikro ini kita tetapkan RM300 ribu dia punya turnover dan pekerjanya lima orang ataupun ke bawah dan ia masih lagi boleh dibantu dalam semua usaha yang kita buat untuk membantu PKS, SME. Ada istilah di APEC misalnya, mereka tidak menggunakan SME, tetapi MSME iaitu *micro small and medium enterprises*. Sama ada kita akan berubah pada MSME ataupun hanya mengekalkan PKS, itu kita boleh fikirkan.

Akan tetapi yang penting ialah setakat ini, yang mikro itu juga kita letakkan di bawah tajuk SME dan mereka juga boleh mendapat segala pinjaman. Kita ada skim pinjaman mudah bagi PKS. Misalnya, 2,789 buah syarikat PKS sehingga 31 Oktober 2015 mendapat pinjaman RM2.08 bilion yang mana sebanyak RM560 juta diluluskan kepada 659 buah syarikat PKS bumiputera. Bererti, ada ya. Bukan tidak ada tetapi ada walaupun angkanya perlu lagi dipertingkatkan.

Yang Berhormat Seputeh bertanya tentang AP terbuka. Kutipan duitnya berapa dan digunakan untuk apa. Saya ingin maklumkan bahawa antara tahun 2010 hingga 2014, jumlah kutipan fi AP terbuka iaitu sebanyak RM10,000 untuk satu AP yang dibayar kepada kerajaan, pecahannya kutipan adalah seperti berikut:



Tahun	Jumlah kutipan (RM juta)
2010	284.56
2011	264.87
2012	293.56
2013	334.50
2014	332.07
2015 (Januari-November)	177.74
Jumlah	1,795.65

Jumlah ini kita masukkan dalam akuan Kumpulan Wang Disatukan. Akan tetapi, daripada jumlah RM1,749 juta itu, RM210 juta kita salurkan ke *Malaysia Automotive Institute* (MAI), sebuah agensi di bawah MITI sebanyak RM70 juta dan RM120 juta lagi kita salurkan kepada MIDF, satu lagi agensi di bawah MITI. Jumlah yang disalurkan kepada MIDF sebanyak RM120 juta itu untuk diberikan kepada syarikat-syarikat pemegang AP kenderaan dalam bentuk pinjaman mudah untuk mereka mengembangkan perniagaan untuk perniagaan lain yang berkaitan automotif dan bukan automotif supaya mereka *graduate* daripada pemegang AP untuk membuat perniagaan yang lain. Setakat 31 Oktober 2015, sebanyak 24 buah syarikat AP kenderaan telah mendapat pinjaman dengan jumlah pinjaman sebanyak RM76.8 juta.

Kemudian daripada segi keluar masuk modal asing yang berlaku pada tahun 2015. Ada soalan berkaitan perkara ini. Saya ingin maklumkan bahawa jumlah pengaliran keluaran pelaburan modal asing bagi tempoh Januari hingga Jun 2015 RM38.7 bilion. Namun, pengaliran masuk pelaburan modal asing bagi tempoh yang sama ialah RM61 bilion. Jadi RM61 bilion tolak RM38.7 bilion, jumlah pengaliran masuk bersih pelaburan asing ialah RM22.4 bilion antara tempoh Januari hingga Jun dan ini sebenarnya lebih tinggi daripada tempoh yang sama pada tahun 2014.

Seterusnya Yang Berhormat Temerloh bertanya siapakah pelaksana dana Skim Pembiayaan Patuh Syariah dan berapakah peratus keuntungan. Skim Pembiayaan Patuh Syariah dilaksanakan melalui 13 buah institusi perbankan yang menawarkan pembiayaan secara Islam seperti Affin Islamic Bank, Alliance Islamic Bank Berhad, Bank Islam Malaysia Berhad, RHB Islamic Bank Berhad, HSBC Amanah Malaysia Berhad. Pembiayaan disediakan bagi membiayai modal kerja, pembelian aset dan pembiayaan projek. Dana ini membantu usahawan di mana kerajaan memberikan rebat dua peratus daripada kadar faedah yang dikenakan oleh institusi bank yang berkaitan.

Yang Berhormat Temerloh menyebut tentang kejatuhan perdagangan dengan negara OIC.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Penjelasan.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Bukan tajuk ini Yang Berhormat Menteri, tetapi saya harap isu-isu TPPA yang saya bangkitkan dapat juga dijawab.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Sabar.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Okey, terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Belum habis lagi. Kejatuhan perdagangan eksport import bukanlah disebabkan oleh penekanan kerajaan terhadap pasaran lain.

▪ 1500

Malah MATRADE telah berusaha untuk melaksanakan aktiviti promosi di pasaran OIC termasuklah lawatan oleh Yang Berhormat Menteri kepada pihak Menteri di Arab Saudi misalnya baru-baru ini. Aktiviti-aktiviti termasuklah pameran perdagangan, misi pemasaran khusus dengan penekanan sektor berimpak tinggi dan membawa pembeli OIC ke Malaysia. Kejatuhan perdagangan adalah disebabkan oleh kejatuhan nilai eksport dan import minyak berikutan penurunan harga minyak. Data Januari hingga September 2015, secara keseluruhan eksport ke OIC jatuh sebanyak 4.6%. Sebab-sebabnya, pertama, harga petroleum yang jatuh dan eksport petroleum jatuh 36.8% akibat kemerosotan harga. Minyak kelapa sawit juga turun harga 13%, dan nilai eksportnya turun 13% ke negara-negara OIC. Itu di antara sebahannya.

Namun kalau kita lihat daripada segi keseluruhan perdagangan, dari tahun 2005 hingga tahun 2014 ke negara-negara OIC, sebenarnya meningkat- tiga kali sebenarnya, daripada RM57.3 bilion pada tahun 2005, kepada RM149.8 bilion pada tahun 2014. Bererti meningkat.

Mengenai TPS-OIC, kenapakah masih lagi belum dilaksanakan? Kita sebenarnya sedang berusaha untuk melaksanakan dan kita juga ada perbincangan dengan negara-negara yang dipanggil sebagai D-8 berhubung dengan *Preferensial Tariff Agreement* atau TPS-OIC ini, dan kita harap kita akan dapat memuktamadkan. Oleh sebab negara OIC ini banyak, maka inisiatif itu mengambil masa untuk dijayakan.

Yang Berhormat Temerloh. Difahamkan banyak PKS yang terjejas dan sukar mendapat bantuan. MIDF menyediakan pinjaman mudah kepada syarikat PKS tempatan di mana kadar faedah dan keuntungan yang dikenakan 4%. Setakat 31 Oktober 2015, sebanyak 2,789 buah syarikat PKS telah mendapat pinjaman. Kita ada pinjaman yang kita sebut sebagai Skim Pinjaman Mudah bagi PKS, dan jumlah pinjaman sebanyak RM2.08 bilion. Ini skim yang dipanggil sebagai skim SL-SME dan kita memberikan pinjaman itu bergantung kepada keupayaan syarikat PKS tersebut untuk membayar balik, dan kita akan terus mengusahakan pinjaman-pinjaman ini, sebagaimana yang satu lagi ialah SL-SAM untuk automasi dan *mechanization*, juga mendapat peruntukkan yang banyak untuk Bajet 2016 pada tahun depan.

Yang Berhormat Temerloh. Adakah kerajaan menyediakan pelan bersepadu untuk membantu meningkatkan pertumbuhan PKS. Ya, memang ada. Pelan Induk PKS yang telah kita laksanakan dan pelan induk ini untuk meningkatkan pengukuhan perniagaan, menambah bilangan firma, mempunyai pertumbuhan tinggi dan berinovasi, meningkatkan produktiviti dan mempergiat usaha pemformalan daripada segi sijil-sijil yang tertentu.

Yang Berhormat Kuala Langat. Adakah PKS akan terjejas dengan perjanjian TPPA? Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) tidak mendatangkan tekanan tambahan kepada PKS tempatan, memandangkan Malaysia telah mengamalkan dasar perdagangan yang kompetitif sejak beberapa tahun

lalu. Bagi memastikan peraturan yang adil kepada PKS, rundingan TPP turut mengambil kira kepentingan PKS melalui dua bab khusus yang melibatkan kepentingan PKS iaitu akses kepada maklumat dan peningkatan keupayaan. Kerajaan juga telah menjalankan analisis kos faedah (CBA) yang mengambil kira faktor-faktor seperti prospek PKS, isu bumiputera dan risiko ke Malaysia jika tidak menyertai TPP. Saya akan sambung tentang TPP selepas ini. Sebelum itu saya ingin menghabiskan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

Yang Berhormat Kuala Krai. Skim Pinjaman Mudah Automasi dan Pemodenan. Apakah peruntukkan di bawah skim ini? Yang ini dipanggil SL-SAM ataupun Skim Pinjaman Mudah Automasi dan Pemodenan diuruskan oleh MIDF kepada syarikat pembuatan pengilangan di Malaysia. Ekuiti syarikat paling kurang dimiliki 51% oleh rakyat Malaysia. Untuk meningkatkan tahap produktiviti, penggunaan automasi oleh syarikat perkilangan, dan melalui skim ini, syarikat pengilangan dapat mengurangkan pengeluaran produk yang kurang berkualiti untuk mengurangkan kecacatan produk ataupun *product defect* serta dapat meningkatkan jumlah pengeluaran berbanding jika syarikat itu bergantung kepada tenaga buruh dibandingkan dengan menggunakan mesin separa automatik misalnya. Skim SL-SAM ini telah diperkenalkan pada tahun 2007, dan setakat 31 Oktober 2015, 414 buah syarikat tempatan telah mendapat pinjaman di bawah skim ini, dan jumlah yang telah dikeluarkan pada saat dan ketika ini ialah RM1.5 bilion.

Yang Berhormat Jerantut bertanya tentang, langkah kerajaan membantu PKS meletakkan produk mereka di *hypermarket*. Bagi membantu PKS meningkatkan akses kepada pasaran khususnya di *hypermarket*, SME Corp bekerjasama dengan pelbagai pasar raya seperti *TESCO*, *GIANT*, *Carrefour*, pasar raya tempatan seperti *MYDIN*. Kerjasama ini adalah bagi mengenal pasti PKS yang berpotensi menjadi pembekal kepada *hypermarket* termasuk membantu PKS meningkatkan keupayaan dan kapasiti masing-masing bagi memenuhi keperluan dan permintaan *hypermarket* tersebut.

Yang Berhormat Jerantut juga bertanya tentang Dana Usahawan Belia- ini kita panggil *Youth Entrepreneur Fund* (YEF). Kita telah tubuhkan melalui Belanjawan 2013, dan dana ini telah diberikan sejumlah RM50 juta. Setakat ini 518 orang usahawan kita telah berikan, dan jumlah kelulusan daripada RM50 juta itu ialah RM38.6 juta. Baru-baru ini kerajaan juga telah melancarkan serentak di seluruh Malaysia pada dua minggu yang lepas iaitu Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) sebanyak RM10 juta, dan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, dinaikkan kepada RM45 juta...

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi:** Sila.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tertarik tentang Program TUBE yang telah disebut oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi.

Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tentang Program TUBE ini kerana saya difahamkan di bawah kementerian Yang Berhormat Menteri ada juga program-program yang

melibatkan belia di bawah SME Corp dan sebagainya. Akan tetapi isu utama di peringkat bawahan generasi muda untuk mereka mendapatkan maklumat khususnya daripada program-program yang melibatkan pembangunan usahawan termasuk juga Program TUBE. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Menteri, adakah wujud inisiatif untuk menggabungkan segala bentuk peluang-peluang ini di bawah satu bumbung, supaya akhir nanti belia mendapat maklumat termasuk juga pihak kementerian boleh turun untuk memberikan maklumat tentang perkara-perkara ini. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya, terima kasih. Pada 28 hari bulan ini, sebelah pagi akan diadakan suatu seminar mengenai dana-dana ini oleh pihak PEMUDA di PWTC dan saya harap pihak belia akan hadir untuk mendapatkan maklumat-maklumat tentang dana ke seminar yang berkaitan- pada 28 November di PWTC dianjurkan oleh PEMUDA dan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kuala Selangor itu satu perkara yang betul, relevan. Kadang-kadang orang-orang muda ini dia kurang sedikit berusaha untuk mendapatkan maklumat-maklumat tentang segala tabung yang ada. Kita berharap agar mereka yang biasa dengan internet, terutama golongan muda ini cuba berusaha untuk akses segala maklumat. Segala-galanya kita pusatkan di MITI- [www.miti.gov.my](http://www.miti.gov.my).

Dari situ boleh melawat ke laman-laman web yang lain terutamanya SME Corp misalnya, yang segala maklumat yang berkaitan dengan TUBE dan juga *Youth Entrepreneur Fund* ini, Dana Usahawan Belia ini ada dinyatakan. Bila akan diadakan kursus misalnya, apakah syarat-syaratnya dan apakah jenis-jenis perniagaan yang diutamakan? Bagaimana untuk mendapatkan latihan-latihan yang tertentu dan kursus-kursus yang tertentu, ada dinyatakan dalam laman web kami di [www.miti.gov.my](http://www.miti.gov.my).

Yang Berhormat Labuan. Kita memang menyedari bahawa Labuan berhasrat untuk menggalak dan menguruskan pelaburan asing selaras dengan status Labuan sebagai sebuah pulau bebas cukai dan Yang Berhormat Labuan juga ada memohon supaya ada Pejabat MITI di Wilayah Persekutuan Labuan. Pada saat dan ketika ini, kita belum lagi dapat melaksanakan perkara tersebut tetapi kita ada MITI di Sabah, dan MITI di Sabah ini boleh membantu perkembangan-perkembangan yang ada di Labuan seperti penyelarasan lawatan pelabur-pelabur asing, dialog bersama pihak industri- ini antara program-program yang telah dilaksanakan oleh MITI bersama dengan enam lagi agensi- MIDA, MATRADE, SME Corp, NPC, MIDF dan SME Bank. Di pihak industri di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Program latihan, Program *Outreach* Usahawan, lawatan kilang, dialog bersama pihak industri yang pelbagai, penyelarasan lawatan pelabur-pelabur asing.

#### ■1510

Kita menyedari tentang kepentingan Labuan dan Labuan juga diuruskan oleh Kementerian Kewangan selain daripada MITI turut membantu.

Mengenai TPPA ini, saya ada satu kenyataan secara umum yang ingin saya kongsi kepada semua yang bertanya, Yang Berhormat Sungai Siput, Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Temerloh, Yang Berhormat Kelana Jaya. Ini empat pihak yang bertanya. Pertama, Yang Berhormat Menteri tidak ada di sini kerana beliau terlibat dengan bilateral bersama dengan Perdana Menteri India dan Perdana Menteri China yang sedang melakukan lawatan rasmi ke Malaysia hari ini. Jika tidak, Yang

Berhormat Menteri ingin berada di sini sendiri untuk menjawab segala persoalan tentang TPPA terutamanya yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Sungai Siput khususnya.

Kajian Kos Faedah, *Cost Benefit Analysis* oleh PricewaterhouseCoopers dan ISIS sudah siap dan akan dibentangkan ke Kabinet pada 27 November dan akan dibentangkan kepada kami di MITI pada malam ini, rangkanya sudah dibentangkan kepada kami pada minggu sudah dan pada malam ini di Putrajaya bermula pada pukul 8 malam, kepada semua pegawai MITI akan dibentangkan oleh PWC dan juga ISIS. Kemudian, kita akan mengedarkan kepada Ahli Parlimen pada minggu depan. Kita akan...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** ...Ya lah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Lewat.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Lewat ya. Kita ada sebulan setengah untuk meneliti sebab kita sedang menunggu tarikh yang muktamad daripada Tuan Yang di-Pertua, bila sidang khas Dewan Rakyat akan diadakan mengenai TPPA ini. Jadi, kalau kita berikan pada minggu hadapan *Cost Benefit Analysis*, Kajian Kos Faedah ini, bererti sepanjang bulan Disember dan mungkin tiga minggu agaknya pada bulan Januari. Jadi sebulan tiga minggu. Saya rasa cukup untuk membaca.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Sebulan tiga minggu takkan tidak cukup masa?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Adakah kementerian akan memberikan taklimat kepada semua Ahli Parlimen untuk *Cost Benefit Analysis* ini?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Okey, saya ada *statement* yang ketiga.

**Tuan Pengerusi:** Cara sebegini macam seolah-olah tidak ada orang yang duduk di atas ini.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** *[Ketawa]* Maaf Tuan Pengerusi. Ketiga Tuan Pengerusi, kenyataan saya tentang TPPA ini, kerajaan akan meneruskan penjelasan melalui pelbagai kaedah. Yang Berhormat Menteri akan berjumpa dengan Kokus Parlimen termasuk Yang Berhormat Sungai Siput sebagai salah seorang Kokus Parlimen dalam masa terdekat dan kita akan mengadakan dua pertemuan penting atau dua *town hall* secara terbuka kepada orang ramai, satu pada bulan Disember dan satu lagi pada bulan Januari.

Sebelum ditandatangani, TPPA akan dibentangkan dan dibahaskan di Parlimen pada tarikh yang akan ditetapkan oleh Tuan Yang di-Pertua dan seterusnya akan dibuat keputusan selepas Parlimen membuat keputusan. Kemudian, penjelasan kepada pihak berkepentingan. Perkara yang kelima, yang saya ingin nyatakan di sini akan terus dibuat bukan sahaja oleh MITI tetapi juga oleh beberapa kementerian lain seperti Kementerian Kesihatan, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Saya ingin memaklumkan di sini bahawa MITI menjadi penyelaras kepada 15 buah agensi dan kementerian mengenai TPPA ini. Bukan hanya MITI tetapi ada 15 buah agensi dan kementerian yang terlibat. Seterusnya Yang Berhormat Menteri sudah pun membuat penerangan di beberapa buah negeri

termasuk Kelantan, Sabah, Kedah, Selangor, Wilayah Persekutuan dan akan pergi ke beberapa buah negeri lain seawal bulan Disember dan awal Januari.

Kerajaan mengakui TPPA ada kos dan ada faedah tetapi kerajaan berpendapat faedah melebihi daripada kos. Perkara yang seterusnya yang ingin saya nyatakan mengenai TPPA. *MalaysiaKini* melaporkan bahawa Presiden Barack Obama mengatakan bahawa TPPA akan menyebabkan harga ubat akan naik. Saya ingin menyatakan di sini bahawa laporan itu tidak betul. Kerajaan berpendapat, TPPA tidak akan menaikkan harga ubat kerana tidak ada perubahan dalam perlindungan paten selama 20 tahun. Saya mendengar sendiri ucapan Presiden Barack Obama di Shangri-La, apabila beliau menjelaskan tentang TPPA itu dan beliau tidak ada menyebut sebagaimana yang dilaporkan.

Seterusnya jika ada soalan mengenai TPPA, Yang Berhormat Menteri akan menjawab semasa perjumpaan dengan Kokus dan semasa *town hall* secara terbuka kepada orang ramai.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri...

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Yang Berhormat Menteri juga bercadang untuk memberikan taklimat khusus kepada semua Ahli Parlimen pembangkang dan Ahli Parlimen kerajaan pada pertengahan Januari 2016 iaitu sebelum perbahasan di Parlimen diadakan. Itu sahaja Tuan Pengerusi yang ingin saya nyatakan dalam jawapan, terima kasih.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah duduk. Dia memberikan ucapan terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tuan Pengerusi, dia tidak menjawab soalan yang saya tanya. Saya tanya tentang Yang Berhormat Bintulu, dia *envoy* Malaysia pergi ke Jepun, Korea dan Taiwan. Jadi dia mengambil arahan daripada kementerian ini ataupun mana-mana?

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM539,258,000 untuk Maksud B.24 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM539,258,000 untuk Maksud B.24 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,375,180,000 untuk Maksud P.24 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2016 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM1,375,180,000 untuk Maksud P.24 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2016]*

**Maksud B.25 [Jadual] -  
Maksud P.25 [Anggaran Pembangunan 2016] -**

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan 25 dan Kepala Pembangunan P.25 di bawah kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Sepanggar.

**3.17 ptg.**

**Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbincangan B.25, Butiran 07000 – Program Khusus. Khususnya di bawah Butiran 070300 – Program Pengedaran Barang Perlu, LPG dan *Community Drumming*.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada kementerian, apa langkah-langkah kementerian untuk memastikan bahawa program *Community Drumming* ini mencapai matlamatnya untuk membantu penduduk di luar bandar. Ini kerana saya mendapat maklumat bahawa kebanyakan syarikat-syarikat yang telah pun diberikan kelulusan untuk mengedar minyak diesel di Sabah ini sama ada mereka menjual atau dihantar ke luar kawasan. Kalau di Daerah Sandakan dan Tawau akan dihantar ke Filipina dan diseludup keluar. Ada juga di antara syarikat-syarikat ini mengedar untuk industri dan kapal-kapal dagang di sekitar Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau. Jadi ini akan menyebabkan berlakunya ketirisan dan merugikan kerajaan serta tidak mencapai matlamatnya.

Saya bagi contoh di kawasan antara Parlimen Kota Belud, Ranau, Tuaran dan Sepanggar, geografi kawasan ini hampir-hampir sama. Dalam kawasan Parlimen Sepanggar ia tidak disenaraikan sebagai kawasan pengedaran *Community Drumming* tetapi di Tuaran dan Kota Belud diberikan kelulusan. Seperti yang saya sebutkan tadi geografinya sama dalam kawasan DUN Inanam, sama juga dengan kawasan di Kota Belud dan Tuaran. Akan tetapi di Sepanggar tidak diberikan. Saya ingin tahu, apa sebabnya kementerian tidak menyenaraikan Parlimen Sepanggar di bawah program ini.

Untuk makluman Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Menteri, saya mendapat laporan bahawa terdapat syarikat-syarikat yang ada mempunyai kes menyeludup diesel ini juga disenaraikan pada tahun ini dan juga memohon untuk tahun hadapan.

**■1520**

Jadi sudah tentunya ini di luar daripada pengetahuan kementerian dan minta supaya kementerian menyalut perkara ini. Saya juga mohon supaya syarikat-syarikat yang diluluskan sebagai salinan untuk rujukan kerana walaupun *Community Drumming* ini telah diluluskan begitu lama, *shortage* dengan izin, *shortage* diesel ini masih lagi berlaku. Apakah sebabnya? Adakah ini tidak perlu menjadikan satu kerugian kepada kemelut kerajaan? Akhir sekali saya ingin dapatkan maklumat terperinci senarai syarikat-syarikat yang diluluskan untuk tahun depan kerana saya dimaklumkan bulan ini kementerian sedang menyenaraikan syarikat-syarikat yang boleh dipertimbangkan.

Saya difahamkan Pengarah KDPNKK Sabah memainkan peranan sebab macam seolah-olah mereka ada sebuah kartel dalam melaksanakan kelulusan ini di kalangan geng-geng mereka yang saya difahamkan. So, saya minta, apakah ini betul ataupun tidak? Saya telah diberikan nama beberapa orang yang disebut macai-macai Pengarah KDPNKK Sabah tetapi ini kita tidak boleh mengambilnya sebagai betul, kementerian perlu membuat penyiasatan dan saya ulang sekali lagi saya perlukan senarai itu untuk saya rujuk dengan beberapa senarai yang telah diberikan oleh syarikat-syarikat yang telah pun ditolak sebelum ini. Dengan itu saya ucapkan terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Seputeh.

### **3.22 ptg.**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin rujuk kepada Butiran 020000 – Perdagangan Dalam Negeri. Saya ingin sebut tentang isu Ops Catut, *anti-profiteering operation* ataupun Ops Catut telah dilancarkan pada awal tahun ini ataupun dengan nama lain ialah *Price Control and Anti-Profiteering (Mechanism to Determine Unreasonably High Profit) (Net Profit Margin) Regulations 2014*, yang mengehendaki peniaga tidak meningkatkan harga di antara 2 Januari 2015 hingga 30 Jun 2016. Peraturan ini, *regulations* ini telah diwartakan pada 26 Disember 2014 dan berkuat kuasa pada 1 Januari tahun ini, 2015. Kami difahamkan kalau mengikut Laporan 'APA', fasa pertama Ops Catut diadakan di antara 15 Januari dan 11 Mac. Fasa kedua dilancarkan pada 2 April selepas GST dilaksanakan pada 1 April.

Tuan Pengerusi, saya mendapat banyak aduan daripada peniaga yang telah diambil tindakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan kerana kerajaan tidak membuat publisiti yang cukup tentang Ops Catut dan tentang peraturan ataupun *regulations* yang telah diwartakan ini. Jadi ramai peniaga diambil tindakan kerana mereka memang tidak tahu tentang peraturan yang baru seperti ini. Soalan saya terhadap Ops Catut ialah beberapa buah syarikat telah diambil tindakan dan didenda. Apakah jumlah denda yang dikutip oleh kementerian dan berapakah orang peniaga yang masih tidak bayar denda mereka? Ramai peniaga berasa amat tidak puas hati terhadap asas yang diambil oleh kementerian untuk ambil tindakan terhadap mereka kerana kementerian menggunakan cara pengiraan margin keuntungan yang mutlak ataupun *absolute margin* dan bukannya peratusan margin bersih ataupun *net margin percentage*. Cara ini adalah tidak adil terhadap peniaga kerana margin keuntungan biasanya ditetapkan dengan menggunakan peratusan ataupun *percentage* harga ataupun kos sesuatu produk.

Saya hendak ambil satu contoh misalnya, sebuah syarikat elektrik yang menjual peti televisyen kosnya pada 20 Disember 2014 - RM400 dan syarikat itu jualnya dengan harga RM500 satu set. Syarikat itu membuat keuntungan sebanyak RM100 ataupun dengan *profit margin* 20 peratus. Selain daripada kos asal peti televisyen antara keuntungan peti televisyen itu, syarikat itu perlu bayar 10 peratus daripada harga produk ataupun kita kata RM50 pada mungkin pusat beli-belah sebagai sewa dan dua peratus



daripada harga produk iaitu RM10 sebagai bayaran faedah kredit kad. Oleh itu keuntungan bersih syarikat yang jual satu peti televisyen sebelum perbelanjaan yang lain ialah RM40.

Akan tetapi kita ambil satu senario yang lain misalnya pada pertengahan tahun ini kos peti televisyen yang sama telah pun naik harga kepada RM500 satu set kerana penurunan mata wang ringgit. Syarikat itu terpaksa jual peti televisyen itu dengan harga RM600 satu set dan membuat keuntungan kasar sebanyak RM100. Syarikat itu masih perlu gunakan 10 peratus daripada harga peti televisyen untuk bayar sewa kedai, *shopping complex* itu RM60 dan juga dua peratus daripada harga jualan iaitu RM12 untuk bayaran kad kredit. Jadi keuntungan bersih bagi syarikat yang menjual peti televisyen itu yang sebelum perbelanjaan ialah RM28.

Jadi kalau kita berbanding dengan yang kes sebelum itu yang mana harga jualan RM500 sebenarnya keuntungan telah pun dikurangkan sebanyak RM12. Pemilik syarikat itu akan terpaksa menghadapi penurunan daripada segi keuntungan yang nyata. Jadi mereka pun akan mengurangkan kos untuk kekalkan perniagaannya. Jadi syarikat itu mungkin akan tamatkan perkhidmatan pekerjaanya ataupun mengurangkan gaji ataupun komisen pekedainya. Ini adalah apa yang sedang berlaku dalam perniagaan kecil dan sederhana di Malaysia sejak 10 tahun yang lepas- 10 bulan yang lepas, minta maaf.

Jadi pelanggan yang telah menghadapi kenaikan kos sara hidup termasuk belanja harian, harga petrol dan kadar tol, mereka pun akan kurangkan perbelanjaan dan perniagaan. Jadi ini akan menjejaskan perniagaan syarikat-syarikat kita. Jadi syarikat macam kedai elektrik yang saya sebutkan tadi pun akan perlahan perkembangan syarikat itu dan malah menghentikannya pekerja.

Jadi ini punca utama kepada kemelesetan ekonomi ataupun keadaan yang menjejaskan pertumbuhan ekonomi di kalangan SME dan SMI. Jadi ini adalah yang akhirnya seluruh masyarakat kita akan menderita. Jadi saya rasa bagi kementerian yang hendak ambil tindakan di bawah peraturan *anti-profiteering*, saya rasa mereka harus adakan dialog. Lebih dialog dengan khususnya yang IKS kita ini supaya pegawai kita yang ambil tindakan, mereka juga faham cara pengiraan keuntungan dan sebagainya. Bukan sahaja masuk buat pengiraan dan buat denda serta-merta tanpa mendengar keluhan yang dihadapi oleh mereka.

Akhirnya salah satu lagi isu ialah sampai sekarang walaupun kita menghadapi kemelesetan ekonomi tetapi isu yang *scratch and win* itu saya rasa menjadi semakin banyak. Kawasan Parlimen saya di dekat Jalan Klang Lama dan sekitarnya sudah ada beberapa buah syarikat seperti ini. Saya hendak tahu kenapakah kementerian tidak ambil tindakan terhadap mereka. Walaupun kita sudah buat laporan polis dan selalunya mereka yang rasa tertipu, terperangkap dan memberi bayaran yang begitu banyak kerana ketamakan mereka pada waktu mereka didampingi oleh *salesman* daripada syarikat *scratch and win*, mereka terperangkap selepas itu apabila mereka bangun sedar dan rasa mereka tertipu. Akan tetapi saya rasa sebagai kementerian, sepatutnya pergi cari syarikat-syarikat seperti itu yang sudah ada beberapa di kawasan saya.

Kalau pegawai sudi datang ke pejabat saya, saya boleh bawa mereka pergi cari syarikat-syarikat itu kerana sekarang di *office* saya Tuan Pengerusi, ada *jade* tilam dan ada produk elektrik pelbagai jenis di- selepas kami tolong *negotiate* dan *settle* dengan syarikat-syarikat seperti ini.

■1530

Saya rasa semua ini, mereka ini nampaknya berpakat dengan pegawai-pegawai agensi-agensi kerajaan yang tertentu. Saya rasa sangat sedih kerana selalu yang kena tipu itu adalah orang miskin. Bila orang miskin ini diberitahu "*Wah! Sudah menang satu Mercedes, sudah menang ada beberapa set elektrik dan hari itu hari terakhir*". Banyak tertipu, terperangkap.

Akan tetapi, saya rasa kementerian ini nampaknya sampai sekarang pun saya rasa tidak keluarkan apa-apa peraturan ataupun undang-undang membantu golongan miskin yang ditipu ini. Kes seperti ini telah banyak dan bukan sahaja dibangkitkan oleh saya tapi dengan rakan-rakan di sebelah sana dan sebelah sini banyak kes. Kenapa kementerian ada begitu ramai pegawai, tidak ambil tindakan terhadap mereka? Saya berharap Menteri dapat jawab pertanyaan saya. Sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Silakan Yang Berhormat Tanah Merah.

3.31 ptg.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 030200 – Gerakan Kepenggunaan. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan kepada Yang Berhormat Menteri kerana genap 100 hari menerajui KPDNKK pada 19 November 2015 lalu. Pada hari tersebut beliau telah mengumumkan dua perkara yang saya berpendapat amat baik demi kepentingan pengguna.

Pertama, memperkenalkan Program *Friend of KPDNKK* mulai tahun hadapan sebagai pengiktirafan kepada pengguna yang membantu kementerian menangani isu-isu kepenggunaan. Menurut kenyataan Yang Berhormat Menteri, tiga orang individu dalam kalangan pengguna yang komited menjadi mata dan telinga kementerian itu dalam isu-isu kepenggunaan akan diberi hadiah istimewa sebagai tanda penghargaan. Tuan Pengerusi, dalam situasi sekarang adalah penting kepentingan pengguna dilindungi sebaik mungkin. Apa yang dilakukan oleh KPDNKK amat wajar. Walau bagaimanapun, saya cadangkan kepada KPDNKK untuk melaksanakan gerakan lebih bersepadu dalam mewujudkan kesedaran dalam orang ramai menjadi pengguna yang bijak.

Kempen menjadi pengguna bijak perlu diperkukuhkan semula kerana ia amat penting dalam usaha untuk memastikan pengguna-pengguna tidak terperangkap atau menjadi mangsa kepada peniaga-peniaga tamak. Sebenarnya kuasa pengguna amat besar tetapi malangnya mereka tidak menggunakan kuasa yang dimiliki. Atas sebab itulah menjadi tanggungjawab KPDNKK untuk mewujudkan kesedaran kepada orang ramai betapa pentingnya mereka menggunakan kuasa tersebut bagi mengelakkan kewujudan lebih ramai peniaga-peniaga tamak.

Kempen Pengguna Bijak ini harus dilancarkan secara berperingkat-peringkat di seluruh negara. Melalui program ini pengguna akan diberikan pengetahuan mengenai hak mereka dan pentingnya

mereka melindungi hak tersebut. Tuan Pengerusi, peningkatan kos sara hidup sudah pasti membebankan rakyat khususnya di kawasan luar bandar. Oleh itu, saya ingin mencadangkan agar KPDNKK mempertingkatkan penguatkuasaan bagi membanteras peniaga-peniaga yang menaikkan harga barangan sesuka hati dengan alasan yang sengaja dicipta. Dalam masa yang sama, kewujudan kedai-kedai harga patut atau menjalinkan kerjasama dengan pasar raya-pasar raya besar harus dipertingkatkan bagi memastikan pengguna bagi memperoleh barangan dengan harga yang berpatutan.

KPDNKK perlu memandang serius sikap sesetengah peniaga yang sentiasa mencari peluang dan ruang bagi mengaut keuntungan melalui tindakan menaikkan harga barang sesuka hati. Bagi berhadapan dengan isu ini, saya ingin mencadangkan agar KPDNKK mengkaji peruntukan undang-undang sedia ada bagi mengenakan hukuman lebih berat kepada mana-mana peniaga yang didapati melakukan tindakan sedemikian. Kita tidak boleh membiarkan situasi seumpama itu berlaku kerana tindakan peniaga menaikkan harga barang sehingga menyusahkan pengguna secara tidak langsung akan memberi kesan kepada kerajaan. Ini memandang pengguna akan menyalahkan kerajaan apabila ia berlaku.

Tuan Pengerusi, perkara kedua yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri pada 19 November lalu ialah pelaksanaan konsep 'Awang Selamat'. Saya faham mungkin ramai dalam kalangan rakan-rakan kita dalam pakatan sebelah sana tidak begitu senang dengan nama 'Awang Selamat' kerana ia dikaitkan dengan kolumnis *Mingguan Malaysia*. Akan tetapi konsep yang dilaksanakan oleh KPDNKK ialah, 'belum dipanggil sudah pun sampai, belum ditanya sudah jawab dan belum disuruh telah selesai'. Bagi saya, ini idea yang amat baik kerana sebagai sebuah kementerian yang paling dekat dengan rakyat KPDNKK harus sentiasa menangani isu-isu yang berkaitan pengguna.

Walau bagaimanapun, saya ingin mencadangkan KPDNKK untuk mempertingkatkan penguatkuasaan dari semasa ke semasa khususnya di kawasan luar bandar. Dalam masa yang sama, setiap tindakan penguatkuasaan yang dilakukan harus disusuli dengan pemantauan dari semasa ke semasa atas peniaga-peniaga terlibat. Ia memandang acap kali berlaku peniaga yang sama tidak serik-serik mengulangi kesalahan mereka kerana memahami tiada pemantauan ketat dilakukan selepas tindakan diambil. Saya prihatin dengan Yang Berhormat Seputeh yang membangkitkan isu-isu yang dikemukakan tadi.

Tuan Pengerusi, saya ingin akhiri perbahasan dengan menggesa KPDNKK untuk terus memperkasakan usaha melindungi kepentingan pengguna. Dalam situasi ekonomi sekarang, peranan KPDNKK amat penting. Walau bagaimanapun, saya sama sekali tidak meragui kewibawaan Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri dan pasukan-pasukan dalam KPDNKK dalam melaksanakan tanggungjawab yang berat tersebut. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Sepang.

**3.36 ptg.**

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin membahaskan berkaitan dengan Butiran 030100 – Tribunal Tuntutan Pengguna. Saya ingin tanya pada Menteri, pertamanya berapakah jumlah tuntutan yang telah dibuat sepanjang tahun lepas dan juga tahun ini? Kemudiannya, apakah halangan-halangan yang sering dan mungkin melambatkan proses tuntutan pengguna ini? Itu yang pertamanya.

Keduanya, Menteri, saya ingin bertanya juga kita tahu bahawa kerajaan telah pun mempunyai satu undang-undang berkaitan dengan Akta Perlindungan Pengguna ini, yang mana dalam akta ini mengandungi *provision* ataupun peruntukan berkaitan dengan tribunal tuntutan pengguna ini. Cumanya berdasarkan pengalaman, saya melihat bahawa walaupun wujudnya tribunal ini adalah satu yang dialu-alukan dan juga sedikit sebanyak membantu pengguna untuk mendapatkan ataupun mempertahankan hak mereka. Apa lagi apabila kerajaan telah meminda bidang kuasa tribunal yang sebelum ini hanya boleh mendengar tuntutan-tuntutan bernilai RM10,000 sahaja. Akan tetapi telah dinaikkan melalui pindaan pada akta tersebut sehingga ke RM25,000.

Akan tetapi, bagi saya isu ini tidak berakhir di situ, yang menjadi masalah ialah selepas tribunal itu dibuat. Pihak-pihak yang tidak berpuas hati terpaksa pergi ke mahkamah. Walaupun telah dinyatakan bahawa keputusan tribunal adalah muktamad tapi daripada segi realiti daripada segi amalan ialah keputusan-keputusan yang dibuat oleh tribunal ini boleh di *review*, dengan izin, atau disemak semula melalui *judicial review* ataupun semakan kehakiman.

Apabila kita pergi ke mahkamah tinggi untuk membuat semakan ini, timbul persoalan kos. Pertamanya, kos untuk mendapatkan peguam. Bayangkan kalau tuntutan itu bernilai RM2,000, RM3,000 ataupun ratusan ringgit. Tiba-tiba, keputusan itu kita lihat tidak *fair* kepada salah satu pihak. Mungkin bagi pihak yang di saman biasanya, pihak yang secara relatifnya pihak yang lebih mempunyai kemampuan kewangan yang lebih baik daripada pihak yang membuat tuntutan itu. Selalunya pihak yang membuat tuntutan itu ialah pengguna, kalau contohnya dia buat tuntutan kepada bank. Sudah tentu bank mempunyai kemampuan yang lebih besar. Mereka boleh *engage lawyers*, kalau mereka kalah di tribunal ini untuk mereka bawa ke Mahkamah Tinggi untuk *direview*. Kalau mereka kalah lagi, mereka boleh bawa sampai Mahkamah Rayuan.

Jadi, isu di sini ialah wujudnya satu *unequal* dan pertarungan yang tidak seimbang. Saya ingin mencadangkan dan saya harap Menteri boleh mengambil kira kenapakah kita tidak mewujudkan satu kaedah bahawa segala tuntutan berkaitan tribunal pengguna ini mesti berakhir tidak di mahkamah. Maksudnya mesti ada sebuah badan rayuan ataupun yang kita letakkan satu peruntukan dia mesti berakhir tidak pergi ke mahkamah. Ini adalah kerana kalau pergi ke mahkamah ini saya yakin pengguna-pengguna ini tidak mampu sebab untuk membuat *judicial review* ini dia punya kos pun agak tinggi dan kalau kalah kena bayar kos lagi.

#### ■1540

Jadi kadang-kadang tidak berbaloi untuk mereka mengambil tindakan undang-undang walaupun mungkin keputusan tribunal itu silap dan mereka perlukan pembelaan daripada segi untuk mendapatkan

*redress*, dengan izin supaya keputusan itu dikaji semula. Jadi saya harap pihak kerajaan mungkin boleh fikirkan bagaimanakah undang-undang ini dipinda untuk membolehkan segala proses tuntutan tribunal pengguna ini mesti berakhir. Saya setuju mesti ada sebuah badan rayuan tetapi rayuan itu bukan didengar di mahkamah atau pun semakan kembali ke mahkamah. Dia mesti berakhir dalam skim yang kita cadangkan itu, mestilah berakhir di sebuah badan tertinggi seperti badan rayuan atau sebagainya dan dia tidak boleh lagi pergi terus ke mahkamah. Ini cadangan pertama saya dan saya harap Menteri dapat mengambil perhatian itu. Itu yang pertama.

Yang keduanya Yang Berhormat Menteri, saya juga ingin mendapatkan penjelasan berkaitan dengan isu Butiran 070400 – Subsidi Tepung Gandum. Kita tahu bahawa berdasarkan butiran yang dinyatakan ini walaupun tahun ini kerajaan telah memperuntukkan RM150 juta untuk subsidi tepung gandum ini. Akan tetapi pada tahun 2016, tidak ada langsung, dipotong RM150 juta ini. Sudah tentu ia memberikan satu kesan yang besar, saya percaya kepada pengguna-pengguna, dengan GST, dengan kenaikan kos barang dan apabila subsidi ini telah ditarik balik, saya percaya harga akan ikut pasaran. Sudah tentulah ia akan lebih tinggi daripada harga sebelum ini.

Soalan yang ingin saya tanyakan kepada pihak Menteri, adakah satu *survey* atau pun satu penyelidikan telah dibuat, kesan daripada penarikan subsidi yang besar ini? Saya ingin tanya, adakah kajian dibuat, berapa banyakkah penggunaan tepung gandum ini oleh rakyat-rakyat yang miskin? Rakyat yang mungkin biasanya, saya pun tidak ada kajian tetapi saya percaya apabila tepung gandum ini antaranya menjadi alternatif kepada beras, bagi mereka yang mungkin tidak mampu membeli beras, mereka makan, mungkin jempit-jempit kah, saya tidak tahu orang panggil apa, lempengkah, yang tentu tepung gandum ini akan jadi bahan alternatifnya.

Jadi saya ingin tanya, bagaimanakah kita kerajaan atau pun khususnya kementerian ini telah melakukan satu penyelidikan bagi mengkaji kesan secara langsung kepada pengguna-pengguna akibat daripada penarikan ini? Sebab, sudah tentulah dengan kenaikan yang begitu besar, pemotongan terus, penghapusan terus daripada jumlah RM150 juta, sudah tentu ia memberikan kesan yang saya rasa tidak dapat dipertikaikan besar kepada pengguna-pengguna. Mungkin kalau pengguna-pengguna yang memang orang kaya, tidak ada masalah. Akan tetapi kita risau ia memberikan kesan secara langsung kepada pengguna-pengguna yang mungkin tidak ada pendapatan langsung atau pun pengguna yang berpendapatan rendah.

Seperti GST kita tahu cukai kepenggunaan yang penduduk tidak ada atau pun pengguna yang tidak ada pendapatan dan berpendapatan rendah atau pun B.40 yang menjadi golongan yang paling terkesan daripada GST. Sudah tentu juga penarikan subsidi ini saya percaya, memberikan kesan yang besar kepada B.40 ini dan juga mereka yang tidak mempunyai pendapatan langsung. Jadi, adakah kajian telah dibuat dan apakah *findings* kalau ada dibuat? Kalau belum buat, mengapakah sebelum kajian dibuat telah pun ditarik balik subsidi ini? Itu yang kedua.

Yang ketiganya, saya ingin bertanya juga berkaitan dengan isu pencatutan ini. Kita telah bahas dalam Parlimen ini berkaitan dengan Akta Pencatutan. Sering kali kita menyatakan bahawa apabila

berlakunya kenaikan harga ini, kita menyalahkan mungkin penjual. Sedangkan saya percaya bahawa kenaikan harga ini sesuatu yang memang sukar untuk dikawal. Sebagai contoh, apabila kita kenakan GST, kita tahu ada kesan pada inflasi. Apabila kita naikkan harga tol, sudah tentu secara logiknya, ia akan memberikan kesan terhadap harga barangan. Bayangkan lori-lori yang mengangkut sayur dan sebagainya atau pun lori-lori yang membawa bekalan ini. Apabila mereka perlu bayar minyak dan selepas itu bayar tol dengan harga yang lebih tinggi, sudah tentu mereka akan pindahkan kos mereka itu kepada barangan yang mereka menjual itu.

Kalau mereka *supply* harga dengan sekian-sekian harga, tolak tol, sudah tentu mereka akan pindahkan harga itu. Ini logiknya begitu. Mesti ada berlakunya *spill over*, dengan izin, ke atas harga barangan. Kita sering menyatakan apabila begitu, kita kata, oh jangan naikkan harga. Saya rasa mana-mana orang di bawah perniagaan pun sudah pasti mereka akan melakukan perkara itu. Ini perkara profesional Mungkin Yang Berhormat Bagan Serai kata dahulu, jangan naikkan harga walaupun GST dan sebagainya. Bagi saya ini adalah satu yang tidak dapat dielakkan. *Inevitable*.

Jadi persoalannya, kalau begitu dan saya percaya berdasarkan akta yang telah saya kaji, akta pencatutan itu, pertamanya ia mempunyai satu definisi yang begitu lemah tentang makna pencatutan itu. Saya percaya dan saya subjek kepada pihak kerajaan, saya ingin tanya sejauh manakah kes-kes yang melibatkan pencatutan ini telah dibawa ke mahkamah? Yang sering dijawab ke mahkamah yang saya tahu ialah tidak pameran harga barang. Itu bukan sangat fasal pencatutan yang kita nak. Oleh sebab alasan pencatutan ini biasanya ialah *profiteering* ini ialah apabila kita mendapatkan keuntungan secara tidak munasabah. Akan tetapi, timbul persoalan apakah maksud tidak munasabah itu? Naik tol, dia *supply* barang, dia terpaksa naikkan barangan dia dan apabila dia menjual kepada pihak penerima itu, dia pula akhirnya akan naikkan harga barang juga dan *the end user* kita, pengguna. Ini yang akan menerima kesannya.

Akan tetapi saya percaya, susah untuk kerajaan atau pun pihak penguat kuasa undang-undang ini untuk mengambil tindakan dalam kes seperti itu. Tidak logiknya, mereka terpaksa naikkan harga kecuali mereka tidak menanggung apa-apa kos. Saya tidak yakin mereka akan sanggup *absorb* kos tol itu sebab mereka bukan menggunakan tol untuk sehari sahaja. Mereka menggunakan tol setiap hari. Jadi inilah timbulnya kegagalan. Kita mungkin ada akta pencatutan, kita mungkin ada akta-akta yang kita buat tujuannya untuk melindungi pengguna akan tetapi hakikatnya akta-akta itu sendiri tidak mampu membantu kita.

Hal ini kerana dinamik perniagaan ini sebegitu rupa menyebabkan kita walaupun ada akta, tidak mungkin dapat menolong mereka atau pun pengguna yang mengalami kenaikan harga barang ini. jadi saya ingin bertanya kepada kerajaan, dalam keadaan begini, apakah yang kerajaan boleh buat? Kalau kita tidak benarkan naik harga, orang akan naikkan juga harga. Kecuali kalau tidak naikkan harga, kami akan berhentikan *supply*. Kami berhentikan *supply*. Apabila berhentikan *supply*, kekurangan barangan di pasaran...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Sepang, tengok belakang dahulu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Oh *sorry, sorry*. Silakan.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Sepang, saya tidak boleh biarkan Yang Berhormat Sepang petang-petang ini merepek. Biar lama-lama merepek, kasihan pada orang [*Ketawa*] Jadi Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang ini apa-apa kalau sebiji jerawat naik pun dia sebabkan GST.

Jadi GST ini adalah hanya satu alasan jahat sahaja sebenarnya. Kenapa pula disebabkan GST naik harga dan harga tol, tol kena naik harga? Adakah kalau turun harga tol, turun harga? Kalau tidak ada GST, turun harga? Yang Berhormat Sepang kena berhati-hati kerana bercakap begini. Apakah pendapat Yang Berhormat Sepang? Petang-petang begini, hati-hati sedikit bercakap.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey. Terima kasih kepada Yang Berhormat Bagan Serai yang merepek tadi [*Ketawa*] Bagi saya Yang Berhormat Bagan Serai ini dia setakat GST sahaja, ibarat dia hendak cuba puji kerajaan lah, tetapi kita ibarat *jack* kereta lah. Kalau hendak *jack* kereta, hendak tanggalkan tayar itu, jangan *jack* banyak sangat. Kalau *jack* sikit cukup tayar keluar, jangan *jack* sampai kereta terbalikkan susah. Jadi bagi saya pujian-pujian Yang Berhormat Bagan Serai ke atas kerajaan dalam GST ini telah menyebabkan terbalik pula kereta itu, ibaratnya.

Bagi saya, Yang Berhormat Bagan Serai, ini logik. Kalau Yang Berhormat Bagan Serai, saya hendak beri contohlah, bawa katakan berniaga sayur. Naik kereta, beli minyak, minyak harga naik. Selepas itu pula, lalu tol, tol naik. Tiba-tiba Yang Berhormat Bagan Serai kata tidak apa saya tetap tidak akan naikkan harga. Kalau Yang Berhormat Bagan Serai boleh menjadi penjual sebegitu, saya memang tabiklah. Akan tetapi percayalah, peniaga sebegitu, kalau seminggu berniaga, seminggu itu sahaja berniaga. Selepas itu, tutup.

#### ■1550

Oleh sebab logiknya mereka akan naikkan harga. Tidak boleh hendak marah dia. Oleh sebab itu saya kata Yang Berhormat Bagan Serai ini sebenarnya dia kategori merepek dengan dia membuat kerepek lagi teruk. Jadi tidak apalah. Itulah Yang Berhormat Bagan Serai yang kita tahu [*Ketawa*]

Jadi saya rasa isu kenaikan harga ini satu isu yang susah hendak dikontrol melalui akta-akta ini. Oleh sebab itu saya tanya kalau contoh kes yang melalui tol tadi, saya hendak tanya berapa banyak kes-kes yang begitu apabila dinaikkan harga, kerajaan dakwa di mahkamah. Oleh sebab hendak dakwa di mahkamah ini bukan senang. Oleh sebab you hendak tunjukkan dekat mana dia buat- akta *profiteering*, buat untung. Masalah ini dia bukan hendak buat untung, dia hendak *survive*. Oleh sebab kalau dia berniaga, pertama orang berniaga memang hendak untung. Akan tetapi di situ untung yang tidak munasabah.

Persoalannya, untuk munasabah itu adalah subjektif. Dia mungkin bagi orang 'A' tidak munasabah, bagi orang 'B' munasabah. Jadi inilah realiti yang berlaku. Jadi saya harap kerajaan dalam

isu kenaikan harga barang ini kita juga sepatutnya memikirkan bagaimanakah dapat mencari jalan supaya bagaimana faktor-faktor yang boleh menaikkan harga barang itu dapat dikawal. Oleh sebab itulah kalau kita kaji saya percaya ada kaitan dengan segala transaksi lain berkaitan dengan harga barang ini. Oleh sebab itu kalau sekiranya- ya, Yang Berhormat Bagan Serai ....

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, silakan.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Saya tidak sanggup hendak biarkan Yang Berhormat Sepang terus mengelirukan rakyat, bagi rakyat terkeliru dengan merepek dia ini.

Yang Berhormat Sepang, saya hendak tanya Yang Berhormat Sepang orang yang berniaga ini dia ada untung, dia ada untung. Bilakah kata GST ataupun naik tol adakah dia rugi? Adakah dia terus rugi? Itu soalan dia. Kebanyakan peniaga- jangan tipulah peniaga dengan sikapnya yang mesti betul. Oleh sebab kalau untuk kepentingan rakyat, kalau dia ada- saya hendak kata Tuan Pengerusi- yang berotaklah, ada perikemanusiaan. Dia sudah untung. Katakan dia untung banyak ini. Sekarang dengan GST dia untung banyak ini, dia bukan rugi. Jadi tidak ada sebab yang dia hendak naikkan harga itu. Ini semua gara-gara Yang Berhormat Sepang, mengelirukan orang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Ketawa]* Makin lawaklah kawan saya ini. Tidak apalah. Itulah yang ada dalam Barisan Nasional pun. Kita terimalah. Tidak apalah. Yang Berhormat Bagan Serai saya pun tidak tahulah hendak ketawa atau hendak apa. Saya rasa orang yang dengar pun boleh ketawa.

Saya sudah jelaskan tadi Yang Berhormat Bagan Serai kalau orang itu- dia faktor-faktor kenaikan barang yang dinaikkan harga itu satu ialah di luar kawalan dia. Saya rasa mana-mana peniaga pun kalau dia bertanggungjawab dia tidak akan suka naik harga suka-suka. Akan tetapi dalam keadaan-keadaan tertentu dia tidak mempunyai pilihan. Kalau mereka ada pilihan, memang kalau Barisan Nasional punya kalau dulu dia kata contohnya bila kita kata harga minyak naik, "*Oh, jangan naik kereta, naik basikal.*" Bayangkan kalau kita guna logik itu orang yang bawa lori hendak hantar barang dari Kedah ke Kuala Lumpur kalau guna logik itu harga barangnya naik, dia menghantar naik basikal. Kalau ikut logik daripada Yang Berhormat Bagan Serai begitulah. Jangan guna lori, guna basikal.

Hari itu Yang Berhormat Pasir Gudang pun marah apabila ada sesetengah pemimpin kerajaan mengatakan bahawa kalau tol naik kita gunakan jalan yang tidak ada tol. Persoalannya, ini bukan persoalan untuk kita menjawab isu kenaikan harga ini. Maknanya saya percaya kalau kita kaji gula pula sudah tentulah dia ada kaitan dengan daripada awal lagi macam mana boleh harga tol naik sesuka hati. Antara sebab *agreement* antara pihak konsesi dengan kerajaan yang banyak memihak kepada pemegang konsesi yang mereka sentiasa untung.

Sebagai contoh, saya bagi contoh tahun 2014 apabila kerajaan tidak naikkan tol kepada syarikat konsesi sebagai contoh kita lihat Lebuhraya Damansara-Puchong (Littrak). Apabila tidak naikkan tol, mereka untung juga. Oleh sebab kerajaan bayar lebih kurang RM89 juta kepada Littrak. Tidak naik tol pun



untung, naik tol pun untung. Jadi perjanjian itu sendiri perjanjian yang memang daripada awal lagi tidak memihak kepada rakyat. Ia memihak kepada pemegang konsesi.

Jadi sebab itulah bagi kita hendak swastakan masalah kalau naikkan tol itu antaranya kita selesaikan masalah daripada segi penswastaan tol itu sendiri. Oleh sebab itu kalau kita tidak selesaikan masalah pokok itu masalah-masalah yang cabang ini pasti akan berlaku. Oleh sebab itulah bagi saya memang susah. Saya akui memang susah untuk kita membuat satu *enforcement* berkaitan dengan kenaikan harga barang ini. Oleh sebab ia isu yang kait mengait antara satu sama lain. Jadi, walau bagaimanapun saya mintalah kerajaan mungkin bagi jawapan bagaimanakah cara ataupun kaedah yang terbaru untuk menyelesaikan perkara itu.

Terakhir Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya berkaitan dengan Kempen-kempen Kementerian – Butiran 070600. Saya tidak jelas apakah Kempen-kempen Kementerian itu. Cumanya saya ingin kaitkan supaya pihak kementerian dapat memikirkan bagaimanakah untuk mewujudkan kesedaran-kesedaran berkaitan dengan akta-akta yang digubal kerajaan ini untuk melindungi pengguna.

Saya hendak beri contoh kesedaran ini. Kita tahu dalam- antara akta yang digubal dalam Parlimen ini ialah akta *Hire-Purchase Act*, Akta Sewa Jual Beli. Akan tetapi berapa ramai daripada kita mungkin Ahli Parlimen yang tahu bahawa kalau sekiranya akta itu dilanggar ia satu perbuatan jenayah. Selalunya apabila bank saman kepada pihak pengguna ini, pihak yang meminjam ini, kita hanya boleh cabar perjanjian itu tidak sah sebab melanggar akta. Seksyen 4, seksyen 4(b), seksyen 4(c), ini semua seksyen yang melindungi pengguna. Saya tahu sangat sebab saya banyak buat kes *Hire-Purchase* ini mewakili pengguna-pengguna.

Akan tetapi dalam akta itu sendiri sebenarnya memperuntukkan antara lain kalau sekiranya pihak bank langgar, saya beri contoh, buat perjanjian suruh orang isi borang kosong, *incomplete agreement*. Daripada segi undang-undang itu bukan sahaja melibatkan perjanjian itu *void*, perjanjian itu tidak sah akan tetapi ia juga menyebabkan pihak yang melanggar undang-undang itu melakukan kesalahan dan boleh dihukum. Boleh diambil tindakan, boleh dihukum. Ada *penal consequences*, dengan izin, kesan daripada jenayah itu. Akan tetapi saya hendak tanya dengan Menteri berapa ramai orang yang sedar benda ini? Berapa banyak sudah pihak-pihak bank ataupun pihak *dealer* yang langgar perjanjian ini diambil tindakan. Saya percaya tidak ada. Saya yakin tidak ada. Oleh sebab setakat yang saya sudah buat kes *Hire-Purchase* ini tidak pernah ada pun pihak-pihak yang diambil tindakan.

Jadi kita wujudkan satu akta yang memang tujuannya untuk melindungi pengguna dan menjadikan undang-undang begitu *strict*. Kalau kita tidak isi butiran itu dengan betul dan sebagainya dia menyebabkan perjanjian tidak sah dan juga diambil tindakan undang-undang tetapi kesedaran, Menteri, kesedaran rakyat terhadap peruntukan itu, kewujudan apa yang dipanggil *protection* itu ataupun kewujudan *remedy* yang dimuatkan dalam akta itu tidak diketahui. Jadi....

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Yang Berhormat Sepang, boleh tidak?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ya.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Hendak tanya dengan Yang Berhormat Sepang pasal pindaan undang-undang tentang pencatutan dan sebagainya. Setuju atau tidak Yang Berhormat Sepang sekiranya kalau yang menipu fasal harga ini mencatut bukan-bukan ini, undang-undang itu hukuman dia penjara sahaja. Tidak payah ada bayar-bayar sewa. Kalau bayar ini, orang mampu bayar. Denda sahaja, orang bayar. Penjara sahaja. Kalau boleh sebat, sebat. Setuju atau tidak?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Bagi saya hukuman ini dia mesti melalui proses *due process*. Apa undang-undang pun bagi saya apabila kita hendak hukuman berat itu hak kerajaan dan sebagainya. Akan tetapi *due process* mesti ada. Oleh sebab kita tidak boleh anggap apabila orang itu buat sesuatu benda dia terus bersalah. *Due process* itulah yang melindungi mungkin kes-kes penyalahgunaan akta itu. Akan tetapi saya secara umumnya setuju bila kita hendak memberi satu *message* yang jelas kepada mereka yang membuat keuntungan yang tidak munasabah ini yang terlibat dalam *profiteering* ini memang kita perlukan satu hukuman yang mungkin setimpal untuk memberikan mesej yang jelas kepada mereka yang menyalahgunakan undang-undang. Akan tetapi dalam masa yang sama juga kita tidak boleh lepas daripada *due process*.

Oleh sebab itulah kami daripada Pakatan Harapan, kami tidak boleh menerima akta-akta yang *draconian* ini. Walaupun kerajaan kita tahu, sebab itu kami menentang SOSMA, kami menentang akta-akta yang *draconian* ini sebab kami tahu dia boleh disalahgunakan. Sebagai contoh SOSMA, walaupun dibuat dengan tujuan yang baik untuk kita hendak deal dengan isu *terrorism* ini tetapi akhirnya bila laporan polis mengenai 1MDB di luar negara, dia mengambil tindakan di bawah SOSMA. Datuk *Khairuddin* di bawah SOSMA. Ini bagi saya penyalahgunaan akta, penyalahgunaan kuasa. Oleh sebab itu kita tidak mahu undang-undang ini walaupun dia baik untuk hendak kata orang itu *close* ataupun hendak menyelesaikan masalah.

■1600

Akan tetapi dalam pada masa yang sama kalau kita terlampau *excited* hendak hukum orang sampai kita melupakan hak-hak orang-orang yang dituduh itu, yang itu kami tidak boleh terima. Akan tetapi secara *basicnya* saya boleh bersetuju hukuman yang setimpal ke atas mereka yang mendapatkan keuntungan secara tidak munasabah ini. Jadi setakat itu Tuan Pengerusi, jadi saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi kerana memberikan peluang untuk saya bercakap, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Sila.

4.00 ptg.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh tentang B.25 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Jutaan terima kasih kepada kerajaan kerana telah memberikan satu insentif dan subsidi kepada masyarakat di Pulau

Tuba di Pulau Langkawi dalam menyelesaikan masalah kos pengangkutan yang mana kos ini bersama dengan konsep dan format yang telah dilakukan di Sabah dan Sarawak. Buat masa sekarang ini kerajaan telah pun mengadakan proses ini, program ini dengan melantik kontraktor. Akan tetapi pada kajian saya terdapat sedikit penambahan harga yang sepatutnya harga apa yang dijual di Pulau Langkawi dengan Pulau Tuba menjadi sekata iaitu contohnya minyak petrol di Langkawi RM2.05.

Akan tetapi di Pulau Tuba walaupun telah dibayar kepada kontraktor ini tentang pengangkutan, mereka telah menjual dengan harga yang lebih RM2.30. Jadi soalnya, apakah kontraktor ini telah melaksanakan tugas mereka yang telah diamanahkan atau mereka ada menambah kos penjualan kepada masyarakat di Pulau Tuba tanpa mendapat sebarang kelulusan daripada kerajaan? Nombor duanya saya ingin menyentuh tentang baru-baru ini pihak LKIM Malaysia telah pun meluluskan satu program untuk membina tempat bagi penjualan petrol kepada nelayan di Pulau Tuba, di Pulau Langkawi.

Langkawi ini banyak pulau, pulau yang besar Pulau Langkawi pulau yang diduduki oleh nelayan, Pulau Dayang Bunting dan Pulau Tuba selain daripada 99 buah pulau yang lain yang tidak ada penduduk. Isunya sekarang ialah apabila nelayan di Pulau Tuba terpaksa pergi ke Pulau Langkawi yang jauhnya begitu jauh juga *pi* balik ada 10 kilometer untuk mendapatkan bekalan minyak pada harga subsidi. Akan tetapi baru-baru ini LKIM telah pun meluluskan untuk penjualan minyak di Pulau Tuba sendiri dengan harga subsidi kepada nelayan.

Soalnya sekarang ialah walaupun demikian itu, pihak LKIM sangat-sangat memerlukan bantuan daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri untuk memastikan konsep yang digunakan pembayaran subsidi kepada itu dapat dilaksanakan untuk pembekalan minyak LKIM kepada nelayan-nelayan di Pulau Tuba. Oleh yang demikian itu saya memohon supaya pihak kementerian dengar kata telah diluluskan tetapi belum lagi dapat diselesaikan sedangkan LKIM akan melaksanakan dalam masa tiga ke-empat hari lagi.

Jadi saya harap pihak Menteri dapat membantu untuk memberikan kelulusan yang segera bagi pelaksanaan ini kerana sekiranya tidak dapat dilaksanakan sudah tentu masyarakat nelayan di Pulau Tuba terpaksa membayar kos tambahan kepada nilai petrol yang mereka dapat dan sudah tentu tidak mencapai matlamat yang telah kita nyatakan. Saya tidak nampak kos ini akan terlalu tinggi kerana penjualan ini dalam lingkungan 30,000 liter sebulan, jadi sudah tentulah imbangan kewangan itu hanyalah dalam RM10,000. Sekian, *wabillahi taufik* terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tak ramai. Kalau boleh ringkas lima minit lagi seronok. Ya, lima minit ya Yang Berhormat Hulu Langat. Sila.

**4.06 ptg.**

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sebab kalau bagi Yang Berhormat Pokok Sena tak cukup 5 minit.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Merujuk kepada Butiran 040100 – Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Sekali lagi saya ingin bertanya, adakah peruntukan ini boleh digunakan untuk membantu koperasi yang tenat seperti *MOCCIS*. Saya mengambil kesempatan ini mewakili juga veteran-veteran meminta supaya kerajaan atau kementerian membantu *MOCCIS* dan berlaku adil dan membayar balik wang caruman ahli-ahli yang sudah pencen lama dan veteran iaitu yang melebihi 60 tahun yang sampai sekarang masih tidak dapat wang caruman mereka untuk kegunaan kesihatan dan juga untuk kegunaan semasa mereka dalam umur tua ini.

Begitu juga merujuk pada P.25 Butiran 13003 – Program Pembangunan Infrastruktur Asas RM27.7 juta. Jadi saya hendak minta sedikit penjelasan mengenai bentuk dan jenis-jenis infrastruktur asas yang akan dibina.

Kemudian Butiran 070300- Program Pengedaran Barang Perlu LPG dan *Community Drumming* dan juga 070500 – Program 1Malaysia, 1Harga ini. Saya sebenarnya ingin mendapat penjelasan sahaja mengenai perincian langkah-langkah yang akan diambil dalam kedua-dua program ini, adakah kos yang melebihi RM270 juta ini juga merupakan subsidi yang akan digunakan sebagai subsidi untuk barang-barang keperluan dalam Program 1Malaysia, 1Harga ini. Sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Hulu Rajang.

**4.06 ptg.**

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. 070300 – Program Pengedaran Barang Perlu, LPG dan *Community Drumming*. Dalam saya ingat saya ingin memohon kepada kementerian agar pihak KPDNKK memberi penekanan kepada pengedaran barang perlu ini memandangkan di kawasan saya begitu luas sekali Kuala Hulu Rajang. Kadang-kadang barang 1Malaysia ini tidak tahu tuju halanya. Jadi saya mohonlah kalau boleh pengedar-pengedar itu diberikan kepada Ahli Parlimen di kawasan supaya kita dapat tahu siapa pengedarnya kerana rakyat sekarang bertanya kepada kita. Sebelum hujung bulan tiap-tiap stok habis. Ke mana tujuhnya dan kalau boleh berapakah jumlah setiap kawasan untuk diedarkan oleh pengedar itu.

Jadi saya minta juga kepada KPDNKK, penguatkuasaannya harus diperketatkan. Kalau tak dapat, tambahkan bilang pekerja-pekerja penguat kuasa. Supaya seperti kawasan saya di kawasan luasnya. Ketiga, pejabat KPDNKK hanya di Kapit sahaja, di kawasan Belaga tidak ada dan di kawasan Sungai Asap pun tidak ada. Jadi tidak ada penguat kuasa, makanya pengedar-pengedar suka hati mengedar barang kepada orang yang tidak sasaran itu. Saya dapat laporan ada juga barang 1Malaysia ini pengedar LPG dan *Community Drumming* ini diberi kepada pembekal sekolah kita.

Jadi salah sasarannya. Jadi itulah saya minta supaya penguat kuasa dapat diperketatkan lagi dan melihat turun ke bawah, turun ke kawasan seperti di Hulu Rajang. 070500 – Program 1Malaysia, 1Harga. Terima kasih kementerian, di kawasan Kapit ada sebuah kedai barang 1Malaysia KR1M. Jadi barang tidak tentu memuaskan. Saya sendiri membeli barang di kedai tersebut. Jadi saya berharaplah supaya senarai-senarai barang yang telah diedarkan kepada KR1M itu dapat disenaraikan *listnya* kepada

setiap rumah panjang supaya rakyat-rakyat rumah panjang pengguna-pengguna yang memerlukan itu tahu dan membelinya untuk kegunaan mereka, seharian mereka.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Yang Berhormat Hulu Rajang boleh tak sedikit.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Limbang.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Hulu Rajang iaitu tentang Kedai Rakyat 1Malaysia, *alhamdulillah* ianya memang diadakan di Parlimen saya pun ianya memberikan impak yang baik kepada rakyat jelata. Namun, sepanjang perjalanan itu sekarang ini orang awam dan orang biasa ini pula tak dapat hendak beli. Yang beli ialah orang borong banyak-banyak, yang memborong itu sendiri hantar ke pekedai-pekedai lain.

■1610

Jadi orang biasa, yang pengguna hari-hari ini, pergi kedai ini sudah habis, ini sudah habis, ini sudah habis. Jadi apa pendapat Yang Berhormat Hulu Rajang tentang perkara ini? Apakah kerajaan kena buat sekatan kah ataupun ada had kepada pembeli-pembeli dalam sehari kah atau bagaimana? Terima kasih.

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Terima kasih. Di kawasan saya pun begitu juga Yang Berhormat Limbang. Jadi saya mintalah KPDNKK ini, kalau boleh buat satu pelan lagi supaya Kedai Rakyat 1Malaysia ini sasarannya betul kepada pengguna, bukan kepada pekedai-pekedai peruncit itu. Jadi yang saya kata tadi, penguat kuasa itu mesti ditambah dan jangan '*kamceng*' lah dengan kedai-kedai runcit di sekitar kawasan masing-masing.

Jadi saya ingat Butiran 070600 – Kempen-kempen Kementerian ini, saya mohonlah supaya sedikit peruntukan dijalankan untuk kempen-kempen kementerian di Parlimen Hulu Rajang. Saya melihat kepada situasi sekarang ini, kempen penerangan GST perlu kerap dijalankan. Hal ini melihat kepada GST ini amat dekat di hati rakyat khususnya di kawasan Parlimen Hulu Rajang. Impak...

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Yang Berhormat Hulu Rajang.

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Okey Yang Berhormat Sibuti.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Terima kasih. Boleh Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Sibuti, sila.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Terima kasih. Pasal kempen GST tadi di mana kita buat di kawasan luar bandar, boleh tidak yang memberi penerangan daripada Kastam ataupun pegawai-pegawai yang memberi penerangan di kawasan luar bandar itu bukan hanya memberi penerangan dengan lisan. Kalau boleh, dengan brosur, dengan pamflet dia, dengan semua maklumat yang penuh untuk rakyat supaya rakyat boleh lepas mendengar, membaca dan faham apa dia GST. Apakah pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Terima kasih Yang Berhormat Sibuti, itu juga. Jadi saya ingat pandangan Yang Berhormat Sibuti tadi turut diambil oleh kementerian dan pegawai kastam itu mesti pakar dengan GST. Jangan pula datang ke kawasan rumah panjang, orang rakyat bertanya, lain jawabnya. Jadi dia orang hantam balik kepada kerajaan. Bermaknanya GST bagus. Jadi saya mintalah kepada KPDNKK ini supaya melaksanakan lebih terperinci lagi mengenai GST ini supaya ia dapat ditangani oleh kerajaan.

Yang ketiga, dasar baru Butiran 080100 – GST - Tambahan Sewaan Ruang Pejabat. Saya mohonlah kepada KPDNKK, Pejabat Kastam untuk menangani GST ini di kawasan saya langsung tidak ada. Jadi saya mohonlah buat satu di Kapit, satu di Belaga dan satu di Sungai Asap. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kota Melaka.

#### 4.13 ptg.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Ingin saya merujuk kepada Butiran 030100 – Tribunal Tuntutan Pengguna. Saya memang setuju dengan Yang Berhormat Sepang tentang kita perlukan mungkin satu tingkat lagi selain daripada Tribunal Tuntutan Pengguna kerana ada had tentang RM25 ribu ke bawah baru boleh kita buat aduan kepada Tribunal Tuntutan. Ini kerana kita memang selalu dapat aduan tentang pembeli-pembeli kereta baru. Saya beri sebagai contoh, yang keluar beli kereta baru dari kedai atau dari kilang lepas itu rosak, masuk woksyp berkali-kali dan tidak dapat selesaikan tentang ini dan kalau kita rujuk kepada tribunal ini, tidak boleh diterima. Dinasihatkan membawa ini untuk ke mahkamah. Sebab itu saya minta agar kementerian dapat wujudkan satu tingkat dan satu *layer* lagi untuk lebih daripada RM25 ribu, mungkin ada satu cara untuk kita buat tribunal atau kita tuntutan atau untuk menyelesaikan tentang aduan-aduan yang dibangkit.

Butiran 070400 – Subsidi Tepung Gandum. Ini memang saya merasakan kita akan menghadapi satu *change effect*, dengan izin Tuan Pengerusi, kerana kira-kira ikut apa yang terjadi semasa subsidi gula dibatalkan atau ditarik balik, dalam satu tahun, seratus peratus kenaikan harga dari RM1.45 ke RM2.86. Juga, makanan-makanan masak atau yang lain-lain yang ada terlibat menggunakan gula, oleh sebab kenaikan gula, mereka naikan harga sekali lagi. Sekarang jika subsidi tepung gandum ini ditarik balik, mengikut dalam anggaran tidak nampak ada lagi subsidi untuk tepung ini, ini akan ada satu *effect* yang saya ingat mungkin lebih teruk daripada kenaikan harga gula. Minta kementerian dapat mengambil perhatian tentang *effect* ini. So, kita minta adakah satu kajian telah dibuat mengenai *effect* dengan subsidi ditarik balik untuk tepung gandum?

Saya juga ingin minta kementerian ambil perhatian tentang kenaikan lain-lain, rempah-rempah yang diimport seperti rempah jintan manis, jintan putih. Saya ingat sekurang-kurangnya sudah naik 30 peratus tentang harganya dan juga lain-lain rempah, umpamanya rempah dan ubat dari negara China, memang sudah naik hampir 100 peratus. Adakah ini hanya kerana nilai susut ringgit atau lain-lain sebab

seperti kekurangan atau *demand* lebih dari *supply*kah, bagaimanakah? Mungkin kementerian dapat berikan satu penjelasan kepada kita.

Tuan Pengerusi, singkat lagi, saya ada satu lagi perkara yang ingin saya tanya tentang status atau kedudukan koperasi kita. Memandangkan Suruhanjaya Koperasi Malaysia, saya ingat peruntukan untuk tahun depan pun akan dikurangkan, kita tidak nampak bagaimana pembangunan tentang koperasi kita dan agak seperti Yang Berhormat Hulu Langat katakan, tentang ahli-ahli koperasi hendak tuntut mungkin caruman mereka untuk perubatan yang lain-lain pun menghadapi masalah.

Saya ingin minta kementerian beritahu tentang berapakah jumlah koperasi yang kita sedia ada didaftar dengan kementerian dan berapa masih aktif? Aktif maksudnya ada kegiatan mungkin perniagaan untuk membawa kebaikan atau keuntungan untuk ahli-ahli mereka. Juga, berapakah koperasi yang dorman? Dorman ini mungkin hanya mesyuarat, dan tiada sebarang aktiviti. Apakah cadangan oleh kementerian untuk menghidupkan mereka atau bagaimana akan mengatasi tentang kekurangan ini? Dengan itu, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Lipis.

**4.18 ptg.**

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Pengerusi yang memberikan saya ruang untuk turut serta berbahas.

Saya pergi kepada Butiran 01200 – Peningkatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Pada saya, ini satu ketepatan yang sangat baik kalau kita membuat daripada segi kajian peningkatan teknologi dan maklumat. Saya memberi pandangan sedikit sekiranya pihak kementerian KPDNKK boleh mencipta satu aplikasi yang mana kerjasamanya dengan sistem-sistem komunikasi ataupun syarikat-syarikat komunikasi yang boleh mencipta *scan* barang kod bar di mana saya berpendapat dengan sedemikian rupa, maka perkara pertamanya, para pelanggan boleh *scan* sendiri melalui telefon mereka dan dapat tahu berapakah perbelanjaan mereka pada hari tersebut.

■ 1620

Keduanya dapat mengelakkan daripada penipuan sebab kadang-kadang pihak pekedai-pekedai ini ataupun *supermarket-supermarket* ini meletakkan harga, umpamanya ditampal harga RM1 sesuatu barangan tetapi apabila di *scan*, harga tersebut menjadi mungkin RM1.04 ataupun RM1.10. Ini salah satu cara yang dipermainkan oleh mereka. Maka kalau kita menggunakan aplikasi tersebut, *scan* melalui telefon canggih kita pada hari ini, maka mereka dapat mengesan perkara tersebut.

Saya pergi kepada perkara seterusnya iaitu 030000 ataupun 030600 – Pengurusan Sumber Manusia. Mewujudkan sistem pengurusan sumber manusia yang mantap bagi menyokong keperluan bahagian dan cawangan kementerian di negeri-negeri. Ini saya sangat menyokong kerana perkara ini amat penting sekali. Kalau saya sendiri di kawasan Parlimen Lipis, saya dah beritahu dalam ucapan perbahasan saya, tidak ada pejabat KPDNKK. Maka perkara inilah seharusnya diperkukuhkan kerana

dengan wujudnya kakitangan KPDNKK yang tetap, yang bukan dilantik melalui ketua-ketua kampung atau penghulu. Kita hendak supaya mereka dapat apabila pakai sahaja uniform, sekurang-kurangnya para pekedai ini tidak berani sewenang-wenangnya untuk menaikkan harga barang.

Sebenarnya inilah harapan kita ....

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tenom bangun.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Boleh?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Sila.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Lipis, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Lipis berkenaan dengan pejabat KPDNKK. Adakah Yang Berhormat Lipis bersetuju juga sekiranya ada beberapa buah tempat yang tidak mempunyai pejabat KPDNKK, adakah pihak kementerian bersedia bekerjasama dengan badan-badan NGO. Sebagai contoh Persatuan Hal Ehwal Pengguna yang mana juga memainkan peranan untuk memastikan semua harga barang dalam keadaan yang telah ditetapkan oleh pihak kementerian ataupun tidak ada peniaga-peniaga yang sewenang-wenangnya cuba untuk meninggikan harga-harga barang terutamanya barang-barang keperluan. Setujukah Ahli Yang Berhormat Lipis. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Tenom. Sebenarnya inilah jawapan daripada Yang Berhormat Menteri dalam penggulungan perbahasan untuk mewujudkan beberapa NGO seperti ketua kampung, penghulu dan sebagainya supaya mereka juga boleh memantau harga barang-barang tersebut. Akan tetapi pandangan saya sebentar tadi, macam Yang Berhormat Tenom kata, saya juga di Lipis sama seperti Tenom, tidak ada pejabat KPDNKK. Bukan kita tidak boleh bergantung pada NGO ini tetapi apakah kuasa mereka sebenarnya yang boleh membantu dalam hal ini. Ia hanya boleh melaporkan dan tidak boleh menggunakan penguatkuasaan. Kalau yang beruniform daripada KPDNKK sendiri yang turun, dia boleh melakukan penguatkuasaan.

Macam saya di Lipis, kalau kita berhubung kepada KPDNKK, mereka bukan tidak datang tetapi sedikit lambat untuk sampai ke kawasan-kawasan tersebut. Maka ini yang, kalau boleh kalau ada yang tetap, sentiasa membuat rondaan, maka mungkin kekurangan berlaku kenaikan harga yang serius saya katakan yang peniaga-peniaga ini sering tidak jujur dalam melaksanakan kawalan harga tersebut.

Jadi sebab itu saya hendak sambung kepada 030300 – Penyelidikan dan Dasar. Penyelidikan, ini sangat penting, R&D sangat penting kerana bukan sahaja untuk teknologi tinggi sebagaimana ucapan dasar saya, untuk juga membuat kajian harga-harga tertentu. Dengan inilah kita boleh tahu berapakah kos sebenar, adakah barang-barang ini berkualiti, ada berapa banyak dia mengeluarkan barang-barang ini.

Maka kita dapat memastikan bahawasanya mereka tidak boleh mengambil sewenang-wenangnya atas harga-harga barang. Pada pandangan saya, KPDNKK ini satu kementerian yang sangat penting dewasa ini kerana ia melibatkan rakyat hampir 30 juta di negara kita yang kebanyakannya semua akan menggunakan barang-barang makanan khususnya, pakaian dan sebagainya. Jadi sebab itu saya



katakan ia menjadi organ yang amat penting dalam organisasi kerajaan. Maka inilah yang seharusnya kita lakukan untuk memastikan semua orang bertanggungjawab dalam hal menentukan harga barang-barang ini.

Yang terakhir, persoalan pembekalan minyak seperti yang dibangkitkan oleh rakan saya Hulu Rajang tadi. Saya berpendapat bahawasanya apakah kaedah yang KPDNKK nak menyelesaikan masalah seperti diesel umpamanya. Saya juga didatangi ramai oleh pengusaha-pengusaha perladangan umpamanya yang membuka ladang baru. Mereka menggunakan *bulldozer*, menggunakan eskalator, menggunakan jentolak-jentolak lain sedangkan mereka terpaksa, *bulldozer* ini tidak boleh macam kereta hendak berjalan atas jalan raya, pergi stesen minyak, tuang minyak, tidak boleh. Kena terpaksa menggunakan Hilux mengisi minyak untuk diangkut ke kawasan-kawasan pekerjaan tersebut tetapi apabila melebihi had tertentu, mereka akan ditangkap kalau kebetulan KPDNKK ada buat rondaan, ada terima laporan. Stesen minyak pun kena, pembeli pun kena saman oleh KPDNKK. Akan tetapi dalam hal ini, KPDNKK saya minta beri jawapan bagaimanakah kaedah untuk membawa diesel ini ke destinasi pekerjaan mereka. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya mohon menyokong.

#### 4.27 ptg.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Pengerusi memberi ruang kepada saya untuk berbahas dalam B.25 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna.

Saya hendak mulakan dengan 010000 – Pengurusan. Cuma saya hendak menyentuh kerana Suruhanjaya Syarikat ini di bawah KPDNKK dan Suruhanjaya Syarikat juga bertanggungjawab untuk pendaftaran yayasan. Cuma yang saya hendak minta penjelasan, apakah kerajaan tidak berhasrat untuk menyelaraskan semua penubuhan-penubuhan yayasan ini untuk berada di bawah KPDNKK, di bawah Suruhanjaya Syarikat ini khususnya?

Setakat *last* saya lihat ada tiga buah cabang penubuhan. Pertama, di bawah Suruhanjaya Syarikat. Yang keduanya di bawah Bahagian Hal Undang-undang di bawah Jabatan Perdana Menteri kalau tidak silap saya. Ketiganya di bawah Akta Pertubuhan kalau tidak silap di ingatan saya. Jadi nampak macam tidak ada satu penyelarasan dan sukar untuk membuat penyeliaan dan kawalan. Contoh saya katakan apabila timbul YAPEIM iaitu Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam. Ia ditubuhkan kalau tidak silap saya, di bawah Bahagian Perundangan, di bawah Ikatan Amanah di bawah Hal Ehwal Perundangan, Jabatan Perdana Menteri. Akan tetapi kerajaan menjawab, ia berlepas tangan itu bukan di bawah tanggungjawabnya, ia NGO. Semuanya begitulah, bermakna tidak ada satu kebertanggungjawaban yang diambil untuk melihat dan mengawal agensi-agensi khususnya seperti yayasan ini yang membabitkan wang kepentingan sumbangan orang ramai.

Jadi saya hendak minta penjelasan daripada pihak kerajaan, apa kerajaan berhasrat untuk nak selaraskan penubuhan yayasan ini semuanya duduk di bawah KPDNKK khususnya di bawah Suruhanjaya yang suruhanjaya ini mempunyai tanggungjawab yang besar untuk hendak kawal selia

macam sampai dua 'buah besar' pendapatan tidak ada *limited*, maknanya sampai RM80,000 sebulan. Kemudian perbelanjaan kursus itu, kursus kahwin, lepas ini mungkin kursus mandi mayat pula hendak buat di Paris. Saya dengar kata mungkin mereka hendak buat kursus mandi mayat, pengurusan jenazah hendak buat di Paris takut kalau orang Islam, pelajar-pelajar kita mati di Paris itu tidak siapa hendak urus jenazah mengikut kaedah Islam. Jadi ini yang menyebabkan berlaku perbelanjaan-perbelanjaan yang tidak sepatutnya berlaku.

■1630

Yang kedua Tuan Pengerusi ialah berkaitan dengan 040000 – Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Saya ingin dapatkan penjelasan berkaitan dengan apa yang saya pernah bangkitkan di suatu ketika dahulu iaitu isu Bank Rakyat yang diselia di bawah Suruhanjaya Koperasi ini kerana ia adalah Bank Koperasi. Apakah langkah-langkah dan tindakan diambil oleh pihak kementerian untuk memastikan supaya keadaan yang berlaku dahulu itu tidak akan berulang kembali dan apa penyelesaian kepada skandal pinjaman yang dibuat oleh Deepak Jaikishan itu?

Adakah suruhanjaya menyetujui kaedah dan cara yang telah pun diputuskan oleh Menteri suatu ketika dahulu bertepatan dengan prosedur perundangan dan sebagainya dan adakah dia masih berjalan ataupun kerajaan telah pun mengubah, pihak Bank Rakyat telah pun mengubah tatacara hutang-hutang yang telah pun dibuat dahulu? Sebabnya saya melihat sehingga kini menunjukkan bahawa Bank Rakyat ini agak menurun dia punya keuntungannya agak menurun. Daripada segi keuntungan pulangan balik kepada ahli-ahli yang mencarum dalam Bank Rakyat juga berkurangan. Dahulu dia *top*, atas mengatasi semua...

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Jadi ini menunjukkan kadang-kadang saya dimaklumkan bahawa kesukaran orang hendak buat pinjaman. Hanya pinjaman untuk kakitangan awam. Kakitangan swasta itu pun sedikit sangat yang boleh buat pinjaman kerana mungkin apakah ini kerana ada masalah kewangan. Sila, sila Yang Berhormat Sungai Petani.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak tanya Yang Berhormat Pokok Sena. Setujukah Yang Berhormat Pokok Sena dengan saya bahawa kementerian harus mempunyai garis panduan dan juga kuasa bagi memandu yayasan ataupun bank seperti Bank Rakyat ini. Walaupun apa yang diputuskan oleh bank, bank Lembaga tetapi kalau Lembaga putuskan pemberian kepada kakitangan ataupun urusan-urusan lain yang melibatkan kakitangan ataupun pegawai-pegawai di luar jangkauan kita, luar biasa keadaannya.

Maka di sini harus kementerian mempunyai kuasa sekurang-kurangnya memandu balik keadaan supaya tidak berlaku salah guna kuasa dan salah guna kedudukan. Apakah Yang Berhormat Pokok Sena setuju supaya kementerian harus mempunyai kuasa itu paling tidaknya? Terima kasih.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih. Ya, saya bersetuju tetapi, saya setuju terima kasih. Saya setuju apa yang disebut oleh Yang Berhormat Sungai Petani. Kementerian harus ada kuasa. Kuasa itu mesti dihadkan, maknanya mesti diberikan kepada Suruhanjaya Koperasi ini.

Contoh, dia tidak boleh beri kuasa yang besar begitu kepada Menteri. Apa yang berlaku dalam kes Bank Rakyat dahulu ini kerana kuasa Menteri itu telah berlaku secara meluas. Tidak ada kawalan kepada kuasa Menteri, ini yang berbahaya apabila Menteri boleh kautim dengan peminjam duduk dalam bilik buat proses baru, MoU begitulah. Maknanya pembayaran, akhirnya itulah yang berlaku. Jadi sebab itu bagi saya kawalan itu mesti diberikan kuasa penuh kepada Suruhanjaya Koperasi bukan memberikan kuasa yang terlalu luas kepada Menteri. Jadi ini yang saya hendak minta penjelasan daripada pihak kerajaan.

Begitu juga saya dimaklumkan, ada *report* kepada saya bahawa ada kegunaan-kegunaan kereta yang dilakukan, yang sepatutnya digunakan untuk kemudahan pegawai atasan untuk kegunaan kerja tetapi telah diguna untuk kegunaan keluarga. Jadi saya minta ini perlu ada penyiasatan kerana *report* yang sampai kepada saya. Begitu juga dengan tentang kedudukan Rakyat Corporation Sdn. Bhd. iaitu anak syarikat Bank Rakyat yang telah mengalami kerugian suatu ketika dahulu dan diambil tindakan mahkamah. Jadi apa kedudukan, status syarikat ataupun Rakyat Corporation ini.

Kemudian, seterusnya saya hendak menyentuh 010700 dan iaitu Penguat kuasa dan 020100 – Perdagangan Dalam Negeri. Saya hendak dapatkan penjelasan kerana kerajaan telah mengumumkan bahawa harga-harga barang yang dikenakan GST, selepas pelaksanaan GST ini, dalam tempoh 18 bulan bermula Januari 2015 sampai Jun 2016, dia punya margin keuntungan itu tidak boleh melebihi keuntungan bersih yang telah pun ditetapkan oleh kerajaan dalam tempoh 18 bulan. Dia tidak boleh naik sudah.

Maknanya kalau lebih RM10, RM10 lah untung, itu ditentukan. Akan tetapi apa yang menimbulkan persoalan, *report* yang sampai kepada saya ialah peniaga ini menaikkan harga dengan beralaskan kepada ini kenaikan kos. Kenaikan kos, jadi dia terpaksa menaikkan harga. Jadi, saya hendak minta penjelasan daripada pihak kerajaan, macam mana pihak kerajaan hendak tentukan itu betul kenaikan kos bukan kenaikan margin keuntungan bersih itu melebihi daripada keuntungan bersih.

Maknanya dia hendak tahu adakah kerajaan, pihak penguat kuasa, pihak kementerian tahu bahawa kos sebanyak ini, jadi kenaikan itu memang kenaikan kos betul. Kos itu RM2 jadi dia naik pun naik RM2 naik kenaikan kos. Adakah kerajaan boleh tahu maknanya bahawa kos berapa yang dia buat, kos pengeluaran barang itu yang menyebabkan dia berlaku kenaikan. Jadi saya sebut ini untuk hendak memberikan perlindungan kepada pengguna supaya jangan ada peniaga-peniaga yang mengambil kesempatan bersandarkan kepada kenaikan kos tetapi hakikatnya dia menaikkan keuntungan yang melampau. Jadi berselindung di sebalik kenaikan kos.

Kemudian juga berkaitan dengan beras. Beras ST15, tahun hadapan tidak ada sudah. Tahun hadapan tidak ada beras ST15. Saya hendak tanya pihak kementerian kerana akhirnya bila sampai ke kedai ini, pengguna ini di bawah kementerianlah tetapi ST15 ini beras itu di bawah Kementerian Pertanian punya ini tetapi kandungan itu. Macam mana Kementerian Pengguna ini hendak tahu kandungan itu betul hancur 15 dan beras putih 5%. Macam mana dia hendak tahu sebab kalau mengikut Laporan Audit yang dibentangkan pada hari ini.

Laporan Audit ini menunjukkan pada pendapat audit, spesifikasi hancur stok beras tidak memuaskan kerana 14 daripada 16 buah sampel, 87.5% adalah melebihi spesifikasi hancur yang ditetapkan. Dia lebih, hancur itu lebih bukan 15%, bukan 15%. Jadi, adakah selama ini selama pelaksanaan beras ST15 ini, Kementerian Hal Ehwal Pengguna ini dapat pasti bahawa yang dijual itu betul-betul beras yang mempunyai spesifikasi hancurnya tidak lebih daripada 15%.

Jadi apa yang berlaku dalam Laporan Audit ini cukup jelas, Tuan Pengerusi. Saya pun hairan macam mana salah guna kuasa di peringkat Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akhirnya tahun hadapan rakyat susah yang jadi mangsa. Rakyat miskin yang jadi mangsa sebab kalau disebut ini pada pendapat audit, kuota beras yang diberikan kepada pemborong tidak melalui proses pemilihan macam tender kepada pemborong-pemborong ini...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Diberi berasaskan kepada senarai yang ada kepada Menteri. Senarai yang ada pada Menteri, jadi akhirnya beras itu tidak cukup dia punya kualitasnya, hancur lebih, maka inilah yang menjadi mangsanya ialah masyarakat dan rakyat dalam negara kita. Sekejap, Tuan Pengerusi bila Tuan Pengerusi kata tadi kalau Yang Berhormat Pokok Sena 5 minit memang tidak cukup. Ini memang tidak cukup sungguhlah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sekarang sudah 11 minit.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** [Ketawa] Sedikit lagi. Baik 030400 – Standard Kepenggunaan iaitu isu rokok elektrik ini, rokok makna *vape*. *Vape*, kerajaan, Kementerian Hal Ehwal Pengguna dalam kenyataan, ada menyebut bahawa bakal memperkenalkan penyelarasan harga e-Rokok. Hendak selaraskan harga. Saya hendak bangkitkan ialah bila hendak selaraskan harga, ini akan menyebabkan harga *vape* ini akan berkemungkinan akan naik harga bila diselaraskan. Bila diselaraskan, akhirnya sampai kepada kena cukai, harga ini akan meningkat.

Oleh sebab saya lihat bahawa *vape* ini macam tidak boleh hendak *control*, tetapi saya bersetujulah bahawa dari satu sudut iaitu Kementerian Hal Ehwal Pengguna ini akan agak lebih lunak untuk melihat isu *vape* ini.

#### ■1640

Akan tetapi persoalannya ialah apakah keperluan untuk kementerian Pengguna ini untuk hendak selaraskan harga tetapi sepatutnya apa yang sepatutnya dilakukan oleh Kementerian Pengguna ialah untuk selaraskan standard daripada segi keselamatan untuk tidak membahayakan pengguna *vape*. Itu yang sepatutnya dilakukan oleh Kementerian KPDNKK ini, bukannya menyelaraskan harga. Bila menyelaraskan harga, ini akan menyebabkan harga *vape* itu akan meningkat naik dan ini sudah tentu tidak akan menyelesaikan masalah. Rokok pun naik harga, yang ini pun naik harga, akhirnya ia tidak memberikan apa-apa kebaikan kepada pengguna. Jadi saya minta penjelasan ini kepada pihak kerajaan.

Yang akhir Tuan Pengerusi, 070400 – Subsidi Tepung Gandum ini sekali lagi kawan-kawan tadi sudah bangkit, pasal apa dimansuhkan dan ini akan menyebabkan kenaikan harga roti, harga *cucoq*

Yang Berhormat Sungai Petani, harga *cucoq*, *cucoq*, hendak makan *cucoq* kodok pun payah la ni... [Disampuk] Tak, nak makan *cucoq* kodok, *cucoq* kodok, jemput-jemput, *cucoq* tepung itu... [Disampuk] Tak, dia sendiri buat pun tetapi tepung akan naik hargalah pasal tak ada subsidi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya, tak, saya bercakap bahawa bagi rakyat miskin...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya terpaksa potong wakil satu daripada PAS.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Baik, apa...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih. Saya ingat Naib Presiden PAS kali ini yang KPDNKK tak dapat berucaplah. Baik, Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** [Ketawa] Tuan Pengerusi, tidak habis lagi. Sedikit lagi, sedikit lagi. Macam Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Bagan Serai tak apa, dia banyak duit. Dia boleh pergi Jepun dan sebagainya tetapi...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Pengerusi, saya bersyukur kepada Allah SWT..

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Nanti *sat*..

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Eh, dia patut berhenti dah.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Nantilah *sat*, duduklah dulu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bagan Serai, ya, nak tutup, nak tutup.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Nak tutuplah, nak gulunglah.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** 15 minit ini.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ha, lajulah lalu. Tadi Sepang, beberapa minit tadi dekat setengah jam, tak ada apa pun.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Pengerusi, dia sudah mula merepek.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Okey, duduk, duduk, duduk dulu. Jangan *dok* merepek. Ubat makan tak lagi? Kalau tak makan ubat, *pi* makan *ayaq nyiok*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Jadi saya minta bahawa kenapa ini dimansuhkan sedangkan ini keperluan kepada masyarakat dan rakyat miskin.

Begitu juga dengan akhir sekali 080200 – Bahagian Pengurusan Subsidi Petroleum. Tahun 2015 tak ada tetapi tahun 2016, dia masuk balik RM1.6 juta. Jadi saya hendak tanya apa RM1.6 juta ini untuk pengurusan subsidi sedangkan subsidi petroleum ini sudah dimansuhkan. Jadi apa kegunaan RM1.6 juta dalam peruntukan-peruntukan ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bagan Serai.

4.42 ptg.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 020100 – Perdagangan Dalam Negeri. Tentang kempen penurunan harga barang. Isu kenaikan harga barang ini menjadi satu permasalahan bagi mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana. Isu barangan keperluan asas ini yang tidak mencukupi ketika waktu-waktu tertentu juga perlu dilihat oleh kementerian. Jadi mengapa hal ini terjadi sebenarnya?

Sebagai contoh ketika musim perayaan, bekalan barang keperluan asas menjadi perkara yang membimbangkan dan sering tidak mencukupi. Saya cuba gambarkan Tuan Pengerusi, bila ada orang dia cerita bertalu-talu, berkali-kali tentang perkara yang tidak elok pun, orang akan nampak jadi elok. Kalau hari ini hari Isnin, tiap-tiap hari dia cakap, tiap-tiap kali dia cakap hari ini hari Rabu, jadi orang ingat hari ini hari Rabu tetapi hari ini hari Isnin. Ataupun saya hendak bagi contoh kalau benda yang lebih kasar lagi, ialah kalau benda ini najis, dia kata benda ini kek, lama-lama yang najis ini orang makan sebab orang terkeliru, fahaman yang salah tentang perkara ini.

Jadi apa yang kerajaan sudah buat sekarang ini sebenarnya banyak. Kita Bajet 2016 kita akan buat tahun depan. Saya hendak kena ulang balik ini, *highlight* beberapa Tuan Pengerusi. Sebab banyak sangat kerajaan buat untuk menangani kos sara hidup tetapi apabila kita dengar daripada beberapa orang, seolah-olah macam kerajaan tak tolong, sampai hendak makan *cucoq* kodok pun susah. Ini apa ini? sampai hendak makan *cucoq* kodok, tiga, empat orang bercerita makan *cucoq* kodok susah.

Tuan Pengerusi, jadi saya masalah...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Doktor Bagan Serai, bolehlah dia ada klinik, untung banyak.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** ...Kenaikan harga adalah kerana masalah kronik kerana kita lihat di sini, dasar yang dibuat oleh kerajaan dasar yang telah diteliti. Ini bukan main-main, ini untuk rakyat, mana ada kerajaan hendak bagi rosak rakyat. Dasar itu sudah betul, dasar itu sudah betul tetapi rakyat tak faham kerana ada kejutan-kejutan awal. Macam orang mula buka, mula puasalah, tidak tahan sebab kejutan awal tetapi lama-lama biasa. Dan juga ada mereka ini yang ambil kesempatan. Mereka yang ambil kesempatan ini yang merosakkan. Ditambah pula dengan ada-ada manusia-manusia yang mengelirukan yang bagi rakyat jadi susah macam saya kata itu tadi.

Tuan Pengerusi, apakah mekanisme yang telah dilancarkan oleh kerajaan dalam memberi kesedaran kepada peniaga, pengilang, pemborong dan sebagainya mengenai etika berniaga? Hari itu minyak naik, barang naik. Semua orang kata minyak naik, barang naik, minyak naik, barang naik. Ini salah kerajaan. Bila minyak turun, barang turun?... [Disampuk]

Bila, ya? Harga barang, bila minyak turun, barang tak turun. Jadi kita lihat ada permainan di sini. Jadi kerajaan kena ambil tengoklah. Kita kena pecahkan monopoli peniaga-peniaga besar yang telah mengaut keuntungan yang banyak. Kita kena kawal orang-orang tengah yang mengaut keuntungan dan juga kita kena tengok harga-harga untuk kehidupan sekarang, contohnya rumah dengan harga tinggi.

Kalau kereta harga yang tinggi, ini benda-benda yang diperlukan dan sebagai rakyat yang bijak pengguna, barang-barang yang mahal, yang diletakkan kepada pengguna ikut sesuka hati, barang ini kena boikotlah. Bukan barang-barang asas. Barang-barang ini kadang-kadang bukan barang-barang asas tetapi manusia beli mungkin mengikut nafsunya.

Hari ini GST, hanya jadi satu alasan jahat. GST kita sudah terang lama dah. Kerajaan melalui kementerian sudah turun banyak dah cerita, banyak juga komplot, banyak tempat kawasan sehingga pedalaman, *mass media*, TV dan sebagainya menceritakan kebaikan kenapa kita buat GST [*Tepuk*] Akan tetapi hari ini ada golongan yang mengelirukan. GST sudah naiklah, ini semua naik, jadi menyebabkan manusia semuanya takut. Kerajaan kena ambil iktibar perkara ini. Kutipan untuk GST pastikan diuruskan kepada orang-orang yang memerlukan. Kita hendak hari ini kalau subsidi itu subsidi yang bersasar, menolong orang susah, rakyat di negara ini. Ini yang penting, ini yang kerajaan cuba hendak buat. Kerajaan cuba hendak buat dengan membesarkan percukaian, tahap percukaian ini.

Jadi hari ini saya hendak ulang sedikit Tuan Pengerusi, bahawa sikap manusia-manusia yang tamak ini. Ini kita kena ini, sebab itu saya sehingga 31 Disember 2014, sebanyak lebih 2.084 juta pemeriksaan telah dilakukan dan 5,924 tindakan undang-undang telah diambil ke atas peniaga yang melibatkan rampasan bernilai RM1.213 juta dan kompaun sebanyak RM323,600.80. Selain kempen menurunkan harga barang, bagaimanakah kerajaan mengendalikan masalah sikap peniaga yang menaikkan harga sesuka hati? Ini kerana bila ada monopoli, bila ada kontrol, maka dinaikan sesuka hati, ini yang masalah. Bukan GST yang masalah. Kita kena lihat di mana yang masalah. Saya tak kata GST itu terus senang, mudah. Tuan Pengerusi, GST telah dilaksanakan lebih daripada 160 buah negara. Tidak ada negara yang bankrap...

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Boleh?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** GST telah dilaksanakan untuk membela rakyat sebab pengurusan duit itu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Rasah bangun, Yang Berhormat Rasah bangun.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Sedikit boleh?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sekejap, saya pun tak lama ini, saya pun tak lama.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Sedikit sahaja, sikit. Sedikit sahaja.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Macam Yang Berhormat Pokok Sena juga, bukan? Yang Berhormat Pokok Sena, bagi lima minit, dia bantai 15 minit. Selepas itu dia kata orang...

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Saya cuma sikit sahaja.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sebenarnya dia yang tak makan...

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Boleh, boleh...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ini apa ini? Ya?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tak apa Yang Berhormat Pokok Sena. Yang Berhormat Pokok Sena boleh duduk.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terlajak makan ubat apa ini?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Pokok Sena, Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Pokok Sena boleh duduk, makan ubat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Ketawa]* Dos lebih itu.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Selain daripada kempen penurunan harga barang yang dijalankan, harus dibuat dengan lebih kerap. Itu satu lagi. Lebih kerap dan promosi terhadap kempen ini perlu diperluaskan supaya masyarakat umum sedar dan boleh berbelanja dengan berhemah. Kita kena bijak sebagai pengguna. Kita kena bijak, kita kena ukur dengan badan kita sendiri. Ayuh, kita guna barang-barang asal. Saya sudah ulang banyak kali, Yang Berhormat Pokok Sena dia boleh bawa kereta mewah, dia kaya. *Biaq pi* kena GST. Dia boleh makan di restoran yang mahal-mahal, tak apalah ya, bukan. Restoran mahal, cekodok mahal. Patut dia kena GST.

Tuan Pengerusi, pelbagai inisiatif telah dilakukan oleh kerajaan untuk memastikan setiap barang yang dijual berkualiti dengan harga yang berpatutan. Ini cerita barang. Antaranya, kita tengok Kedai Rakyat 1Malaysia. Jadi kita banyak lagilah, kena banyak lagi. Mungkin ada cara-cara supaya orang kaya tak boleh pergi beli dekat kedai 1Malaysia. Kenapakah orang kaya pergi beli sana? Ada had-had contohnya mungkin satu cadangan. Setakat ini terdapat 856 buah Kedai Rakyat 1Malaysia di negara ini. Kita tambah. Berapakah jumlah barangan yang terdapat di Kedai Rakyat 1Malaysia kini yang di *pack* semula dengan menggunakan jenama tersebut dan apakah barangan yang mungkin akan ditambah untuk dijual?

Satu lagi program Tuan Pengerusi ialah program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR) merupakan salah satu lagi *entry point* di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara bagi pemborongan dan pengurusan yang disediakan oleh kementerian ini. Tadi kita tanya apakah statistik terkini peruncit yang telah berdaftar dengan TUKAR ini dan sejauh manakah kadar kejayaan peruncit selepas berdaftar dengan program ini.

#### ■1650

Banyak Tuan Pengerusi. Saya hendak *highlight* lagi sebab apa banyak yang sudah lupa ini. Bajet 2016, keutamaan kelima atau tonggak kelima- meringankan kos sara hidup rakyat. Pertama, meningkatkan taraf hidup isi rumah B40. Ini macam-macam cara hendak tolong. Latihan kemahiran, bantuan kredit, TEKUN, Amanah Ikhtiar, wang peruntukan dari KKLW, tolong bantu untuk mendapatkan pekerjaan...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Klinik Bagan Serai murah.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Membantu pesawah, pekebun kecil dan penoreh getah.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak kena bayar duit...



**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ini orang susahlah. Orang yang senang dia tidak bising. Dia tidak bising pasal benda ini.

**Seorang Ahli:** Macam Yang Berhormat Pokok Sena itu.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Macam apa?

**Beberapa Ahli:** Macam Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Semua kata macam Yang Berhormat Pokok Sena. Bukan saya sendiri kata. Tuan Pengerusi, menyediakan rumah mampu milik.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Boleh pergi Klinik Bagan Serai, tidak usah...  
[Ketawa]

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Perkhidmatan kesihatan berkualiti. Ini untuk siapa? Orang-orang yang banyak duit ini pergilah hospital swasta, bayar lah, bayar lah. Ini kerana kita hari ini sedang fikir bagaimana untuk meringankan kos hidup rakyat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang tidak ada duit pergi Klinik Bagan Serai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Memperkukuhkan sistem jaringan perlindungan sosial, orang OKU. Memperkukuhkan pengurusan bencana alam. Sekarang ini banjir, yang kena banjir siapa? Kebanyakan orang susah Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bagan Serai, satu minit lagi.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Satu minit ya. Macam di Bagan Serai sekarang ini. Bagan Serai sekarang ini ada lebih dari 100 orang duduk di penempatan banjir, Sekolah Rendah Changkat Lobak, Sekolah di Bukit Merah 100 orang dan lebih kurang 20 hingga 50 *family* terkandas. Mereka inilah orang yang susah. Jadi, oleh sebab itu kerajaan ini- lihat orang yang B40, memperkukuhkan pengurusan bencana alam. Tambah duit dekat situ.

Menghargai perkhidmatan awam. Gaji naik, paras gaji naik, dapat lagi bonus dan akhirnya bantuan BR1M. Bantuan BR1M ini banyak. Sekarang dapat RM1,000 untuk RM3,000 ke bawah. Ada lagi mereka yang berpendapatan lebih rendah dapat lagi melalui e-Kasih RM1,050 dan lain-lain mendapat Skim Khairat Kematian, menambahkan pendapatan boleh guna M40. Orang yang berpendapatan sederhana dikurangkan banyak lapisan percukaian supaya dia dapat guna duit dia.

Jadi, Tuan Pengerusi, kerajaan buat banyak dah. Saya merayulah pada rakyat, pada semua jangan terkeliru dengar kata-kata yang mengatakan macam-macam keburukan apa yang kerajaan buat sebab kerajaan sudah buat elok-elok dah. Sudah elok apa yang kerajaan buat. Oleh sebab itu dalam perbahasan ini saya menekankan bahawa apa yang kerajaan buat hari ini adalah satu yang sangat baik untuk membawa rakyat hidup sejahtera dan untuk bawa negara kita menjadi negara maju. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ikut cakap Tuan Pengerusi. Saya tidak macam Yang Berhormat Pokok Sena. Lima minit jadi 15 minit.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

**4.52 ptg.**

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk Kepala Butiran 010700 – Penguat Kuasa (Ibu Pejabat) dan juga Butiran 020100 – Perdagangan Dalam Negeri.

Saya juga hendak timbulkan masalah sindiket palsu gores dan menang sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Seputeh di mana pejabat saya menerima tiga kes. Kes gores dan menang ini di mana mereka telah pun ditipu sebanyak RM66,000 dan mangsa kedua ditipu sebanyak RM34,000. Mangsa ketiga ditipu sebanyak RM46,000. Modus operasi dia tidak serupa dahulu Tuan Pengerusi. Sekarang mereka menggunakan ugutan untuk memaksa mangsa itu pergi pejabat dan bagi *brainwash* untuk menakutkan mereka, ugut keluarga mereka untuk supaya mereka pergi bank untuk mengeluarkan wang.

Ada satu kes berlaku pada hari Ahad, bank tidak buka tetapi dia bawa mangsa ini pergi sampai ke Genting Highlands di kasino untuk mengeluarkan wang tunai RM20,000. Laporan polis pun telah dibuat di mana saya akan timbulkan masalah ini semasa Jawatankuasa KDN di mana saya dapati ada sesetengah pihak polis juga bersubahat dengan sindiket gores dan menang ini. Saya akan bagi contoh-contoh semasa perbahasan saya.

Saya hanya hendak bangkitkan syarikat yang terlibat ini sangat aktif di kawasan Seputeh tetapi mangsa yang terkena ini adalah dari kawasan saya, Petaling Jaya Selatan, Syarikat yang saya hendak beritahu kepada KPDNKK ini syarikat yang terlibat ialah 'One World Submit Enterprise'. Nombor syarikat adalah 002427291-T dan alamatnya 16-2-8 Jalan Seri Jati 2, Taman Seri Jati, Off Jalan Puchong, Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur. Syarikat ini pejabatnya sangat *simple* tetapi banyak bilik. Bilik soal untuk menakutkan mangsa-mangsa ini. Walaupun aduan polis sudah dibuat tetapi tidak ada tindakan diambil. Mengapa syarikat ini sampai sekarang masih beroperasi, masih menipu rakyat, ugut rakyat untuk mengeluarkan wang dan akhirnya hanya bagi balik perkakas elektrik sahaja yang tidak bernilai pun.

Saya haraplah di mana kementerian ambil tindakan segera terhadap syarikat walaupun syarikat ini memang dia boleh berpindah ke alamat lain tetapi ambil tindakan untuk sita syarikat ini supaya syarikat ini tidak boleh beroperasi kerana syariat ini masih lagi berterusan untuk menipu rakyat. Menipu mangsa-mangsa terutama orang tua yang mana wang mereka simpan di bank ini untuk kegunaan masa depan tetapi ditipu, dikeluarkan sampai membawa pisau pergi bank untuk ugut mangsa mengeluarkan wang ini. Saya rasa ini satu kejadian yang amat serius. So, saya harap Kementerian KPDNKK ini bersungguh-sungguh untuk menangani syarikat ini. Terima kasih.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Lepas Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat Bukit Gantang, Yang Berhormat Batu Pahat dan Yang Berhormat Menteri jawab. Ringkas-ringkas ya.

**4.57 ptg.**

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan terus kepada *point*. Butiran 010000 – Pengurusan. Butiran kecil 010500 – *Delivery Management Office*.

Bagaimanakah Projek Pemodenan Bengkel Automatif (ATOM) dilaksanakan? Apakah matlamat sebenar program ini dan bagaimanakah pencapaiannya setakat ini? Dianggarkan 180 penyertaan dalam projek ini pada tahun 2016.

Butiran 010700 – Penguat kuasa (Ibu Pejabat). Untuk menguatkuasakan undang-undang perdagangan dalam negeri dan melindungi pengguna, kementerian bercadang untuk membuat 15,000 pemeriksaan premis perniagaan di peringkat ibu pejabat pada tahun 2016. Bagaimanakah penyelarasan pemeriksaan premis perniagaan ibu pejabat dan di peringkat negeri-negeri ini dilaksanakan? Berapakah pemeriksaan premis perniagaan yang telah dilakukan oleh kementerian setakat ini pada tahun 2015 dan jumlah kes-kes yang ditangkap kerana melanggar undang-undang perdagangan dalam negeri? Nyatakan jenis-jenis kesalahan yang paling kerap dilaksanakan oleh peniaga-peniaga yang menjadi masalah utama kepada pihak kementerian.

Butiran 010200 – Tribunal Rayuan Persaingan. Anggaran perbelanjaan untuk Tribunal Rayuan Persaingan bagi tahun 2016 ialah lebih kurang RM690 juta tetapi bilangan kes yang akan didengar dan diputuskan hanyalah dua sahaja pada tahun hadapan. Saya ingin mendapatkan pencerahan Yang Berhormat Menteri kenapakah jumlah yang begitu banyak perlu dibelanjakan untuk dua kes sahaja.

Butiran 020000 – Perdagangan Dalam Negeri. Butiran kecil 020200 – Pembangunan Francais. Nyatakan jumlah perniagaan francais tempatan, dan asing yang beroperasi di negara kita. Saya difahamkan kerajaan mempunyai Skim Pembiayaan Kecil Francais untuk membantu peniaga-peniaga francais. Mohon pencerahan Yang Berhormat Menteri mengenai skim ini, syarat-syarat dan kelayakan untuk mendapatkan bantuan di bawah skim ini. Butiran 040000 – Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Nyatakan jumlah koperasi yang beroperasi secara aktif mengikut negeri?

■1700

Berapakah di antara koperasi-koperasi ini membawa pulangan yang munasabah kepada ahli-ahlinya? Berapakah koperasi yang lumpuh dan memerlukan bantuan daripada pihak kerajaan untuk memulihkan kedudukan kewangan yang lemah? Saya mohon penjelasan daripada menteri bagaimana kredit Tabung Modal Pusingan Koperasi dilaksanakan dan pencapaiannya setakat ini? Berapakah jumlah koperasi yang pernah memohon bantuan daripada tabung bantuan kecemasan koperasi? Berapakah jumlah bantuan yang pernah disalurkan di bawah tabung ini?

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin mengetahui sama ada kementerian ini juga bertanggungjawab dalam kes-kes yang melibatkan skim-skim cepat kaya? Saya rasa kementerian ini

juga harus bertanggungjawab bersama-sama dengan Kementerian Kewangan dan Kementerian Dalam Negeri dalam membendung masalah Skim Cepat Kaya yang semakin meruncing di negara kita.

Saya terima banyak aduan daripada orang ramai bahawa sekarang isu berkaitan dengan Skim Cepat Kaya ini amat berleluasa di mana operator-operator Skim Cepat Kaya ini menggunakan media alternatif seperti menggunakan internet dan sebagainya untuk mempromosikan Skim Cepat Kaya dan ramai yang menjadi mangsa di bawah Skim Cepat Kaya ini. Saya rasa kerajaan harus memberi perhatian yang serius dalam menyelesaikan masalah ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bukit Gantang.

#### **5.02 ptg.**

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. saya hendak menyentuh berkenaan dengan B.25 030200 – Gerakan Kepenggunaan iaitu ini ialah merupakan isu supaya ada di sana kesedaran di kalangan pengguna supaya standard dalam masyarakat ke arah untuk mewujudkan masyarakat *civil society*, dengan izin, supaya gerakan kepenggunaan ini mesti diaktifkan dan sudah tentulah di antaranya perlukan kepada bantuan daripada kementerian. Maka saya mengharapkan supaya NGO-NGO yang aktif di dalam bidang kepenggunaan ini perlu diberikan kerjasama untuk memantau dan memberikan kesedaran kepada pengguna.

Keduanya ialah isu yang sama iaitu berkenaan dengan pendidikan pengguna ini mesti diberikan kesedaran kepada pelajar-pelajar sejak sekolah rendah sampai kepada IPTA ataupun kepada IPTS dan ketiganya saya hendak tanya juga berkenaan gerakan kepenggunaan ini, apa perkembangan Majlis Harga Negara yang pernah dipengerusikan oleh idea dicetuskan oleh mantan Dato' Seri Abdullah Badawi untuk menangani soal isu-isu kepenggunaan dan kenaikan harga barang iaitu Majlis Harga Negara.

Keduanya berkenaan dengan Butiran 030400 – Standard Kepenggunaan. Saya hendak tanya berkenaan dengan bagaimanakah status penggunaan minyak masak. Adakah berlaku minyak masak yang dikitar semula yang digunakan?

Keduanya adakah penggunaan penjualan minyak masak yang dikitar semula ini dibenarkan oleh kementerian? Kalau dibenarkan, adakah ia memenuhi piawai daripada segi standard kesihatan kepada pengguna? Kalau tidak diizinkan, kalau satu kesalahan, berapakah berlakunya tangkapan terhadap mereka yang terlibat dalam penjualan minyak masak yang dikitar semula ini?

Kemudian saya hendak menyentuh tentang tadi B.25 berkenaan dengan isu subsidi tepung gandum. Pada tahun lepas kita dapat sebanyak RM150 juta. Jadi tahun ini tiba-tiba peruntukan ini tidak ada. Walaupun kita tahu GST tepung gandum tidak kena tetapi apabila sudah jadi roti ia kena GST. Itulah dalam keadaan GST tidak kena dan waktu itu subsidi ada lagi. Sekarang subsidi tidak ada. Jadi saya harapkan ini keadaan yang perlu diberi perhatian kembali supaya ini merupakan makanan di kalangan masyarakat ramai di negara kita.

Akhir sekali ialah berkenaan dengan B.25 070600 – Kempen-kempen Kementerian. Jadi kita mengharapkan dalam dunia yang penuh moden ini kementerian mesti menggunakan kemudahan media sosial untuk mengenai barang-barang kawalan dan harga barang standard yang perlu digunakan dengan secara meluas. Projek ini perlu diberikan perhatian kerana dunia hari ini boleh dikatakan semua masyarakat Malaysia ini ada *smart phone*, maka sudah tentu kempen-kempen kesedaran ini boleh digunakan dengan kos yang tidak berapa mahal tetapi memberikan kesan yang baik dan media sosial ini juga perlu *highlight*kan syarikat-syarikat yang menipu pengguna dan menaikkan harga kepada pengguna yang tidak sepatutnya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Batu Pahat.

#### 5.06 ptg.

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak menyentuh Butiran-butiran 04004, 13001, 13003, 13005 dan sebelum itu 050100 tetapi merangkumkan semuanya untuk meringkaskan perbincangan.

Tuan Pengerusi, koperasi ditubuhkan bertujuan untuk memberikan manfaat besar kepada rakyat, pada ahli, meningkatkan keberhasilan anggota, menawarkan barang dan servis lebih murah kepada anggota, membimbing motif berusaha secara berperikemanusiaan, membina sikap jujur dan terbuka, melatih sikap mandiri, melatih menggunakan pendapatan ahli secara efektif, memberikan pinjaman yang mudah kepada ahli, mendidik disiplin dan tanggungjawab, mewujudkan sebuah masyarakat yang sejahtera, memupuk semangat kerjasama dan menyekat perkembangan orang tengah.

Persoalan saya Tuan Pengerusi ialah setakat mana manfaat ini dapat dicapai menerusi gerakan koperasi di Malaysia ini? Adakah satu kajian keberkesanan koperasi di Malaysia yang telah dilaksanakan oleh pihak-pihak yang berkenaan tadi menerusi gerakan pembangunan perniagaannya, infrastrukturnya, pembangunan koperasi dan juga pelaksanaan *training* yang dibuat oleh maktab koperasi? Kalau ada kajian yang telah dibuat, kita ingin tahu, saya ingin tahu apakah ukuran keberkesanan yang dilihat daripada segi misalnya pertambahan ahli, daripada segi perkembangan perniagaan, daripada segi perkembangan aset, daripada segi peluang mereka membuka perniagaan yang besar dan rencana untuk membolehkan mereka terlibat dalam perniagaan yang besar misalnya akhirnya untuk ambil alih KFC misalnya.

Apa langkah-langkah untuk mengatasi ataupun langkah-langkah hasil daripada kajian tadi yang difikirkan oleh kerajaan untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang terdapat kerana Tuan Pengerusi kita melihat kebanyakan koperasi ini hidup segan mati tidak mahu. Tidak ada latihan yang akhirnya ada ukuran KPI daripada segi pencapaiannya. Jadi kita menyarankan supaya ada satu ataupun kita ingin menanyakan seperti yang ditanya oleh rakan-rakan yang sebelum ini, Ahli-ahli Parlimen sebelum ini cuba senaraikan koperasi yang paling berjaya di Malaysia ini *one to ten* dan apakah ukuran-ukuran kejayaannya? Selepas itu, apa sumbangan mereka, sumbangan koperasi yang berjaya ini bagi menjayakan koperasi-koperasi kecil untuk menjadi contoh.

Ketiga, kita ini tanyakan apakah sumbangan koperasi dalam membangunkan semangat keusahawanan dan juga untuk membangunkan semangat mandiri di kalangan masyarakat desa terutama di kalangan belia. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**5.09 ptg.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih rakan-rakan Ahli Yang Berhormat. Ramai sungguh, Tuan Pengerusi. Ada 15 orang.

■1710

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Itu tidak sempat Yang Berhormat Jerlun itu.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Ada 15 orang, itu yang saya catat. Itu belum kira yang mencelah lagi. Lebih dekat 20 orang termasuk yang mencelah.

Tuan Pengerusi, saya akan cuba perelaskan satu persatu kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya juga mohon Ahli-ahli Yang Berhormat sekiranya penjelasan yang saya bagi ini ada lagi pencelahan, mungkin pencelahan itu akan saya jawab kemudian. Apa yang saya akan juruskan ialah persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat pada peringkat awal.

Pertama daripada Yang Berhormat Sepanggar. Terima kasih kepada Yang Berhormat. Pertamanya mengenai dengan langkah-langkah memastikan *community drumming* memberikan manfaat kepada masyarakat. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian telah pun menetapkan beberapa kriteria dalam pemilihan kawasan yang terlibat dalam projek *community drumming*. Antaranya ialah kawasan yang telah dipilih adalah berdasarkan kedudukan harga runcit barang keperluan pengguna di tempat berkenaan atau dalam kes ini, harga RON95 dan diesel melebihi 15 peratus dari harga yang ditetapkan oleh kerajaan.

Kedua, kesukaran penduduk untuk mendapatkan bekalan berdasarkan faktor geografi seperti ketiadaan jalan berturap atau hanya boleh dihubungi melalui jalan air.

Oleh yang demikian, kawasan Sepanggar yang mempunyai akses yang agak baik terhadap bahan-bahan api tersebut tidak terlibat dalam projek *community drumming*. Kawasan Sepanggar terletak di kawasan pinggir bandar Kota Kinabalu. Jadi oleh yang demikian, tidak disenaraikan sebagai salah sebuah kawasan bagi projek *community drumming*.

Mengenai dengan ketirisan bahan api. Antara usaha yang telah dilakukan oleh kementerian bagi mengatasi masalah ketirisan bahan api adalah melaksanakan tindakan penguatkuasaan secara bersepadu dengan kerjasama agensi penguatkuasaan lain seperti Polis Diraja Malaysia, polis marin, Jabatan Laut, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, *Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM)

dan pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk melakukan pemeriksaan secara kerap bagi membendung ketirisan.

Kedua, kita memastikan semua *transporter* yang membawa petrol dan diesel ke kawasan pengedaran diwajibkan untuk mendapat kebenaran di kementerian melalui pengeluaran surat punca bekalan dan mana-mana *transporter* yang membawa petrol dan diesel tanpa kebenaran adalah salah di sisi undang-undang dan boleh disabitkan di bawah seksyen 7(1) Akta Kawalan Bekalan 1961.

Mengenai dengan pemilihan *transporter*, Tuan Pengerusi, bagi program penyeragaman harga, sejak tahun 2010 lagi, kuasa untuk melantik *transporter* telah pun diturunkan ke Lembaga Perolehan Kementerian berdasarkan kriteria pemilihan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan. Antara kriteria yang perlu dipenuhi ialah *transporter* yang dilantik adalah, pertama, *transporter* tempatan yang mahir dengan selok-belok kawasan pengedaran.

Kedua, *transporter* yang dilantik perlu mempunyai kemudahan logistik, pengangkutan yang bersesuaian mengikut keadaan kawasan pengedaran, stor penyimpanan bekalan dan tenaga kerja yang mencukupi untuk melaksanakan projek ini.

Ketiga, *transporter* ini juga perlu mengenal pasti peruncit sedia ada yang berpotensi menyertai projek dan mempunyai lesen runcit barang kawalan dan *transporter* ini juga merupakan syarikat tempatan yang bertapak dan menjalankan perniagaan.

Bagi tahun hadapan, Yang Berhormat, pemilihan *transporter* masih di peringkat semakan. Pertimbangan pada tahun hadapan akan turut mengambil kira prestasi *transporter* pada tahun 2015 iaitu tahun ini dan kementerian juga akan mengambil kira hasil siasatan penguatkuasaan di mana syarikat yang pernah diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 tidak akan dilantik lagi. KPDNKK akan mengemukakan senarai *transporter* yang dipilih kepada Yang Berhormat, *inshaaAllah*, sebaik sahaja dimuktamadkan nanti.

Kedua, Yang Berhormat dari Seputeh. Yang Berhormat Seputeh ini panjang, Tuan Pengerusi. Banyak yang disoalkan...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ya, saya dengar.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Isu mengenai dengan kesalahan mencatat di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan. Untuk makluman Yang Berhormat, tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011, untuk kesalahan mencatat adalah berasaskan kepada Peraturan-peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan bagi menentukan keuntungan bersih yang tidak munasabah yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2015. Mekanisme ini digunakan bagi menentukan pengukuran margin keuntungan bersih bagi setiap item barang berdasarkan perubahan kos barangan atau *cost of good* dan kos operasi dan penguatkuasaan peraturan ini dilaksanakan dengan adil. Setakat ini, peniaga memberi kerjasama yang cukup baik kepada kementerian daripada aspek pematuhan apabila pihak penguat kuasa membuat penyiasatan ataupun pemeriksaan pematuhan terhadap syarikat.

Syarikat terbabit dalam hubungan ini, KPDNKK memberi ruang kepada peniaga untuk mengemukakan justifikasi dan penjelasan sebelum tindakan undang-undang ini diambil. Walau

bagaimanapun, KPDNKK mengambil maklum dan sedar mengenai dengan penguatkuasaan daripada segi margin keuntungan bersih daripada segi amalan praktikal dan bersedia untuk penambahbaikan peraturan-peraturan yang sedia ada.

Mengenai dengan bilangan syarikat yang diambil tindakan, untuk makluman Yang Berhormat, mengenai dengan anti pencatutan ini, selalu saya sebut semasa memberi jawapan di dalam Dewan ini, bermula pada 15 Januari hingga 22 November, jumlah pemeriksaan premis yang kita buat, lebih daripada 1,000,773 pemeriksaan di premis-premis daripada awal tahun hingga 22 November. Daripada segi nilai rampasan yang kita buat, lebih daripada RM1,250,000 jumlah nilai rampasan yang kita buat dan kompaun yang kita kenakan lebih daripada RM896,000.

Jadi, kes-kes ini pelbagai seperti yang Yang Berhormat tahu. Jadi jawapan ini mungkin juga jawapan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan soalan yang sama mengenai dengan penguatkuasaan yang telah kita laksanakan di seluruh negara. Kita akan sentiasa meneruskan pemeriksaan ini dari semasa ke semasa.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Minta penjelasan. Tuan Pengerusi, saya hendak tanya Yang Berhormat, adakah kementerian adakan sesi dialog dengan syarikat yang diserbu ataupun IKS dan tanya apakah masalah mereka dan dapat *feedback* atau maklum balas daripada mereka? Sekarang waktu kemelesetan ekonomi, tidak boleh selalu adakan serbuan, semak, pergi rampas barang orang tanpa tahu kenapakah ini berlaku dan sebagainya. Bukan semua syarikat cuba tipu pelanggannya melalui cara mendapat untung yang terlampau tinggi. Saya dapat aduanlah. Jadi saya hendak tanya sama ada pihak kementerian ada dialog dengan merekakah khususnya, Yang Berhormat?

■1720

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai dengan dialog ataupun pertemuan dengan syarikat-syarikat ataupun peruncit-peruncit yang sedia ada. Untuk makluman Yang Berhormat, sebelum ini saya juga memberi penjelasan mengenai dengan tindakan. Walaupun kompaun dan sebagainya yang telah kita laksanakan, tetapi pada awal Yang Berhormat apabila kita mendapat aduan, kita akan turun ke premis yang diadukan oleh pengguna dan di dlm lawatan dan pemeriksaan kita, kita akan memberi notis. Kita tidak terus rampas ataupun denda, bawa dia ke mahkamah. Kita bagi notis untuk dia beri penjelasan mengenai dengan aduan-aduan yang dibuat oleh pengguna. Jadi melalui notis tersebut, dia akan memberi penjelasan sekiranya aduan itu mengenai harga yang biasa tidak berpatutan dan sebagainya. Kalau jawapan itu bagi segi pandangan kementerian jawapan yang memang munasabah dan betul, tidak ada tindakan yang akan kita buat.

Akan tetapi selalunya kadang-kadang kita bagi tempoh seminggu untuk mereka memberi penjelasan, *depa* tidak jelas. Dia mengambil endah tidak endah, dia tidak bagi jawapan balik, penjelasan dalam notis. Itu juga satu kesalahan yang terus kita ambil kerana mengingkari notis yang diberi oleh pegawai penguat kuasa. Itu pun ada dalam kes-ke ini. Jadi selain daripada itu, terus tindakan-tindakan berterusan akan kita buat. Bukan sahaja kepada peruncit, tetapi juga kepada semua peniaga di semua



peringkat, sama ada pengeluar, pengilang, pemborong dan sebagainya. Jadi kita akan ikut dia punya *step* dari satu kesatu untuk kita dapat maklum balas mengenai dengan aduan-aduan tersebut.

Mengenai dengan isu gores dan menang Yang Berhormat. Ini pun saya ingat dalam Dewan Yang Berhormatlah orang yang kerap kali tanya mengenai dengan gores dan menang. Saya pun minta Yang Berhormat untuk bantu kita, tetapi masih ramai lagi yang terpedaya dengan program gores dan menang. Ramai Ahli Yang Berhormat membangkitkan mengenai dengan isu ini. Pertamanya Yang Berhormat bagi kita daripada segi penguatkuasaan kita meningkatkan penguatkuasaan dengan menempatkan pegawai penguat kuasa ini di lokasi-lokasi yang didapati ada menjalankan aktiviti seperti di stesen minyak ataupun di stesen LRT ataupun di kawasan lapang di tempat *parking* kenderaan di pasar raya-pasar raya besar, kita letakkan.

Akan tetapi semasa penguat kuasa ada di situ, mereka tidak lagi akan berkeliaran di kawasan itu. Dia akan pergi ke tempat lain. Ini biasalah orang berniaga. Yang hendak cari peluang ini hendak tengok kalau ada beruniform ataupun yang boleh dia rasa ini pegawai penguat kuasa, dia kan beredar dengan begitu cepat tetapi tidakkanlah kita hendak tunggu di situ sampai sepanjang masa. Tidak mungkin itu berlaku.

Kedua, kita dapat juga kerjasama penguatkuasaan ini bersama dengan PDRM dan juga pihak berkuas tempatan untuk kita membanteras dan kerjasama pihak pasar raya juga...

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Tuan Pengerusi....

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** ...Kita libatkan supaya mereka memaklumkan aktiviti kalau sekiranya mereka nampak. Untuk Yang Berhormat maklum secara segera kita sampai ke situ...

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Sini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Yang Berhormat Petaling Jaya yang banyak sangat, jumlah yang disebutkan tadi. Sila.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Orang awam ini bukan terpedaya sekarang ini, mereka diugut dan dibawa ke syarikat. Saya sudah bagi alamat, di mana ketiga-tiga kes ini terlibat dengan syarikat yang sama tetapi sampai sekarang tidak ada tindakan yang diambil. Sebab itu saya bagi alamat syarikat ini supaya minta Yang Berhormat Menteri- kita sudah buat banyak laporan polis. Yang tidak dapat selesaikan masalah ini ada di antara polis sendiri yang bersubahat dengan mereka. Boleh kita fikirkan orang yang terlibat dengan gores dan menang ini, mereka boleh keluar masuk balai polis dengan senang. Boleh buat perbincangan dengan mangsa di balai polis, tetapi polis tidak ambil tindakan. Polis bagi alasan, rujuk kepada Kementerian Perdagangan.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat. *InshaaAllah* daripada apa yang Yang Berhormat laporkan tadi, kita akan ambil perhatian. Memang saya akui satu jumlah apabila Yang Berhormat sebut 64,000, 30,000 40,000. Satu jumlah yang besar. Memang itu agak

menakutkan dan yang kena aniaya ini memang orang yang mungkin pada dia selepas dibawa ke pejabat atau ke premis mereka ada ugutan dan sebagainya. Akan tetapi kita perlu hati-hati supaya kita dapat sesuatu yang tepat dan alamat Yang Berhormat bagi tadi, terima kasih banyak. Kita akan perhatikan dengan syarikat tersebut dan alamat yang Yang Berhormat nyatakan tadi untuk kita mengambil tindakan dan tindakan susulan daripada tindakan-tindakan yang sebelum ini.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Jadi ini bermaksud Yang Berhormat, adakah ini bermaksud di kawasan Parlimen saya ada beberapa buah syarikat. Kalau esok saya hantar semua syarikat dengan nama-nama ini, adakah kementerian Yang Berhormat akan hantar orang pergi cari mereka pergi buat siasatan kerana saya tolong *negotiate* dengan mereka, selalu dapat balik 50% ataupun 60% dan banyak barang masih ada di pejabat saya. Saya memang kenal mereka. Pejabat saya kenal mereka.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat. Jadi sebab itu kadang-kadang bila Yang Berhormat, sehingga sampai ke tahap Yang Berhormat *negotiate* dengan syarikat ini. Jadi Yang Berhormat pun tahu kata syarikat ini syarikat gores dan menang. Mereka melakukan banyak penipuan. Jadi sepatutnya masa hendak pergi *negotiate* itu, patut maklum pada kita supaya kita juga boleh bersama dan kita hendak dengar apa dia kata. Yang Berhormat buat senyap-senyap. Diam-diam hendak pergi, kata hendak selesai pada peringkat Yang Berhormat.

Patutnya daripada awal lagi, jangan *negotiate*. Makna kata dia ada syarikat yang menipu. Kenapakah perlu *negotiate*? Sebab itu tilam-tilam banyak di pejabat Yang Berhormat. *Negotiate* dia bagi balik tilam itu. Jadi sepatutnya bukan itu yang harus dilakukan oleh Yang Berhormat tetapi bagi kerjasama pada kita. Yang Berhormat janji dengan dia, okey kita boleh ikut atau pelbagai kita boleh buat supaya kita dapat. Ini kita masuk ke premis-premis ini sudah tidak ada alamat, hendak tutup. Yang Berhormat pun sebut tadi banyak bilik kadang-kadang kedai-kedai itu untuk menipu sahaja. Hari ini ada situ, esok sudah tidak ada. Jadi ini yang terjadi...

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Kota Raja bangun.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Ya.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga Timbalan Menteri. Saya cuma soal gores dan menang ini kita sudah tahu lama satu penipuan. Kalau hendak membuktikan hendak mendakwa akan makan masa yang agak panjang. Tidak bolehkah kementerian mengharamkan terus peraduan-peraduan gores dan menang ini atas alasan bahawa perkara ini sudah menjadi satu perkara yang lumrah penipuan ini. Siapa lagi yang kita hendak lindungi kalau kita tidak lindungi rakyat, peniaga-peniaga ini kita tahu dia menipu. Jadi tidakkah boleh kita mendatangkan dalam akta bahawa sebarang penjualan dan tawaran gores dan menang ini kita haramkan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang skim gores dan menang ini kita sudah bagi tahu kepada orang ramai bahawa ini sebuah syarikat yang menjalankan secara persendirian. Bukan mereka ada buat mendaftar, daftar syarikat itu dan ini. Ini atas kapasiti kadang-kadang perseorangan ataupun *depa* daftar bagi syarikat yang lain. Nama bentuk syarikat itu kadang-kadang berdaftar tetapi bukan dia menjalankan skim gores dan menang. Cuma gores dan menang ini sampingan yang dia buat, dia bagi kepada arahan bagi kepada pekerja-pekerja dia yang mungkin hendak dapat untung ke apa, yang ini kalau dapat, dia akan dapat komisen sebanyak mana, beberapa peratus, berapa persen dan sebagainya. Jadi ini yang berlaku. Akan tetapi syarikat itu didaftar berniaga dia lain tetapi gores dan menang ini sampingan yang diberi kepada orang ramai. Siapa yang boleh dapat pelanggan di tempat-tempat ini, dia pergi. Bukan dia mewakili syarikat tetapi apabila sudah ada persetujuan di situ, dia membawa pergi ke pejabat dia. Daripada situlah bermulanya.

Jadi Yang Berhormat, kita bukan tidak membenarkan gores dan menang ini menjalankan perniagaan ataupun penipuan ini di segala tempat yang saya sebutkan tadi.

■1730

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tuan Pengerusi, jadi maksudnya Yang Berhormat Timbalan Menteri, bolehkah kementerian mengadakan satu *hotline*. Kebanyakannya yang ditipu itu memang orang-orang miskin. Jadi tubuhkan sebuah *hotline* untuk orang telefon kerana dahulu bekas Timbalan CPO Kuala Lumpur pernah bagi nombor, selepas itu kita *follow-up* dengan pegawai polis, tidak ada apa-apa tindakan yang diambil. Jadi, sekarang kalau kementerian menganggap kes seperti ini sangat serius, mungkin boleh ditubuhkan sebuah *hotline* atau memberikan nombor telefon pegawai-pegawai yang bertanggungjawab atas aduan seperti ini dan jika terdapat apa-apa aduan, kami akan turut menghubungi *officer* Yang Berhormat.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Yang Berhormat, saluran aduan ini bukan satu saluran sahaja yang kita sediakan tetapi 11 saluran yang kita sediakan untuk membuat pelbagai aduan, bukan sahaja mengenai dengan peraduan gores dan menang. Ada portal, eAduan KPDNKK, *hotline*, e-mel, SMS, aplikasi telefon pintar, MyKira GST dan Ez-ADU, media sosial, *Twitter*, *Facebook*, semuanya ada. Jadi ini sepatutnya digunakan. Terdapat lebih 11 saluran aduan yang kita sediakan untuk orang ramai mengadu kepada kementerian.

Tuan Pengerusi, ini baru yang ketiga. Ada lagi 12. Kalau terdapat pencelahan yang terlalu banyak, mungkin yang di belakang ini akan dijawab secara bertulis kerana masa tidak mengizinkan. Tuan Pengerusi, sahabat saya Yang Berhormat Tanah Merah membangkitkan mengenai dengan cadangan supaya galakan kepenggunaan dilaksanakan secara bersepadu. Kementerian menghargai cadangan dan keprihatinan Yang Berhormat dalam usaha untuk meningkatkan kuasa pengguna dan kementerian telah mula melaksanakan pelan pemeriksaan pendidikan pengguna jangka panjang mulai tahun 2014 hingga 2020. Terima kasih Yang Berhormat, ini yang telah kita laksanakan.

Seterusnya, kerjasama bersama pasar raya untuk menawarkan harga murah, untuk makluman Yang Berhormat berkenaan Kempen Penurunan Harga. Terdapat ramai juga Ahli-ahli Yang Berhormat

yang telah membangkitkan berkenaan perkara ini. KPNDKK mula menganjurkan Kempen Penurunan Harga ini sejak tahun 2008 lagi dan merupakan salah satu inisiatif kerajaan dengan kerjasama industri peruncitan bagi menawarkan barangan kegunaan harian terutamanya barang-barang keperluan pada harga yang berpatutan.

Saya hendak mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada syarikat-syarikat dan pasar raya-pasar raya yang telah bersama-sama membantu agar Kempen Penurunan Harga ini berjaya ketika ini. Pelancaran ini telah pun dilaksanakan.

Untuk makluman, pada 1 November 2015 sejumlah 60 buah syarikat melibatkan lebih sejuta jenis produk dan 2,699 buah cawangan yang terlibat dalam kempen ini.

Mengenai dengan kos sara hidup di luar bandar, kita sentiasa mengambil langkah-langkah secara berterusan. Salah satunya ialah dengan pewujudan Kedai Rakyat 1Malaysia di luar bandar untuk kita memastikan supaya kos sara hidup rakyat di luar bandar mendapat perhatian. Mengenai dengan perlindungan pengguna, penindasan dan juga penguatkuasaan program untuk kepenggunaan akan dilaksanakan melalui badan-badan bukan kerajaan (NGO). Itu satu cadangan yang baik dan kita sentiasa mendapat kerjasama daripada NGO-NGO untuk membantu daripada segi perlindungan pengguna dan juga pengetahuan untuk menjadi pengguna yang bijak. Tuan Pengerusi, yang keempat daripada Yang Berhormat Sepang. Yang Berhormat Sepang ada di dalam Dewan kah, ada? Kenapakah tidak nampak?... Duduk bawah kah?...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ada.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Jangan tunduk sangat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Tunduk bawah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Jawab dahulu.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Kalau ada Yang Berhormat baru sedap sikit. Terima kasih Yang Berhormat. Berapakah jumlah kes yang telah difailkan di TTPM untuk tahun 2014 hingga 2015?

Untuk makluman, jumlah kes yang telah difailkan bagi tahun 2014 hingga 2015 ialah sebanyak 13,666 kes. Itu jumlah kes yang difailkan yang telah ditanya oleh Yang Berhormat dan tuntutan ini dalam konteks wang pampasan dan tuntutan dalam bentuk barang gantian dan sebagainya.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan mengenai kenapa tidak boleh dibuat peruntukan undang-undang, keputusan TTPM tidak boleh- ini tidak boleh dilaksanakan kerana mahkamah mempunyai kuasa sedia ada dan untuk menyemak apa-apa juga keputusan menerusi proses semakan kehakiman di Mahkamah Tinggi. Walaupun diwajibkan undang-undang beri kepada pihak mahkamah dan juga pihak mahkamah tetap mempunyai kuasa. Jadi itu mengenai Yang Berhormat dan Yang Berhormat lebih maklum kerana Yang Berhormat juga seorang peguam...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sedikit boleh?

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** ...Halangan yang melambatkan proses tuntutan...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri...

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Sekejap. Syarikat telah menggulung tikar itu tidak dapat dikesan. Ini kadang-kadang melambatkan proses dan resit bayaran tidak lengkap dan menyukarkan tuntutan untuk difailkan. Itu alasannya, jawapan yang kita beri.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri, apa yang saya bangkitkan tadi, dalam undang-undang yang ada sekarang, Akta Perlindungan Pengguna ini hanya menyatakan selepas tribunal membuat keputusan, ada peruntukan kata keputusan itu muktamad tetapi tidak ada satu proses rayuan dalam undang-undang itu sendiri, itu yang menyebabkannya mereka pergi ke mahkamah untuk mendapatkan *judicial review*.

Seperti yang saya katakan tadi, kalau kita pergi *judicial review* ia melibatkan kos. Kos *to engage lawyer*, kos untuk kalau kalah dan sebagainya. Jadi saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita masih lagi boleh mengadakan undang-undang. Paling kurang proses tribunal itu mesti ada lagi peringkat seterusnya, selepas tribunal mendengar mesti ada rayuan. Kita mungkin boleh mengambil bekas-bekas hakim yang berpengalaman dan kita boleh meletakkan bahawa keputusan itu, memang mahkamah tidak diberikan kuasa. Kita boleh membuat peruntukan.

Ini kerana saya rasa kalau kita pergi mahkamah, yang menjadi masalahnya ialah kepada pengguna-pengguna yang miskin. Hendak *engage lawyer*, kalau kata tuntutan RM2,000 pakai *lawyer* bawah RM3,000, negatif lagi. Jadi, saya rasa sebab itulah perlu dibuat satu mekanisme dalam akta supaya kita mahu dalam kes seperti ini *speed discovery* sebab kalau undang-undang sekarang ini, sebagai contoh *even Industrial Court* pun kadang-kadang apabila orang itu menang pun sebab pergi ke *Federal Court*. Lambat sangat masanya.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat, *inshaaAllah*...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya minta Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** ...Cadangan Yang Berhormat itu kita akan ambil perhatian. Walau bagaimanapun, macam saya sebut tadi, kalau dia rasa- ini dia boleh kerana sekarang ini kita tidak boleh buat kerana mahkamah mempunyai kuasa sedia ada untuk menyemak apa juga keputusan yang dibuat oleh TTPM. Akan tetapi kalau itu mungkin kita boleh ambil untuk mengadakan perbincangan dan sekiranya perkara itu boleh dilakukan, tidak ada masalah untuk kita laksanakan. Contohnya seperti kenaikan daripada segi jumlah, kalau dahulu RM10,000, Yang Berhormat pun kata sudah sampai RM25,000. Kita sudah bicarakan di TTPM dan hari ini ada juga Yang Berhormat meminta supaya dinaikkan lagi jumlah tuntutan kerana terlibat dengan kenderaan dan sebagainya. Jadi itu kita akan ambil perhatian.

Yang Berhormat Sepang juga telah membangkitkan kes yang melibatkan sewa beli sepanjang tahun ini mulai Januari hingga Oktober 2015. Sebanyak 183 kes telah diambil tindakan ke atas mereka yang melakukan pelbagai kesalahan di bawah Akta Sewa Beli 1967 termasuk menandatangani borang sewa beli yang kosong seperti Yang Berhormat sebut tadi. Mengenai dengan subsidi, ini banyak, subsidi

tepung gandum yang dibangkitkan oleh ramai Ahli-ahli Yang Berhormat seperti Yang Berhormat Pokok Sena dan ramai lagi.

■1740

Untuk makluman, kementerian akan mendapatkan pengesahan dan pertimbangan daripada MoF untuk bajet subsidi tepung gandum tahun 2016. Secara lisan, pihak MoF memaklumkan bajet tepung gandum ini akan disediakan di bawah bajet MoF. Jadi B.11 dan setakat ini untuk bagi segi kajian, kita ada kajian atau penyelidikan berkaitan dengan penarikan subsidi tepung gandum yang dilakukan. Akan tetapi, walau bagaimanapun, seperti yang saya sebut tadi Yang Berhormat, memang Kementerian Kewangan menyebut secara lisan, pihak MoF telah memaklumkan bajet tepung gandum ini akan disediakan di bawah bajet MoF sendiri sebab itu ia tidak letakkan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Jadi itu daripada Yang Berhormat Sepang. Ya?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya, baik Tuan Pengerusi terima kasih. Yang Berhormat Menteri, cuma saya hendak dapatkan kepastian pengakuan lisan daripada MoF itu, apakah sudah dimasukkan dalam bajet ini ataupun akan dimasukkan kemudian? Itu saya hendak minta sebab setakat saya semak, tidak nampak lagi dalam Bajet yang sudah diluluskan ada peruntukan subsidi untuk tepung gandum.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Dari apa yang kita dapat maklum secara lisan itu yang saya sebut tadi, MoF telah maklumkan ada peruntukan di bawah bajet MoF- B.11 itu, secara lisan kepada kita yang saya boleh perjelaskan kepada Yang Berhormatlah. Kalau Yang Berhormat menengok dalam bajet MoF, kalau saya sebut tadi dalam B.11, saya tidak tahulah dalam B.11 yang dia kata. Kita dapat maklum bahawa ada dalam B.11. Memang kita daripada segi kementerian pun kita merasakan subsidi tepung gandum ini dulu memang RM150 juta satu jumlah yang memang besar jumlahnya. Jadi kita tahu pada tahun hadapan kosong. Jadi kita juga bangkit daripada MoF dan itu maklumat yang diberi kepada MoF untuk kita jelaskan pada ini- kerana kita pun rasa juga perlu kerana RM150 juta dengan kosong pada tahun ini...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Maklumat MoF itu bila itu?

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Dia bagi sebelum saya jelas kepada Yang Berhormat, kita dapat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sebelum jelas? Oh, maknanya semasa penyediaan bajet ini maknanya KPDNKK pun tidak sedarlah kata tepung gandum itu tidak tahu duduk di mana?

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Dia kena jelas pada kita. Kita tengok daripada segi bajet kementerian Yang Berhormat. Yang Berhormat, apa yang kita tengok yang saya bawa hari ini ialah bajet yang ada daripada kementerian kita. Luar daripada kementerian itu bukan *concern* KPDNKK. Itu kita tidak- sebab itu bila ada persoalan itu kita pun tanya juga MoF. Jadi sebab itu kalau ada tidak ada sebelum bila, itu terpulang kepada inilah- itu persepsi Yang Berhormat. Akan tetapi apa saya hendak sebut apa yang ada kepada KPDNKK yang diberi sebanyak...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Maknanya MoF mengaku bahawa RM150 juta itu jumlah yang sama?

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Dia kata dalam B.11, dia tidak sebut.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Dia tidak sebut?

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Ya. Tunggu sahajalah.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tunggu apa?...

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Yang Berhormat daripada Langkawi mengenai dengan harga petrol di Pulau Tuba, terima kasih Yang Berhormat. Pulau Tuba Langkawi terlibat dalam projek *Community Drumming* di mana kerajaan menanggung kos pengangkutan petrol RON95 ke Pulau Tuba dan seharusnya harga petrol RON95 dijual pada harga yang ditetapkan oleh kerajaan. Bagi segi Yang Berhormat mengenai mini stesen yang disebut itu akan diambil perhatian untuk kita segerakan, selesaikan perkara tersebut.

Yang Berhormat Hulu Langat. Yang Berhormat Langkawi mengenai dengan penjualan petrol subsidi di LKIM, itu akan kita segerakan Yang Berhormat.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Segerakan harga itu bila Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Secepat mungkin.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Hendak jalan sudah minggu depan.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Okey, kita bagi- minggu ini lesen kita keluarkan.

Yang Berhormat Hulu Langat, apa program pengedaran barang perlu LPG dan *Community Drumming* merupakan subsidi.

Untuk makluman Yang Berhormat, program pengenalan barang perlu LPG dan *Community Drumming* atau juga dikenali sebagai program penyeragaman harga merupakan satu program subsidi di mana kerajaan menanggung kos pengangkutan barang-barang tersebut ke kawasan-kawasan pedalaman bagi memastikan penduduk di kawasan berkenaan menikmati harga barang perlu pada harga yang sama seperti Semenanjung.

Mengenai perincian 1Malaysia 1Harga dan apakah ia bentuk subsidi barang keperluan? Untuk makluman, peruntukan program ini pada tahun 2016 adalah sebanyak RM66,135,400. Dengan program ini rakyat di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan dapat menikmati harga barang keperluan gula, tepung gandum, kegunaan am dan minyak masak pada harga yang sama seperti di Semenanjung.

Yang Berhormat Hulu Rajang...

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya?

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Tambahan sikit hendak tanya yang Suruhanjaya Koperasi Malaysia itu.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Saya akan beri ini kemudian. Apa yang saya dapat saya perjelaskan dahulu. Selepas itu sekejap lagi ada lagi untuk Yang Berhormat Hulu Langat.

Yang Berhormat Hulu Rajang mengenai dengan Kedai Rakyat 1Malaysia. KPDNKK menyambut baik cadangan tersebut untuk mengemukakan senarai barangan kepada rumah-rumah panjang. Kita akan melaksanakan bagi membantu rakyat di rumah panjang memilih produk KR1M yang bersesuaian. Akan kita panjangkan senarai-senarai ini kepada Yang Berhormat dan juga kepada rumah-rumah panjang bagi membantu mereka.

Yang Berhormat Kota Melaka mengenai dengan tingkatkan kepada lebih RM25,000 yang sebut tadi. Salah kita akan ambil tindakan Yang Berhormat. Ini kerana sekarang ini memang hadnya RM25,000. Kalau lepas daripada itu dia mesti kena pergi kepada pihak mahkamah. Jadi kita akan ambil perhatian sekiranya wajar dan mungkin kita boleh pertimbangkan.

Yang Berhormat Lipis, kaedah untuk membawa diesel ke kawasan pedalaman ataupun bagi segi kawasan pembalakan. Untuk makluman Yang Berhormat, cuma mereka perlu memohon permit khas dari pejabat KPDNKK yang berdekatan sahaja. Itu tidak ada- saya ingat tidak, kerana ini barang kawalan. Apa yang perlu mereka buat ialah memohon permit untuk dibawa daripada sebuah kawasan kesatu kawasan. Itu sahaja yang mereka perlu untuk memohon supaya kita bagi kelulusan permit ini untuk mereka bawa untuk bagi segi pembalakan di pedalaman. Ini kerana minyak ini barang kawalan.

Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Pokok Sena ini pun banyak ini. Okey, kalau yang saya ini saya sudah- pertama sekali mengenai ST15. Yang Berhormat spesifikasi beras ini di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Jadi bukan di bawah kawalan KPDNKK. Jadi untuk jawab mengenai dengan ST15 bagi segi peratusan 15- sudah kata bukan setakat 15 *percent*, sudah sampai 30 *percent* ia punya hancur. Itu Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, tugas penguatkuasaan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak, tetapi daripada segi KPDNKK penguat kuasa dia?

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Ya lah, penguat kuasa kita...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Mesti hendak tentukan perlindungan kepada pengguna?

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Bagi segi peratus yang menentukan peratus ini ialah...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Betul, itu saya kata peratus ditentukan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Akan tetapi akhirnya apabila sampai kepada pengguna, pengguna sudah tentu mengharapkan kepada KPDNKK. Dia tidak boleh hendak mengharapkan- sebab apa benda itu dari kilang, kilang sampai kepada peruncit. Jadi dia makan, dia membeli daripada peruncit.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Ya lah, Yang Berhormat menyebut itu mengenai dengan peratus hancur beras itu. Makna kata peratus kehancuran itu ialah yang hendak menentukan peratus ia Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Bagi segi kita kalau sekiranya harga yang dijual itu lain daripada harga yang ditetapkan, itu mungkin tindakan daripada KPDNKK, harga. Akan tetapi



mengenai dengan peratus ia dan sebagainya di bawah seliaan bidang kuasa Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Mengenai dengan *vape*.

■1750

Untuk makluman, apa yang KPDNKK melakukan- yang pertama, kita hendak pastikan standard kepenggunaan di bawah KPDNKK melihat kepada standard dan juga kualiti bagi segi *vape device* berkenaan, yang boleh menjamin, pertama sekali ialah keselamatan pengguna.

Untuk makluman, pada 9 November 2015, satu perbincangan telah dibuat bersama dengan Jabatan Standard Malaysia dan SIRIM di bawah MOSTI untuk menentukan standard piawaian bagi segi *vape* ini. Kajian sedang dilakukan oleh kerajaan dan satu peraturan akan dikeluarkan apabila siap kajian berkenaan di bawah Akta Perlindungan Pengguna. Ini kita masih lagi dalam proses perbincangan mengenai dengan *vape* ini. Jadi, setakat itu jawapan yang boleh saya beri mengenai dengan *vape*.

Mengenai dengan kos bagaimana untuk mengenal pasti dan mengesahkan bahawa berlaku kenaikan kos seperti yang didakwa oleh peniaga dalam penguatkuasaan. Sekiranya ada kenaikan harga disebabkan oleh kenaikan kos, maka pengiraan serta bukti kenaikan kos perlu dikemukakan. Macam saya sebut tadilah, bila kita bagi notis, dia mesti perjelaskan kepada kita mengenai dengan aduan-aduan mengenai dengan kos. Dia tunjuklah dia punya kos itu ini yang dia membeli daripada itu ini, dan sebagainya. Kalau itu munasabah, makna kita tidak akan ambil apa-apa tindakan.

Mengenai dengan peruntukan RM1.6 juta bagi tahun 2016 dan pada tahun 2015 tiada. Peruntukan RM1.6 juta bagi Bahagian Pengurusan Subsidi Petroleum adalah bagi gaji dan emolumen iaitu RM1.2 juta dan perkhidmatan dan bekalan sebanyak RM308,000. Itu daripada RM1.6 juta Yang Berhormat persoalkan.

Daripada Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sekejap, sekejap Yang Berhormat. Tuan Pengerusi, saya semak balik dalam buku yang Yang Berhormat menyebut pasal tepung gandum ini.

Dalam B.11 ini, Butiran 020500 – Subsidi dan Bantuan Tunai, peruntukan RM10 bilion daripada asalnya tahun 2015, RM19 bilion. Sepatutnya kalau logiknya, kalau subsidi tepung gandum RM150 juta itu dipindah ke Kementerian Kewangan, B.11, sepatutnya dia kena naiklah, lebih lagi. Ini daripada RM19 bilion turun kepada RM10 bilion. Jadi kalau boleh kementerian Yang Berhormat dapatkan perincian daripada Kementerian Kewangan untuk bagi kepada kami ini.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih. Kita akan cuba untuk dapatkan perincian.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Saya hendak sambung sedikit. Saya dengar dengan teliti tadi, masih lagi ada subsidi untuk tepung gandum. Saya hendak komitmen daripada kementerian, bagaimanakah hendak memastikan bahawa tiada kenaikan harga untuk tepung gandum pada tahun depan 2016 dan bagaimana kerajaan akan mengawal kenaikan harga tepung gandum ini? Minta penjelasan Yang Berhormat. Terima kasih.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Daripada segi pengawalan, seperti yang sedia ada. Kawalan yang kita buat sekarang ini, itulah kawalan yang akan kita teruskan pada tahun hadapan. Jadi makna kata, kita akan pastikan daripada segi kawalan harga tepung gandum dan sekiranya ada sesuatu perubahan, kita akan nyatakan kepada pengguna ataupun orang ramai kalau ada perubahan-perubahan. Kalau tidak, itulah yang sedia ada, dan kawalan ataupun penguatkuasaan akan kita laksanakan seperti biasa.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sedikit ya Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya pasal tepung gandum ini. Sedikit sahaja, Tuan Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri, boleh jelaskan tak, kalau kita lihat dalam item subsidi tepung gandum, dia memasukkan spesifik dalam kementerian ini, yang saya faham selama ini kementerian ini dapat subsidi untuk tepung gandumlah, maknanya diamanahkan kepada kementerian ini, sedangkan subsidi lain tidak disebut pun.

Jadi saya hendak tanya, adakah apabila tidak diberikan kepada kementerian ini kerana Menteri Kewangan merasakan memang selama ini ada masalah daripada segi pengagihan subsidi itu? Sampai kosong terus, dan selepas itu kata akan bagi melalui bajet daripada Kementerian Kewangan. Saya hendak tanya Menteri, kenapa untuk item tepung gandum ini kosong terus, tiba-tiba katakan secara lisan akan Kementerian Kewangan akan bagi. Adakah kerana Kementerian Kewangan tidak percaya kepada kementerian ini untuk mengagihkan subsidi?

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Itu Yang Berhormat boleh tanya kepada Kementerian Kewanganlah, tak perlu tanya saya.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Menteri, saya hendak sambung yang tadi. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Bermaksud daripada penjelasan Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri tidak menafikan bahawa kemungkinan besar ada kenaikan harga pada tahun depan. Saya *just* perlukan komitmen. Adakah ini bermaksud tahun 2016 ada kenaikan harga atau tidak? Sekiranya ada, ia diramalkan bila? Sekiranya tidak, bilakah ia akan dikaji semula? Terima kasih.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Yang Berhormat, saya tak sebut pun ada kenaikan harga. *Did I mentioned that?* Dengan izin. Saya tak sebut ada kenaikan harga tepung gandum pada tahun hadapan. Yang Berhormat yang sebut.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Ya, saya tidak menafikan. Saya mendapat pemahaman yang sebegitu. Itu yang saya minta penjelasan.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Itu pemahaman Yang Berhormat, apakah boleh buat? Saya tak boleh buat apa-apa, andaian Yang Berhormat begitu. Itu hak Yang Berhormat lah tetapi saya tak ada nyatakan bahawa pada tahun hadapan harga tepung gandum naik. Bukan *statement* daripada saya itu. Itu andaian Yang Berhormat dan Yang Berhormat boleh buat apa jua andaian Yang Berhormat nak buat.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Jawapannya agak senang, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Ya.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Kalau tidak naik, *just* fahamkan bahawa ia tidak akan naik. Itu sahaja.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Saya sebut seperti sedia ada. Makna kata kalau kawalan daripada segi ini, kita buat seperti yang sedang berjalan. Itu sahaja.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Bermaksud tidak akan naik?

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Saya tak kata. Yang Berhormat yang sebut.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Bermaksud tidak akan naik? Bermaksud harga kekal?... [*Dewan riuh*]

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** *You* jangan cuba nak putar belitkan. *You* nak putar belitkan fakta.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Saya bukan putar belit, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** *No* Yang Berhormat...

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Pengerusi, saya meminta penjelasan ada naik atau tidak? Itu sahaja. Naik, cakap naik. Kalau tak naik, tetap tahun 2016, tetap...

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Harga barang, ia bergantung. Kadang-kadang kata tahun ini tak naik, tahun hadapan naik.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** *No*. Situasi sekarang...

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Kadang-kadang kata tahun ini tak turun, tahun hadapan dia turun.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat, disebabkan subsidi dikurangkan begitu banyak, so andaian adalah bahawa harga akan naik. Komitmen itu yang saya perlukan daripada Yang Berhormat.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Saya tak sebut kata harga ini akan naik pada tahun hadapan.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** So, adakah ini bermaksud ia tak akan naik?

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Saya tak kata tak akan naik. Itu Yang Berhormat yang sebut. *I don't mentioned that.*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Nak putar belit. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Petaling Jaya...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Maknanya akan naik juga.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** *No, no. I don't want to comment on that.*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Soalan itu soalan perangkap itu.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Mengenai dengan jumlah syarikat francais. Sehingga setakat 23 November, terdapat 794 buah syarikat francais yang didaftarkan dengan KPDNKK. Sebanyak 552 buah syarikat francais tempatan dan sebanyak 242 buah syarikat francais asing atau pun *foreign franchisor* yang ada dalam negara. Itu bilangannya, Yang Berhormat.

Yang Berhormat Batu Pahat mengenai dengan lantikan latihan dan pendidikan...

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Yang Berhormat Menteri, tadi sebut PJ Selatan, tak ada jawapan?

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Ada. Banyak lagi ini. Tunggu. Mengenai dengan Yang Berhormat Batu Pahat mengenai dengan lantikan latihan dan juga pendidikan koperasi oleh Maktab Koperasi. MKM pada tahun 2014 telah melaksanakan 630 program latihan jangka pendek dengan penyertaan lebih daripada 32,000 orang anggota koperasi untuk memberi pengetahuan dan juga kemahiran. Kedua, MKM juga melaksanakan program jangka panjang iaitu lima program melahirkan anggota profesional di kalangan ahli-ahli koperasi. Itu mengenai koperasi.

Yang Berhormat jangan risau. Mungkin sampai giliran Yang Berhormat. Yang ada pada saya, saya jawab dahulu.

Yang Berhormat Bukit Gantang mengenai status Majlis Harga Barangan Negara ditubuhkan semasa tahun 2008. Yang Berhormat Bukit Gantang bangkitkan tadi. Majlis Harga Barangan Negara atau *National Price Council* telah pun ditubuhkan pada Januari 2008. Lanjutan itu, Sekretariat Majlis Harga Barangan Negara telah diwujudkan di bawah KPDNKK dan di antara fungsi utama Majlis Harga Barangan Negara ialah memantau harga atau mengutip data barang keperluan di pasaran; kedua, kita menyediakan laporan perubahan harga barang; dan ketiga, menjadi sumber rujukan pengguna dalam membuat perbandingan harga dan juga merancang perbelanjaan.

#### ■1800

Pada masa yang sama, Yang Berhormat, Sekretariat Majlis Harga Barangan Negara turut menyelaraskan pelaksanaan program, penyeragaman harga di mana kerajaan menanggung kos pengangkutan dan barangan keperluan bagi memastikan golongan sasaran boleh mendapat harga barang mengikut seperti yang dikawal oleh kerajaan.

Yang Berhormat Batu Gajah...

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sejak ditubuhkan Majlis Harga Barangan Negara ini, apa pandangan daripada pihak kementerian, adakah harga kawalan terhadap kenaikan harga barang itu boleh berlaku? Terima kasih.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang saya sebut tadi, tugas-tugas Majlis Harga Barangan Negara ini selain daripada kita mengawal ataupun memastikan harga barang itu, dia kenaikan harga barang tidak semestinya kalau ada Majlis Harga Barangan Negara pun ada barang-barang kadang-kadang dia naik mengikut keadaan pada masa-masa tertentu, musim-musim dan sebagainya. Jadi selain daripada tugas hakiki Majlis Harga Barangan Negara

ini, seperti yang saya sebut tadi, kita memantau atau kita mengutip data barang-barang keperluan di pasaran dan kita menyediakan laporan perubahan harga barangan ini. Jadi kenaikan memang ada mengikut kadang-kadang musim hujan, permintaan lebih daripada bekalan, harga akan naik sedikit tetapi data-data itu akan kita kutip untuk kita membuat pemantauan bagi segi strategi-strategi yang perlu dilaksanakan oleh pihak kerajaan.

Yang Berhormat Batu Gajah, bilangan koperasi tadi sudah saya sebutkan tadi, bilangan koperasi tidak aktif, banyak bilangannya. Kalau Yang Berhormat hendak, kita akan bagi secara bertulis. Mengenai kredit tabung modal pusingan jumlah koperasi yang menurun pun ada. Kita akan bagi secara bertulis kepada Yang Berhormat kerana jumlahnya terlalu banyak.

Berbalik kepada Yang Berhormat Batu Pahat, saya akan ikut yang mana saya dapat, saya akan bagi jawapan. Hal ini kerana saya hendak jelaskan kepada Yang Berhormat soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sebaik mungkin. Mengenai senarai koperasi 10 yang paling berjaya. Ini kita ada. Pertama ialah Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad. Kedua, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad. Ketujuh, Koperasi Peserta-Peserta FELCRA Malaysia Berhad, dan kalau ada, Yang Berhormat hendak yang ke-10 itu, memang, kalau ikut memang ada senarai ini pada kita. Keempat, Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad, yang kelima Koperasi Kakitangan PETRONAS Berhad, yang keenam Koperasi NLFCS Berhad dan ketujuh Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad, Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad dan memang ada koperasi-koperasi yang ini.

Adakah sumbangan koperasi ini berjaya untuk bantu koperasi kecil? Ya, memang koperasi-koperasi ini telah berjaya melibatkan dalam program *mentor-mentee* mereka untuk koperasi-koperasi kecil yang ada di seluruh negara.

Yang Berhormat Bukit Gantang....

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Yang Berhormat Menteri. Tuan Pengerusi, boleh?

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Yes.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Ya, terima kasih. Yang Berhormat Menteri, tentang koperasi ini saya ada bangkitkan tentang jumlah koperasi yang *dormant*, yang tidak ada kegiatan atau tidak terlibat dalam perniagaan. Adakah dapat angka-angka di sana?

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Secara bertulis, memang ada koperasi yang masih berjalan, yang masih *dormant*, dan koperasi yang perlu kita bagi bantuan yang domain ini supaya dia dapat bergerak. Kita akan bagi jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat.

Yang Berhormat Bukit Gantang mengenai penggunaan media sosial untuk kempen-kempen kesedaran pengguna. Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Gantang, melalui kempen beli barangan buatan Malaysia ini, kementerian telah menggunakan pendekatan interaktif melalui media elektronik seperti media sosial *Facebook*, *Twitter* dan *Instagram* telah menjadi trend terkini terutamanya generasi muda. Itu kita laksanakan Yang Berhormat. Untuk memastikan penggunaan media sosial ini boleh membantu daripada segi kesedaran pengguna.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Yes.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Yang Berhormat Menteri, tadi saya ada bertanya berkaitan dengan kredit tabung modal pusingan koperasi dan juga berkaitan dengan Tabung Bantuan Kecemasan Koperasi. Boleh tidak Yang Berhormat Menteri berikan penjelasan sedikit, bagaimana kedua-dua skim ini berfungsi dan bagaimana ia membantu koperasi ini. Yang Berhormat Menteri tidak jawab tadi. Yang Berhormat hanya sebut tentang bilangan koperasi dan sebagainya akan tetapi tidak beri pencerahan dalam perkara ini. Terima kasih.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Nanti saya akan bagi bila sampai giliran. Banyak lagi ini, Yang Berhormat.

Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan ada menyebut mengenai dengan syarikat One World tadi, telah saya sebut. Okey kita akan ambil alamat ini, terima kasih Yang Berhormat. Kita akan berikan perhatian.

Okey, mengenai hal yang disebut oleh Yang Berhormat Bukit Gantang, mengenai standard minyak masak yang dikitar semula. Untuk makluman, peringkat KPDNKK belum kita berbincang mengenai perkara ini kerana ia melibatkan kualiti makanan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia bawah bahagian kawalan mutu makanan. Itu akan kita adakan perbincangan dengan Kementerian Kesihatan Malaysia. Setakat ini, pihak KPDNKK belum menerima aduan adanya kedai-kedai atau pasar raya yang menjual minyak masak yang telah dikitar semula. Sekiranya ada, kita akan ambil tindakan dan perhatian.

Yang Berhormat Batu Gajah, dalam kes menghasilkan berkaitan perdagangan. Kes yang menghasilkan berkaitan dengan perdagangan. Jumlah kes yang dihasilkan bagi tahun 2015 setakat ini ialah jumlah keseluruhan 10,702 kes kesalahan yang pelbagai seperti tidak ada tanda harga, kesalahan timbang sukat, barangan tiruan, cetak rompak, siaran jualan langsung, penyelewengan subsidi dan sebagainya.

Yang Berhormat Batu Gajah mengenai pencapaian ATOM. Sehingga kini sebanyak 746 buah bengkel telah menyertai program Pemodenan Bengkel Automotif (ATOM) di seluruh negara. Berdasarkan kajian yang kita laksanakan pada tahun 2013 terhadap 154 orang peserta ATOM, 23 ataupun 15% telah menjalani fasa di peringkat jualan 100%. Ini daripada segi peningkatan dalam program ATOM ini. 23%, 35 peningkatan jualan mereka sudah sampai 80%. 70 ataupun 45% peringkat jualan, 40% dan 12% tidak menjalankan perniagaan jualan. Jadi kita sentiasa membuat pemantauan untuk melihat perkembangan-perkembangan mengenai program ATOM ini dan mungkin kita adakan sesi perbincangan untuk kita membantu agar peserta-peserta ATOM ini akan ada peningkatan dari semasa ke semasa.

Yang Berhormat Bagan Serai, mengenai dengan TUKAR. Apa statistik TUKAR dan juga kadar kejayaan peserta TUKAR. Sehingga kini sebanyak 2,181 buah kedai runcit tradisional telah ditransformasikan di bawah program TUKAR di seluruh negara. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan pada tahun 2013, terhadap 80 orang peserta TUKAR daripada ini, 18% ataupun 145 orang responden mengalami peningkatan jualan 100% apabila kita bertukar kepada program TUKAR ini. Dari kedai biasa

ke program TUKAR ada peningkatan 100%. 24% orang responden mengalami peningkatan jualan 80%. 45 % iaitu 363 daripada responden yang kita buat tadi ini, jualan mereka meningkat lebih daripada 40% dan ada 10% yang tidak mengalami perubahan jualan. Mungkin ada di sana sini yang perlu kita perbaiki dan kita memberi kursus dan sebagainya.

■1810

Mengenai dengan jumlah kedai KR1M di seluruh negara, berapakah jumlah KR1M dan juga Kedai Rakyat 1Malaysia? Jumlah KR1M yang beroperasi sehingga kini di seluruh negara 170 buah. Bukan 800 buah. Sebanyak 170 buah Kedai Rakyat 1Malaysia. Sebanyak 170 buah sahaja yang ada di seluruh Parlimen yang mana sasaran kita hendak pastikan supaya setiap Parlimen akan ada sekurang-kurangnya satu Kedai Rakyat 1Malaysia untuk membantu daripada segi sara hidup. Jumlah produk KR1M yang dijual sebanyak 234 SKU di setiap kedai KR1M.

Kerajaan akan menambah bilangan produk macam yang saya sebut tadi dari semasa ke semasa bagi memastikan rakyat berpeluang menggunakan produk tersebut. Hari ini seperti Yang Berhormat menyebut, saya mengucapkan terima kasih, memang diakui dan penerimaan daripada pengguna ataupun orang ramai terhadap kedai KR1M ini telah meningkat. Jadi sebab itu kita merasakan perlu supaya kedai-kedai KR1M ini ada pada tiap-tiap Parlimen di seluruh negara...

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Ya.

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Berhubung dengan kedai KR1M ini adakah rancangan daripada pihak kerajaan pada masa hadapan untuk memberi ruang kepada koperasi-koperasi tempatan untuk mengendalikan kedai-kedai KR1M ini, bukan *outsource* kepada pihak-pihak tertentu seperti yang dijalankan sekarang. Ini untuk mempromosikan budaya koperasi di kalangan rakyat dan memberi peluang yang luas kepada ahli-ahli koperasi menikmati aktiviti-aktiviti perniagaan. Terima kasih.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang kita memberi peluang kepada siapa juga, bukan sahaja koperasi, kepada individu pun sekiranya mereka berminat untuk mewujudkan sebuah Kedai Rakyat 1Malaysia di kawasan masing-masing. Cuma yang perlu untuk permulaan sekarang ini kita tidak bercadang kalau dalam kawasan itu sudah pun wujud kedai KR1M, makna kata dia mesti tengok dalam kawasan Parlimen yang belum ada kedai KR1M. Kalau koperasi, kita cukup menggalakkan koperasi hendak tampil ke hadapan buat permohonan dia berminat hendak mewujudkan kedai KR1M di kawasan-kawasan yang belum ada kedai KR1M. Itu boleh membantu kita supaya kewujudan kedai-kedai KR1M ini akan ada. Bukan sahaja koperasi kadang-kadang ada juga individu yang ingin untuk mewujudkan kedai KR1M ini di kawasan-kawasan Yang Berhormat boleh membuat permohonan kepada kita. Apatah lagi kalau koperasi, Yang Berhormat.

Saya ingat Yang Berhormat Hulu Langat ada mengenai dengan SKM menggunakan peruntukan bagi membantu MOCCIS menyelesaikan yuran. Ini pun satu isu yang memang selalu diperbincangkan mengenai dengan MOCCIS ini.

So, untuk makluman Yang Berhormat Suruhanjaya Koperasi Malaysia sedang dalam proses untuk membincangkan bayaran balik caruman ahli MOCCIS melalui proses pemulihan. Keutamaan akan diberi kepada mereka yang telah lama pencen seperti Yang Berhormat sebut tadi. Walau bagaimanapun, peruntukan mengenai ini sebanyak RM61 juta Yang Berhormat menyebut itu tidak boleh digunakan untuk pemulihan Koperasi di mana ia peruntukan untuk membiayai perbelanjaan operasi suruhanjaya. Jadi kita akan tengok sudut lain dan kita cukup memahami mengenai dengan MOCCIS ini. Kita akan beri perhatian dari semasa ke semasa.

Jadi Tuan Pengerusi, itu sahaja yang dapat saya sampaikan. Mungkin kalau ada apa-apa yang belum ini, kita akan teliti jawapan-jawapan yang belum saya sampaikan, saya akan bagi jawapan secara bertulis kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat. *Wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.*

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM730,101,200 untuk Maksud B.25 di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM730,101,200 untuk Maksud B.25 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM67,340,900 untuk Maksud P.25 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2016 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM67,340,900 untuk Maksud P.25 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2016]*

**Maksud B.27 [Jadual] -  
Maksud P.27 [Anggaran Pembangunan 2016] -**

**Tuan Pengerusi:** Kementerian Kerja Raya. Maksud B.27 dan Maksud P.27 di bawah Kementerian Kerja Raya terbuka untuk dibahas. Sila Yang Berhormat Parit Sulong.

**6.16 ptg.**

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Ada dua perkara sahaja saya hendak cakap. Yang Berhormat Bukit Gantang nanti tunggu giliran, okey. Pertamanya, P.27 Butiran 60000 - Menaik Taraf Jalan dan Laluan.

Saya hendak bertanya kepada pihak kementerian daripada jumlah RM277 juta yang dianggarkan untuk tahun 2016, saya cuma hendak tahu berapakah jumlah yang diperuntukkan untuk baiki jalan-jalan federal di kawasan saya dari kawasan Semerah sehingga ke Batu Pahat.



Manakala daripada jumlah ini jumlah yang diperuntukkan ini saya hendak tahu juga adakah jumlah ini nanti akan cukup untuk menyelesaikan masalah kekerapan berlakunya kerosakan di jalan federal yang saya nyatakan ini. Ini kerana saya sudah ulang banyak kali apabila adanya kerosakan bila dibaiki ia akan rosak semula. Terbaru apabila ada dibuat penurapan baru-baru ini esoknya pun hancur juga. Jadi saya hendak minta kementerian ambil perhatian mengenai perkara ini.

Keduanya, yang saya hendak bangkitkan adalah di bawah Butiran 51000 – Pelbagai Pembinaan (Projek Baru). Saya hendak tahu berapakah jumlah peruntukan ataupun membina lampu-lampu jalan federal yang diletakkan di kawasan saya iaitu jalan daripada Semerah sehingga ke Bagan. Saya berharap jumlah ini nanti- saya juga hendak bertanya kepada pihak kementerian apabila ada peruntukan yang diberikan ini pada tahun depan ini adakah kementerian juga ada memperuntukkan satu alokasi untuk selenggara dan juga untuk bayaran bil-bil lampu itu nanti yang berkaitan dengan lampu-lampu dipasang oleh pihak JKR. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Sila, Yang Berhormat Penampang.

**6.18 ptg.**

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Hanya satu item. Saya merujuk kepada Butiran 060700 berkenaan dengan Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Sabah, Sarawak dan Labuan. Saya ingin bertanya kepada Menteri bahawa pada tahun 2013 Pengarah JKR Sabah telah meminta RM2 bilion untuk *maintain*, dengan izin, jalan raya di Sabah. Oleh sebab banyak jalan raya rosak, banyak jalan raya yang tidak di baik pulih. Baru-baru ini dalam bajet yang dicadang oleh Yang Amat Berhormat Pekan ada lagi penurunan daripada RM160 juta tahun lepas diturunkan kepada RM100 juta untuk penyelenggaraan jalan persekutuan di Sabah.

Satu lagi Menteri berkenaan dengan jalan raya di Penampang. Saya ingin meminta Menteri untuk membuat perhatian dan membaik pulih banyak jalan yang tidak *digravel* ataupun tidak dibaiki oleh kerajaan Sabah. Terima kasih.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi:** Okeylah, Yang Berhormat Limbang.

**6.19 ptg.**

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya ingin hendak merujuk kepada satu perkara iaitu P.27 Butiran 61000 – Naik Taraf Jalan-jalan (Projek Baru).

Saya mengucapkan terima kasih kepada kementerian dan kerajaan kerana telah pun memperuntukkan daripada sebanyak RM140 juta untuk Limbang dan Lawas di mana RM71 juta di Limbang dan RM69 di Lawas. Jadi apa yang saya perhatikan pada masa ini Tuan Pengerusi ialah pelaksanaannya agak lambat. Ini daripada pengamatan saya sendiri. Itu satu.

■1820

Keduanya lagi ialah tentang di sesetengah *chainagelah* di sepanjang jalan ini sebab daripada sempadan Brunei daripada Tedungan menuju ke Temburung hanyalah 52 kilometer. Memangnyanya ia tidak mencukupi tetapi namun kerja-kerja tempat yang dilaksanakan itu terutama sekalinya di sebelah jalan menuju ke Utara iaitu ke Temburung sepanjang 14 kilometer Jalan Pendaruan. Saya banyak menerima aduan daripada rakyat sampai saya pun ditulis surat menuju kepada Pengarah Kerja Raya Sarawak dan saya ada menerima salinannya iaitu tentang perparitan dan sebagainya. Sepatutnya penaiktarafan ini membawa menambahbaikkanlah keadaan jalan yang ada.

Jadi contohnya ialah bagus saya baca barangkali Tuan Pengerusi, kekecewaan ini iaitu tentang perparitan dan pembetulan jalan yang dilaksanakan yang dibuat baru ini lebih mendatangkan keadaan yang terbalik. Kawasan yang tak pernah banjir jadi banjir. Iaitu khususnya di Kampung Sembeling di Jalan Pendaruan di mana betul juga lah saya sendiri yang pergi melihat sendiri yang kawasan tak pernah banjir jadi banjir, pembetulan yang dulu sepatutnya dirancang oleh JKR empat kaki, dipasang dua kaki. Akan tetapi saya tidak menyalahkan mungkin kontraktor yang mana satu mungkin kontraktor kah yang tidak ikut spesifikasi atau spesifikasi memang demikian tetapi mungkin *design* tidak betul, salah kira atau apa-apalah.

Jadi kawasannya, kawasan itu sekarang rumah kawasan PPRT di kampung ini pun sudah banjir bila hujan lebat. Kalau pagar surau Kampung Sembiling sudah condong, retak sebab air bertumpu kawasan ini jadi saya mintalah kalau boleh pihak kementerian Tuan Pengerusi, supaya melihat perkara ini sebab sepatutnya apa yang dibuat ini adalah bertujuan untuk menaiktarafkan membaiki kawasan jalan semakin selesa- *comfort*, *driving comfort* bertambah baik dan sebagainya dan keselamatan juga. Tetapi sebaliknya kawasan sekeliling mendapat musibah daripada penaikan taraf ini.

Kita mengucapkan setinggi terima kasih kepada kerajaan tetapi itulah kena kaji, kena tengok semulalah apa di mana yang tak ngam Tuan Pengerusi mungkin pihak kementerian dapat memperbaiki dan melihat keadaan ini. Keduanya tentang kelambatan ini dipohonlah sebab seperti jalan simpang Kampung Melintang ini yang menuju ke Bandar Seri Begawan lah saya panggil *junction to a killer junction*lah kalau tidak enam, tujuh orang sudah meninggal di sana termasuk mandur kita dululah yang membuat jalan tersebut. Jadi sekarang ini saya perhatikan sudah berapa lama baru diturap dan sebagainya tiang lampu, pencerahan simpang pun belum dibuat dan sebagainya bila lagi. Sebab *this is a very important road* dengan izin jadi saya rasa itulah kita minta kepada kerajaan untuk melihat perkara ini supaya penambahbaikan ini peruntukan yang diberikan itu akan betul-betul nampak berbaloi untuk menaiktaraf jalan yang sedia ada sekarang. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Bukit Gantang.

**6.24 ptg.**

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih menteri. Saya hendak bicara berkenaan dengan B.27 Butiran 080100 – Bayaran Pampasan Tol sebanyak RM593,321,000.

Saya hendak minta penjelasan daripada pihak Menteri. Ini mungkin perjanjian yang dibuat di dalam konsesi tol yang lalu pada zaman rejim yang lalu dan adakah perjanjian yang sama dibuat terhadap kepada pemegang-pemegang konsesi tol sehinggakan kadang-kadang ini membebankan negara dan juga membebankan penggunaan dana awam. Terutama lebuh raya-lebuh raya yang baru dibuka nanti adakah perjanjian ini perjanjian yang kita anggap perjanjian yang membebankan kepada negara dan juga rakyat satu.

Keduanya, apa SOP yang dilakukan oleh pihak konsesi lebuh raya macam PLUS misal katakan iaitu apabila berlakunya kemalangan di *highway* atau jalan raya. Kita bayar tol ini tujuannya hendak laju, hendak cepat malangnya apabila berlaku kemalangan kadang-kadang memakan masa sampai 2 jam ini pengalaman Tuan Pengerusi bukan orang lain pun sama kalau ditanya Yang Berhormat Gerik dan juga rakan-rakan yang lain. Kalau berlakunya kemalangan antara Jelapang dengan Kuala Kangsar itu memakan masa sampai 2 jam. Sedangkan petrol kita kena bayar, tol kita kena bayar, masa kita terbuang. Jadi saya hendak supaya ada satu SOP yang jelas yang dibuat.

Kalau PLUS gagal melakukan benda ini patutnya kena ada satu *clause* yang kita kena penalti dia, yang kita kena denda kepada dia untuk kesenangan kepada pengguna. Isu yang ketiga juga melibatkan soal PLUS mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri mungkin gelak isu ini yang selalu saya bangkit berkenaan dengan bayaran 3% yang dikenakan kepada peniaga R&R. Saya merayu sangat-sangatlah supaya pihak kementerian meminta kepada pihak PLUS supaya bayaran 3% yang dikenakan kepada peniaga ini dimansuhkan. Kalau ikut daripada segi jawapan daripada kementerian kepada saya dulu tahun 2013, pendapatan daripada 3% daripada yang diambil bayaran daripada peniaga-peniaga ini sebanyak RM2.3 juta, tahun 2014 sebanyak RM2.4 juta.

Jadi saya harapkan supaya merayu sangat-sangat supaya bayaran ini dimansuhkan kerana ini untuk membantu peniaga-peniaga yang meniaga di sana dan juga mungkin ini kesan daripada segi sudut harga kepada pengguna yang melalui jalan raya dan singgah di R&R.

Kemudian P.27 iaitu 60000 – Naik Taraf Jalan Raya dan Laluan. Saya minta supaya untuk kementerian memperbaiki untuk jalan raya antara Changkat Jering sampai ke Beruas. Ini kerana jalan itu jalan yang sekarang ini sudah pun banyak kenderaan yang lalu situ kerana untuk mengelak daripada tol dan juga untuk pergi ke pesisiran mengikut jalan pantai untuk pergi ke Kuala Lumpur. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Siapa yang jarang bercakap...?

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Jerlun.

**Tuan Pengerusi:** Siapa yang bercakap...?

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Jerlun belum lagi Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Jerlun belum, okey sila Yang Berhormat Jerlun.

**6.29 ptg.**

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, very quick* sahaja cepat sekali.

Tahniah kepada KKR yang mendapat peruntukan sejumlah RM5.7 bilion keseluruhannya, RM2.2 bilion untuk mengurus dan RM2.7 bilion untuk pembangunan. Saya sekadar ada dua perkara, pertama 60000 – Naik Taraf Jalan Raya dan Laluan saya sering membangkitkan berkaitan naik taraf jalan di sempadan Kota Setar dan sempadan Perlis yang merentasi Jerlun sejauh saya ingat lebih kurang 10 ke 12 kilometer yang saya telah mohon untuk dapat naikkan taraf jadilah seperti antara Alor Setar ke sempadan itu, kemudian dari Kangar ke sempadan Kedah supaya ia tidak nampak *awkward* jalan itu nampak terpinggir. Jadi mohon supaya kementerian dapat mempertimbangkan kalau boleh dimasukkan dalam *Rolling Plan* Pertama untuk RMKe-11.

Seterusnya saya juga ingin bercakap sedikit tentang lebuh raya iaitu berkaitan dengan kepala 81000 – Bina Jalan Baru, Lebuhraya Pantai Barat. Kita sedar bahawa daripada Utara ke Selatan kita mengharapkan PLUS dan selama ini menjadi tulang belakang lebuh raya seluruh negara yang telah berjaya *transform*kan negara dalam bentuk ekonomi, sosial mobiliti dan sebagainya dengan izin. Tetapi saya kira kerajaan juga sedar bahawa ketika ini PLUS pun sudah mencapai tahap tepu walaupun ditambah lorong dan sebagainya.

■1830

Walaupun setengah-setengah pihak mengatakan kenaikan kadar tol dan sebagainya menjadi masalah tetapi permintaan penggunaan Lebuhraya PLUS itu makin meningkat sehinggakan bukan sekadar waktu cuti dan sebagainya, tapi hari minggu pun kita sudah mula merasai bahawa perjalanan itu sudah mula tidak selesa. Kita menghadapi masalah di Seberang Jaya, di Pulau Pinang, di Juru kemudian di terowong di Ipoh dan seterusnya sampai ke Kuala Lumpur.

Jadi apa yang saya difahamkan memang kita tahu kerajaan merancang untuk melaksanakan LPB- Lebuhraya Pantai Barat, Changkat Jering ke Banting, Selangor yang saya kira sudah lama dirancang, dan soalan saya adalah apakah status lebuh raya tersebut? Adakah selesai daripada segi *alignment* ataupun jajaran? Adakah selesai daripada segi *land aquisition* atau pengambilan tanah? Bilakah hendak dimulakan pembinaan? Adakah *agreement* nya sudah selesai dan sebagainya? Ini kerana saya melihat bahawa memang pengguna amat memerlukan lebuh raya tersebut untuk memudahkan lagi, memberi keselesaan kepada pengguna dari utara ke selatan dan juga sebaliknya.

Jadi saya mohon penjelasan daripada kementerian untuk sekurang-kurangnya memberi perasaan lega. Walaupun kita dengar macam-macam orang tidak mahu lebuh raya bertol tapi hakikat sebenarnya saya rasa kita tidak boleh hidup tanpa lebuh raya bertol.

Jadi, itu saja Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kota Raja.

**6.31 ptg.**

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 040100 – Cawangan Kerja Bangunan Am 1.

Sebenarnya saya ingin bertanya, ada sebuah kuarters JKR di Batu 3, Jalan Telok Menegon yang dulu tidak dihuni dan menjadi buruk dan rosak dan kemudian pada tahun 2009 diperbaiki dan sehingga kini kembali balik kepada keadaan asal, persekitarannya penuh dengan semak samun. Persoalan saya, ini kuarters JKR, kenapakah diperbaiki kemudian tidak digunakan? Kalau betul JKR hendak lupuskan, ada juga ramai rakyat yang tidak ada rumah. Batu 3, Jalan Telok Menegon.

Seterusnya saya ingin menyentuh Maksud Pembangunan 27. Saya ingin menyentuh Butiran 60000. Saya hendak bertanya tentang naik taraf Jalan Bukit Kemuning. Saya tanya soalan ini hari itu tapi tidak dapat jawapan. Yang sepatutnya sudah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kalau tidak silap saya, tapi ditunda. Jadi adakah kali ini jalan ini termasuk dalam bajet ini?

Seterusnya saya ingin menyentuh Butiran 81000 – Membina Jalan-jalan Baru (Projek Baru). Tuan Pengerusi, satu projek baru, Projek Lebuhraya Persisiran Pantai Barat Selangor, Banting ke Taiping akan melibatkan kawasan Kota Raja. Jalan ini dikatakan satu projek penswastaaan kerajaan. Saya ingin bertanya nama syarikat yang diberi konsesi. Adakah jalan ini jalan bertol? Berapakah kos pembinaan lebu raya ini? Saya ingin tahu, adakah perjanjian konsesi telah dibuat dengan syarikat ini dan sedikit butiran mungkin untuk menjelaskan kepada rakyat, adakah pada masa depan apabila konsesi ini menaikkan tol, maka ia akan menjadi sekali lagi beban kepada rakyat?

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Yang Berhormat Kota Raja, boleh minta sikit tumpang? Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Kota Raja.

Saya menyentuh persoalan yang sama. Saya difahamkan konsesi tol Lebuhraya Pantai Barat ini akan dibenarkan mengutip tol sepanjang 50 tahun, setengah abad. Ini merupakan konsesi yang paling panjang di sejarah Malaysia. PLUS *highway* pun dulu 30 tahun sahaja tapi *highway* ini akan dibenarkan mengutip tol 50 tahun. Apakah justifikasi atau mengapa syarikat konsesi ini diberikan hak kutip tol begitu panjang?

Kedua, adakah perjanjian ini juga termasuk klausa seperti konsesi tol yang lain di mana kerajaan menjamin syarikat tersebut mendapat keuntungan dan diberikan hak untuk menaikkan tol 10 peratus setiap tiga tahun seperti dulu? Adakah klausa-klausa ini kini telah dibatalkan? Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat jawab. Sekian, terima kasih.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Yang Berhormat Taiping. Ya, saya ingin- sebenarnya Yang Berhormat Taiping telah *raised the question very nicely, thank you* dengan izin, Tuan Pengerusi.

Seterusnya saya ingin mengetahui tentang status kelulusan pengambilan tanah-tanah di Seksyen 2 dan Seksyen 3 sepanjang 11 kilometer Projek Lebuhraya Pesisiran Pantai ini yang melibatkan lebih kurang 100 lot yang terkena kepada, bagi saya, kawasan perumahan yang kumpulan sosioekonomi rendah dan sederhana. Bilangan 100 lot ini kita tidak tahu lagi berapa yang akan ditawarkan oleh pihak kerajaan untuk tanah lot ini, dan menjadi kebimbangan buat masa sekarang, pemilik-pemilik lot-lot tersebut telah dipanggil untuk siasatan dan runding cara untuk ganti rugi, pampasan untuk lot-lot mereka.

Cuma, bagi pihak rakyat yang tinggal di kawasan ini, mereka kalau boleh tidak mahu lebuh raya ini melalui kawasan mereka kerana lebuh raya ini tidaklah memberi keuntungan secara langsung kepada penduduk di Kota Raja, malah akan menyebabkan kesusahan yang amat sangat kepada mereka. Walaupun kita katakan akan diganti ataupun pampasan akan diberi kepada mereka tetapi sekarang ini mereka ada tanah milik dan mereka ada rumah di atas tanah milik ini. Selepas mendapat pampasan dan pampasan ini kita tahu mengikut Sistem Torrens ini, semua nama pemilik-pemilik yang ada di atas tanah itu akan juga mendapat pampasan sama ada rumah mereka ada di atas lot itu atau tidak. Asalkan nama mereka ada dalam geran, mereka akan dapat pampasan.

Jadi yang paling menanggung bebannya mereka yang ada rumah di atas tanah-tanah lot itu dan apabila lebuh raya ini dibina, mereka terpaksa mengosongkan tanah itu dan mereka tidak mungkin lagi, ya, walaupun mahal tanahnya tapi mereka tidak akan mungkin lagi mempunyai, membeli tanah di negeri Selangor lagi dan mereka tidak mungkin membeli sebuah rumah yang selesa dengan jumlah pampasan yang diberi itu.

Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah kemungkinan pihak kementerian dapat mengalih *route* dia ataupun jalan itu ke tempat yang lebih sesuai, yang tidak memberi begitu beratlah beban kepada rakyat? Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Hulu Rajang.

**Tuan Pengerusi:** Siapakah lagi yang belum berhujah?

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Hulu Rajang.

**Tuan Pengerusi:** Ini semua belum berhujah. Okey, sila.

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Sekejap.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**6.38 ptg.**

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terus kepada Butiran 09260 – Naik Taraf Jalan-jalan. Dimaklumkan Tuan Pengerusi, jalan Menjawah ke Pekan Belaga telah siap dibina oleh pihak tentera dalam Projek Jiwa Murni. Namun begitu, sekarang musim hujan dan tengkujuh, jalan ini begitu rosak sekali. Saya telah difahamkan semalam. Jadi mohon tindakan Kementerian Kerja Raya ataupun pihak pejabat JKR di Bintulu atau di Belaga, tolong ambil perhatian serius kerana sedikit lagi jalan itu akan putus.

Untuk pengetahuan Tuan Pengerusi, dengan penambahbaikan jalan ini, secara tidak langsung masyarakat di sekitar kawasan Pekan Belaga akan mudah untuk bergerak ke kawasan lain pergi ke Bintulu.

Yang kedua, saya mengingatkan Yang Berhormat Menteri JKR juga, penurapan jalan Nanga Taroh ke Rumah Juntan di Sungai Sut. Jadi saya mohonlah supaya jalan sepanjang lebih kurang 21 kilometer itu dapat diberi perhatian serius supaya diberikan tar sekali. Jangan tar alang-alang saja. Yang Berhormat Menteri tahu.

■1840

Jadi Yang Berhormat Menteri tahu. Ketiga, Jalan Bakun. Dulu sudah diturap. Oleh sebab lori-lori hantu atau lori balak yang menggunakan jalan tersebut, sekarang jalan itu tidak baik dan tidak *safe* untuk digunakan oleh kenderaan kecil kerana banyak lubang. Saya mohon kepada JKR, kementerian Yang Berhormat Menteri supaya dapat mengagihkan segala peruntukan tersebut untuk tar kan semula Jalan Bakun tersebut. Sekian, terima kasih.

6.40 ptg.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hassan [Parit]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya ada tiga butiran. Butiran 060800 – Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia sebanyak RM440 juta. Jadi adakah peruntukan ini hanya untuk *maintenance* atau rizab jalan dan bolehkah peruntukan ini juga digunakan untuk membesarkan jalan kerana saya dah beberapa kali memohon untuk membesarkan Jalan Dusun Tua, Hulu Langat.

Kedua, 060900 – Pembaikan dan Penyelenggaraan Cerun di Jalan Persekutuan. Jadi sejak akhir-akhir ini banyak cerun jalan yang runtuh. Jadi tidakkah ada kaedah untuk memantau cerun-cerun ini sebelum kemalangan berlaku dan sejauh mana kementerian terlibat dalam pembinaan cerun-cerun ini. Terutamanya daripada segi *slop*, daripada segi strukturnya cerun-cerun yang di sepanjang Jalan Persekutuan.

Ketiga, Butiran 060600 – Penyelenggaraan Bangunan Gunasama Kerajaan Persekutuan dan Kuarters. Jadi sama seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Kota Raja tadi, saya difahamkan banyak kuarters JKR yang tidak diduduki oleh pegawai kerajaan. Mungkin kerana tidak selesa atau sebagainya atau tidak *maintain* dengan betul. Jadi adakah dengan perbelanjaan yang besar ini, maka kuarters-kuarters ini akan digunakan, dimanfaatkan dengan sebaiknya? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Siapakah yang paling di belakang? Sila yang paling belakang sekali.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Saya yang paling belakang sekali.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Terima kasih, oh yang hujung.

**Tuan Pengerusi:** Yang hujung, Yang Berhormat Jelebu.

#### 6.43 ptg.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada dua perkara ringkas sahaja. Pertama sekali saya hendak tanya menteri, dulu saya dah bangkitkan ini iaitu P.27 Butiran 60000 iaitu Naik Taraf Jalan Raya dan Laluan. Ini saya sudah bangkitkan dulu sebuah kawasan Jalan Persekutuan FT086, Seksyen 13.8, Jalan Seremban-Simpang Pertang di mana ada satu bahagian itu di Seksyen 13 itu yang sangat berbahaya. Dua hari lepas pun sudah berlaku kematian kerana kemalangan, kerana *corner* yang begitu teruk dan sangat berbahaya. Ini sudah saya bangkitkan dalam sesi yang lepas di bawah pembangunan. Jadi hendak tanya Yang Berhormat Menteri apakah ada peruntukan untuk membaiki bahagian tersebut pada tahun hadapan.

Kedua, B.27, Butiran 061100 iaitu Program Pembangunan Kontraktor di bawah CIDB. Ada rakyat bertanya, apa menjadi dasar apabila untuk memohon dapat lesen untuk menjadi kontraktor itu kalau sekiranya syarikat itu *shareholders* nya terdiri daripada kakitangan kerajaan tidak layak. Apakah itu menjadi syarat? Maksudnya kakitangan kerajaan tidak boleh menjadi *shareholders*. Kalau menjadi *Director* itu saya fahamlah tetapi *shareholders* tidak boleh memohon dan tidak boleh diberi lesen kepada syarikat yang mempunyai *shareholders* kakitangan kerajaan. Kalau ini benar, maksudnya kita sudah *discriminate* peluang dan *opportunity* kakitangan kerajaan untuk juga *participate* dalam pembangunan sebagai *shareholders* yang bukan aktif. Saya minta penjelasan dan apakah ini benar ataupun tidak. Ini dua perkara sahaja yang saya hendak bangkitkan Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Yang Berhormat Kuala Terengganu. Ya, sila.

#### 6.45 ptg.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bercakap tentang '30100' dan 00700. Ini adalah berkenaan dengan LPT2 di mana kosnya telah naik sebanyak RM800 juta dan telah melebihi lima tahun lewat daripada jangka kontrak yang asal. Jadi persoalannya di sini, kenapakah pakej-pakej yang dibahagikan begitu banyak sekali hingga menjangkau 16 *packages*? Oleh itu semata-mata adakah ia untuk membahagikan kepada sebanyak mungkin kontraktor dalam masa yang sama merugikan dan menjejaskan kualiti dan jangka projek yang patut disiapkan lebih awal.

Di dalam Laporan Audit, ada dibuat beberapa pengesyoran. Kami ingin bertanya kepada pihak Jabatan Kerja Raya dan juga kerajaan, di antaranya kaji semula syarat-syarat dan peraturan dalam Pekeliling untuk menjamin kepentingan kerajaan dan rakyat. Kedua, pengesyoran Audit adalah untuk kaji semula pakej yang kecil, yang pendek supaya ia tidak merugikan iaitu kalau dibuat dalam sebuah pakej yang lebih besar dan panjang, ia menguntungkan dan lebih cepat siap. Ketiga ialah keperluan asas iaitu kontraktor-kontraktor yang dipilih perlulah kukuh teknikal, pengalaman dan kewangan. Ini merupakan cadangan yang patut diambil kira dan kami ingin bertanya adakah laporan ataupun syor Audit ini akan diambil secara serius.



Kedua dan terakhir adalah tentang Butiran 89000 tentang Pengambilan Balik Tanah untuk Projek-projek Jalan/Jambatan di mana satu projek di Kuala Nerus, Terengganu di mana tanah atau pengambilan balik tanah belum diselesaikan. Akan tetapi bagaimanapun, kerja-kerja pembinaan jalan raya atau lebuhraya telah dimulakan dan telah sampai ke kawasan tersebut sementara masalah pengambilan balik tanah belum diselesaikan. Pada bulan lepas, pihak keselamatan telah pun mengepung kawasan tersebut dan berlakulah satu ketegangan di mana pihak berkenaan dipaksa pindah.

Persoalannya di sini, kawasan tersebut merupakan kawasan perkampungan di mana ada beberapa buah komuniti, atau rumah tradisi atau kampung warisan. Sementara tanah yang lapang yang tidak ada apa-apa bangunan tidak dipilih sebagai *alignment*. Jadi ini merupakan satu pilihan yang agak luar biasa. Kenapa pilihan yang lebih senang, lebih murah dan mudah tidak diambil dan kenapa sementara isu tanah belum diselesaikan, kerja fizikal telah dimulakan. Adakah ini berlatarbelakangkan satu pendekatan yang profesional? Kes hari ini telah sampai ke mahkamah dan kami rasa satu kajian yang lebih mendalam diambil supaya perkara seperti ini tidak berlaku. Kami mohon pencerahan kenapa isu atau situasi sedemikian rupa boleh timbul di dalam satu projek lebuhraya Persekutuan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang dulu tekan *mic*. Sila.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, yang belakang sekali.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Kalau begini mahu tekan *mic* lah dulu [*Ketawa*]

#### 6.49 ptg.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Maksud Bekalan 27, Sektor Pakar 050000. Saya ingin mendapatkan sedikit pencerahan tentang kaitan skop kerja kepakaran dalam bidang *Green Building Index* (GBI). Jadi apa kepakaran ini termasuk dalam subbutiran lain, 050200 – Cawangan Kejuruteraan Elektrik, ataupun Cawangan Kejuruteraan Mekanikal – 050300, ataupun Cawangan Alam Sekitar dan Kecekapan Tenaga – 050600 ataupun gabungan ketiga-tiga ini.

Perkara kedua, isu kedua ialah tentang isu konsultan asing yang bekerja secara *illegal*, dengan izin, di negara kita ini. Harap pihak JKR dapat mengambil maklum dan buat tindakan tentang perkara ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

#### ■1850

**Tuan Pengerusi:** Sila Yang Berhormat Sepang.

#### 6.50 ptg.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya hanya ingin mengemukakan berkaitan dengan pertamanya Butiran 080000 – Pembayaran *One-off* iaitu di Butiran 080100 – Bayaran Pampasan Tol.

Apa yang kita tahu bahawa untuk anggaran 2015 tidak ada bayaran pampasan yang dikenakan mungkin kerana kerajaan bersedia untuk naikkan tol. Akan tetapi untuk tahun 2016 ini anggarannya adalah sebanyak RM593,321,000 iaitu satu jumlah yang agak besar. Saya ingin tanya kepada pihak Yang Berhormat Menteri pertamanya, boleh atau tidak Yang Berhormat Menteri berikan butiran pecahan-pecahan pampasan yang diberikan kepada semua syarikat konsesi yang berhak mendapat pampasan tol ini daripada jumlah RM593 juta. Saya mahukan pecahan-pecahan itu Yang Berhormat Menteri.

Keduanya Yang Berhormat Menteri, saya ingin juga bertanya berapakah daripada perjanjian-perjanjian antara pihak kerajaan dengan konsesi *holder* ini telah *direview* contohnya telah *extended*. Telah dilanjutkan tempoh masa daripada tarikh perjanjian yang awal. Sebagai contohnya, mungkin 2023 naik 2024 saya hendak setiap perjanjian itu kalau ada yang telah di *extended*, tolong Menteri berikan butiran. Keduanya, kenapakah diberikan *extension time* itu?

Ketiganya Yang Berhormat Menteri, saya ingin tanya juga adakah pihak kerajaan ada membuat rundingan dengan pihak pemegang konsesi ini walaupun di sana ada perjanjian. Oleh sebab kita tidak dapat lihat isi perjanjian itu jadi saya tidak boleh buat komen tentang terma-terma perjanjian itu. Cumanya saya hendak tanya adakah rundingan-rundingan dibuat oleh pihak kerajaan dengan pemegang konsesi bagi mungkin runding balik daripada segi kaedah pembayaran pampasan ini dan ini. Saya bagi contoh, kalau dahulu jawapan Yang Berhormat Menteri tahun 2014 kalau tidak salah saya dari Seremban saya bagi contoh LITRAK, Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP). Kalau tidak silap saya jawapan Menteri ketika itu ialah RM89 juta dibayar kerana tidak naikkan tol.

Dua isu yang ingin saya bangkitkan pertamanya, berdasarkan laporan kewangan LITRAK itu sudah untung. Tidak naik tol pun untung, naik tol pun untung. Tidak naik tol dapat pampasan berjumlah RM89 juta. Jadi saya ingin tanya dalam keadaan begitu adakah *fair* kepada pengguna sebab kalau kita lihat, kalau kita lalu Lebuhraya Damansara-Puchong pada waktu pagi sebenarnya dia tidak dapat menjalankan fungsi lebu raya pun sebab masih lagi *jammed* teruk. Jadi kita bayar tol tetapi kita tidak mendapat keselesaan sebagai pengguna adakah itu suatu yang *fair*?

Begitu juga Lebuhraya Desaru, Lebuhraya Senai ke Desaru. Lebuhraya Senai-Desaru itu satu-satunya lebu raya yang ada di beberapa kilometer itu dia satu hala. Lebu raya apa namanya itu? Lebu raya tetapi satu hala, *one-way*. Dia *two-way* tetapi *one lane*. Jadi bermakna di situ menunjukkan bahawa dia juga boleh mendatangkan kesesakan tertentulah tetapi dapat juga pampasan. Jadi saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri tentang jumlah-jumlah pampasan, itu yang pertama.

Keduanya Yang Berhormat Menteri, saya ada buat aduan Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan pembinaan membaiki jalan, Butiran 02800 berkaitan dengan membaiki, mengganti dan menaikkan taraf jalan dan jambatan. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan Lebuhraya Jalan Persekutuan 31 iaitu Dengkil-Banting khususnya di persimpangan Dengkil, Putrajaya, Jenderam dan Bangi yang hari-hari Yang Berhormat Menteri telah mengalami kesesakan yang teruk. Baru-baru ini untuk makluman Yang Berhormat Menteri, apabila berlaku kesesakan itu ada pengguna-pengguna yang mereka ambil jalan tepi itu untuk pergi ke sama ada belah kiri atau belah kanan itu untuk

mereka buat *U-turn*. Hendak elak, hendak *beat the jammed*, dengan izin dan penduduk-penduduk di kawasan situ telah marah sebab mungkin ia menimbulkan bahaya dan ada penduduk-penduduk yang telah baling batu kepada penunggang-penunggang kereta tersebut sebab mereka rasa sebab menggunakan jalan secara *shortcut* itu mendatangkan bahaya.

Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri, walaupun sebelum ini Yang Berhormat Menteri ada mengatakan bahawa akan bawa ke RMKe-11, saya difahamkan dalam RMKe-11 yang telah dimohon untuk *Rolling Plan* Pertama tetapi katanya telah ditolak tetapi saya masih minta jasa baik Yang Berhormat Menteri supaya kalau boleh buat rayuan supaya dipercepatkan. Jawapan Yang Berhormat Menteri pada 28 Mei 2015 mengatakan anggaran perbelanjaan RM50 juta dan Yang Berhormat Menteri juga mengakui tempat itu jalan yang sesak. Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri dapat membantu daripada segi dipercepatkan untuk buat rayuan supaya masuk ke *Rolling Plan* Pertama ini untuk pembinaan jejambat di situ. Kalau ikut jawapan Yang Berhormat Menteri pada 28 Mei adalah akan membuat jejambat empat buah lorong. Saya percaya kalau jejambat itu memang dapat, dengan izin, *ease the congestion* di situ.

Seterusnya Yang Berhormat Menteri, saya juga tentang naik taraf jalan, saya pernah menulis kepada JKR Kuala Langat berkaitan dengan sebuah jalan masuk ke Kuang, bukan Kuang ke Kampung Kundang, Yang Berhormat Menteri. Jalan masuk itu dari jalan besar, Jalan Tanjong Sepat hendak masuk ke Kuang itu, di situ jalan masuk dan jalan keluarnya melibatkan jalan yang sama. Apabila kita keluar dari Kampung Kundang itu kita akan *diblock*. Jadi untuk kita hendak *turn right or turn left* itu ia akan mendatangkan bahaya.

Saya telah difahamkan oleh penduduk-penduduk memang telah berlakunya kemalangan di situ banyak kali juga. Saya telah menulis surat kepada JKR Kuala Langat dia hanya mengesahkan memang di bawah bidang kuasa JKR bukan di bawah negeri tetapi selepas itu tidak ada apa-apa jawapan. Kita hantar *reminder* pun tidak ada jawapan. Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri boleh ambil perhatian tentang perkara ini dan saya harap kalau boleh mintalah supaya beri jawapan. Kita tahu *we are not in the limbo* tentang status, apa mereka akan buat atau tidak itu tetapi saya hendak jawapanlah paling kurang.

Jadi saya mengharapkan sangatlah supaya Yang Berhormat Menteri dapat memberitahu kepada dapat mengambil perhatian tentang perkara itu dan mempercepatkan pembinaan dan kalau boleh buat *double entry*, satu untuk jalan masuk dan jalan keluar sebab ia akan boleh mengurangkan kemalangan di situ. Sekian sahaja. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Pasir Gudang.

**6.57 ptg.**

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi memberi saya ruang untuk sama mengikut perbahasan. Saya ingin menyentuh Butiran 080100 iaitu tentang bayaran tol ini. Saya mohon pihak kementerian untuk menggunakan budi bicara bagaimana cara

supaya tol-tol yang dikenakan oleh konsesi-konsesi ini cari jalan supaya satu Jawatankuasa khas diadakan untuk dikaji semula kerana kenaikan tol ini terlampau tidak berpatutan.

Keduanya, ia sendiri sekarang menjadi antara sebab kemarahan rakyat kepada kerajaan sedia ada [*Tepuk*] Jadi kita perlu kaji sesuatu mungkin macam yang ada kawan-kawan sebut ada di antara konsesi yang telah pun mendapat keuntungan tetapi kerajaan kerana hendak meredakan kemarahan rakyat sanggup keluar duit RM89 juta Kerajaan Barisan Nasional ini bayar balik [*Tepuk*] Kita ambil tanggungjawab untuk bayar balik tol tersebut.

Jadi, *why not* kita kaji balik perjanjian-perjanjian ini, saya tengok kalau dari Pasir Gudang hendak ke Desaru itu saya pun macam pening tengok perjanjiannya, 2038 ke tahun 2048. *Now*, seperti yang saya katakan Tuan Pengerusi, dahulu RM5.90 sekarang sudah naik RM7.20. Kalau dahulu pekerja bayar RM200 satu bulan untuk tol sekarang dia kena tambah lagi kurang-kurang RM40. Jadi kawan-kawan sebelah sana setujukan?... [*Merujuk kepada blok pembangkang*] Kalau setuju nanti sokong bajet kita. [*Tepuk*] Terima kasih.

Seterusnya saya juga ini Yang Berhormat Menteri, kita ini memang baik hatilah Kementerian Kerja Raya, saya mohonlah Yang Berhormat Menteri, minta tolong dan saya sebut lagi sekali. Sudah banyak kali pun saya sebut perkara ini tentang lampu-lampu jalan di jalan-jalan Persekutuan yang melibatkan di kawasan saya. Saya pun bagi Yang Berhormat Menteri dahulu tetapi nampaknya belum berjalan lagi, Jalan Masai-Kongkong, dia *cover* juga untuk Tebrau.

#### ■1900

Yang Berhormat Tebrau signal saya suruh sebut sekali kerana saya bercakap ini untuk dua Parlimen, Parlimen Pasir Gudang dan Tebrau, Jalan Masai-Kongkong kerana lampu jalan tak ada lagi. Minta tolonglah, keadaan jalan ini terlampau sibuk. Ia menyebabkan banyak kemalangan jalan raya dan juga permintaan daripada orang-orang kampung. Kawasan saya ini Yang Berhormat Menteri, bandar tak bandar, kampung pun tak kampung, *urban* Orang Putih kata [*Ketawa*] Jadi, *suburban*. Saya ada sebelas buah kampung, ada ini jalan dia masih gelap lagi, banyak lagi jalan gelap. Jadi saya minta tolong kementerian untuk bantu saya sama-sama. Selama ini kementerian banyak bantu, tambah sikit bantuan. Itu sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Sungai Petani.

[*Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) mempengerusikan Jawatankuasa*]

#### 7.01 mlm.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. saya ada beberapa perkara. Yang pertama sekali tentang soalan yang seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pasir Gudang juga iaitu 03000. Saya hendak tahu berapakah perbelanjaan untuk kita bina PLUS?

Pertama, yang kedua, sudahkah kita bayar habis hutang pembinaan ini?

Yang ketiga, berapakah pendapatan tahunan kita dari PLUS?

Keempat, berapakah perbelanjaan kita untuk PLUS?

Dan akhir sekali, adakah kita buat surplus ataupun kita defisit dalam kutipan tol *highway* PLUS ini? Itu yang pertama Tuan Pengerusi.

Yang kedua 060000 – Struktur Bangunan. Saya hendak tanya kementerian, adakah kuarters-kuarters yang dibina oleh kerajaan di bawah Kementerian Pendidikan ini telah pun diserahkan kepada JKR ataupun tidak di kawasan saya Sungai Petani? Ada tiga kelompok Tuan Pengerusi. Kuarters yang langsung tak digunakan. Satu kelompok, 50 unit. Maknanya kita ada lebih kurang 150 buah kuarters yang cantik dan mahal. Saya sudah bercakap ini banyak kali dah, dan ada sebuah kuarters 50 unit di kawasan saya, namanya Taman Semarak. Bukan sahaja lalang dan pokok kapal terbang tetapi saya ingat sekarang ini, pokok jati pun ada tumbuh dalam rumah. Ya, saya jemput semua pergi tengok. Yang Berhormat Menteri pun kena melawat Sungai Petani. Bayangkan kuarters yang cantik, kuarters yang mahal, lokasi yang strategik tetapi tak ada seorang manusia pun duduk dalam kuarters ini. Sayanglah, rakyat menderita menangi hendak rumah.

Kita ada kuarters yang mahal tetapi dibiarkan begitu sahaja. Saya tanya, saya sudah tulis surat kepada KSU Kementerian Pendidikan tetapi tidak ada jawapan. Jadi soalan saya, adakah ini masih lagi di bawah Kementerian Pendidikan ataupun di bawah penyelenggaraan JKR? Saya cadangkan kalau tak ada orang hendak duduk di situ, juallah kepada rakyat. Juallah daripada kita merosak dan tidak membawa apa-apa keuntungan. Hari-hari bila kita lalu kutuk, orang marah kerajaan Barisan Nasional. Saya kesian, jadi sekurang-kurangnya marahlah kepada KEADILANKah, ini selalu marah dekat BN sahaja [*Ketawa*]

Seterusnya 060800... [*Disampuk*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Sungai Petani menyindir itu.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Saya nampak adakah- tak, sebab kerajaan negeri Kerajaan Barisan Nasional. Jadi, pembangkang ialah di Sungai Petani. Jadi depa hendak marah saya pun tak boleh. Saya kata ini Kerajaan Barisan Nasional. Dia kata betul lah [*Ketawa*]

Baik, 060800 – Pembaikan Jalan-jalan. Saya hendak Yang Berhormat Menteri lihat balik.

Saya masih ingat lagi, dahulu kita pernah sebut, bila kita hendak buat jalan untuk selaraskan jalan Tuan Pengerusi, jalan itu akan dikordinasikan dengan semua perkhidmatan-perkhidmatan yang lain termasuk utiliti TNB kah, atau airkah, ataupun Telekomkah. Sekarang ini saya tengok, kadang-kadang jalan itu baru siap diturap, elok, cantik sahaja. Tiga minggu selepas itu korek balik. Selepas korek itu, dia ada tambun *two lanes*, dia jadi *problemlah*. Ada yang 'sepesen', ada yang macam belakang kura-kura, jadi, bayangkanlah yang pertama, kita buat jalan itu sudah satu *lane* sahaja. Selepas itu korek pula. Selepas itu tambun pula. Jadi saya hendak tanya kementerian, sudah tentu di peringkat kementerian ada *coordination unit*.

Adakah ini tidak boleh dilaksanakan secara berkala kerana ini *double expenditure*, dua kali bukan sahaja perbelanjaan tetapi juga menyusahkan pengguna-pengguna dan nampak sangat kita ini Tuan Pengerusi, orang Kedah panggil, “lekeh” lah. Lekeh ini maknanya, benda-benda macam ini pun kita tak boleh *coordinate* sedangkan kita ada kuasa.

Baik, begitu juga dengan saya tengok kalau zaman semasa JKR sebelum diswastakan pada jalan ini. Rumput-rumput ini Tuan Pengerusi, rumput-rumput tepi jalan ini sekarang ini dia sudah tumbuh tinggi di tepi-tepi jalan ini. Bila air hujan, air tak boleh lari melepasi rumput sebab dia sudah tinggi. Jadi jalan itu jadi sungai. Akhirnya, apakah berlaku? Jalan itu jalan *Federal*, jalan *Federal* khusus jalan-jalan yang sibuk. Rumput tidak diselenggarakan, sama ada masalah ini masalah Kerajaan Tempatan ataupun masalah JKR, tetapi isunya rumput tinggi ini dulu Tuan Pengerusi, saya ingat 10 tahun, 15 tahun dahulu, JKR *maintain* ada *grinder*. Maknanya setiap kali dia akan potong rumput itu. Bila air hujan, air itu akan lari. Jadi oleh sebab jalan itu jadi sungai, sebab itulah jalan rosak. Jadi saya rasa, kembalikanlah kuasa kepada JKR. Jangan swasta-swasta ini, buat hak yang besar-besar cukuplah. Yang kecil-kecil ini kembalikan hak JKR kerana JKR satu-satunya jabatan yang cukup gemilang. Cukup gemilang suatu masa dahulu. sekarang ini mereka jadi *feeder- feeder service*.

Saya rasa Yang Berhormat menteri kena pandang, tengok balik. Hendak tolong swasta tolong, tetapi saya rasa kembalikan hak JKR yang satu masa dahulu menjadi salah sebuah jabatan kerajaan yang cukup hebat dan kembalikan kuasa itu kepada mereka. Saya ingat Tuan Pengerusi, itu sahaja terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Tinggi.

**7.07 mlm.**

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak minta penjelasan Butiran sama juga 80100 – Perbelanjaan RM593 juta. Saya hendak menyambung sedikit pengurusan kos yang akan dibayar oleh kerajaan untuk pampasan ini.

Cuma saya hendak mencadangkan, sebab *highway* ini kita kena lihat bukan sahaja *revenue* untuk menentukan iaitu pulangan juga kos. Sudah sampai masa saya minta kementerian lihat juga kos kerana kalau kos kita dapat kurangkan, itu juga akan memberi ROI ataupun dengan lebih cepat kepada konsesi-konsesi ini.

Keduanya, saya hendak sebut bahawa konsesi-konsesi ini juga dalam kita membayar tol, jadi misalnya kereta rosak ataupun *accident*, jadi ambulans ini sepatutnya servis diberi oleh konsesi ataupun tarik kereta rosak. Sekarang ini usaha ini dibuat oleh syarikat swasta. Jadi pembayar tol yang menggunakan *highway* ini kalau rosak, maka *additional cost*. Sepatutnya kos ini perlulah ditanggung oleh pihak konsesi. Jadi dengan itu pengguna-pengguna mendapat sepenuhnya perkhidmatan dengan cara membayar tol ini. Ambulans satu lagi, kalau berlaku sama ada pembayar ataupun kita pakai ambulans kerajaan. Jadi sepatutnya perkara ini perlu diambil kira dalam pelaksanaan tol.

Dalam pada masa yang sama, saya minta supaya kos ini dilihat semula. Kita lihat *highway* di Malaysia ini, dia macam sebuah tempat yang hebat. Kalau kita pergi *highway* luar negara, *highway*nya baik tetapi tak adalah *facility* yang begitu dahsyat. Kita ada tempat rehat, kita ada eskalator, kita ada ini semua menjadikan tambahan kepada kos. Memang ada kemudahan tetapi pilihan kita kena beri kepada rakyat sama ada kita hendak bayar tol termasuk dengan kos-kos ini atau kita bayar tol pada kos yang seminimum yang mungkin. Dengan cara ini kita akan dapat mengawal kos dan ROI untuk konsesi itu dapat kita lihat semula.

Dalam perbincangan dengan MoF, kita pun tanya, saya pun terangkan sama ada sudah sampai masanya kita melihat kerajaan ambil alih dalam usaha berperingkat-peringkat. Mungkin kita melihat kos ini dan juga *revenue* yang kita sebut tadi. Jadi saya hendak minta penjelasan sikit daripada kementerian. Adakah kementerian bercadang untuk melihat aspek-aspek ini, akhirnya kita dapat membayar tol *free* macam di Pan Borneo. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ampang.

**7.09 mlm.**

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya Cuma satu butiran sahaja Tuan Pengerusi, 050000 – Sektor Pakar. Saya Cuma ingin hendak bertanyakan kepada Yang Berhormat Menteri, apa sektor pakar yang ada di KKR memandangkan pembangunan cerun satu aspek yang penting dalam pembangunan di negara kita terutamanya di kawasan Bukit Antarabangsa di Ampang yang mana satu ketika dahulu pada tahun Disember 2008 ada bencana *landslide* yang sangat besarlah, yang 14 buah keluarga terjejas.

■1910

Kita lihat daripada bencana itu, selepas disiasat dan sebagainya, semua pihak yang terlibat dalam pembangunan di situ seolah-olah tidak bertanggungjawab, di antara Syabas lah, IKRAM lah, pemaju, PBT dan juga KKR. Jadi saya rasa sudah tiba masanya untuk kementerian melihat untuk menubuhkan satu bahagian pembangunan cerun yang mana ia penting agar pembangunan di kawasan-kawasan cerun ini lebih mantap, lebih kukuh, ada satu polisi atau pun *guideline* untuk pemaju-pemaju dan untuk mengelakkan bencana-bencana tanah runtuh daripada berlaku. Seperti hasil daripada bencana pada tahun 2008 itu, satu laporan terperinci telah dibuat bahawa ada sekurang-kurangnya lebih 200 *hotspot* di banjaran di kawasan Bukit Antarabangsa itu.

Jadi, saya harap kementerian lebih serius untuk menyelaraskan tugas-tugas pembinaan di kawasan cerun agar kawasan ini lebih selamat untuk didiami dan penghuni-penghuni di sini merasakan nilai hartanah mereka dapat terjamin. Ini juga penting kerana penghuni-penghuni baru dan mereka yang hendak membeli rumah di kawasan ini untuk mendapatkan bank *loan*, pinjaman dari bank, tidaklah mudah oleh sebab ada *skeptical* di pihak bank tentang keadaan rumah dan nilai hartanah di kawasan-kawasan cerun ini. Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tanjong Karang.

## 7.11 mlm

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak sentuh Butiran 61000 – Naik Taraf Jalan (Projek Baru). Walaupun perkara ini pernah dibincangkan, bermesyuarat dengan pihak kementerian, tetapi sebagai Ahli Parlimen Tanjong Karang, saya kena bercakap untuk dirakamkan di dalam *Hansard* dalam Parlimen ini.

Saya sebagai Ahli Parlimen Tanjong Karang menyokong penuh cadangan yang telah pun dikemukakan oleh pihak kementerian untuk menaikkan taraf jalan Bernam yang akan menyambungkan lebuhraya dari Lumut ke Banting atau pun Lebuhraya Pantai Barat.

Namun demikian, saya hendak mengingatkan kementerian, sebelum ia dilaksanakan, mestilah berbincang terlebih dahulu dengan pemimpin-pemimpin tempatan kerana jalan tersebut melibatkan tiga buah kawasan Parlimen iaitu Parlimen Tanjong Karang, Parlimen Sungai Besar dan juga Parlimen Sabak Bernam, kerana asalnya jalan tersebut ialah jalan kampung yang akhirnya akan dinaiktaraf sebagai penghubung *Highway* Pantai Barat ini. Saya juga minta supaya secara *detail* teknikal di mana *U-turn* hendak dibuat, di mana *flyover* hendak dibuat, di mana laluan motor hendak dibuat, mestilah berbincang terlebih dahulu dengan pemimpin-pemimpin tempatan sebelum projek ini dijalankan.

Kedua, saya juga ingin merakamkan di sini bahawa saya tidak bersetuju dengan cadangan yang dikemukakan oleh pihak konsesi melalui LLM yang mencadangkan laluan yang baru melalui Pekan Tanjong Karang kerana laluan yang dicadangkan oleh pihak konsesi dan juga LLM ini ianya akan membelahkan kampung-kampung tradisi dan juga melibatkan pengambilan tanah dan juga pemindahan beberapa buah rumah.

Ketiga, saya tidak bersetuju kalau laluan ini diteruskan, ia *bypass* Pekan Tanjong Karang yang akhirnya Pekan Tanjong Karang akan jadi pekan yang mati. Oleh itu, saya hendak merakamkan di sini, tolong berbincang dahulu dengan kami terutamanya pemimpin-pemimpin Tanjong Karang. Saya ada dua ADUN di sini kerana ia melibatkan DUN Permatang, melibatkan DUN Sungai Burong, kedua-dua DUN ini Barisan Nasional menang, Parlimen juga menang di Selangor. *The only* Parlimen yang menang seratus peratus ialah Tanjong Karang. Jangan sebab jalan ini, esok Tanjong Karang yang menjadi kubu kuat Barisan Nasional akhirnya juga akan terlepas kepada pembangkang kerana isu ini amat sensitif sekali.

Jadi saya merayu dan saya minta pihak kementerian mesti memberikan perhatian atas rayuan yang saya buat dalam Dewan ini. Walaupun kita telah berbincang tetapi mestilah dilaksanakan kerana saya bimbang, sudah dua tiga kali bermesyuarat, tidak ada keputusan, akhirnya berbalik dengan cadangan yang asal. Kita bermesyuarat, bagi saya, macam tidak ada makna, pandangan kita tidak diambil kira kalau pihak LLM melalui konsesi masih bertegas hendak melaksanakan dengan cadangan asal. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.



**7.15 mlm**

**Tuan hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 080100 – Bayaran Pampasan Tol sebanyak RM593 juta. Saya hendak dapatkan butiran bayaran kepada syarikat konsesi tol di mana saya hendak tanya mengapa kita masih memberi pampasan itu walaupun Kerajaan Pusat telah pun membenarkan kenaikan kadar tol kepada 18 buah syarikat konsesi tol pada 15 Oktober tahun ini? Juga, masa kutipan yang diberi kepada PLUS Utara-Selatan telah dilanjutkan sehingga 2037. Mengapakah kita masih hendak bayar pampasan ini walaupun kita sudah pun membenarkan kenaikan kadar tol dan juga melanjutkan masa?

Adakah kementerian akan mengkaji semula untuk bagaimana kita hendak ambil alih syarikat konsesi ini terutama Lebuhraya Utara-Selatan dan juga lebuhraya di bandar raya terutama LDP dan lain-lain yang telah pun mendapat keuntungan beratus juta tetapi kita masih mengizinkan untuk melanjutkan atau pun menaikkan kadar tol?

Saya juga hendak dapatkan kepastian di mana untuk Syarikat PLUS ini, mengapakah kita hendak benarkan untuk melanjutkan masa kutipan tol ini sehingga tahun 2037? Adakah pada fasa pertama mengizinkan Syarikat Lebuhraya PLUS untuk menaik taraf untuk menambahkan lorong daripada dua buah lorong, ke-tiga lorong dari Negeri Sembilan, Tol Seremban ke Ayer Keroh, Melaka dan juga dari Rawang ke Slim River? Ini fasa pertama di mana saya difahamkan ada dilanjutkan masa untuk memberi pampasan ini.

Kedua, tentang menambah lorong dari tiga buah lorong ke-empat lorong, dari Jalan Duta hingga ke Rawang, empat buah lorong, dan juga dari Jalan Duta ke Shah Alam, lima buah lorong, dan juga dari Nilai ke Seremban, empat buah lorong. Dengan penambahan lorong ini, berapakah belanja yang telah dibelanjakan atau kerajaan masih menggunakan pampasan dengan melanjutkan masa kepada Syarikat Lebuhraya PLUS ini?

Selalu Yang Berhormat Menteri katakan kalau kita tidak bayar, tidak benarkan kenaikan kadar tol ini, kerajaan akan membayar pampasan dan rakyat akan rugi. Saya rasa ini bukan satu alasan yang baik, Yang Berhormat Menteri. Jangan beri alasan inilah. Siapakah yang *sign contract* ini? Mengapakah kita hendak *sign* satu kontrak yang berat sebelah? Mengapa kita menyebelahi syarikat kroni, syarikat konsesi ini walaupun mereka sudah pun mendapat untung beribu juta?

Kalau kita boleh bagi lebuhraya yang percuma kepada Pan Borneo, mengapakah tidak boleh Lebuhraya Utara-Selatan?...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** *[Bangun]*

**Tuan hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Ya Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tanjong Karang.

**Tuan hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, yes...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ya, terima kasih banyak. Terima kasih. Saya dengar ucapan Yang Berhormat tadi sentuh pasal LDP, untung sudah ratus-ratus juta, mengapakah mesti bayar pada konsesi? Saya setuju dengan ucapan Yang Berhormat.

Saya nak tahu sama ada Yang Berhormat tahu atau pun tidak bahawa konsesi LDP itu 30 peratus dimiliki oleh kerajaan negeri dan salah seorang ahli Lembaga Pengarahnya ialah Yang Berhormat Subang. Yang Berhormat Subang ini daripada PKR. Yang Berhormat pun daripada PKR. Boleh tidak Yang Berhormat nasihatkan Yang Berhormat Subang ini... *[Disampuk]* Ini bukan politik, ini kenyataan. *Why is it politic?* Ini kenyataan bahawa konsesi itu 30 peratus dipunyai oleh anak syarikat kerajaan negeri dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarahnya ialah Yang Berhormat Subang daripada PKR.

■1920

Boleh tak Yang Berhormat bincang baik-baik dengan PKR supaya jangan minta bayar pampasan. Kalau hendak dapat pampasan, 30% daripada keuntungan yang diperolehi oleh kerajaan negeri, bagilah balik kepada rakyat Selangor. Yang Berhormat PKR boleh menasihatkan Menteri Besar daripada PKR.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Soalan yang sangat bagus. Saya perlu jawab di sini. Kalau Yang Berhormat Tanjong Karang boleh pastikan bagi jaminan kalau kerajaan negeri kita boleh lepaskan 30% ini kalau jaminan tidak ada kenaikan kadar tol. Kalau tidak boleh, jangan cabar kita. Boleh tak Yang Berhormat Tanjong Karang pastikan kalau kita boleh sebab ini dahulu dari zaman Barisan Nasional.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan. Terima kasih Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pun hendak tanya Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan kalau boleh tanya Yang Berhormat Tanjong Karang kalau dia boleh sekarang dia setuju dengan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Menteri akan menjawab Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Kalau beliau boleh meyakinkan Kerajaan Pusat bagikan beli balik LDP daripada syarikat konsesi, pulangkan kepada rakyat dan Kerajaan Negeri Selangor akan setuju kerana kita hanya minoriti syer 30% tidak ada kuasa pun. Kuasa yang besar adalah dengan Kerajaan Pusat.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** *That's why* Yang Berhormat Tanjong Karang sepatutnya jadi Menteri Kerja Raya untuk selesai masalah ini. Saya kasihan Yang Berhormat Tanjong Karang tidak dapat jadi Menteri. So kalau tidak ada jaminan lebuh raya LDP ini, tidak kita benarkan untuk naikkan kadar tol. Kalau ada jaminan kita boleh buat sesuatu.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya ingat tidak perlu jaminan. Kenyataan sudah ada. Jangan fikir jaminan, fikir yang sudah ada ini, yang 30% yang kerajaan negeri sudah ada keuntungan sudah dapat, mengapa kita tidak boleh bagi balik kepada rakyat. Buatlah dahulu. Buktikan PKR betul-betul menjaga kepentingan rakyat. Jangan hendak suruh *federal* yang buat dahulu. Ini sudah di hadapan. Saya hendak minta Menteri boleh bagi penerangan. Berapa banyakkah dividen yang telah kita bagi kepada LDP? Maknanya kerajaan negeri juga yang untung. Bawa ke mana duit ini? Itu maksud saya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya boleh gulung Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Itu maksud saya. Jangan fikir, yang sudah ada di depan mata ini. Laksanakan dahulu.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Okey itulah sebabnya kita dapat untung yang kita bagi air percuma balik kepada rakyat Selangor. KDB bagi balik air percuma 20 liter isi padu, setiap bulan RM11.40 kepada rakyat Selangor. Itulah pulangan kepada rakyat Selangor.

Oleh sebab itulah kalau tidak ada jaminan hendak menurunkan kadar tol ataupun hendak lepaskan, kita sudi. Kalau tidak mahu masih benarkan kenaikan kadar tol, saya rasa tidak perlu untuk dilepaskan 30% saham syarikat ini.

Tuan Pengerusi, saya hendak sentuh dua perkara. Satu tentang tanah runtuh.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya ringkaskan Yang Berhormat.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Tanah runtuh di kilometer 52.4 Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak dekat dengan Lentang-Bukit Tinggi, ini pada 11 November ini. Saya hendak tahu apakah punca, sebab tanah runtuh ini. Adakah ini disebabkan oleh kerja-kerja pembalakan di atas bukit ataupun di mana masalah cerun yang tidak kukuh menyebabkan tanah ini runtuh dan jalan terpaksa ditutup beberapa hari.

Ketiga, akhir saya hendak minta simpang di Jalan Klang Lama atau NPE yang menghubungkan Jalan Templer. Setiap hari kita mengalami kesesakan lalu lintas dan di pihak Kerajaan Negeri Selangor, di pihak MPPJ telah pun kita buat untuk menaik taraf bulatan Jalan Templer kepada *traffic light junction* tetapi masih masalah kesesakan ini tidak dapat diselesaikan kerana masalah di Jalan Klang Lama yang juga NPE setiap hari. Jadi saya mintalah Yang Berhormat Menteri mengkaji bagaimana kita hendak selesaikan masalah ini dengan menambah lorong ataupun buat sebuah terowong yang menghubungkan Jalan Templer ke NPE ke arah Subang itu supaya masalah ini dapat diselesaikan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ramai lagi ini.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Parit, Parit.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli Yang Berhormat yang belum berbahas hari ini.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Saya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya Yang Berhormat Parit.

**7.25 mlm.**

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada kepala 080100. Berikutan dengan banjir lumpur yang berlaku di Karak baru-baru ini saya hendak minta supaya kerajaan mengarahkan semua syarikat konsesi yang mengendalikan lebuhraya menubuhkan sendiri pasukan penyelamat sebab pada hari ini apabila berlaku begitu cari JKR, cari bomba, JPAM, RELA dan sebagainya. Jadi sekiranya dapat diwujudkan pasukan penyelamat masing-masing maka tahap kesiapsiagaan dapat disegerakan. Kita tahu bahawa syarikat konsesi sudah untung

besar dan banyak. Jadi kalau itu mereka rasanya tidak ada masalah untuk menubuhkan pasukan penyelamat masing-masing.

Perkara kedua ialah saya hendak sentuh berkaitan JKR Jalan Seri Iskandar ke Lumut antara stesen telekomunikasi TLDM dengan SMKA Sultan Azlan Shah, Seri Iskandar sering berlaku kemalangan yang melibatkan kereta terbalik. Dalam bulan Oktober dan November ini sudah lima kali kereta-kereta terbalik, cuma belum ada kemalangan jiwa lagi. Jadi saya minta supaya JKR dapat melakukan kajian terperinci terhadap jalan tersebut dan mengambil tindakan untuk mengatasi masalah yang sering berlaku itu. Janganlah sudah berlaku kematian, barulah hendak diambil tindakan.

Perkara ketiga saya sudah sebut ini dua-tiga kali di Dewan ini. Hari ini saya minta sekali lagi kepada JKR untuk dapat segera menggantikan sistem kelubung yang sedia ada sekarang kepada sistem jambatan. Dengan menggantikan jambatan daripada kelubung, maka akan mengurangkan masalah banjir dan akan mengurangkan masalah kemalangan di kawasan-kawasan berkenaan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bandar Kuching boleh berucap dalam bahasa Malaysia Yang Berhormat. Bahasa Malaysia boleh?

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Boleh.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya Yang Berhormat Bandar Kuching.

**7.27 mlm.**

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya ulangi satu isu yang saya telah bawa dalam perbahasan saya dalam peringkat dasar iaitu mengenai peruntukan untuk jalan raya dan jambatan untuk Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Butirannya 00700 hingga 09280. Isu yang saya hendak bangkitkan adalah bahawa kenapa ada ketidakseimbangan daripada segi jumlah yang diperuntukkan untuk Semenanjung untuk jalan raya dan jambatan di Semenanjung iaitu RM1.9 bilion yang akan diperuntukkan untuk tahun depan dan Sabah RM425 juta yang akan diperuntukkan untuk Sabah. Untuk Sarawak hanya RM281 juta sahaja untuk butiran di bawah jambatan-jambatan dan jalan-jalan di Sarawak.

Angka ini merupakan 8% daripada jumlah yang diperuntukkan untuk jambatan dan jalan raya yang akan dibelanjakan oleh kerajaan tahun depan. Bukankah kerajaan sudah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah menegaskan bahawa beliau akan meningkatkan pembangunan infrastruktur di Sarawak dan kita juga ada Yang Berhormat Menteri dari Sarawak tetapi amatlah kesal dan malangnya peruntukan untuk jalan raya dan jambatan masih begitu kekurangan. Isu itu saya telah bawa dalam perbahasan saya di peringkat dasar. Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak beri jawapan atas isu yang saya bangkitkan.

■1930

Beliau berjanji hendak beri jawapan selepas penggulungan beliau tetapi sehingga hari ini tidak diberi. Hari ini kita nampak Menteri hadir di sini. Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh beri satu penjelasan yang memuaskan. Sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Labuan.

**7.30 mlm.**

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Labuan sedikit sahaja. Saya lihat Maksud Pembangunan 27 Butiran 19180 – Pembinaan Jalan. Nampaknya macam menyudahkan projek yang telah berjalan sahaja. Adakah ini ertinya permohonan-permohonan beberapa buah jalan tidak dipersetujui oleh EPU? Saya rasakan menaik taraf jalan dari Pohon Batu ke Pancur Hitam sambungan daripada fasa 1 itu adalah sangat penting disebabkan perumahan rumah mampu milik sedang dibuat dan akan siap dalam masa setahun dua. Jumlahnya 1,560 buah rumah dan ini akan membuatkan kesesakan yang begitu tinggi. Kami juga berharap jalan-jalan lain seperti pembinaan Jalan Nagalang ke Tanjung Teras, pembinaan Jalan Kinabenua ke kawasan perindustrian Ranca-ranca, pembinaan Jalan Kampung Tanjung Aru ke Kampung Nagalang dan lain-lain itu dapat diluluskan untuk 2016 *rolling plan* pertama.

Ada juga dipohon jejantas di kawasan sekolah ia tidak memakan kos yang tinggi tetapi ia amat penting, ini adalah permintaan yang sangat mendesak oleh kaum-kaum ibu bapa di mana ia sangat membahayakan terutamanya dekat dengan sekolah SRK dan SMK Pantai. Begitu juga dengan lampu-lampu jalan seperti yang dikatakan oleh kawan-kawan tadi. Apa yang saya tanyakan ini juga sebenarnya adalah untuk kawasan-kawasan lain terutamanya kawasan Kota Samarahan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bayan Baru.

**7.33 mlm.**

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Menteri dan Timbalan Menteri yang sudi hadir dan duduk di sini dengar perbahasan kami semua. Terlebih dahulu saya ingin membangkitkan Butiran 060700 – Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Sabah, Sarawak dan Labuan dan Butiran 060800 – Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia. Kita nampak bahawa jalan persekutuan Sabah Sarawak dan Labuan bagi tahun 2015 dari RM160 juta turun kepada RM100 juta dan penyelenggaraan Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia turun daripada RM450 juta kepada RM440 juta.

Walaupun penurunannya tidak nampak banyak sangat tetapi kita kena lihat sebenarnya kalau kita *compare* dengan tahun 2014, inilah cerita sebenarnya. Cerita sebenarnya ialah 2014 peruntukan jalan persekutuan Sabah, Sarawak dan Labuan RM429 juta, manakala untuk penyelenggaraan jalan persekutuan Semenanjung RM640 juta. Maksudnya pemotongan kedua-dua butiran ini secara mendadak selama dua tahun. Maka tahun 2015 dengan tahun 2016, pemotongan itu berterusan. Kalau kita tahu bahawa penyelenggaraan jalan ini kalau kita tidak buat tahun ini, ia akan menjadi lebih teruk.

Tahun ini tidak buat, tahun hadapan lebih besar dia punya kerosakan. Dengan beberapa tahun pemotongan ini maka kita mungkin mengalami keadaan di mana pengguna jalan raya akan jadi teruk dan ia satu ketidakadilan yang berlaku ke Sabah dan Sarawak kerana kalau kita tengok pemotongan itu,

kalau kita katakan *benchmark* ialah tahun 2014 maka 2015 dan 2016, kedua-dua tahun ini Sabah dan Sarawak kekurangan atau defisit sebanyak RM598 juta. Sepatutnya sudah dapat duit itu untuk penyelenggaraan jalan tetapi sekarang ia hanya dapat RM160 juta dan RM100 juta tahun hadapan. Maka *I think* Sabah dan Sarawak jalannya tidak baik sangat, ia memang adalah antara yang paling teruk di Malaysia dan beribu-ribu kilometer jalan raya di Sabah dan Sarawak. Sekarang dipotong, macam mana hendak menyelenggarakan jalan yang begitu panjang?

Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, bagi satu penjelasan. Berapa panjang jalan raya Persekutuan Sabah, Sarawak dan Semenanjung, berapa kilometer di ketiga-tiga kawasan? Pada purata satu tahun, dahulu lah. Jangan *compare* tahun 2015 dan tahun 2016, yang dahulu sebelum tahun 2015, satu kilometer jalan raya, berapa kos *maintenance* nya per kilometer? Ini supaya kita tahu berapa. Selalunya bajet pun tidak cukup. Saya tahu sebab kita tanya JKR, JKR kata "*Hujung tahun, tidak ada bajet*". Sebenarnya bukan sampai hujung tahun, pertengahan tahun kata "*Bajet tidak cukup, bajet tidak ada, bajet sudah habis*". Jadi *realistically* saya hendak tanya kepada kementerian, satu tahun per kilometer sebenarnya kita perlu berapa? Walaupun bajet tidak cukup, beritahu kos sebenar untuk *maintain road* per kilometer.

Saya hendak masuk ke Butiran 080100 – Bayaran Pampasan Tol. Kalau tadi saya kata pemotongan penyelenggaraan jalan persekutuan Sabah, Sarawak dan Labuan dan juga semenanjung Malaysia, duit itu dipotong kemudian ia di *transfer* ke mana? Sebenarnya kalau kita tengok butiran ini ia *ditransfer* ke bayaran pampasan tol kerana duit yang begitu besar dan tahun hadapan kita terpaksa menyediakan RM593 juta.

Tahun lalu walaupun kita nampak kosong di sana, anggaran tahun 2015 sebenarnya RN459 juta telah dibayar kepada- mengikut bajet RM459 juta ia di bawah Butiran 010300 – Dasar dan Pembangunan- RM40,000. Akan tetapi mengikut kenyataan media kerajaan telah membayar RM510 juta untuk pampasan tol. Saya tidak faham kenapa kita sudah bayar pampasan kepada syarikat-syarikat tol, 18 buah syarikat tetapi tol masih naik. Itu saya tidak faham.

Sepatutnya kita sudah bayar pampasan, tol tidak payah naik. Sekarang kita bayar pampasan kepada syarikat tol, lagi naik. Ini yang membuat rakyat marah di luar. Kerajaan sudah bayar pampasan, sekarang naik pula. Naik lagi. Tahun hadapan saya rasa mungkin berlaku perkara macam ini kerana sudah sedia RM593 juta untuk pampasan tol tetapi difahamkan bahawa dalam kenyataan media Menteri, di mana Menteri berkata akan naikkan tol lagi. Itu yang saya tidak faham. Jadi kalau hendak naikkan tol, jangan bayar pampasan, kalau hendak bayar pampasan jangan naikkan tol. Itu sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Habiskan Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Okey. Saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat Menteri, berapakah tol yang bakal dinaikkan, berapa tol *compensation*? Bolehkah Yang Berhormat Menteri membuat keputusan cepat-cepat. *Want to* naikkan tol *or not*? *That is the million dollar question*. Saya juga hendak minta Yang Berhormat Menteri jawab di sini banyak syarikat tol yang memberi alasan bahawa mereka mengalami kerugian. Itu sebab mereka hendak naikkan tol. Bagi saya ini tidak masuk

akal kerana buat satu *business* ia memang ada rugi dan ada untung. Kalau mereka mengalami kerugian, maka ia telah menaikkan tol.

■1940

Inilah *business yang guarantee profit. I don't think it is a right business model* dan yang rugi rakyat dan juga kerajaan. Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri. Syarikat-syarikat mana, tol mana yang mengalami kerugian dan syarikat mana itu dan senaraikan berapa kerugian yang mereka alami?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, masa sudah habis, Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Okey, *last* sekali Butiran 81000 – Membina Jalan-jalan Baru. Projek baru. Projek *Pan Borneo Highway*. Saya difahamkan bahawa projek PDP telah diberi kepada Lebu Raya Borneo Utara Sdn. Bhd. (LBU) dan kalau kita tengok ada satu artikel daripada STAR. Dia kata "*Little known LBU lands lucrative job in Sarawak*" dan dia telah kata "*It is not known if there was a competitive tender process for the PDP job*" dengan izin.

Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri. Adakah dia melalui proses *open tender* untuk PDP, untuk LBU. Kita tahu bahawa PDP itu satu konsep yang baru dan bukan syarikat boleh *take up PDP job* kerana dia ini sangat-sangat tanggungjawabnya terlalu besar. Saya difahamkan mungkin Yang Berhormat Menteri mahu sebuah syarikat dari Sarawak yang boleh ambil PDP. Ini tujuan yang baik. Akan tetapi masalahnya ialah *the stake is too high*. Kalau jalan yang beribu-ribu kilometer, kita bagi sebuah syarikat yang tidak mampu *take up the job, then yang sacrifice*, yang kena tanggung ini rakyat Sarawak sendiri. *A failed project*. Saya hendak *congratulate* Yang Berhormat Menteri kerana berjaya mendapatkan *Pan Borneo Highway* untuk Sarawak. *That's your legacy* tetapi *legacy* ini kita kena pastikan dia betul-betul dijalankan dengan baik. Saya hendak cadangkan kalau boleh PDP ini biarkan sebuah syarikat yang betul-betul *have the track record and proven track record* dengan *credibility* yang bagus...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** *Take up the PDP. The contract* yang kecil-kecil itu, yang *parcel-parcel* itu boleh di tender secara terbuka dengan syarikat-syarikat Sarawak yang lain. *Last* sekali...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, cukup, Yang Berhormat. Cukup, cukup. Ramai Yang Berhormat yang mahu berbahas Yang Berhormat. Cukuplah ya.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Okey, satu sahaja. Saya punya kawasan 60000 – Naik Taraf Jalan Raya dan Laluan. Saya minta Yang Berhormat Menteri kalau boleh tengok jalan iaitu Lebuhraya Bayan Lepas dari Jambatan Pertama ke Queensbay, dia *sedimentation*. Sangat teruk. Macam terumbang ambing. Minta kalau boleh *levelkan* jalan tersebut. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tenom.

7.43 mlm.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh P27 Butiran 08260 – Naik Taraf dan Memulih Jalan Raya. Begitu juga dengan butiran 08230 – Pembinaan Jambatan. Satu lagi 05100 yang berkenaan dengan jalan-jalan besar di negeri Sabah, Tuan Pengerusi. Saya

mendapat maklumat daripada pihak JKR di kawasan saya. Terdapat beberapa projek yang telah diberi keutamaan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh dan sehingga hari ini kita tidak tahu bagaimana projek-projek ini dalam statusnya dalam keadaan perancangan pihak JKR.

Pertama ialah Jalan Melalap ke Membakut sejauh 60 kilometer. Begitu juga dengan *Tenom Town dual-carriageway* empat kilometer. Berkenaan dengan Jalan Bakuku ke Kampung Lompasia sejauh 27 kilometer, Kemabong ke Pensiangan yang mana saya lihat pihak JKR telah menyenaraikan projek-projek ini sebagai projek keutamaan. Begitu juga dengan jambatan. Pembinaan Jambatan Sungai Padas iaitu Jambatan Tenom Lama yang saya kira sebuah jambatan yang begitu lama yang telah dibina pada tahun 1973 dan berusia kira-kira sudah 40 tahun dan sering diancam banjir. Pada masa banjir yang lalu, tebing jambatan ini telah terhakis. Saya minta pihak kementerian supaya dapat memberi respons kepada projek-projek yang saya nyatakan tadi.

Begitu juga dengan cadangan pembinaan Jambatan Pal dan juga Inubai yang mana saya kira apabila jambatan ini dibina akan memberi satu jalan alternatif kepada penduduk-penduduk di sekitarnya terutama penduduk Kampung Inubai dan juga Pal Seberang yang mudah untuk datang ke pusat pentadbiran yang mana kampung-kampung ini terletak di Daerah Kecil Kemabong. Jadi sebab itu saya harap pihak kementerian dapat melihat, meneliti terutama kalau saya lihat daripada cadangan projek daripada JKR ini amat penting untuk *upgrading* Jalan *Tenom Town dual-carriageway* ini yang saya kira hari ini jumlah kenderaan yang masuk ke kawasan ataupun Pekan Tenom, jumlahnya telah meningkat dari semasa ke semasa.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh berkenaan dengan 05100. Saya lihat jalan raya daripada Lokawi sehingga ke Kota Kinabalu memang telah di *upgrade* daripada dua *lane* sehingga hari ini sudah menjadi ada empat *lane*. Akan tetapi masalahnya Tuan Pengerusi, sepanjang jalan daripada Lokawi hingga Kota Kinabalu terutama di depan *airport*, terlalu banyak *traffic light*. Sikit-sikit *traffic light* dari Bandar Putatan itu hinggalah ke *airport*, menyebabkan saya kira adakah disebabkan terlalu banyak kereta ataupun terlalu banyak *traffic light*. Ini masalah. Jadi saya harap pihak kementerian meneliti kembali *design* yang diberi. Kita tidak tahu adakah keperluan *traffic light* ini amat-amat diperlukan ataupun yang menyebabkan hingga hari ini saya lihat soal kesesakan itu apabila jalan raya telah di *expand* daripada dua buah lorong dan sekarang empat buah lorong kiri dan kanan, tetapi masalah kesesakan itu berulang balik. Jadi saya minta kementerian supaya meneliti *design* yang telah dilaksanakan pada masa ini. Jadi itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar.

**7.47 mlm.**

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mulakan dengan Butiran 050500. Isunya adalah berkenaan dengan pembinaan di persekitaran Bangunan Parlimen. Hasil daripada pengajian dan penelitian saya, saya rasa pembinaan Bangunan Parlimen adalah berkaitan dengan ataupun diselenggarakan oleh Kementerian Kerja Raya. Sejak saya menjadi



Ahli Parlimen pada tahun 2013 sehingga hari ini, walaupun ada pembinaan dilakukan tetapi saya dapati agak perlahan. Terlalu perlahan berbanding dengan pembinaan-pembinaan bangunan-bangunan yang lain. Saya ingin menuntut penjelasan daripada kementerian. Bagaimana pembinaan Bangunan Parlimen ini diselenggarakan. Ada sasaran atau tidak? Bila ia akan disiapkan dan apakah perkembangan-perkembangan terkini yang akan berlaku dalam pembinaan ini.

Seterusnya...

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Yang Berhormat Kapar, minta sedikit laluan.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ya. Ketua *Whip*. Kena bagi.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya hendak minta Yang Berhormat Kapar kalau boleh beri pandangan tentang ini ataupun bertanya Yang Berhormat Menteri. Hari ini hari *birthday* di mana pada 3 November 2010, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada waktu itu, Yang Berhormat Padang Rengas mengatakan. Disebut pada hari ini. 23 November 2010 bahawa bangunan tambahan Parlimen ini akan siap dalam masa tiga tahun. Tiga tahun sudah. Sepatutnya dikeluarkan *statement* itu, sepatutnya hari ini sudah siap. Yang Berhormat Kapar, sedarkah Yang Berhormat Kapar bahawa bangunan yang disebut ini enam tingkat sahaja.

Adakah kementerian tidak boleh *mobilize. All out*. Kalau tengok di Kuala Lumpur itu orang buat 23 tingkat, 24 tingkat, dia kerja 24 jam. Kita ada Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia di sini, kita ada Menteri yang jaga imigresen di sini, kita ada Menteri Kerja Raya di sini. Apakah kita tidak boleh *mobilize* semua sekali? Dalam masa tiga tahun siap. Enam tingkat sahaja. Jadi apakah Yang Berhormat Kapar rasakan berlaku kelambatan ini dan ia amat memalukan kerana kita mempunyai *visitors* dan Menteri semua di sini tetapi bangunan ini terlalu lambat? Lambat sungguh-sungguh. Apakah pandangan Yang Berhormat Kapar tentang ini?

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Terlebih dahulu, Tuan Pengerusi Yang Berhormat Sungai Petani. Saya minta ucapan itu dimasukkan dalam perbahasan saya.

#### ■1950

Pada waktu yang sama, saya ingin juga menambah sedikit, di mana kelambatan ini sebenarnya akan meningkatkan harga kos dari awal sehingga ke tahap ini. Ini amat menyedihkan, Tuan Pengerusi, sebab seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Sungai Petani bahawa memang ada sasaran awal untuk pembinaan disiapkan pada tahun ini, tahun 2015, tiga tahun daripada yang dikatakan, tetapi sekarang ini masih lagi tidak nampak satu penambahbaikan yang begitu jitu.

Jadi saya ingin menuntut penjelasan, yang pertama, adakah peningkatan kos telah berlaku disebabkan oleh kelewatan dan kelambatan ini? Kedua, adakah kerajaan mempunyai sasaran terbaru bilakah ia akan disiapkan? Ketiga, apakah kerajaan betul-betul ingin menambahkan waktu kerja dan sebagainya atau pun menambahkan jumlah masa untuk serius dalam isu untuk menyediakan bangunan Parlimen kita yang baru?

Isu kedua, Tuan Pengerusi, adalah berkaitan dengan Butiran 060800 – Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia. Tuan Pengerusi, saya ini, dengan izin, memang kuat *travel* lah,

jelajah Semenanjung Malaysia untuk memberikan ceramah dan sebagainya dan selalunya saya naik kereta. Sepanjang perjalanan menggunakan Jalan Persekutuan ini, saya kadang-kadang macam berjoget-joget dalam kereta disebabkan jalan yang ditar tidak mengikut spesifikasi yang terbaik. Kadang-kadang berbonggol-bonggol, kadang-kadang tar baru, tinggi. Selepas itu, tidak sampai satu kilometer, sudah ke bawah, selepas itu naik ke atas, ke bawah. Betul-betul berjoget-joget. Kadang-kadang nak tidur pun tidak sempat. Terpaksa dibangun-bangunkan oleh keteranjakan kereta dan sebagainya.

Saya rasa cara kita memperbaiki, baik pulih lubang-lubang dan pembinaan ini tidak selaraskan mengikut *specs* yang sepatutnya. Saya menuntut penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, adakah apa-apa mekanisme digunakan untuk tar jalan-jalan Persekutuan?

Di samping itu, kita juga mendapati bahawa ada beberapa buah jalan yang khusus ditar beberapa kali dalam setahun. Ini juga masalah yang saya nampak macam sentiasa berlaku. Dua, tiga bulan, selepas itu kita nampak jalan itu *jammed* balik. Mengapakah *jammed*? Sedang berlaku tar semua. Terutamanya lepas bayar Tol Jalan Duta hendak menuju ke Ipoh, beberapa kali kawasan yang sama. Adakah ini diakibatkan kali pertama ditar itu, tidak ditar dengan betul mengikut *spec* yang sempurna? Kadang-kadang juga ada lubang-lubang yang kecil, lubang-lubang yang kecil ini pun saya rasa kadang-kadang tidak ditutup, perlukan tunggu sehingga jalan tar yang berkilometer baru mereka hendak buat. Ini pun memudaratkan situasi pemandu-pemandu di kawasan persekitaran.

Tuan Pengerusi, Butiran yang sama tetapi saya hendak masuk spesifik kepada kawasan Parlimen saya. Terlebih dahulu, saya ucapkan terima kasih kepada Timbalan Menteri Kerja Raya yang telah memberikan saya jawapan bertulis tempoh hari. Jarang sekali kita dapat jawapan bertulis tetapi kali ini saya nampak beberapa orang menteri telah memberikan jawapan bertulis. Kekalkan tugas dan amanah sebegini sebab ia membantu kami.

Saya telah bertanyakan soalan ini untuk tahun 2015, saya hendak tanya soalan yang sama, peruntukan untuk Parlimen Kapar untuk tiga batang Jalan Persekutuan di Parlimen Kapar iaitu jalan Klang-Kapar FT5, Jalan Pintas Selat Klang Utara, FT020 dan Jalan Perindustrian Meru, FT3217. Untuk tahun ini 2015, RM3.2 juta telah dipergunakan untuk memperbaiki dan sebagainya. Saya minta, berapakah peruntukan yang akan diperuntukkan untuk tahun 2016 dan apakah pengkhususan yang akan dilakukan untuk tiga batang jalan raya yang di bawah Kementerian Kerja Raya?

Seterusnya saya hendak gabungkan butiran "P" iaitu Butiran 60000, Butiran 61000, Butiran 70000, Butiran 71000 dan Butiran 80000. Ini lebih kepada Parlimen Kapar secara khusus. Adakah apa-apa Butiran ini yang ada terlibat dengan Parlimen Kapar? Jika ada, saya minta penerangan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya hendak panggil dua orang ahli sahaja. Yang belum bercakap hari ini. Saya akan panggil Yang Berhormat Tebrau dan selepas itu Yang Berhormat Sibuti.

**7.55 mlm.**

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya hendak sentuh tentang Butiran 020900 berkenaan dengan Pengurusan Projek.

Tuan Pengerusi, projek fasa pertama pelebaran Lebuhraya Pasir Gudang sejauh lapan kilometer bermula daripada Kangkar Tebrau sehingga ke Plentong. Projek itu memang penting oleh sebab ia menyambungkan kawasan industri Pasir Gudang dan Pelabuhan Pasir Gudang dengan Bandaraya Johor Bharu. Kami ucapkan terima kasih kepada kerajaan oleh sebab semasa ia dibina, lebuhraya ini tidak dikenakan tol.

Jadi berkenaan dengan projek pelebaran ini, masalahnya ia tersangat lambat dan timbulkan banyak masalah kepada para pengguna. Saya rasa sekarang jasa dan usaha kerajaan untuk bantu rakyat sudah dilupakan dan rakyat khususnya pengguna jalan yang menggunakan jalan itu memang marah kerajaan. Baru-baru ini saya dapati bahawa keadaan jalan pun begitu *bumpy*. Apabila projek lambat dan jalan *bumpy*, jadi kesesakan lalu lintas lagi teruk.

Saya difahamkan bahawa pihak kerajaan sudah lanjutkan tempoh kontrak beberapa kali dan kali yang terakhir sehingga Disember tahun ini. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang amat memahami serta prihatin mengenai masalah projek tersebut. Beberapa kali Yang Berhormat Menteri sudah adakan pertemuan dengan Yang Berhormat Pasir Gudang dan diri saya dan beberapa kali juga telah membuat lawatan tapak untuk memahami secara lebih mendalam tentang projek dan mencari langkah-langkah penyelesaian. Tidak dapat dinafikan, projek tersebut telah menyebabkan pengguna lebuhraya begitu marah sehingga baru-baru ini di *Facebook*, ada seorang pengguna yang bersumpah bahawa dia tidak akan menggunakan lebuhraya itu lagi.

Tuan Pengerusi, soalan saya berkenaan dengan projek fasa pertama ini ialah benarkah projek konsesi itu dihukum atas sebab tidak berjaya siapkan projek dalam tempoh kontrak? Jika ada, berapakah jumlah hukuman yang dikenakan dan jumlah yang telah dibayar? Apakah bentuk hukuman sekiranya masih tidak siap pada tarikh itu seperti yang dijanjikan pada Disember tahun ini? Juga, adakah kelewatan itu mendatangkan peningkatan kos keseluruhan projek tersebut?

Kemudian, berkenaan projek fasa dua yang bakal dimulakan tidak lama lagi, saya hendak tanya, adakah pihak konsesi telah dikenal pasti dan bilakah projek itu akan bermula dan bilakah ia dijangka siap? Yang lebih penting ialah adakah kementerian sudah ambil langkah-langkah pencegahan untuk memastikan bahawa masalah-masalah yang dihadapi oleh projek fasa satu tidak berulang? Bagaimana kementerian dapat memastikan segala isu teknikal seperti pengambilan tanah, pengalihan paip air, kabel TNB dan kabel Telekom diatasi sebelum projek dimulakan? Apakah langkah-langkah yang diambil demi mengelakkan masalah kesesakan lalu lintas sepanjang tempoh projek fasa dua itu?

**■2000**

Tadi Yang Berhormat Pasir Gudang ada menyebut tentang pemasangan lampu di sepanjang jalan Masai-Kong Kong dan saya ingin tambah sedikit. Saya ingin tambah sikit, kalau sekiranya tidak boleh melaksanakan projek memasang lampu pada masa yang tersingkat, saya cadangkan sekurang-

kurangnya buat sementara pasang *reflector* sepanjang jalan. Oleh sebab jalan itu memang gelap gelita pada waktu malam, sangat bahaya. Jadi kalau *reflector* boleh bantu sikit. Sekian sahaja, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya Yang Berhormat Sibuti.

**8.00 mlm.**

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri. Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana mendapat Jalan Pan Borneo di negeri Sarawak. Apa yang kita harap dari Jalan Pan Borneo ini ia kalau melalui kawasan Parlimen Sibuti, jalan pesisiran pantai daripada... sampai ke pasar Miri diharapkan Yang Berhormat Menteri jangan lupa untuk melebarkan jalan supaya ada bahu jalan. Oleh sebab sekarang tidak ada bahu jalan, banyak kemalangan yang berlaku di jalan ini.

Kedua Yang Berhormat Menteri, kita juga berterima kasih kepada Kementerian Pertahanan dulu kerana membuat sebatang jalan menggunakan Projek Jiwa Murni yang telah siap dan telah pun diserahkan kepada JKR dan sekarang jalan itu terlalu teruk sama dengan Hulu Rejang tadi. Terlalu teruk sehingga susah masyarakat di sana hendak hantar anak ke sekolah. Diharapkan pihak Yang Berhormat Menteri mengambil berat untuk membaiki jalan ini dan memberi peruntukan yang mencukupi.

Ketiga Tuan Pengerusi, ialah Yang Berhormat Menteri boleh tidak memberitahu ataupun memberi peruntukan kepada- kerana yang menjalankan projek-projek ini. Akan tetapi kita cakap dalam Butiran 060700 dan 09260 sehingga jalan raya-jalan raya ini boleh dibaiki dengan baik, jalan-jalan di bawah ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, saya menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

**8.02 mlm.**

**Menteri Kerja Raya [Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2016 di peringkat Jawatankuasa untuk Kementerian Kerja Raya. Segala cadangan, pandangan mahupun teguran Ahli Yang Berhormat amatlah kami hargai demi mempertingkatkan khidmat kami kepada negara dan juga rakyat.

Saya akan terus pergi kepada beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan pelbagai isu. Pertamanya daripada Yang Berhormat Parit Sulong, yang menanyakan peruntukan yang diberikan kepada kawasan beliau. Untuk makluman pada tahun 2015, terdapat peruntukan untuk membaiki jalan persekitaran di kawasan Yang Berhormat. Jumlah yang telah diluluskan sebanyak RM2.8 juta peruntukan diberikan sememangnya tidak dapat membaiki semua jalan dipohon tetapi ia akan diberikan mengikut keutamaan iaitu keadaan jalan dan ia akan diteruskan secara berfasa dan mengikut tahun. Termasuklah tahun ini kita akan usahakan lagi. Berkaitan dengan jalan-jalan lampu jalan di

kawasan Parit Sulong, projek lampu hanya dilaksanakan kepada kawasan yang berbahaya seperti kawasan persimpangan, kawasan sekolah ataupun kawasan tumpuan awam. Jadi bagi kawasan Yang Berhormat pada tahun ini sebanyak RM450,000 telah diluluskan untuk membina jalan. Berapakah jumlah peruntukan untuk membina Jalan Semarang Batu Pahat untuk tahun 2016? Ini saya ingat satu lagi soalan Yang Berhormat. Saya selesaikan dahulu, selepas Yang Berhormat boleh bangun.

Pihak KKR telah memohon peruntukan bagi projek menaik taraf jalan dari Gemas ke Ayer Hitam secara berfasa, iaitu tiga fasa. Fasa satu sehingga fasa tiga untuk Rancangan Malaysia Kesebelas. Jalan tersebut merupakan jalan Persekutuan FT001. Setakat ini dalam *rolling* pertama kita tidak melihat kelulusan daripada agensi Pusat dan kita akan cubalah untuk merayu lagi dalam tahun 2017. Untuk-dengan kata lain kita akan membina jejantas dan pembahagi jalan di Pekan Parit Sulong iaitu Daerah Batu Pahat dengan kos RM5.5 juta, itu untuk tahun 2016. Itu sahaja yang ada setakat ini Parit Sulong. Manakala...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Parit Sulong bangun Yang Berhormat.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Ya, sila.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Okey, terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana memaklumkan mengenai jumlah yang telah diluluskan dan yang akan diberikan kepada kawasan Parlimen Parit Sulong. Saya juga hendak mengambil kesempatan ini juga hendak mengucapkan ribuan terima kasih kepada JKR terutamanya *last weekend*, minggu yang lepas ini ada satu kejadian di mana terdapat lubang besar dekat FT24, seksyen 14, betul-betul di hadapan simpang tiga hendak masuk ke dalam DUN Seri Medan itu sendiri dan telah dibetulkan dan dibersihkan oleh pihak JKR. Jadinya hendak ambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih atas tindakan pantas yang dibuat oleh pihak JKR bagi memudahkan penduduk tempatan terutamanya pengundi-pengundi saya melalui jalan tersebut, terima kasih.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Saya mendapat maklumat yang paling awal daripada Yang Berhormat Parit Sulong. Ini menunjukkan bahawa Yang Berhormat Parit Sulong sentiasa berada di lapangan dan mengambil tahu akan kuasanya [*Tepuk*] Oleh sebab itu kita dapat maklumat dan syarikat konsesi dan juga JKR mengambil tindakan segera. Akhirnya pada keesokan harinya jalan dapat disiapkan untuk dibuat. Jalan ini sebenarnya berlaku mendapan disebabkan paip bawah tanah pecah menyebabkan tanah itu mendapan.

Yang Berhormat Penampang ada? Sudah balik ya?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah balik.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Yang Berhormat Penampang nanti saya bagi jawapan secara bertulislah ya. Yang Berhormat Limbang? Ada di sini. Dia juga sudah berjumpa dengan saya secara peribadi dan seorang lagi Yang Berhormat begitu mengambil berat akan kawasannya. Pertama berkaitan dengan kualiti pembinaan jalan termasuklah daripada segi *design*, pelaksanaan dan juga pemantauan.

Ini mungkin teguran-teguran yang telah diberikan sehinggakan ada kawasan-kawasan sepatutnya berlaku penambahbaikan bukan sahaja jalan tetapi juga saliran air dan sebagainya sepatutnya menyelesaikan permasalahan yang dihadapi oleh rakyat. Saya sendiri *inshaaAllah* akan duduk bersama Yang Berhormat dan berbincang dengan JKR negeri Sarawak yang menjadi pemantau kita melihat kepada apakah permasalahan daripada segi pelaksanaan? Adakah disebabkan *design*? Adakah disebabkan kegagalan *the supervision aspect of it*, dengan izin? Juga daripada segi pelaksanaan di mana ia tidak mematuhi, memenuhi spesifikasi dan juga kehendak kepada peningkatan ataupun penambahbaikan jalan mahupun saliran di kawasan berkenaan. *Insyaa-Allah* kita sendiri akan melihat kawasan ini.

Yang Berhormat Bukit Gantang ada di sini. Ada beberapa perkara yang dibangkitkan iaitu SOP kemalangan lebuhraya. Kalau berlaku kemalangan, apakah tindakan yang akan diambil oleh syarikat konsesi? Sebenarnya kita di peringkat lebuhraya ia sudah pun ada pelan tindakan kecemasan ataupun *Emergency Response Plan* di mana ERP ini melibatkan kerjasama semua agensi keselamatan termasuklah polis, bomba, termasuk juga pihak hospital dan juga syarikat konsesi sendiri ada ia punya *rescue team* yang boleh bertindak awal untuk bukan sahaja kerja menyelamatkan tetapi juga dalam pengurusan trafik apabila berlakunya kemalangan. Cuma persoalan Yang Berhormat sama ada apabila berlaku kemalangan ini, adakah tindakan mereka supaya dapat meleraikan trafik dengan lebih cepat, menyampaikan maklumat dan sebagainya? Biasanya tindakan yang diambil ialah untuk membuka pembahagi jalan kalau jalan itu terputus. Biasanya kemalangan ataupun kesesakan lama ini disebabkan kemalangan ini besar. Misal kata kawasan di Perak tersebut kadang-kadang treler menutup keseluruhan jalan. Untuk meleraikan trafik, kita terpaksa membuka pembahagi jalan untuk *divert the traffic* ataupun membuat *contra flow* supaya jalan yang sebelah lagi dapat dilalui untuk meleraikan trafik.

#### ■2010

Ini memang sudah ada SOP mereka cuma soalan Yang Berhormat, adakah bila berlakunya perkara-perkara tersebut adakah boleh dipertimbangkan daripada segi tol dan sebagainya? Bolehkah didenda syarikat? Kita akan melihat kembali sama ada perkara tersebut boleh diambil di bawah peruntukan perjanjian yang sudah dimeterai antara syarikat dan juga kerajaan. Kita akan kaji dan cadangan ini mungkin salah satu perkara yang boleh kita buat, ambil pandangan untuk kita tambah baik dalam perjanjian-perjanjian yang akan datang. Satu lagi berkaitan dengan naik taraf Jalan Changkat Jering.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih, Menteri. Saya tengok daripada segi pembinaan pembahagi jalan yang melibatkan antara Jelapang dengan Kuala Kangsar. Dia punya pembahagi jalan itu macam dimatikan dengan pembinaan dalam bentuk simen yang mati. Saya rasa kalau berlaku kemalangan memang agak sukar untuk hendak buat perjalanan trafik, tidak tahu macam mana pemikiran yang ada kepada PLUS yang membina itu. Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Dalam *standard design* kita, ada beberapa kilometer akan ada tempat untuk kita membuat laluan. Ini supaya bukan setakat laluan itu untuk kita meleraikan trafik tapi lebih penting untuk kita menjalankan misi menyelamatkan khususnya ambulans dan sebagainya supaya ada laluan. Memang daripada segi SOP dan standardnya, memang ada di beberapa kilometer itu akan ada tempat untuk kita membuat laluan. Pengadang konkrit satu kaedah untuk keselamatan. Kadang-kadang sesetengah tempat itu membuat *barrier* menggunakan *structure* yang selain daripada konkrit mungkin tidak mampu menampung daripada segi risiko bahaya bila berlakunya pertembungan kenderaan yang lebih besar dan sebagainya. Apatah lagi, kawasan yang disebutkan tadi memang kawasan yang berisiko tinggi.

Untuk menaikkan taraf Jalan Changkat Jering, Beruas pakej 2B, Kampung Sungai Batu ke Kampung Matang Aceh. Ini telah pun kita mohon dalam *rolling plan* yang pertama Rancangan Malaysia Kesebelas dengan anggaran kos sebanyak RM263.1 juta sepanjang sebelas kilometer untuk empat buah lorong dua hala. Ini kita akan semak daripada segi kelulusan sama ada akan mendapat kelulusan ataupun tidak dalam *rolling plan* yang pertama ini.

Perjanjian berkaitan dengan lebuhraya, Yang Berhormat juga membangkitkan adakah berlaku penambahbaikan kepada perjanjian. Ini banyak dibangkit oleh Yang Berhormat yang lain juga. Sekarang ini daripada segi perjanjian, kita sudah pun meningkat daripada beberapa fasa ataupun kalau dulu perjanjian ini adalah malahan daripada segi tol automatik untuk kenaikan tol berdasarkan apa yang diperuntukkan dalam perjanjian. Jadi apa yang telah ditambah baik ialah sekarang ini tiada lagi kenaikan tol secara automatik. Walaupun ditetapkan *review* untuk tol berdasarkan perjanjian, ada yang berdasarkan perjanjian tiga tahun, setiap lima tahun ataupun setiap tujuh tahun bergantung dengan bila perjanjian dibuat, dan kos pembinaan lebuhraya tersebut dan *financial model*.

Apa yang kita lakukan sekarang ialah kalau hendak menaikkan tol. Kadar tol ditetapkan pertama sekali berdasarkan kos pembinaan. Kedua ialah jumlah trafik ataupun anggaran trafik, daripada anggaran trafik itu kita akan menilai berapakah pendapatan itu untuk mereka membayar pinjaman dan sebagainya. Daripada keseluruhan itulah maka kita akan menilai. Setiap kali ada permohonan untuk kenaikan tol, kita akan melihat, *study* balik semua *statement of account*. Adakah mereka mencapai kepada *the traffic forecast* ataupun anggaran yang kenderaan yang melalui kawasan tersebut. Kalau ia mencapai tahap dianggarkan atau *diforecast* dalam perjanjian maka kita tidak akan membenarkan kenaikan tol. Itu secara umumnya, kecuali mereka tidak sampai ke tahap tersebut maka kita akan membenarkan kenaikan tol.

Disebabkan ada komitmen syarikat bila dia hendak membina, dia terpaksa meminjam, mengambil pinjaman ataupun ada pelaburan. Contohnya PLUS, sebahagian pelaburannya adalah daripada EPF, daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, ada Tabung Haji yang melabur dan sebagainya. Ini yang akhirnya kita akan lihat dan sebab itu dalam pembinaan lebuhraya ini bukan semudah yang kita anggapkan bahawa bila kita buat lebuhraya secara penswastaan dengan menggalakkan penswastaan kita lupa bila kita wujudkan penswastaan ini dulu ia sebenarnya membantu dalam peningkatan ekonomi negara kita. Di mana peluang pekerjaan diberi, buka kawasan-kawasan baru

dengan wujudkan peluang perniagaan, peluang pembangunan semua manfaat itu sebenarnya ada bila kita melakukan konsep penswastaan dulu. Penswastaan ini...

**Seorang Ahli:** *[Bangun]*

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** *Let me finish please.* Bila ia dilaksanakan maka kadang-kadang kita lupa ini sebahagian daripada pendekatan kerajaan.

Ini sebab kerajaan pada masa yang sama, kita harus ingat bahawa tanggungjawab kerajaan ialah untuk menyediakan juga prasarana kepada keseluruhan kawasan di Malaysia ini. Oleh sebab itu, jalan persekutuan begitu banyak, bukan sahaja kita hendak membina jalan-jalan baru, jambatan-jambatan baru tapi pada masa yang sama kita terpaksa *maintain* ataupun menyelenggarakan jalan yang sedia ada. Ini memerlukan peruntukan yang agak besar. Oleh sebab itu, ada kawasan-kawasan tertentu bila ada cadangan daripada pihak swasta untuk menyediakan lebuh raya yang betul maka kerajaan akan menerima sebab ini memberi peluang ataupun pilihan kepada rakyat. Lebih banyak pilihan kepada rakyat untuk menggunakan apa-apa sahaja jalan yang diberikan. Ini pilihan kepada rakyat. Itu tanggungjawab kerajaan.

Oleh sebab itu, kaedah PFI, ada kaedah PPP, ada kaedah PDP yang diperkenalkan. Ini konsep-konsep pembangunan untuk kita memberi pilihan kepada rakyat dan ia ditentukan oleh jawatankuasa iaitu jawatankuasa yang dianggotai oleh Kementerian Kewangan, oleh EPU dan juga oleh teknikal. Peranan kita di peringkat Kementerian Kerja Raya kita adalah *implementing agency*. Kita ada penasihat teknikal kepada kerajaan, bukan menentukan daripada segi sudut *financial* ataupun *economic perspective*, yang itu akan ditentukan oleh jawatankuasa yang diketuai oleh EPU dan juga Kementerian Kewangan. Itu konsep pembangunan lebuh raya kita laksanakan.

Disebabkan itu bila dikatakan tadi, mengapa tahun ini kita masih ada peruntukan untuk pampasan. Pampasan sebenarnya bila kita mohon. Kita kena mohon sebab bajet, *for budget purposes* kita kena *allocate* peruntukan sebab perjanjian itu mengatakan ada lebuh raya akan naik tahun ini, ada yang naik tahun depan sebab fasanya tidak sama. Bila dimulakan pembinaan lebuh raya itu perjanjian tidak sama bila tarikhnya. Oleh sebab itu, *review every three years, five years and seven years*. Misal kata 2015, 18 *highways* telah dinaikkan tol. Mengapa masih kita bayar, bila dinaikkan. Itu persoalan dari sebahagian daripada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Dinaikkan sebab 2015 kita sudah peruntukan untuk ada pampasan. Memang ada pampasan, kalau tol tidak dinaikkan. Saya ingin mengingatkan tol hanya dinaikkan pada Oktober. Maknanya dari Januari sehingga Oktober kita terpaksa membayar pampasan. Manakala yang naik bulan November dan Disember tidak ada lagi pampasan sebab sudah pun dinaikkan. Akan tetapi, kena ingat ada beberapa tol kalau ikut perjanjian kadar kenaikan sepatutnya RM2 tapi hanya dibenarkan kenaikan RM1. Jadi RM1 itu kena bayar sebab kita kena bayar pampasan berdasarkan jumlah trafik sebenar yang melalui kawasan tersebut. Itu kita membuat *allocation* dalam Bajet 2015. Oleh sebab itu masih ada pampasan yang perlu dibayar 2015 walaupun kadar tol dinaikkan.



Begitu juga dengan 2016, ada lagi *highways* lain yang akan naik. Oleh sebab itu, kita mohon lulus peruntukan tetapi tidak mestinya peruntukan ini digunakan melainkan kalau kita putuskan tol tidak dinaikkan. Hanya dengan itu baru pampasan dibayar. Kalau kita putuskan tol itu dinaikkan maka pampasan itu tidak akan dibayar setakat mana kita membenarkan tol dinaikkan. Itu untuk kedudukan tol.

Yang Berhormat sudah pasti banyak perkara tadi termasuklah Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan membangkitkan berhubung kait dengan kalau *shareholders* bersetuju termasuklah PLUS.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Duduklah dulu, biar saya habiskan dulu penjelasan ini. Mengapa PLUS kita terpaksa *review* sebab ini jugalah tuntutan dulu. Dulu kita minta supaya jangan naik tol, jadi masa itu dibincangkan kaedahnya bagaimana kita hendak memastikan tiada kenaikan tol.

#### ■2020

Maka kalau ingat tahun 2008 dahulu, PLUS sepatutnya mendapat kenaikan tol tetapi tidak dinaikkan dan mengapa tidak dinaikkan sebab di *restructure* balik perjanjian sehinggakan PLUS itu diambil alih dan daripada *public listed company* menjadi *company* yang dikeluarkan daripada *public listing* sebab terikat dengan beberapa perkara. Kalau kita hendak membincangkan dengan syarikat konsesi bukan sekadar berbincang dengan syarikat konsesi sebab mereka tertakluk dengan pemberi pinjaman dan juga tertakluk kepada *the bondholder* yang perlu kita bincangkan secara bersama.

Akhirnya *restructuring* untuk PLUS ataupun *North-South Highway* dapat dilaksanakan tetapi kadar tol tidak dinaikkan, maka *extension* diberi. Itu yang berlaku mengapa PLUS terpaksa melakukan *restructuring* untuk tidak menaikkan tol tetapi pada masa yang sama, kita memberikan lanjutan supaya dengan itu apabila lanjutan diberikan, kadar tol, kenaikan tol sekarang ini lebih kurang lagi daripada apa yang termaktub dalam perjanjian yang awal dahulu. Itu yang berlaku untuk PLUS *highway*, untuk penjelasan kepada Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan. Sila...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bayan Baru.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Yang Berhormat Bayan Baru.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri tadi mengatakan ada beberapa kriteria lebuhraya untuk mendapatkan pampasan atau tidak bergantung kepada *traffic flow*, jumlah trafik dan juga keuntungan. Saya juga membangkitkan bahawa seperti LDP. Kita tahu bahawa ia...

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Yang Berhormat, saya tidak mengatakan keuntungan. Saya cuma mengatakan tadi *the traffic*.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** *Traffic* lah ya, okey.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Lebih kepada kos keseluruhan berapa *then that will be the financial model*.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ya, ya. Maksudnya, kalau kita tengok daripada LDP, KESAS dan juga banyak lebuhraya di kawasan Lembah Klang dan mungkin di Jambatan Pulau Pinang, trafiknya

memang tinggi. Jadi ini telah memadai bahawa sebenarnya ia sudah mencapai KPI, mencapai standard tersebut dan tidak perlulah- kalau boleh kita kena *restructure* dengan mereka, tunjukkan data kepada mereka bahawa mereka tidak harus lagi begitu tamak untuk menaikkan kadar tol dan juga panjangkan konsesi. Ini kerana, saya nampak bahawa kerajaan sekarang mengambil beberapa strategi.

Pertama, membayar pampasan supaya tidak menaikkan tol. Kedua, memanjangkan tempoh konsesi supaya tol tidak dinaikkan. Akan tetapi akhirnya, kita nampak bahawa kerajaan *lose, lose, lose* dan rakyat juga *lose, lose, lose*, kenapakah? Kerajaan juga masih membayar pampasan tol. Kedua, tolnya masih naik. Ketiga, *extension* masih dijalankan. *To us is all lose, lose, lose*. Apa yang menang, yang *win, win, win* itu semuanya syarikat konsesi. Itulah persoalan yang rakyat pertikai isu tentang ketidakadilan yang berlaku ke atas perjanjian konsesi...

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** *[Bangun]*

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Tunggu Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan. Saya sudah katakan tadi, untuk kenaikan tol kalau dibenarkan kenaikan tol maka tidak ada *extension*, tidak ada pampasan. Akan tetapi apa yang berlaku tahun 2015 disebabkan hanya dibenarkan kenaikan pada bulan Oktober. Sebab itu bulan Januari sehingga Oktober *you have to pay the compensation*, dengan izin. Tidak ada *extension*. Kalau kita mengikut semua perjanjian, tidak ada masalah. Kalau kita membenarkan kenaikan dan sebagainya, maka tidak ada *extension*, tidak ada pampasan. Itu realitinya. Akan tetapi perjanjian, kita terpaksa terikat dengan perjanjian sebab perjanjian sudah pun termeterai, di *sign* dan kita hendak mengikut apa sahaja syarat.

Apa yang kita boleh lakukan sekarang ini ialah perundingan untuk kita mengimbangi pertama sekali kemampuan kerajaan. Kedua ialah kehendak pengguna supaya mereka tidak terbeban dengan begitu berat daripada segi kadar, ekonomi semasa dan sebagainya. Sebab itu dari tahun 2008, kerajaan telah menanggung membayar pampasan untuk menangani kos kehidupan rakyat kita. Akan tetapi sekarang dengan keadaan kemampuan kerajaan dan sebagainya, maka kita melihat bahawa kepentingan kerajaan, kepentingan rakyat pada jangka panjang maka inilah jalan pendekatan yang terbaik untuk kita membenarkan kenaikan tetapi kita tidak membenarkan kenaikan yang maksimum, RM1 ke RM2. Kita hanya membenarkan maksimumnya RM1 kenaikan, itu yang telah kita putuskan untuk tahun 2015.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, hendak bagi jalan?

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan, yang lain duduk dahulu.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Apakah jaminan Yang Berhormat Menteri selepas pelanjutan kutipan kadar tol ini dilanjutkan untuk PLUS Utara-Selatan ini tidak ada kenaikan kadar tol lagi pada masa akan datang? Selepas tahun 2037, tidak ada lanjutan lagi kutipan, jaminan. Saya rasa pampasan sebegini setiap tahun berlaku tidak akan

menyelesaikan masalah. So, adakah kerajaan bercadang untuk mengambil alih syarikat konsesi ini satu persatu. Cadangan kerajaan boleh menggunakan RM5 bilion setahun dan setahun boleh mengambil 20 buah syarikat konsesi. Inilah rakyat hendak tengok, adakah kita boleh menyelesaikan masalah bukan kerana pampasan yang setiap tahun kita kena bayar tetapi tidak boleh menyelesaikan masalah ini.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Sekali, sedikit.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** [Bangun]

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Yang Berhormat, saya kira saya sudah menjawab dengan agak jelas bahawa kita tertakluk kepada perjanjian. Dalam perjanjian ada yang *review* tiga tahun, lima tahun dan tujuh tahun daripada segi kelayakan untuk kenaikan tol dan perjanjian mereka layak untuk *toll review*, ada perjanjian tiga tahun, ada lima tahun dan tujuh tahun.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Sekejap.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Daripada segi- duduk dahulu ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Duduk dahulu. Daripada segi pengiraan tadi, *the negotiation* itu lebih kepada sama ada *shareholders*, peminjam dan syarikat itu bersetuju, itu sahaja yang boleh kita lakukan sebab perjanjian itu sudah termaktub. Jadi Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan juga *lawyer* sebab itu sepatutnya faham, bila kita sudah ada perjanjian maka kita kena ikuti perjanjian dan perjanjian termaktub, kita kena tengok sama ada kita hendak *take over*, boleh kalau kita hendak *nationalize* kan semua syarikat *highway*, kalau mengikut perkiraan daripada *independent valuers* ataupun konsultan yang kita lantik ia akan menelan belanja beratus bilion untuk *take over the whole highway*. Ratusan bilion itu, saya kira hendak ambil *every year* kita hendak *set aside five billion that depends very much on* perjanjian...

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Bukan dalam satu tahun Yang Berhormat Menteri, dalam 10 tahun, 20 tahun ini kita mesti ada cadangan untuk mengambil alih.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Ada takrifan...

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** ...Telah pun...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, seorang-seorang.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** ...Sudah, sudah. Ada mana...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan duduk.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Ada yang kerajaan sudah *take over*.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Dalam janji Barisan Nasional untuk mengurangkan bilangan tol di bandar raya, mana ada, mana?

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Dalam manifesto kita adalah tol antara bandar bukan dalam bandar.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Mana?

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** ...Hanya ada dua.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Plaza Tol NPE, plaza ... masih belum selesai lagi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan...

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Duduk dahulu. ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** ...Boleh buat dengan tertib Yang Berhormat.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Antara bandar yang kita janjikan dalam manifesto tol antara bandar hanyalah tol utara-selatan dan LPT 1, itu sahaja.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** ...Yang lain-lain tiada dalam manifesto kita.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang.

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, saya dari satu segi memang saya rasa Yang Berhormat Menteri jawab sejauh itulah sebab alasannya perjanjian dan sebagainya. Akan tetapi bagi saya Yang Berhormat Menteri, kalau alasannya perjanjian tidak boleh *review*, sepatutnya kalau kita hendak hujah balik daripada awal-awal mesti dibuat perjanjian itu memastikan kepentingan rakyat dijaga supaya jangan timbul sudah 10 tahun macam ini- tidak sekarang terbukti apabila kita membuat perjanjian itu kata tidak boleh *review* sedangkan Yang Berhormat Menteri kata kalau kita *delay* pun akan kena bayar ganti rugi dan sebagainya.

Isunya yang saya tanya Yang Berhormat Menteri- tidak normal. Kalau hendak kata perjanjian sudah dibagi- dahulu semasa perjanjian royalti walaupun dalam perjanjian kata royalti boleh diubah apabila kerajaan lain minta, tukar daripada royalti kepada ihsan, boleh buat pun, ini berpura-pura sahaja jawapan-jawapan ini.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Yang Berhormat...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sekejap, sekejap, saya belum habis lagi.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Duduk, duduk. / tidak hendak *you* merapu sebab saya tahu Yang Berhormat...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya tidak merapu, Yang Berhormat Menteri merapu jawab pasal...

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Duduk, duduk, duduk.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sabar dahulu boleh tidak, saya belum habis lagi.

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Duduk, duduk, duduk.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya tidak kata Yang Berhormat Menteri pasal Lebuhraya PLUS...

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Perjanjian terpaksa, bila *you sign agreement as a lawyer you need* persetujuan daripada kedua-dua pihak.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *But as a government you have to protect the rakyat,*

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Perjanjian...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** ...*Agreement.*

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Kalau macam itu, maknanya *you can't change any agreement without* persetujuan kedua-dua belah pihak.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *Why* Barisan Nasional *did?*

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** *No, no, no.*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Dalam kes *royalty agreement.*

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Duduk, duduk.

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Bagi saya kerajaan...

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** ...*Jawab.*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** ...Untuk memastikan kepentingan rakyat dijaga.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang...

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Sebab itulah kita membuat perubahan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kalau macam begini, sampai bila pun...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Seorang-seorang Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Masalahnya saya belum habis lagi Menteri...

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Duduk, duduk, *I don't want to entertain him... [Dewan riuh] I will explain. I will explain...*

#### ■2030

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Seorang-seorang Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tak, ini PLUS, PLUS.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, seorang-seorang. Biar Menteri jawab dahulu, kemudian baru bangun Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Menteri, pasal PLUS.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** *I want to go on...*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Duduk dulu Yang Berhormat Sepang. Menteri tidak bagi jalan ya. Cukuplah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini jawapan merapulah Menteri ini. Saya hendak tanya pasal PLUS.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Duduk dulu. Semua duduk, duduk, kecuali Menteri yang menjawab dulu, Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini kerajaan merapu sahaja jawab macam ini...  
*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Ini Yang Berhormat Sepang merapu!

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Yang Berhormat Menteri, Kanowit, Yang Berhormat Menteri. Kanowit.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Saya sudah katakan tadi Yang Berhormat, bahawa kita sudah banyak menambah baik perjanjian. Satu, daripada segi *toll review*, tiada automatik kenaikan. Kita kena lihat kepada daripada segi *traffic flow*.

Kedua, dulu maknanya kalau perjanjian konsesi itu 30 tahun, kita kena tunggu 30 tahun, habis tempoh baru kita boleh batalkan. Peruntukan baru sekarang ini ialah kalau dia sudah dapat *return of investment* (ROI) dalam 25 tahun misalnya, maka kita boleh tamatkan. Makna, kerajaan boleh ambil alih dan tamatkan konsesi tersebut dan kita ambil alih. Jadi tidak ada isu. Itu semua sudah ada peruntukan untuk perjanjian-perjanjian generasi yang baru ini. Ini sudah ada dibuat.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Oleh sebab itu saya katakan tadi, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat sama ada kalau sudah dibayar pampasan, tol masih naik, itu tidak berlaku. Yang berlaku ialah sebab kita tidak membenarkan tol itu naik pada bulan Januari, hanya dibenarkan pada bulan 10. Oleh sebab itu, berlaku kenaikan, kena bayar pampasan. Akan tetapi bila sudah naik, maka pampasan tidak akan dibayar. Itu yang saya pastikan tadi jawapan saya.

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Jadi saya hendak balik kepada....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada dua yang bangun, Yang Berhormat Menteri. Hendak beralih kepada isu lain?

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Kanowit boleh?

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Sila, sila.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kanowit, ringkaskan.

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Terima kasih Menteri. Berkenaan dengan subsidi tol ini, dalam perbahasan dasar pun saya telah menyatakan kepada kementerian berapakah jumlah subsidi tol yang dibayar oleh kerajaan setiap tahun. Saya bawakan isu ini sebab di Sarawak, kita tidak ada tol. Kita tidak ada subsidi. Beratus-ratus juta dibayar untuk subsidi tol sepatutnya digunakan untuk membina jalan di Sarawak. Betul atau tidak, Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Oleh sebab itulah banyak pandangan mengatakan- oleh sebab itu saya katakan tadi dalam penggulungan ini, pertama, tanggungjawab Kerajaan Persekutuan banyak. Pertama, untuk menyediakan jalan asas iaitu jalan persekutuan termasuklah jalan-jalan kampung yang dibina melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar. Oleh sebab itu, kita memerlukan

peruntukan besar disebabkan oleh perlunya untuk kita membina kemudahan asas kepada rakyat kita secara keseluruhan.

Oleh sebab itu, pada masa yang sama, kita membenarkan konsep penswastaan di mana lebuh raya boleh dibina di kawasan-kawasan yang difikirkan sesuai. Ada pihak swasta memberi cadangan dan sebab itulah konsepnya begitu supaya rakyat ada pilihan. Apakah pilihan? Itu ketentuan rakyat sendiri. Hendak gunakan yang mana sekali pun, itu pilihan rakyat. Akan tetapi yang penting saya kira ialah kerajaan komited untuk memberi kemudahan yang terbaik kepada rakyat kita dan pada masa yang sama, cuba mengimbangi supaya kos rakyat kita ini dapat dikurangkan daripada segi sara hidupnya.

Jadi Tuan Pengerusi, saya sudah menyentuh agak panjang berhubung kait dengan tol. Oleh sebab ramai lagi yang menyuarakan isu-isu yang lain, saya nak beralih berkaitan dengan...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** *Sorry* ya. Menteri, sedikit sahaja. Satu soalan untuk Lebuhraya Pantai Timur...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini Yang Berhormat Bayan Baru, Yang Berhormat Bayan Baru...

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Saya belum sampai kepada...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ini saya ada bangkitkan.

**Datuk Seri Haji Fadillah bin Yusof:** Belum sampai lagi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini Yang Berhormat, kita ada peraturan ya. Sila.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Untuk Ahli Yang Berhormat Jerlun iaitu naik taraf jalan sempadan Kota Setar-Perlis melepasi Jerlun sepanjang 12 kilometer. Walaupun 12 kilometer Yang Berhormat, kita sudah mohon untuk *rolling plan* yang pertama. Saya kira jalan ini tidak tersenarai. Kosnya lebih kurang RM505 juta untuk dinaikkan daripada dua buah lorong dua hala kepada empat buah lorong dua hala. Kita akan terus membuat permohonan ini kepada agensi pusat.

Manakala berhubung kait dengan Lebuhraya *West Coast Expressway* termasuk dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat yang lain juga, Lebuhraya Pantai Barat ini sepanjang 233 kilometer menghubungkan Banting di Selangor ke Taiping, Perak dengan kos keseluruhan lebih kurang anggarannya RM5.044 bilion. Kerja pembinaan sedang giat dilaksanakan. Sehingga 30 Oktober 2015, kemajuan projek 13.35 peratus di Perak dan 12.84 peratus di Selangor. Projek ini kalau tiada permasalahan, dijangkakan akan siap pada tahun 2019.

Daripada segi jajaran, di Perak sudah pun selesai dan dipersetujui secara dasarnya. Cuma di Selangor seperti mana dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjong Karang tadi, kita masih melakukan perundingan beberapa jajaran yang melibatkan di kawasan Sungai Besar, di Sabak Bernam dan juga di Tanjong Karang. Ini perlu kita perhalusi untuk kita melihat bahawa jajaran...

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** *[Bangun]*

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Duduk dulu, saya belum habis jawab untuk WCE. Ini perlu diperhalusi dan kita akan membuat interaksi lagi bersama dengan pemimpin-pemimpin setempat dan

mencari apakah kaedah daripada segi kita untuk muktamadkan dan juga mengambil kira pandangan pemimpin setempat bagaimana kita dapat tentukan jajaran tersebut.

Ini termasuklah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Raja tadi berkaitan dengan pampasan sama ada kita hendak ambil rumah itu ataupun tanah lapang. Yang itu saya akan perincikan. Kalau mengikut apa yang di Selangor ini, memang kita belum dapat sepenuhnya daripada segi jajaran. Kita akan melihatlah apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Kota Raja tadi, apa yang telah dibangkitkan.

*As far as* pampasan, pampasan biasanya ditetapkan berdasarkan nilai pasaran, apa harga pasaran tanah tersebut? Ini ditentukan oleh Pejabat Tanah ataupun melalui Pejabat Penilaian, dan mana-mana pihak yang tidak bersetuju dengan nilai pampasan, mereka boleh sentiasa merujuk kepada mahkamah untuk membangkitkan berhubung kait dengan nilai tanah ataupun nilai pasaran tanah yang ditetapkan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kota Raja.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin membangkitkan bahawa di Kota Raja sebenarnya pengetahuan tentang, pada penduduklah, baru kira dapat tahu tentang jajaran ini melalui tanah mereka walaupun dikatakan projek ini telah diluluskan semenjak tahun 1997. Jadi bangkangannya agak kuat, memang kuat sekalilah. Jadi saya hendak tanya, adakah kemungkinan jajaran ini boleh diubah, Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Itu yang saya katakan tadi, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, kita akan lihat kembali dan kita akan menilai kembali apakah keseluruhan jajaran yang bakal ditentukan. Ada dibangkitkan...

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada dua orang bangun.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Sekejap ya. Ada *interjection* oleh Yang Berhormat Taiping tadi bertanya mengapa tol ini 50 tahun waktu Yang Berhormat Kota Raja berbahas. Kadar tempoh sesuatu konsesi ini ditentukan mengikut nilai berapakah kos pembinaan lebuhraya dan juga berapakah kadar pinjaman dan keseluruhannya itu akan diambil kira.

Kalau kita hendak tentukan pendekkan waktunya dan juga berdasarkan *the traffic flow and so on*, maka tentu ia akan akhirnya memberi kesan kepada pengguna. Kalau kita singkatkan, pendekkan tempohnya dengan jumlah kos pelaburan untuk membina *highway* tersebut, sudah pasti kos yang tinggi. Kalau dipendekkan, maka kadar tol akan lebih tinggi. Jadi ini semua akan diambil kira. Akan tetapi, ketentuan ini akan ditetapkan oleh jawatankuasa yang saya katakan tadi iaitu di peringkat EPU dan juga MoF di mana kita di peringkat kementerian melalui LLM dan juga JKR akan memberi *technical input* kepada apa sahaja cadangan.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Yang Berhormat Menteri, hendak celah sedikit tentang WCE. Terima kasih Tuan Pengerusi.



Saya hendak tanya Menteri, berdasarkan pengalaman Lebuhraya Pantai Timur (LPT) di mana ketika ini kita sedang berbahas, berbincang tentang suara *settlement* yang menyebabkan lebuhraya itu katanya kualitinya kurang baik. Kita tahu di Lebuhraya Pantai Barat ini pun mempunyai tanah yang saya kira lebih kurang sama di mana mungkin banyak di sesetengah tempat ada *pit soil* apa semua. Adakah telah diambil kira daripada segi sudut *design, soil treatment and then* adakah ia akan melibat *cost overrun*? Tadi Yang Berhormat Menteri kata RM5.044 bilion. Adakah ia juga akhirnya akan melibatkan *toll rate* yang mungkin akan dikaji semula ataupun memanjangkan tempoh konsesi? Terima kasih.

■2040

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Ya terima kasih Yang Berhormat Jerlun. Ini semuanya akan diambil kira dalam kita membina *highway* khususnya daripada segi teknikal aspek di mana JKR dan LLM bertanggungjawab untuk menilai dan melihat *by the all technical aspect* dalam pembinaan termasuklah *the soil investigation design and so on*. Itu kita akan ambil kira dan akhirnya sama ada daripada segi *method cost* yang 5.044 itu akan hanya dapat dikenal pasti ataupun dapat dimuktamadkan pertama sekali apabila jajaran itu telah dimuktamadkan *which means the alignment. Actual* nanti ada tidak pengalihan utiliti kos penilaian tanah, pengambilan tanah dan sebagainya ini akan diambil kira sebagai *the total cost of construction*.

Daripada *total cost of construction base on* barulah kita tentukan berapakah kadar tol dan tempoh dan sebagainya. Itu daripada segi asasnya daripada segi prinsip yang kita tetapkan 50 tahun. Sayugia juga diingatkan bahawa untuk pembinaan WCE ini ada *portion* yang tidak akan dikenakan tol khususnya yang melalui tiga buah kawasan Parlimen yang saya katakan tadi sebab atas kehendak penduduk tempatan. Untuk kita sediakan nanti supaya di situ dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan pembinaan dalam kawasan tersebut. Okey Yang Berhormat Bayan Baru.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri, saya buat sedikit *calculation* tentang *West Coast Expressway* ini kalau katakan kos pembinaan RM5 bilion okey. Kita tahu bahawa untuk satu hari di Lebuhraya Utara-Selatan ia lebih kurang 1 juta buah kereta pakai okey. Kalau kita bahagikan hanya 10% dari lebuhraya yang pindah ke *West Coast Expressway*, 100,000 kereta sahaja yang menggunakan *West Coast Expressway* itu setiap hari. Dalam 136 hari sahaja kita sudah dapat balik dia punya kos itu. Maksudnya dalam masa yang pendek sahaja ia boleh dapat balik keuntungan pembinaan itu tidak payahlah sehinggakan 50 tahun untuk ini okey.

Jadi saya rasa kita perlu pertimbangkan untuk memendekkan- kita kena *calculatelah* tentang ini saya minta maaf bukan 136 hari. *Sorry*, saya tarik balik itu, tapi saya kata bahawa dia memang jalan Lebuhraya Utara-Selatan setiap hari 1 juta orang pengguna menggunakan jalan raya tersebut dan kita perlu pertimbangkan. Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat. Itu berdasarkan *assumption* Yang Berhormat ataupun andaian ataupun tanggapan Yang Berhormat. Akan tetapi dalam EPU, MoF dan LLM menilai, ia berdasarkan apa yang di *report actual study conducted*, atau dengan izin, oleh konsultan yang dilantik termasuklah *traffic flow*, ada *social impact and so on*. So kalau kita membuat

andaian tidak berasaskan kepada *actual studies*, andaian kita mungkin tidak tepat. Sebab itu kalau Yang Berhormat menilai 10% daripada *PLUS Highway, you take it based on RM5 billion*, itu tidak tepat. Sebab kita kena masukkan unsur *the financial cost*. Kita kena pinjam. Pinjam duit kena bayar *interest*.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Betul, *in my perspective* maksud saya...

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** *This is where I think the assumption* itu tak boleh kita buat andaian yang tidak berasaskan fakta ataupun berasaskan *study*. *So that we have to- so I have to move on* Tuan Pengerusi.

Yang Berhormat dari Hulu Rajang, memang benar Jalan Bakun telah pun kita naik taraf dengan kita membuat tar yang baru. Akan tetapi malangnya disebabkan ada kenderaan yang tidak bertanggungjawab sama ada yang mengangkut kenderaan-kenderaan berat, mengangkut balak ataupun bijih dan sebagainya, maka jalan tersebut rosak. Apa tindakan yang diambil bersama kerajaan negeri melalui JKR untuk kita membuat hadangan jalan supaya kenderaan berat tidak akan melalui.

Akan tetapi malangnya apabila kita buat, yang pertama dilanggar patah, kita buat lebih besar. Kedua dibuat, dipotong dan ketiga akhirnya kita buat lagi dan kita letakkan askar dengan senapang untuk jaga. Akan tetapi akhirnya berapa lama kita dapat bertahan dan ini menyebabkan keadaan jalan yang rosak. Di sinilah saya kira kita perlu tingkatkan jalinan kerjasama dengan pihak agensi penguatkuasaan dan kita akan secara berterusan mengadakan dialog dengan syarikat pembalakan dan juga *plantation* di kawasan tersebut supaya mematuhi kehendak keperluan berat muatan dalaman dan diharapkan dengan perkara tersebut kita akan dapat meringankan atau mengurangkan kerosakan. Kita akan cubalah cari peruntukan tambahan lagi bagaimana kita dapat memperbaiki lagi jalan tersebut.

Manakala di jalan yang dikatakan Projek Jiwa Murni yang dilaksanakan secara NBOS di antara KKLW dengan Angkatan Tentera. Jalan ini dulu memang tidak ada jalan, tetapi disebabkan keperluan untuk memberikan laluan sebenarnya pada waktu itu laluan kenderaan-kenderaan ringan sahaja. Maka dilaksanakan oleh Angkatan Tentera untuk membuka jalan balak dulu dinaik taraf menjadi menggunakan teknologi *soil stabilizer*, dengan izin. Maka dengan jalan tersebut dibuat, jadi maka eloklah dapat dihubungi oleh kenderaan ringan. Akan tetapi apabila jalan sudah dibuka, maka kenderaan berat pun datang dan akhirnya jalan ini bertambah teruk, rosak dan sebagainya.

Sekarang ini sedang berlaku perundingan di antara Kerajaan Persekutuan, pihak *army* untuk menyerahkan pada kerajaan negeri supaya JKR akan mengambil alih jalan ini dan seterusnya *maintain*. Proses ini sedang dimuktamadkan dan JKR akan hanya menerima di peringkat negeri untuk menerima jalan ini kalau beberapa peruntukan diberikan kepada kerajaan dan kita mengharapkan dalam 2016 peruntukan ini dapat disediakan. Pertama, untuk menaik taraf jalan ini sekurang-kurangnya kepada status yang selamat dan selesa digunakan, R1 untuk menyediakan daripada segi sudut keselamatan. Sebelum *gradually* ia akan dinaik taraf sehingga ke tahap jalan yang bertar. Itu akan dilaksanakan secara berperingkat. Begitu juga dengan saya kira saya sudah selesai untuk Hulu Rajang. Ada projek-projek yang diminta tadi kita akan tengok secara *detail* mana projek jalan yang diminta.

Yang Berhormat Jelebu bertanya sama ada kakitangan kerajaan boleh menjadi *shareholder* dalam sesebuah syarikat *construction* yang di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia [Akta 520]. Untuk makluman sebenarnya tiada halangan untuk sesiapa menjadi pemegang saham syarikat melainkan dia kena mematuhi syarat yang diperuntukkan di bawah akta syarikat iaitu umur 18 tahun, dia tidak *bankrupt* dan lagi dia layak bawah Akta Syarikat maka dia boleh menjadi pemegang saham dalam sesebuah syarikat.

FT086 yang dipohon Jalan Seremban ke Simpang Pertang iaitu selekoh yang bahaya. Kita akan menyiasat dan kalau ia termasuk dalam *blackspot area inshaaAllah* kita akan cuba tangani dan selesaikan dalam peruntukan 2016 ini.

Yang Berhormat Hulu Langat minta naik taraf Jalan Dusun Tua yang dipohon iaitu dari Pekan Batu 9 Cheras, ke Pekan Batu 14, FT3210. Anggaran kalau kita hendak naik taraf jalan ini Yang Berhormat kosnya RM350 juta. Memang untuk lapan kilometer ini akan dinaik daripada dua buah lorong dua hala, menjadi 4 buah lorong dua hala. Sebab saya pun selalu balik ke Hulu Langat, kampung saya di sana juga dan saya tahu tiap hujung minggu kawasan itu memang *jammed* teruk. Kita sudah mohon dalam *Rolling Plan* Pertama, Rancangan Malaysia Kesebelas tetapi saya kira mungkin tak tersenarai untuk dilaksanakan dalam tahun 2016. Jadi kita kena sembahyang hajat lebih lagilah Yang Berhormat.

Begitu juga untuk peruntukan penyelenggaraan, adakah peruntukan penyelenggaraan jalan sebanyak RM440 juta itu boleh digunakan untuk pembesaran jalan. Itu juga persoalan Yang Berhormat. Sebenarnya untuk penyelenggaraan jalan ini kita kena gunakan untuk penyelenggaraan sahaja tak boleh untuk buat pembesaran dan sebagainya. Akan tetapi kalau pembesaran itu diperlukan untuk menangani *blackspot* mungkin ia boleh untuk kita tambah baik jalan tersebut.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Cuma Tuan Pengerusi, hendak tanya Yang Berhormat Menteri. Kerajaan dalam Perlembagaan juga memberikan peruntukan MARIS kepada *state-state plenary*.

■2050

Soalan sejauh mana kementerian mempunyai kuasa pengawasan terhadap peruntukan ini kerana saya dimaklumkan ada juga negeri-negeri yang mendapat duit MARRIS ini tapi ia tidak diselenggarakan di *state* tapi digunakan untuk lain-lain. Jadi, soalan saya ialah adakah kerajaan khususnya kementerian, Yang Berhormat Menteri mempunyai kuasa untuk pastikan pemantauan berlaku. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Menteri, kalau isu baru, kita jawab bertulis. Ada dalam perbahasan MARRIS?

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Tiada secara spesifik tadi Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sebab kalau setiap kali pencerahan, kita timbulkan isu baru, tidak habis jawapan kita.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Saya ada bangkitkan tentang isu berkenaan.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Memang ada peruntukan MARRIS cuma MARRIS diberi peruntukan oleh Kementerian Kewangan. Kita hanya membantu daripada segi teknikal iaitu untuk

membuat audit daripada segi penggunaan jalan tersebut dan juga melihat dan melaporkan kepada MoF. Kita tidak ada kuasa sebab kuasa tersebut di bawah kerajaan negeri. Yang Berhormat Hulu Langat masih juga membangkitkan berkaitan dengan cerun yang runtuh di jalan persekutuan. Untuk makluman Yang Berhormat, di peringkat kementerian kita memang ada, termasuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Ampang tadi, kita memang ada bahagian cerun, unit pakar kita yang khusus melihat kepada cerun.

Kita juga sudah pun membuat kajian keseluruhan cerun dan kita sudah mengenal pasti pecahkan cerun ini kepada kawasan yang berisiko tinggi, yang sederhana dan juga kurang berisiko dan kita juga mengemukakan kepada kerajaan untuk mendapat peruntukan bagaimana kita hendak tangani cerun-cerun ini berdasarkan risiko yang dihadapi. Apa yang kita lakukan ialah kita melaksanakan kerja-kerja pembaikan ataupun lebih kepada *mitigation* berdasarkan apa saja peruntukan yang kita dapat dan kita akan tangani berdasarkan profil yang kita sudah buat. Makna risiko tinggi akan kita tangani dulu dan seinggalah kepada yang kurang berisiko tinggi.

Akan tetapi, pada masa yang sama kita memerlukan kerja-kerja pemantauan, kerja-kerja penyelenggaraan berkala tiap-tiap kali supaya ia berada di kedudukan yang baik dan ini yang kita laksanakan dari semasa ke semasa, cuma kekangan kita daripada segi peruntukan. Kalau kita hendak laksanakan sekali gus termasuklah untuk kita meletakkan *real-time monitoring system* menggunakan teknologi yang terkini, sudah pasti menelan belanja yang besar dan keupayaan kita sekarang ini tidak sampai ke sana disebabkan *competing priorities* yang diperlukan oleh kerajaan untuk membuat jalan, untuk membuat bangunan dan sebagainya. Jadi apa yang ada, itulah kita uruskan dengan sebaik mungkin.

Daripada Yang Berhormat Kuala Terengganu, saya akan bagi jawapan bertulis sebab Yang Berhormat Kuala Terengganu tidak ada sini. Yang Berhormat Sepang, saya sudah sentuh tadi, *you are talking about* rundingan dengan syarikat konsesi, saya pun sudah jawab.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Dan juga ini isu berkaitan dengan jalan di Dengkil dan Kundang.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Ya, tahu. Saya akan sampai ke sana.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tentang yang berkaitan lebuhraya itu, Yang Berhormat Menteri boleh bagi *particular* yang saya minta tadi. Bertulis.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Untuk lebuhraya, peruntukan bajet pampasan 2016. Untuk makluman kalau ikut perjanjian, Lebuhraya Utara-Selatan, kalau ikut ada kenaikan, layak mendapat kelayakan kenaikan. Saya tidak ada memutuskan kenaikan ya. Ini cuma layak mendapat kenaikan untuk 2016. Ada 8 buah lebuhraya iaitu Lebuhraya Utara-Selatan, jumlah kalau anggaran kita ialah RM214 juta. Lebuhraya LinkKedua, RM8.24 juta, Lebuhraya Elite RM79.44 juta, Lebuhraya BKE RM311 juta, Lebuhraya SPDH RM1.95 juta, KESAS RM92.8 juta, LDP disebabkan tahun ini hanya dibenarkan RM1 kenaikan, maka *next year will be another review. So they will be entitled to RM185.89 million*, dengan izin

and AKSB RM7.85 juta. Sebab itu kita mohon peruntukan sebanyak sebenarnya kalau ikut perjanjian, anggaran kita ialah RM593.32 juta. Ini untuk anggaran *breakdown* yang kita pohon.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sikit Yang Berhormat Menteri ya. Sikit saja. Hendak tambah sikit soalan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya sila.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Fasal berkaitan dengan saya hendak tahu Lebuhraya PLUS saja. Saya hendak dapatkan *confirmation* dari Yang Berhormat Menteri. Benarkah dalam perjanjian antara pihak kerajaan dengan pihak pegangan konsesi ini, kalau sekiranya kerajaan mengambil alih PLUS ini, kerajaan juga harus membayar bukan saja ganti rugi tapi ganti rugi dalam bentuk *profit* yang untuk tarikh, *period* yang belum lagi dikutip tol itu. *Projected a profit*, adakah ada dalam perjanjian itu ataupun telah *direview*, terima kasih.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Yang itu Yang Berhormat bolehlah pergi ke perpustakaan LLM ataupun KKR untuk mengkaji perjanjian tersebut. Setakat ini kita sudah tawarkan dari tahun lepas lagi kepada semua Yang Berhormat untuk melihat perjanjian yang boleh dilihat. Setakat ini yang menghantar untuk melihat dan mengkaji perjanjian tersebut ialah wakil daripada Ahli Parlimen Serdang yang menghantar *researchers* dia untuk mengkaji semua perjanjian tersebut. Jadi saya tidak berhasrat untuk apa, tapi kalau perlu nanti saya akan beri secara bertulis kepada Yang Berhormat

Untuk jalan FT31 Dengkil-Banting-Putrajaya. Yang ini kita sudah mohon untuk dinaik taraf daripada 2 buah lorong 2 hala kepada 4 buah lorong 2 hala iaitu 25 kilometer. Setakat ini yang kita sudah mohon dalam Rancangan *Rolling Plan* Pertama, tidak mendapat kelulusan daripada agensi Pusat. Kita akan cuba memohon lagi dalam *Rolling Plan* Kedua.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri, tidak boleh buat rayuan kah kalau *Rolling Plan* Pertama ditolak?

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Kita, banyak kita hendak rayulah. Boleh membuat rayuan tapi saya kira mungkin agak payah untuk kita mendapat kelulusan disebabkan *competing* peruntukan yang dipohon banyak oleh semua pihaklah. Yang Berhormat Sungai Petani...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Satu lagi Yang Berhormat Menteri, soalan fasal Kampung Kundang, jalan negeri saya hendak tanya. Saya tulis kepada JKR tidak jawab.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Jalan Kundang itu jalan negeri.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Jawapan daripada JKR yang beri kepada saya, dia mengakui bidang kuasa JKR.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** JKR ada dua Yang Berhormat, satu JKR negeri satu JKR Persekutuan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini dia kata JKR Persekutuan.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Akan tetapi jalan tersebut memang sah jalan negeri. Jadi Yang Berhormat boleh berhubung dengan kerajaan negeri.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Jalan besar. Yang Berhormat Menteri, jalan besar yang dijawab oleh, dia kata peringkat persekutuan. Kalau tidak, saya sudah lama minta kerajaan negeri. Ini jawapan bertulis daripada JKR sendiri.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** JKR mana, JKR Selangor?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** JKR yang mewakili Kerajaan Persekutuan.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** JKR ada 2. Satu persekutuan dan sebuah negeri dan dia memberi khidmat juga kepada kerajaan negeri walaupun gaji dibayar oleh persekutuan, tapi dia memberi khidmat kepada negeri juga. Jadi sebab itu jalan kita ada jalan persekutuan, ada jalan negeri.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Boleh tolong *check* tidak jalan itu.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Saya sudah *check*. Maklumat yang saya dapat itu jalan negeri. Jadi kepada Yang Berhormat Pasir Gudang saya kira saya juga sudah sentuh tadi berhubung kait dengan tol termasuklah SDE yang mana kita sudah peruntukan untuk mereka menyenggara jalan tersebut. Bukan kita memberi tapi mereka akan mengguna sebahagian peruntukan mereka untuk memperbaiki jalan-jalan tol SDE tersebut. Lebuhraya, sama ada tol yang disuarakan oleh Yang Berhormat untuk kita *review*, kita akan cuba membawa balik kepada kerajaan untuk melihat bagaimana kita dapat *review* kadar tol yang dikatakan.

Lampu jalan di Masai, Kong Kong, ini Jalan J10. Bila jalan J10, maknanya jalan negeri. J itu ialah jalan negeri dan untuk itu saya kira JKR Johor sebenarnya juga telah memohon untuk jalan ini dipasang lampu jalan tapi kena *check* dengan JKR Johorlah sebab ia diperuntukkan di bawah kerajaan negeri. Yang Berhormat Kuala Kangsar menyentuh berkaitan dengan sektor kepakaran di Cawangan Kejuruteraan Elektrik, Kejuruteraan Mekanikal ataupun Cawangan Alam berhubung kait dengan GBI, *Green Building Index* ini.

Kita di peringkat JKR sebenarnya kita sebenarnya sudah ada Sistem Penilaian Pembangunan Hijau atau Lestari sendiri yang lebih menjimatkan dan mengandungi kriteria-kriteria penilaian pembangunan hijau ataupun lestari yang setaraf dengan GBI. Ia boleh, kita boleh dengan Yang Berhormat Kuala Kangsar nanti untuk kita beri perincian supaya pegawai berkenaan akan dapat berjumpa Yang Berhormat untuk kita beri perincian kepada Yang Berhormat.

#### ■2100

Tindakan ke atas konsultan asing yang *illegal* membuat praktis di sini. Yang ini sebenarnya daripada segi tindakan, *the professional board* boleh ambil tindakan cuma sama ada kita dapat *evidence* ataupun bukti, yang ini kita memerlukan kerjasama daripada semua pihak. Khususnya kadang-kadang mereka datang sini tetapi mereka bekerjasama dengan *local professional, local professional* jadi *submitting person* tetapi mereka buat kerja. Akan tetapi kalau ini tidak kita tangani, memang sebenarnya tidak boleh dan *professional board* boleh ambil tindakan ke atas mereka.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita lihat kebanyakan konsultan asing ini mereka menubuhkan bukan firma ikhtisas tetapi mereka menubuhkan *design house* ataupun *design outfit* yang membuat skop kerja konsultasi

ikhtisas. Bukan sahaja daripada segi arkitek tetapi di bidang-bidang lain dan kejuruteraan. Jadi kita lihat perkara ini malahan mereka mendapat projek-projek daripada agensi kerajaan dan juga projek kerajaan. Jadi kita perlu bekerjasama untuk sama-sama membantu. Tentang indeks hijau tadi, kita ada banyak sangat penarafannya. Pihak JKR pun ada, pihak Persatuan Arkitek pun ada, pihak REDA pun ada. Jadi kalau perlu kita *harmonize* kan mungkin lebih baik untuk bangunan ataupun yang berteraskan *green index*. Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Terima kasih, saya akan mengambil maklum dan memperincikan pandangan Yang Berhormat itu. Sudah pasti kita dapat mencari jalan bagaimana kita dapat mengharmonikan apa-apa yang ada khususnya berkaitan dengan standard yang pelbagai ini.

Yang Berhormat Tanjong Karang, saya dah selesaikan tadi jawapan. Cuma sekarang ini ada beberapa Yang Berhormat yang menyentuh berkaitan dengan peruntukan penyelenggaraan jalan di mana peruntukannya tidak seimbang di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak termasuk juga Labuan. Mengapakah ini berlaku? Untuk makluman Yang Berhormat, di Semenanjung Malaysia peruntukan sebenar untuk jalan raya termasuk juga jambatan bagi 2016, Semenanjung Malaysia ialah RM1.964 bilion bukannya RM2.7 bilion yang dinyatakan tadi.

Sabah mendapat RM425.7 juta dan Sarawak mendapat RM281.9 juta. Yang ini saya fikir kita ingat bahawa kalau kita mengambil kira ada sebahagian peruntukan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri khususnya untuk pembinaan Pan Borneo. Jadi sebab itu kalau kita gabungkan itu peruntukan untuk Sarawak dan Sabah sebenarnya lebih RM1.5 bilion. Ini tidak mengambil kira lagi peruntukan daripada kementerian-kementerian lain. Mengapa penyelenggaraan jalan kurang. Ia disebabkan mulai tahun depan, khususnya di Sarawak, keseluruhannya panjang jalan ialah seribu lebih kilometer tetapi disebabkan pelaksanaan Pan Borneo, maka bila jalan itu dibuat baru, takkan kita hendak *maintain* peruntukan *maintenance* jalan yang akan di *repair*, akan dibuka, dibuat baru dan sebagainya.

Untuk Sarawak sahaja kita sudah pun bukan ataupun lancarkan dua buah pakej. Satu antara simpang Nyalau ke Bakun. Satu lagi jalan baru daripada Telok Melano ke Sematan. *InshaaAllah* Disember ini, *the missing-link* antara Kuching dengan Serian Kilometer 15 akan dimuktamadkan pembinaannya pada bulan Disember ini. Maknanya jalan tersebut sudah pasti mengurangkan jalan yang bakal kita *maintain*. Juga dalam 2016 akan ada 11 buah pakej akan ditenderkan, *11 packages* dari Sematan hinggalah ke Miri. *That will be under package* pertama.

Untuk makluman, dalam Lebuhraya Pan Borneo ini, kaedahnya ialah PDP. Jawatankuasa di peringkat PPU, MoF ialah jawatankuasa menentukan kaedah siapa nak dilantik dan sebagainya. Kementerian Kerja Raya bersama dengan Jabatan Kerja Raya Malaysia peranan kita hanyalah sebagai *technical advisor* dan peranan akhir kita nanti hanyalah sebagai *checker to make sure that* pelaksanaan mesti mematuhi apa saja peruntukan dan perjanjian, standard dan spesifikasi yang ditetapkan. Manakala proses tender akan dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri. *Both* dari Sarawak dan juga dari Sabah. Ini berdasarkan apa yang telah dipersetujui, *the empowerment to the state of Sabah and*

Sarawak. So that they will chair all the tender committee. Kita hanya sebagai checker. Itu peranan dan tugas kita dalam pelaksanaan Pan Borneo Sabah dan Sarawak.

Manakala Pan Borneo Sabah, *InshaaAllah* tahun depan akan dilaksanakan *the first quarter, next year*, dengan izin, pakej pertama akan dibuka untuk dilaksanakan di Sabah. Manakala yang lain sedang *finalize* daripada segi jajaran sedang dimuktamadkan dan perjanjian sedang diperincikan untuk Sabah. Akan tetapi *the PDP*, siapa PDP nya sudah pun *difinalize...*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada dua yang bangun.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri kata peruntukan untuk jalan raya dan jambatan di Sarawak amatlah kurang jika dibandingkan dengan Semenanjung kerana salah satu sebabnya ialah kerana projek *Pan Borneo Highway* yang telah diluluskan untuk Sarawak. Akan tetapi melalui penelitian saya, trend ini iaitu kekurangan peruntukan untuk Sarawak, untuk jambatan dan jalan raya ini telah bertahun-tahun begitu. Tahun lalu tanpa *Pan Borneo Highway* pun begitu, lebih kurang 10% sahaja daripada jumlah peruntukan untuk jambatan dan jalan raya. Saya masih ingat apa yang disebut oleh Ketua Menteri Sarawak ialah peruntukan untuk *Pan Borneo Highway* itu *it must be over and above of what we are getting*. Tak boleh dikirakan dalam peruntukan biasa yang kita dapat. Ini peruntukan tambahan, *additional allocation*.

Oleh itu saya rasa peratusan peruntukan untuk jambatan dan jalan raya yang diperuntukkan untuk Sarawak amatlah kurang. Yang Berhormat Menteri sebagai orang Sarawak juga, bagaimana Yang Berhormat Menteri boleh membenarkan perkara ini dilanjutkan tahun demi tahun. Oleh itu saya rasa apa alasan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri tidak menunjukkan sebagai seorang Menteri dari Sarawak *who will fight for a better, more allocation for Sarawak*. Itu telah diuar-uarkan oleh Barisan Nasional Sarawak bahawa kita ada ramai orang Sarawak jadi menteri tetapi orang Sarawak jadi Menteri, tengoklah peruntukan, *the percentage we are getting, 8%... [Dewan riuh]*

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** ... Malaysia lah.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** *8% of the total allocation, that is disgraceful*. Yang Berhormat Menteri, saya rasa supaya Yang Berhormat Menteri meneliti balik.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Bandar Kuching.

**Seorang Ahli:** Duduklah!

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** *What do you want? Apa-apa sebut sana?*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bandar Kuching.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi.



**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** *Review lah the allocation. This allocation percentage has been going on. Last year, the year before, two years before or three years before, it's always like that.*

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Tidak payah Yang Berhormat cakap pun, kita sebenarnya sudah memperjuangkan. Duduk sahajalah.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tidak memperjuangkan, yang ditunjukkan, yang kita ada bukti di sini tidak menunjukkan Yang Berhormat ada memperjuangkan. Tidak ada, langsung tidak ada.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Duduk dulu, okey.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Saya haraplah Yang Berhormat jadi seorang Menteri...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bandar Kuching.

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Sebab apa yang kita buat, nanti kita buktikanlah Yang Berhormat Tuan Pengerusi bahawa apa yang bakal kita dapat sebenarnya lebih daripada itu.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Angka di sini, angka di sini... *[Merujuk pada dokumen di tangan]*

**Datuk Haji Fadillah bin Yusof:** Duduklah.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Angka peruntukan tidak boleh lari daripada ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bandar Kuching, tidak boleh macam ini.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Yang Berhormat kena ingat, duduk dulu.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Selain daripada ...

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** *This is my floor, duduk.*

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** *Ya your floor but you are not defending ...*

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Saya hendak jawab, duduk! Saya dah katakan bahawa apa yang kita lakukan berdasarkan apa yang telah diperuntukkan 2016 tetapi saya belum dapat menjelaskan bahawa apa yang kita lakukan untuk kita memperjuangkan peruntukan yang lebih besar.

#### ■2110

Oleh sebab itulah, saya katakan nanti *end of 2016* kita akan nampak bahawa peruntukan yang diberikan kepada negeri Sarawak lebih besar daripada apa yang diperuntukkan dalam 2016 ini. Ini hanya setakat baru peruntukan, *allocation* dan maknanya kita ada proses masih boleh merayu, masih boleh berunding dan sebagainya.

Ini yang kita lakukan, kita bukan macam ada sebahagian daripada Yang Berhormat menyalak lebih sebab hendak menuntut bahawa dialah memperjuangkan tetapi dia tidak tahu bahawa Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebenarnya sudah pun mendapat persetujuan untuk memberi peruntukan yang lebih besar. Oleh sebab itu kita kena melihat gambaran yang lebih besar nanti Yang Berhormat, peruntukan sebenar untuk negeri Sarawak...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Yang Berhormat Menteri, sudah menjadi Menteri satu tahun lebih tetapi apa yang kita tengok sini masih amat kekurangan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** *[Bangun]*

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Duduklah, duduk.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ini apa ini Barisan Nasional kah yang mempertikaikan Sarawak, bukan mempertikaikan tetapi menganaktirikan Sarawak.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Yang Berhormat Bandar Kuching *promote election* itu, pilihan raya.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Menganaktirikan selama-lama ini. Menganaktirikan Sarawak.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Tuan Pengerusi....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Ini tidak mematuhi Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri saya pun tidak berapa fahamlah kenapa Yang Berhormat kita masih lagi tidak faham Peraturan Mesyuarat.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Yang lebih susah sebab buat-buat tidak faham ini, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bayan Baru..

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** *I think*, sudahlah saya hendak memperjelaskan...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Saya hendak tanya soalan sahaja Yang Berhormat Menteri, *short question*. Satu per kilometer berapa yang diperlukan untuk buat *maintenance* untuk *Federal Roads* satu tahun. *Just give me the answer* atau *the ideal* atau yang secukupnya..

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Ada, ada kita ada standard sebab itu saya masih belum sampai ke situ. Saya masih baru menjawab daripada segi peruntukan pembangunan; kedua, penyelenggaraan, dan apakah penyelenggaraan jalan daripada segi kadarnya? Untuk penyelenggaraan jalan di Sabah, Sarawak dan juga di Semenanjung.

Untuk harga-harga rutin bagi Pantai Barat Sabah dikira RM3,033 sekilometer, Pantai Timur Sabah - RM2,812 sekilometer; di Sarawak - RM2,960 sekilometer; Labuan - RM3,151 sekilometer; dan Semenanjung – RM1,712 satu kilometer. Itu daripada segi kerja-kerja rutin dikategorikan kerja mengikut pusingan apa kerja-kerja yang ditetapkan dan bayaran akan mengikut kadar yang kita tetapkan tadi. Manakala kerja berkala ini ialah termasuklah membaru buka jalan ataupun *overlay* ataupun *resurface* yang ini RM350,000 sekilometer. Menguatkan struktur jalan sama ada menggunakan CIPR- *and pave* dan *reconstruction* ini bergantung dengan tempat RM600,000 ke RM900,000 sekilometer.

Kedua, berkala bukan pavement, kerja-kerja yang tidak melibatkan *pavement work*. Ini menaik taraf longkang, memasang atau mengganti perabot jalan, menaik taraf pembentong, pembaikan bahu jalan, mengecat garisan jalan yang pudar dan juga kerja-kerja elektrik. Pada masa yang sama kita ada

juga apa yang dikatakan *allocation* kerja-kerja kecemasan termasuklah kerja kecemasan disebabkan bencana dan sebagainya maka kita kategorikan sebagai kerja-kerja kecemasan. Jadi Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan tadi ada menyebut Jalan Templer. Jalan Templer ini Yang Berhormat ini di bawah Majlis Perbandaran Petaling Jaya bukan Jalan Persekutuan.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Bukan, Jalan Templer sampai ke simpang Jalan Kelang Lama itu. Jalan Klang Lama yang *traffic light* di bawah Jalan Persekutuan.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Yang *traffic light* tetapi maklumat saya terima ini di bawah Majlis Perbandaran. Saya akan *check detail*.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Di bawah NPE.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** *Write the detail exact location* nanti kita akan siasat. Yang Berhormat Labuan dan yang lain-lain saya kira kebanyakannya lebih kepada memohon projek. Jadi apa-apa yang berhubung kait dengan permohonan projek termasuklah Yang Berhormat Labuan, Yang Berhormat Tenom, ada jugalah yang beberapa Ahli Yang Berhormat yang memohon projek ini saya akan meneliti dan akan memberikan jawapan secara bertulis sebab ini adalah permohonan khusus sama ada sudah diluluskan ataupun *at least* saya akan *update* status kepada mereka permohonan tersebut adakah tersenarai dalam Rancangan Malaysia Kesebelas adakah sudah diluluskan ataupun tidak dan yang ini kita akan beri secara bertulis kepada setiap Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan. Jadi untuk itu...

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Kapar...

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Yang Berhormat Kapar tadi pun minta berhubung kait dengan, Yang Berhormat Kapar tadi projek kan.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Sebelum projek ada lagi benda yang lebih penting.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Apakah yang lebih penting itu?

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Bangunan Parlimen..

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Bangunan Parlimen. Bangunan Parlimen kita sudah ada *update* sebenarnya. Dia dibuat dalam beberapa fasa. Mengapa Bangunan Parlimen ini dikatakan lambat dan tidak nampak orang bekerja. Pertama sekali kita hendak menjaga kepentingan Ahli-ahli Parlimen. Apa yang dipersetujui antara Jawatankuasa Pembinaan Parlimen dahulu, ada jawatankuasa yang ditubuhkan di mana ada wakil-wakil daripada setiap parti.

Bila hendak laksanakan kita tidak boleh laksanakan waktu persidangan Parlimen. Ini untuk menjamin keselesaan supaya tiada kenderaan barang dan sebagainya. Ia hanya boleh dilaksanakan hanya kerja yang tertentu sahaja boleh dilaksanakan waktu Parlimen bersidang. Kerja-kerja besar tidak boleh buat sebab itu kita melihat bahawa kerja-kerja besar untuk bangunan yang enam tingkat dikatakan tadi yang enam tingkat boleh dibuat dalam beberapa bulan kita tidak boleh buat. Kita hendak *piling*, kita bekerja di sini dengan gangguan mesin yang besar, *parking* tidak cukup dan sebagainya sudah pasti

akan mengganggu bukan sahaja Ahli-ahli Parlimen tetapi orang yang akan melawat ke Parlimen dan sebagainya. Itu yang pertama.

Kedua, daripada segi *design*. Bila kita bantangan pada Jawatankuasa dahulu ada perubahan *design*. Daripada *design* awal ada peningkatan daripada segi *design* sebab atas permintaan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya daripada BNBBC dan wakil-wakil daripada setiap parti untuk memberi lebih ruang supaya setiap Ahli Parlimen ada bilik dan sebagainya. Maka *design* ada berlaku perubahan. Bila berlaku perubahan *design*, akhirnya *the finalization* untuk *design* itu lewat dan baru tender proses baru dapat dibuka bila *design* sudah *final*.

Itu yang dilewatkan untuk fasa bangunan sementara. Manakala bangunan untuk Dewan Rakyat yang sebelah sana, mengikut jadual. *The detail I can give you the detail report* daripada segi pencapaian, daripada segi *actual* kerja berdasarkan jadual dan juga kerja, dua *packages is actually on time*. Kerja untuk bangunan sebelah ini yang sementara untuk bangunan Ahli-ahli Parlimen sudah pun di *award* kontraknya dan mereka buat kerja-kerja awalan. *InshaaAllah* saya kira *target* kita akan *achieve* setakat ini masih dalam tempoh yang termaktub dalam perjanjian.

Okey, terima kasih Tuan Pengerusi. Mana yang saya tidak dapat jawab secara terperinci saya akan jawab secara bertulis kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian ke atas kementerian ini dan diharapkan dengan ini kita akan dapat menjalinkan hubungan yang lebih akrab lagi untuk kita memberikan khidmat yang terbaik kepada rakyat dan negara kita. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM2,223,321,000 untuk Maksud B.27 di Bawah kementerian Kerja Raya jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM2,223,321,000 untuk Maksud B.27 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM3,552,586,700 untuk maksud P.27 disebut dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2016 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.]*

*[Wang sebanyak RM3,552,586,700 untuk Maksud P.27 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2016]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Majlis bersidang dalam Majlis Mesyuarat.

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula.]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Selasa, 24 November 2015.

***[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 9.19 malam.]***